

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

Bil. 51

Rabu

19 November 2014

## KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

## RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2015

Jawatank

- |                    |               |
|--------------------|---------------|
| <b>Maksud B.47</b> | (Halaman 26)  |
| <b>Maksud B.25</b> | (Halaman 87)  |
| <b>Maksud B.32</b> | (Halaman 133) |
| <b>Maksud B.21</b> | (Halaman 177) |

USUJ - USUJ -

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada

## Peraturan Mesyuarat

(Halaman 26)

Usul Anggaran Pembangunan 2015

### **Jawatankuasa:-**

- |             |               |
|-------------|---------------|
| Maksud P.47 | (Halaman 26)  |
| Maksud P.25 | (Halaman 87)  |
| Maksud P.32 | (Halaman 133) |
| Maksud P.21 | (Halaman 177) |

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

**Rabu, 19 November 2014**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah terkini penjenayah negara asing yang ditahan di negara ini; dan
- (b) jumlah kerugian, perbelanjaan yang Polis Diraja Malaysia (PDRM) terpaksa belanjakan ekoran pencerobohan Lahad Datu.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, pihak polis sentiasa memberi perhatian yang serius dalam membendung kegiatan jenayah melibatkan warga asing sama ada yang datang untuk melancong, untuk belajar atau bekerja di negara ini yang boleh mendarangkan kemudarat kepada kesejahteraan dan keharmonian rakyat tempatan.

Statistik pada tahun 2013 seramai 19,056 orang warga asing telah ditangkap bersamaan dengan 12% daripada keseluruhan 147,062 kes jenayah indeks yang dilaporkan di seluruh negara. Pada tahun 2014, Januari hingga September, seramai 14,143 orang warga asing telah ditangkap bersamaan 14% daripada 97,393 kes jenayah indeks yang dilaporkan seluruh negara.

Selain terlibat dengan jenayah indeks, kebanjiran rakyat asing menyumbang kepada kadar jenayah komersial. Aktiviti mereka dilakukan secara bersiri, bersindiket dengan menjadikan rakyat negara ini serta di luar negara sebagai mangsa. Mereka telah mewujudkan rangkaian sindiket penipuan dengan menggunakan komputer dan internet sebagai alat utama penipuan. Mereka juga menjadikan wanita-wanita tempatan sebagai rakan sejenayah serta membawa keluar hasil penipuan ke negara asal melalui kemudahan sistem perbankan elektronik yang terdapat di negara ini.

Statistik tangkapan terlibat dalam jenayah komersial pada tahun 2014, Oktober adalah seramai 925 orang. Kehadiran warga asing juga turut dikesan terlibat dengan pengedaran dadah, penyalahgunaan dadah dalam negara. Statistik penglibatan warga asing dalam aktiviti

pengedaran dadah dan penyalahgunaan dadah pada tahun 2014 hingga Oktober adalah seramai 4,930 orang.

Bagi menjawab soalan (b), jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pihak PDRM ketika pencerobohan di Lahad Datu adalah sebanyak RM22,875,800.45 yang meliputi perbelanjaan dalam 10 sudut. Jadi Tuan Yang di-Pertua, panjang sangat nak dibaca, jadi saya tak payah bacalah. Jadi, itulah— lagi selepas itu perbelanjaan-perbelanjaan juga dikeluarkan secara berperingkat-peringkat untuk membantu pihak PDRM menangani masalah yang dihadapi di Lahad Datu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi dengan cabaran dan pelbagai perubahan yang berlaku hari ini dengan jenayah rentas sempadan dan sebagainya, saya pasti pihak berkuasa sentiasa meningkatkan keupayaan untuk mengatasi semua cabaran ini.

Namun, kita jangan pastinya pihak penjenayah juga pasti sentiasa meningkatkan keupayaan mereka. Sudah tentu hari ini kerjasama dengan pelbagai negara dilakukan dan sedang dan telah akan dilakukan, apakah Yang Berhormat Menteri dan kerajaan berpuas hati dengan kerjasama ini. Apakah lagi kerjasama-kerjasama lain yang dibuat bagi kita atasi jenayah ini kerana ia bukan hanya melibatkan sebuah negara, ia banyak negara dan pastinya kerjasama-kerjasama dengan negara-negara lain adalah antara jalan dan cara untuk mengatasi penjenayah ini. Saya mohon penjelasan daripada Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Dewan yang mulia ini bahawa kerjasama pihak kementerian dan juga dengan pihak agensi-agensi penguat kuasa serantau dan juga antarabangsa adalah didapati memuaskan. Umpamanya perhubungan pihak polis dengan ASEANPOL dan juga polis INTERPOL yang mana *exchange of* dengan izin *information* dan *intelligence* ini masih berterusan untuk memberi maklumat yang terkini berhubung dengan gerak geri dan sindiket yang terlibat dengan soalan jenayah antarabangsa.

Melalui forum yang telah kita juga sebagai parti itu di *trans-border crime convention* United Nations, jadi dalam keadaan sedemikian kita memainkan peranan yang proaktif sebagaimana kita juga mendapat sokongan khususnya macam negara-negara jiran, negara Singapura, negara Indonesia dan juga Thailand, kita mempunyai perhubungan yang baik dalam sudut kerjasama serantau di kawasan ASEAN.

#### ■1010

Begitulah kerjasama kita dengan pihak Eropah, England dan Amerika dalam hubungan kita menangani masalah maklumat. Kita masih merencanakan supaya ada perjanjian-perjanjian tertentu untuk mendapatkan maklumat yang lebih rapi lagi dalam sudut-sudut maklumat yang dipanggil *confidential information* yang didapati daripada *international organization* macam *Interpol* dan sebagainya untuk diguna pakai di negara kita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan kepada Timbalan Menteri. Pada tahun 2012, Parlimen telah meluluskan program untuk

menghantar balik penjenayah yang ditahan di negara ini. Setakat ini, setakat manakah efektifnya dan negara-negara di mana persetujuan telah dibuat supaya mereka walaupun *sentence in this country* tetapi boleh dihantar balik ke negara mereka untuk menjalankan baki tahanan mereka.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jawapan kepada soalan ini ada dua Tuan Yang di-Pertua. Pertama ialah untuk kita menghantar balik penjenayah yang ada melakukan jenayah, sama ada di negara asal atau di sini, dan diminta dihantar balik oleh negara asal ke negara mereka, itu berlandaskan undang-undang yang mana Yang Berhormat Ipoh Barat memang mengetahui sama ada kita menandatangani *treaty* untuk *extradition* penjenayah yang ditangkap di negara ini untuk balik ke negara mereka dan juga sudut-sudut ciri jenayah yang boleh dihantar. Yang Berhormat juga mengetahui bahawa dia mestilah jenayah di sini dan jenayah juga di negara mereka, barulah kita boleh menghantar balik. Banyak lagi ciri berhubung dengan *extradition* ini. Itu yang pertama.

Kedua ialah pertukaran banduan. Orang yang telah didapati bersalah di negara ini dan di penjara di negara ini hendaklah dihantar balik ke negara mereka sendiri untuk menghabiskan masa penjaraan mereka di negara mereka sendiri. Yang Berhormat ini belum lagi diselesaikan. Oleh sebab *insya-Allah* Dewan ini akan berbincang lagi berhubung dengan undang-undang penjara yang kita akan tamatkan pada 26 hari bulan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana meluluskan permohonan saya berhubung dengan bil rang undang-undang itu akan dibincangkan 26 hari bulan. Kalau dipersetujui oleh Dewan, *insya-Allah* proses undang-undang kita semuanya cukup. Kita akan melaksanakan *treaty* daripada *bilateral* dengan negara-negara asing. Sekarang kita sudah menyenaraikan senarai negara yang mempunyai undang-undang yang sama. Di seluruh ASEAN ini hanya yang tidak mempunyai undang-undang itu mungkin satu, dua buah negara sahaja yang tidak ada *exchange of prisoners*, undang-undang di seluruh ASEAN ini.

Jadi Yang Berhormat, akan dilaksanakan apabila Rang Undang-undang Penjara yang telah dibincangkan di Dewan akan ditamatkan *insya-Allah* pada 26 hari bulan nanti kita laksanakan. Terima kasih Yang Berhormat.

**2. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta Perdana Menteri menyatakan, perincian lagi pengumuman purata pendapatan isi rumah RM5900 sebulan dengan perincian mengikut julat pendapatan bulanan menurut kaum dan negeri.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:**  
*Auzdubillahimasyaitanirraajim. Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat pendapatan kasar bagi isi rumah di Malaysia diperoleh daripada penyiasatan pendapatan isi rumah yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Penyiasatan terakhir ialah pada tahun 2012, manakala penyiasatan terkini masih dalam pelaksanaan. Data awalan penyiasatan terkini adalah merujuk ke bulan Januari hingga Jun 2014 yang dinilai daripada 42,000 isi rumah. Antara penemuan awalan adalah seperti berikut,

- (i) statistik penengah pendapatan kasar isi rumah bulanan Malaysia mencatatkan peningkatan sebanyak 8% kepada RM4258 bagi tahun 2014 berbanding RM3626 pada tahun 2012. Ini memberi gambaran awal bahawa 50% daripada jumlah isi rumah di Malaysia berpendapatan kurang daripada RM4258. Manakala 50% lagi isi rumah berpendapatan melebihi nilai tersebut.
- (ii) purata pendapatan kasar isi rumah bulanan negara tumbuh pada kadar 8.4% setahun kepada RM5919 daripada RM5000 dalam tempoh yang sama.

Analisis lengkap dan terperinci mengenai penyiasatan ini hanya boleh diperoleh apabila laporan muktamad dikeluarkan pada bulan Julai 2015 nanti. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat kerana memberikan maklumat awal-awal kepada Dewan yang mulia ini. Setelah kita mendengar laporan dan pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri sendiri di Jabatan Perdana Menteri berkaitan dengan angka kenaikan sebagaimana yang disebutkan tadi sehingga ke tahap RM5900 sebulan bagi isi rumah di Malaysia.

Saya yakin dan percaya Yang Berhormat Menteri pun amat arif tentang ini dan amat mengetahui bahawa kajian-kajian yang dibuat khususnya akhir-akhir ini oleh pengkaji-pengkaji yang terikat atau berkaitan dengan kerajaan sendiri, pengkaji-pengkaji di Khazanah Negara sendiri iaitu *Khazanah Research Institute* atau KRiS ringkasnya yang memberikan maklumat-maklumat yang membimbangkan.

Misalnya disebutkan lebih daripada 53% rakyat Malaysia tidak mempunyai apa-apa aset kewangan dan daripada lebih 53% itu, lebih daripada 70% adalah orang-orang Melayu. Ada statistik-statistik yang lain disebutkan misalnya Amanah Saham Bumiputera walaupun adalah program untuk bumiputera tetapi lebih daripada 55% bumiputera tidak mempunyai akaun dengan ASB.

Begitu juga semalam atau dua hari yang lalu Institut Khazanah ini juga memberikan laporan yang mengatakan perbandingan harga rumah di Malaysia berbanding dengan Singapura atau Amerika Syarikat adalah tinggi berbanding dengan pendapatan rakyat Malaysia ini juga.

Paling menyedihkan rakyat miskin akhirnya membeli barang rumah yang biasa seperti peti ais, televisyen dan sebagainya. Akhirnya kosnya lebih tinggi daripada orang kaya sebab orang miskin terpaksa berhutang. Kadar hutangnya yang dinamakan ansuran mudah itu mengikut laporan ini menjadikan akhirnya kos atau harga kepada orang miskin di Malaysia amat tinggi.

Jadi saya hanya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada kementerian akan menekankan lagi cadangan-cadangan untuk memastikan selain daripada purata

pendapatan yang tinggi menjadikan negara kita ini negara kaya, persamaan pendapatan di kalangan rakyat seluruhnya tanpa mengira wilayah, agama dan juga kaum dapat diperbetulkan kembali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya siasatan pendapatan isi rumah ini dijalankan kali pertama mungkin tahun 1974. Malahan sebelum itu pun kita mempunyai siasatan yang sama berpandukan kepada saranan yang dibuat oleh *United Nations- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu*.

Siasatan ini mustahak untuk kita merencana dan merangka setiap Rancangan Malaysia dan seperti Yang Berhormat sedia maklum tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh sudah ke penghujung dan *insya-Allah* pada tahun hadapan kita akan membentangkan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Sebelum rancangan itu dapat kita rangka dengan baik untuk manfaat rakyat, satu siasatan yang lengkap perlu kita buat. Ini yang suka saya nyatakan terlebih dahulu. Siasatan awal juga sebenarnya mendapati bahawa perbelanjaan isi rumah turut meningkat. Bukan sahaja pendapatan tetapi perbelanjaan juga meningkat. Ini juga menjadi perhatian kepada kerajaan bagaimana kita dapat kemudiannya nanti menangani beberapa kaedah dan pelan perancangan untuk memastikan bahawa perbelanjaan isi rumah rakyat dalam negara kita yang meningkat ini dapat kita bantu untuk meringankan bebanan mereka.

Cuma ini yang ingin saya sentuh apabila Yang Berhormat menyebut tentang *Khazanah Research*. Sebenarnya kajian yang dibuat oleh Jabatan Peranggan Negara berbanding dengan *Khazanah Research Institut* ada sedikit perbezaan. Tidak ada percanggahan tetapi perbezaan kerana kita melihat daripada segi pola taburan pendapatan isi rumah, dan juga untuk mengenal pasti golongan miskin dari segi pendapatan perbelanjaan, mengambil kira perkara-perkara yang lebih menyeluruh. Pendapatan sebagai contoh, kita juga mengambil kira perkara dari segi gaji dan upah yang terakru secara berulang termasuk kepada- contoh, jika ada orang yang mengambil upah, tidak dibayar dengan wang tunai. Mungkin dia panjat pokok kelapa. Orang beri dia upah buah kelapa. Itu juga kita ambil kira sebagai pendapatan.

Namun begitu segala perkara yang kita bincangkan ini adalah amat penting untuk kita pastikan tidak ada kesilapan, atau seboleh-bolehnya paling kurang kesilapan supaya rangka yang kita bentangkan nanti dapat benar-benar memberi manfaat. Yang Berhormat boleh terus memberikan kita apa juga maklumat untuk dipertimbangkan dalam siasatan yang sedang berlangsung ini. Terima kasih Yang Berhormat.

## ■1020

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Kita pun tahu tentang penerimaan rakyat berhubung dengan survey ataupun bancian yang telah dilakukan dan dihebahkan. Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya, apakah jenis dan bagaimanakah survey atau bancian yang dilakukan dan adakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula paras garis kemiskinan sedia ada dan menaikkannya

Kepada amaun yang lebih tepat serta bersesuaian dengan keadaan ekonomi semasa. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya ingin memberitahu dalam kajian yang kita buat bermula pada tahun 2013 yang bermulanya kajian untuk penyediaan, tahun 2014 kita mula berjumpa dengan kumpulan sasaran. Untuk makluman Yang Berhormat, kita mensasarkan 83,456 isi rumah yang akan kita temui sehingga akhir Disember tahun ini. Sebenarnya kalau boleh saya beritahu dari segi metodologi, ada 120 muka surat yang perlu diisi oleh kesemua isi rumah yang kita jumpa berpandukan kepada Akta Perangkaan 1965 yang mana kalau kita tengok dokumen yang perlu diisi 120 muka surat ini, dia lebih *detail* daripada borang cukai pendapatan. Malahan ada juga yang mengeluh. Kita melibatkan hampir 1,847 orang pegawai petugas dalam menyelesaikan tugas ini dan tahun 2015, kita akan mula membuat penilaian kepada hasil yang telah kita kutip.

Mengenai jawapan garis kemiskinan tadi Yang Berhormat, sebenarnya memang dalam kajian yang kita buat ini. Ia juga selain daripada memberi garis panduan kepada perancangan-perancangan Rancangan Malaysia yang akan datang, ia juga sebenarnya berkait rapat dengan perkara-perkara termasuk menentukan garis kemiskinan dan negara. Oleh sebab itu saya beritahu tadi, semasa penggulungan peringkat dasar, Yang Berhormat Menteri telah pun berkongsi dengan Dewan ini mengenai jumlah perbelanjaan isi rumah yang turut meningkat yang akan menjadi pertimbangan. Bukan hanya pendapatan isi rumah meningkat, perbelanjaan isi rumah juga meningkat. Perkara-perkara yang berkaitan dengan kemudahan asas ini juga diberikan tumpuan agar kita dapat memberikan jumlah yang lebih realistik, bukan hanya kepada perkara-perkara yang diumumkan tetapi tidak mencerminkan apa yang berlaku di peringkat akar umbi. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, saya nampak tadi suara dari Sabah atau Sarawak fasal soal ekonomi. Sila Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal jurang pendapatan yang disoal daripada Yang Berhormat Tumpat ini amat penting sekali, terutama sekali Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita melihat antara pendapatan orang yang terkaya dengan rakyat yang termiskin, orang termiskin ini ada dua kategori. Satu, penduduk-penduduk di bandar sendiri dan di luar bandar. Apa yang saya akan sentuh ini adalah juga mengikut penduduk-penduduk yang golongan muda, misalnya yang baru bekerja.

Kalau ia berpendapatan yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Tumpat, kalau dia berpendapatan RM3,000, dia terpaksa sewa rumah, dia terpaksa bayar tol, dia terpaksa sewa bulanan kereta dia, kalau dia kahwin dia terpaksa bayar penjaga rumah. Jadi *balance* daripada pendapatan itu, ini Yang Berhormat Menteri mungkin hanya RM200, RM300 sahaja yang tinggal.

Jadi siasatan daripada HIS itu, saya rasa tidak betul. Juga kalau kita melihat penduduk kita di luar bandar mungkin di Sabah, Sarawak, berapa pendapatan petani-petani? Jangan cakap dia berpendapatan RM1,000, mungkin langsung RM100 pun susah mahu dapat satu

bulan. Jadi apa pendekatan kerajaan melihat perkara ini dengan statistik yang ada yang diadakan pada 1974 itu, amat mengelirukan sekali. Yang Berhormat Kalabakan setuju dengan saya. Saya rasa Yang Berhormat Menteri pun tahu akan hal ini.

Jadi, apakah pendekatan kerajaan, kementerian yang tersebut yang menjaga masalah luar bandar ini dapat dipertingkatkan dalam masa yang terdekat. Ini penting kerana kalau kita tidak buat, nanti rakyat cakap sama kita, kita ini omong-omong sahaja, cincai. Jadi, tidak mahu melihat penduduk-penduduk di luar bandar ini. Kalau Tumpat okeylah, kawasan Yang Berhormat Tumpat tempat orang kaya. Akan tetapi di Putatan, di Kinabatangan, di Kalabakan, mungkin Arau orang kaya jugalah, semua orang kaya.

Akan tetapi kalau di Putatan itu, ada juga orang di pulau-pulau yang langsung tidak dapat, kadang-kadang tidak dapat pergi cari ikan. Jadi soalan kepada Yang Berhormat Menteri, apa tindakan, rancangan yang betul-betul tuntas, perkataan Tuan Yang di-Pertua tadi, tuntas untuk mengatasi masalah ini. Itu soalannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Sebelum menjawab, kalau boleh kita buat sebagai satu budaya, kita praktis. Kalau buat soalan tambahan walaupun ada penjelasan sedikit sebagai mukadimah, *straight* kepada soalan. Saya rasa kalau kita ada niat untuk bertanya soalan tambahan, soalan itu sudah ada dalam pemikiran kita ataupun kalau boleh nota dalam kertas supaya cepat.

Begitu juga Yang Berhormat Menteri saya mencadangkan kalau boleh, kalau menjawab, kalau umpamanya jawapan daripada pegawai itu panjang lebar, jangan ikut itu semua, dibaca dari A sampai Z. Gunakan jawapan daripada pegawai itu sebagai panduan apabila ada soalan tambahan. Saya pernah jadi Menteri Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu zaman Tun Mahathir. Saya tidak baca pun segala maklumat yang diberi oleh pegawai saya, malahan jawapan saya reka sendiri. Selepas itu, saya bersedia untuk jawab soalan tambahan. Jadi baru kita menjimatkan masa. Ambil ingatan kepada yang hadir. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Sebenarnya kumpulan 40% terendah ini sentiasa menjadi kumpulan sasaran termasuk mereka yang tergolong dalam kumpulan miskin. Saya tidak dapat memberikan jawapan kepada perancangan akan datang kerana kajian masih sedang berlangsung dan pendapatan itu nanti akan dijadikan sebagai satu perancangan.

Namun kalau boleh saya kongsi, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh banyak kali diulang di dalam Dewan ini, kita memberikan latihan kepada khususnya di Sabah dan Sarawak dan 5,000 telah pun terlibat. Saya tidak ada statistik tentang di mana taburan 5,000 ini, tetapi 5,000 orang telah pun dapat meningkatkan pendapatan selepas menghadiri kursus latihan.

Saya rasa hampir RM148 juta disediakan bagi inisiatif itu selepas kita mengenal pasti kumpulan sasar yang saya katakan tadi. Daripada 5,000, mungkin dalam 100 orang yang tidak menamatkan latihan. Namun begitu, sekurang-kurangnya pendapatan yang kita peroleh telah dapat memberikan kita satu perancangan untuk kita membantu meningkatkan pendapatan kepada kumpulan sasar, khususnya 40% terendah dan juga kumpulan miskin.

Namun begitu, saya rasa percaya masalah memerangi ataupun mengeluarkan rakyat kita daripada kemiskinan ini tidak akan berakhir dengan mudah dan usaha itu akan terus kita laksanakan. Tertakluk kepada dapatan yang sedang disiasat atau dijalankan, *insya-Allah* akan ada pengumuman-pengumuman bersandarkan kepada masalah tadi akan diumumkan oleh pihak kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada satu lagi Ahli Yang Berhormat, mungkin Ahli Yang Berhormat akan nampak trend yang saya buat selalu. Kalau saya izinkan tiga Ahli Yang Berhormat untuk bertanya soalan tambahan, itu saya memikirkan bahawa soalan itu ialah soalan yang selalu dibangkitkan dan penting. Kadangkala ada soalan yang melibatkan wanita, saya panggil wakil-wakil rakyat wanita. Kadang-kadang kalau soalan itu melibatkan wilayah, maka saya buat secara adil. Kalau umpamanya daripada Semenanjung telah bertanya, saya panggil wakil rakyat dari Sarawak dan Sabah.

Itu trend dan budaya yang saya buat untuk diri saya dan timbalan-timbalan saya. Soalan-soalan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat pada hari ini, pada hari kelmarin sudah saya *digest*. Jadi tolong, kerana ini adalah untuk kelancaran Mesyuarat kita Ahli-ahli Yang Berhormat.

**3. Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]** minta Perdana Menteri menyatakan berapa kos bulanan mengikut pos masing-masing untuk mengawal keselamatan pantai Sabah dari pencerobohan di bawah ESSCOM.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman kos operasi bulanan yang melibatkan pos-pos kawalan di ESSZONE adalah kira-kira RM1.9 juta, kira-kira ya. Bagi pecahan daripada jumlah tersebut melibatkan pos-pos kawalan di bawah tanggungjawab ATM di ESSZONE yang berjumlah 43 pos kawalan, belanja operasinya lebih kurang RM1.28 juta. Manakala pos-pos kawalan di bawah tanggungjawab PDRM Briged PGA Sabah di ESSZONE adalah berjumlah 42 pos kawalan melibatkan kos purata RM769,920. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Kita faham kerana kita di ESSCOM sebelah Pantai Timur Sabah ini kita faham dengan adanya peraturan yang baru dikenalkan oleh kerajaan. Kita merasa bahawa kawasan Pantai Timur ini belum rasa sepenuhnya selamat tetapi selamat. Saya ingin bertanya kepada Menteri, di kawasan ESSCOM ini Pantai Timur Sabah dia tidak melibatkan di kawasan Tawau sedangkan kawasan Tawau ini dia terdedah kepada pencerobohan dari Filipina dari Indonesia dan lain-lain. Jadi saya mahu bertanya adakah rancangan kerajaan untuk melibatkan kawasan-kawasan yang berbahaya di kawasan Tawau? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ya. Terima kasih. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Kalabakan kerana mengambil daya usaha untuk berjumpa dengan Pengarah Operasi ESSCOM untuk mendapat maklumat terkini. Saya minta supaya hubungan ini diteruskan dan semua Yang

Berhormat teruskan untuk mendapat maklumat terkini berhubung dengan operasi kita di ESSCOM. Ini sebab sebahagian daripada operasi itu, nanti akan melibatkan orang ramai terutamanya bila kita perkenalkan program kesukarelaan melalui agensi-agensi seperti askar Wataniah, Perpaduan, RELA dan sebagainya. Jadi untuk program dan juga kawalan di Tawau sebenarnya ia telah ada.

Sekali lagi saya hendak maklumkan bahawa walaupun ada beberapa pandangan berhubung dengan ESSCOM di Sabah. Saya hendak bagi tahu Sabah itu ESSCOM itu berlainan, dia tidak boleh sebut apa yang berlaku di satu tempat ianya melibatkan Sabah. Kalau berlaku di Semporna, Sempornalah dia bukan melibatkan Kota Kinabalu. Jadi Sabah masih merupakan negeri yang selamat. Marilah ramai-ramai melancong ke Sabah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri saya ingin bertanya dua soalan tambahan. Pertamanya ada kritikan bahawa ESSCOM ini dengan izin *users one size fit for all models*. *Wherever they go regardless of local reality*. Maknanya mereka mengatakan dari segi penjagaan keselamatan itu dia gunakan satu saiz sahaja untuk *fit* semua. Jadi ada satu cadangan mengatakan bahawa mesti adanya perbezaan *priority* setengah-setengah tempat dengan setengah-setengah tempat yang lain. Saya bagi contoh ya ini saya baca daripada komen. Mereka mengatakan tempat yang memang betul yang ESSCOM lebih tahu bahawa tempat ini lebih tidak selamat seharusnya dia punya *tight security* dia dipertingkatkan. Begitulah tempat yang kurang selamat. Itu yang pertama.

Keduanya saya hendak tanya juga, ESSCOM ini ditubuhkan setelah berlakunya kejadian tragedi Sulu. Saya ingin bertanyakan untuk mendapatkan *confident* di kalangan masyarakat, adakah kerajaan bersedia untuk *release* ataupun mengadakan kertas putih tragedi Sulu supaya dapat dilihat apakah punca kelemahan atau punca kejadian sebenar Sulu itu. Apakah kelonggaran-kelonggaran aspek keselamatan yang menyebabkan berlakunya tragedi Sulu itu?

Jadi ini boleh sedikit sebanyak *build the confidence* rakyat dan juga masyarakat luar bukannya setakat Yang Berhormat Arau kata Sabah selamat, Menteri Pelancongan kata, orang luar kata Sabah tidak selamat. Ini sebab mereka tidak ambil kira Semporna kah, Kudat kah. Jadi ini menunjukkan satu mesej yang *make signal* daripada pihak kerajaan yang menyebabkan orang pun tidak tahu sebenarnya selamat kah tidak selamat. Jadi saya harap Menteri dapat jelaskan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Menteri. Menteri sebelum jawab saya sering kali ingatkan Peraturan Mesyuarat 24(3)(ii). Kalau tanya soalan tambahan mesti satu rangkai sahaja. Jadi saya perhatikan tadi soalan daripada Yang Berhormat Sepang itu dua rangkai. Pun demikian kerana ini ialah soal *security*, maka saya benarkan Yang Berhormat Menteri untuk jawab soalan dua rangkai itu. Lain kali satu rangkai sahaja. Sila Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Rangkai yang pertama Tuan Yang di-Pertua iaitu sama ada kawasan ini diberi perhatian mengikut keutamaan. Jawapan ya. Contohnya ialah Semporna dan Lahad Datu yang berdekatan dengan sempadan Filipina kita bagi perhatian yang

lebih. Kawasan yang kita rasa kurang sedikit kita juga terus bagi perhatian. Jadi Yang Berhormat, dalam keadaan apa yang kita buat di sana sekarang ini di mana tiap-tiap pulau peranginan kita letakkan pasukan keselamatan, tiap-tiap pulau peranginan. Tidak ada satu pulau yang tertinggal daripada kita letakkan pasukan keselamatan. Jadi pasukan keselamatan berada di pulau yang tidak seberapa pun, yang bukan pulau sepenuhnya macam Singa Mata. Ini hanyalah terumbu karang itu pun kita letak polis di sana.

Jadi bila saya sebut kita bagi perhatian sepenuhnya bagi seluruh kawasan ESSCOM, ESSZONE operasi yang dibuat oleh ESSCOM. Maksudnya kita letakkan pasukan keselamatan dan juga lain-lain perkara yang berhubung dengan kawalan. *Forward sea basing* yang kita akan letakkan pada tahun hadapan, kita juga letak di kawasan yang berdekatan dengan negara jiran dan kawasan yang boleh mengancam keselamatan. Jadi kawasan-kawasan lain juga diberi perhatian. Pada keseluruhannya bila saya sebut bahawa kawasan ini selamat kerana kedudukan kawalan keselamatan yang diberikan kepada kawasan tersebut terutamanya kepada pelancong. Setengah pulau, pelancongnya ialah satu, pihak keselamatan – dua, dalam ratio yang demikian rupa.

Okey kemudian yang keduanya iaitu berhubung dengan apa masalah yang sebenarnya yang berlaku. Ini pun telah kita maklum dari semasa ke semasa. Yang Berhormat sedia maklum bahawa mereka membuat tuntutan ke atas Sabah dan perkara itu berlarutan. Ini harus diselesaikan di peringkat diplomatik di mana perkara-perkara yang berhubung dengan Perlembagaan Kerajaan Filipina itu dan juga berhubung dengan perlembagaan kita harus dibincangkan di peringkat tersebut.

Jadi saya tidak perlu cerita yang ini tetapi begitulah. Macam juga tuntutan dibuat sebuah negara lain dia kata mengikut sejarah ini saya punya. Ini yang menimbulkan masalah supaya kita kata walaupun mengikut sejarah dia punya selepas itu orang lain punya, sejarah sebuah tanah dia punya. Setelah dijual orang lain punya. Jadi ini berhubung kait dengan perlembagaan mereka dan sudah tentulah ia turun sampai ke orang Sulu dan sebagainya.

Jadi apa yang kerajaan telah buat sekarang ini saya ingat mencukupi. Walau bagaimanapun saya akan berbincang dengan sahabat saya Kementerian Dalam Negeri berhubung dengan apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bersetuju dengan sayakah bahawa sebenarnya kawasan panas ataupun *hotspot* ini sebenarnya di Teluk Darvel iaitu kawasan di mana Semporna dan Lahad Datu terletak.

#### ■ 1040

Jadi mungkin itu juga sebabnya banyak peralatan dan peruntukan telah ditumpukan kepada kawasan ini. Apakah ini benar?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Benar ataupun tidak biarlah saya beri jawapan secara bertulis. Tetapi, perhatian memang kita bagi, kalau dari segi *priority* keutamaan Lahad Datu dengan Semporna itu, sebab dia berdekatan, dan di situ banyak -pulau peranginan dan lain-lain

lagi, kita bagi perhatian. Tetapi kawasan yang lain juga diberi perhatian, termasuk Tawau. Yang Berhormat Kalabakan tahu bahawa boleh dikatakan tiap-tiap minggu saya akan pergi ke Tawau sebab dia ada Pulau Sibatik di sana. Kita hendak pastikan supaya penyeludupan itu dapat dikurangkan di tahap yang memuaskan. Kita hendak pastikan supaya subsidi yang kerajaan beri kepada rakyat Malaysia itu biarlah untuk rakyat Malaysia dan bukan orang lain yang menumpang. Sebab dengan cara tersebut kerajaan boleh bagi perhatian yang serius kepada rakyat kita.

Jadi apakah benar, saya akan bagi jawapan secara bertulis,. Walau bagaimanapun Yang Berhormat di kawasan ESSCOM ini seperti mana sedia maklum bahawa perhatian serius yang kerajaan bagi kepada soal-soal keselamatan itu, termasuk curfew yang masih kita teruskan boleh dikatakan menjamin keselamatan di kawasan yang berkenaan. Tetapi di Sabah secara keseluruhan, di samping ESSCOM dan sebagainya, Yang Berhormat, kita ada Gunung Kinabalu, kita ada Kudat, tempat Tuan Yang di-Pertua, kita ada tempat-tempat menarik di seluruh Sabah. Di Sabah kita akan pastikan bahawa keselamatan yang ada di ESSZONE ini dapat dipanjangkan di seluruh negeri Sabah. Sabah adalah sesebuah negeri yang harus dilawati oleh semua pihak, termasuklah rakyat Malaysia.

**4. Tuan Lim Lip Eng [Segambut]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan kos dan bilangan para peserta yang terlibat di dalam majlis sambutan Hari Kemerdekaan pada setiap tahun bermula dari tahun 2010. Apakah kerajaan tidak berhasrat untuk mengurangkan kos dan perbelanjaan dalam meraikan setiap majlis-majlis sambutan Hari Kemerdekaan di Malaysia.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Segambut di atas soalan yang dikemukakan. Saya mohon menjelaskan bahawa perbelanjaan bagi sambutan Hari Kemerdekaan pada setiap tahun bermula pada tahun 2010 sebagaimana yang berikut:

Tahun	Jumlah Perbelanjaan (RM juta)
2010	13.9
2011	14.1
2012	20
2013	20
2014	17

Tahun 2014 kurang RM3 juta dari tahun sebelumnya. Ia melibatkan pelbagai acara, termasuk 'Doa Untuk Malaysia', yang dihadiri kira-kira 30,000 orang yang berhimpun di Dataran Merdeka. Kempen Kibar Jalur Gemilang, Memori Chow Kit Road di Kuala Lumpur, Amanat Merdeka, perbarisan dan perarakan kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos. Sukar kalau dikatakan berapa pesertanya, kalau Hari Kemerdekaan kebiasaannya yang melibatkan diri dalam perbarisan-perbarisan dan acara padang adalah kira-kira 16,400 orang. Tetapi kalau dikira yang hadir keseluruhannya pada kali ini dalam semua acara dikirakan antara 400,000 hingga 500,000 orang.

Di samping itu pada tahun ini saya ingin maklumkan juga bahawa kita mendapat sokongan daripada pelbagai pihak, termasuk mereka yang memberikan pelbagai bentuk tajaan, sama ada tajaan terus, tajaan melalui akaun amanah sambutan kemerdekaan, tajaan dalam bentuk barang, dan tajaan misalnya apabila kita meminta supaya pawagam-pawagam negara ini memainkan lagu Negaraku sempena sambutan kemerdekaan. Keseluruhan tajaan yang diberikan kita anggarkan bernilai hampir RM10 juta. Terima kasih.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri tidak jawab soalan kedua di dalam soalan asal. Hari Merdeka disambut pada setiap tahun pada 31 Ogos. Hari Kebangsaan pula disambut pada 16 September setiap tahun. Jadi saya cadangkan kerajaan memberi lebih tumpuan dalam menyambut Hari Kebangsaan berbanding dengan Hari Merdeka sebab ini adalah untuk demi perpaduan di antara rakyat daripada Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Ini cadangan, bukan soalan.

Soalan saya, memandangkan pelaksanaan cukai GST pasti akan dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional pada tahun hadapan, adakah kos sambutan Hari Kebangsaan, Merdeka akan dikenakan GST dan menaikkan kos untuk sambutan hari besar ini juga akan dinaikkan sebab GST. Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya perlu betulkan. Saya rasa Yang Berhormat Segambut tidak faham apa dia Hari Merdeka dan Hari Kebangsaan. Saya rasa sedih sampai sekarang pun, kita ada sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia yang disambut pada 16 September. Sehingga sekarang Yang Berhormat Segambut masih keliru mana Hari Merdeka, mana Hari Malaysia, itu menggambarkan pandangan dan sikap ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti Yang Berhormat Segambut.

Dari segi kos, kalau pada soalan kedua ditanyakan bagaimana mengurangkan kos? Sebenarnya kos telah dikurangkan, kalau dulu kos sambutan RM20 juta, sekarang ini telah diturunkan RM17 juta. Tetapi dalam masa yang sama kita dapat sokongan daripada syarikat-syarikat swasta supaya tidak menghilangkan kemeriahannya. Perbelanjaan besar, tetapi syarikat swasta datang, apa salahnya. Sebagai contohnya untuk melibatkan lebih banyak pihak, kita memperkenalkan tahun lepas lagi, supaya lagu Negaraku dimainkan di pawagam.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak perbetulkan. Kos tahun ini rendah, dikurangkan sebab *turn down*, insiden MH370.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tidak juga, *turn down* itu kita tidak ada. Selalunya bunga api pun ditaja, oleh pihak swasta. Kali ini kita ada Memori Chow Kit Road, tiga hari diadakan pada hari yang berkenaan. Sambutan lebih ramai pada kali ini, dia bukannya sedangkan dari segi peruntukan itu kita dapat lebih awal. Peruntukan itu diberikan dalam bajet tahun lepas, bajet tahun lepas itu tidak pun tahu tentang adanya MH17, MH370 dan sebagainya. Jadi salah kalau dikatakan *turn down* kerana disebabkan berlakunya peristiwa MH17 ataupun MH370.

Tetapi kita boleh memeriahkan keadaannya atau melibatkan lebih ramai orang tanpa semestinya menggunakan peruntukan daripada kerajaan. Sebagai contoh yang saya sebutkan

tadi, untuk melibatkan ramai orang, kita suruh main lagu Negaraku di panggung wayang supaya semua orang dapat mengingatkan tentang Hari Kemerdekaan, kita adakan tiga hari sebelum 31 Ogos sehingga 16 September. Itu pun kita dapat sponsor, kerana memainkan lagu ada sedikit *thriller* di situ dan pihak pawagam tidak caj. Saya dapati bahawa ramai yang menunjukkan sokongan kepada perkara-perkara ini kecuali daripada DAP. DAP terang-terang dia marah, dia kata ini memalukan, saya malu hendak cakap pada kawan-kawan luar negara saya.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Bila ada Yang Berhormat Menteri? [*Dewan riuh*]

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Yang Berhormat Segambut boleh *check* di dalam akaun Facebook Yang Berhormat Kuching pada 16 September yang lepas. Antara kata dia, "*This is absolute disgrace and ridiculous,*" dia kata, dia memberitahu. "*Last Saturday, I went to MBO Cinema at the Sprint Kuching to watch the 'Maze Runner' with my family.*"

#### ■1050

*"Before the start of the movie, everyone was asked to stand for the playing of the National Anthem. All the people around me look at each other with the look of puzzle". Bla bla bla dikatakan, "What's the hell is going on?" Ini kata Yang Berhormat Kuching. "The question is exactly what's going on?" Katanya. "...Since when has this playing if National Anthem in cinema started?" Dia tidak tahu sudah mula pada tahun lepas. Macam Yang Berhormat tidak tahu ada Hari Malaysia.*

*"Is Malaysia heading towards the communism era?" Dia kata, "Where everywhere you go you must shout out laud and show that you are a patriot." Dengan izin lagi, "This is absolute disgrace and ridiculous." Ini kenyataan Yang Berhormat dari Kuching. "I would not know how to tell my friends overseas." Tidak tahu macam mana hendak beritahu kawan-kawan luar negara. "That we Malaysians are so patriotic that we play our National Anthem before watching a movie."*

Next katanya, ini yang menariknya. *"Next, would be before dinner, before bed time and maybe before s...."* Ini pendirian Yang Berhormat DAP. Yang Berhormat dari Kuching. Akan tetapi saya percaya ini disokong dan dasar yang dibuat. Ertinya sekarang ini Tuan Yang di-Pertua sambutan kena buat. Hendak murah kita buat naik bendera, minum air sejuk boleh kita buat tetapi untuk menyemarakkan semangat *patriotism*, semangat bagaimana kita mengingati hasil perjuangan orang yang terdahulu, bagaimana kita menyatakan kesyukuran kita tentang keindahan, kedamaian dan kemakmuran yang ada pada hari ini perlu kita belanja. Kita belanja dengan berhemah dalam soal ini.

Hendak timbul tentang apakah tidak lama bila sambutan Hari Merdeka kita kenakan GST. GST dekat mana Yang Berhormat? Apakah orang pergi kita hendak pergi kutip GST dekat Dataran Merdeka? Saya rasa Yang Berhormat berada dalam keadaan ketidakfahaman yang sangat serius tentang soal GST dan tentang soal kenegaraan dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat duduk.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Sebagai regard Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat duduk dahulu. Duduk dahulu Ahli Yang Berhormat. *I could have asked the Minister to stop answering in that way he answers. But I did not because soalan daripada Yang Berhormat Segambut itu memang berunsur sinis.* Jadi apabila dijawab dengan sinis, *I got to be fair.* Akan tetapi sewaktu Yang Berhormat Menteri menjawab secara sinis, ada lagi pula di belakang sana menyuarakan perkara-perkara yang tidak baik. Jadi, jangan sama sekali berhujah atau menyuarakan sesuatu yang mengundang kekecohan. *Please, take note of that.* Jadi, jangan ada lagi suara sinis, kalau tidak ingin untuk dijawab secara sinis. Sila Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Datuk Abdul Azeez.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Baling.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Bandar Kuching tidak ada di sini, boleh bagi peluang *defend*?

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Segambut duduk Yang Berhormat Segambut. *My floor* Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, tidak apa. Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Segambut.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tadi *your floor, now my floor.*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Bandar Kuching tidak ada di sini, boleh bagi saya peluang *defend*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak payah, ini tidak ada *third party* bagi .... Duduk, duduk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hari ini hari jadi Yang Berhormat Baling. Hari jadi Yang Berhormat Baling hari ini.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Sebagai *record* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bandar Kuching dia telah *apologized*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Segambut. Yang Berhormat Baling sama Yang Berhormat Segambut duduk dulu. Yang Berhormat Segambut sama Yang Berhormat Baling duduk dulu.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Baling duduk dahulu. Duduk dahulu. Saya tarik nafas dahulu Yang Berhormat Baling kerana saya punya *temperature* sudah mulai naik. Mula-mula tadi *mood* saya baik.

Yang Berhormat Segambut, kalau hendak tanya soalan lain kali fikirkan dahulu apa reaksi yang menjawab. Begitu juga dengan teman-teman yang lain. Kalau ada jawapan seperti begitu, *cool* lah sedikit. Oleh kerana kalau tidak, timbul lagi macam tadi. Dia berdiri lagi tanya

Yang Berhormat Bandar Kuching tiada. Sila Yang Berhormat Baling, jangan ada kesinisan kerana itu sangkaan jahat kalau sinis.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hari jadi dia.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapan syabas dan tahniah kepada kementerian yang selama ini telah memperjuangkan semangat patriotisme. Ini bukan sinis Tuan Yang di-Pertua. Saya bercakap yang benar. *[Bercakap dalam bahasa Arab]* “*Bercakaplah kamu yang benar walaupun pahit untuk didengar*”, pada mereka di sana.

Ustaz, jadi saya hendak ucapan syabas dan tahniah. Perjuangan ini harus diteruskan dan saya fikir apa yang dilaksanakan oleh kementerian di bawah Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak amat *significant* sekali untuk rakyat Malaysia.

Jadi, saya rasa Yang Berhormat Menteri teruskanlah usaha yang Menteri buat, kementerian buat. Ini perkara yang cukup baik. Cuma, saya ingin memberi sedikit pandangan. Saya tidak ada soalan sebab semuanya terbaik, tidak ada soalan. Saya cuma hendak bagi pandangan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Apakah boleh Kerajaan Malaysia...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, ya, Tuan Yang di-Pertua. Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tuan Yang di-Pertua dia tidak ada soalan, saya ada soalan.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ada soalan, ini soalan saya lah ini. Apakah boleh Kerajaan Malaysia mengadakan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan mesyuarat tadi.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Mengadakan perayaan Hari Kemerdekaan yang dibuat selama ini di kawasan-kawasan luar bandar. Kalau boleh pergi ke Baling atau pun pergi ke Parit Sulong, Lenggong dan sebagainya atau pun pergi ke Kemaman pun tidak apa. Bawa semua pemimpin negara yang tertinggi termasuklah Ke Bawah Duli Tuanku Agong bawa ke kawasan luar bandar untuk kita berkongsi bersama-sama semangat patriotisme yang ada, semangat jati diri yang ada kepada anak generasi kita.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Sudah lah, sudah lah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Duduk, duduk...

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itu soalan saya, kalau...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Kapar diam boleh tidak Yang Berhormat Kapar. *This is not your floor* Yang Berhormat Kapar. *Can you shut up!* Saya hendak beritahu...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat ...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Apa ini, saya tidak bising pun dia kata...

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Pergi kacau saya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya tidak kacau dia pun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi ini soalan saya, boleh atau tidak kementerian membawa ke kawasan luar bandar? Terima kasih.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Dia perasan saya saja lebih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Dia perasan, dia kutuk macam itu boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, lain kali saya suruh setiausaha untuk pindah tempat duduk Yang Berhormat Baling dengan Yang Berhormat Kapar. Tidak boleh. Sekejap-sekejap kawan, sekejap-sekejap tengkar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Dia sengaja. Setiap kali dapat *floor* dia mesti kacau saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Perangai budak-budak ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri kalau boleh *react* kepada soalan penghabisan. Yang lain itu cuma cadangan dan dorongan. Yang Berhormat Baling, ini sesi soal jawab, bukan buat cadangan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan. Saya terima kasih dahulu, lepas itu saya minta tanya soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa yang penghabisan? Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini langgar peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Mana boleh tanya pendapat, mesti soalan.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak faham peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila, sila, sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan 24 very clear. Tidak tahu peraturan, balik lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa , tidak apa Yang Berhormat Sepang. Sila.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, "Di sini lahirnya sebuah cinta" adalah merupakan tema Hari Kemerdekaan pada kali ini dan ini adalah tempat tercinta kita Dewan yang mulia ini. Apa yang dihujahkan dan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Baling tadi adalah satu cadangan yang boleh saya bawa ke atas. Cumanya kita berpegang bahawa ada beberapa sambutan utama harus kita mengekalkan tradisinya. Misalnya perarakan di Dataran Merdeka kerana ada sejarahnya.

Dataran Merdeka bukannya untuk kita membuat demo-demo yang tidak sepatutnya tetapi itu tempat yang mulia untuk sambutan kemerdekaan. Jadi, itu antara perkara yang dikekalkan. Namun begitu, kita terbuka bahawa sambutan harus diadakan di semua peringkat. Misalnya sambutan kemerdekaan *4th of July* dengan izin di Amerika digalakkan supaya orang mengadakan majlis makan malam, pelbagai majlis yang diadakan. Itu boleh dilakukan di mana sahaja. Saya berterima kasih di atas cadangan yang dikemukakan.

**[Soalan No. 5 – Y.B. Dato' Henry Sum Agong (Lawas) tidak hadir]**

6. **Dr. Ong Kian Ming [Serdang]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan status tender untuk Loji WtE di Taman Beringin, Kepong, nama-nama syarikat yang telah dipilih untuk tender dan sama ada syarat-syarat tender ini akan dikemukakan kepada orang awam.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Abd Rahman Dahlan]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini serentak dengan soalan daripada Yang Berhormat Kepong yang juga dijadualkan untuk disoal pada hari ini. Kedua-dua soalan bertanyakan mengenai projek *Waste to Energy* dengan izin WtE di Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses tender bagi projek pembinaan loji WtE ini di Kepong ini seperti lazimnya dilaksanakan melalui tiga peringkat iaitu:-

(i) *pre qualification questionnaire (PQQ);*

■1100

(ii) *Request for Proposal (RFP);* dan

(iii) *Best and Final Offer.*

Proses ini dibuat bagi memilih pembida yang benar-benar berwibawa dalam penglibatan perunding antarabangsa. Di samping itu, melalui proses ini ia akan memastikan kerajaan memperoleh projek yang *value for money* dengan izin, mesra alam sekitar ataupun *environmental friendly* dan bagi mendapatkan teknologi yang terbukti. Projek ini telah ditender secara tender terbuka antarabangsa oleh Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri melalui proses PQQ yang dibuka pada 27 Januari 2014 dan telah ditutup pada 28 April 2014. Dokumen ini boleh diperoleh oleh mana-mana pihak yang berminat.

Sejumlah 77 buah dokumen PQQ telah dibeli dan seramai 33 petender telah mengemukakan dokumen PQQ pada tarikh tender ditutup. Bagi menilai dokumen PQQ ini, dua jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan. Hasil penilaian tersebut telah diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta untuk dipertimbangkan.

Pada 17 Jun 2014, Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta telah bersetuju untuk meluluskan empat petender untuk ke peringkat seterusnya iaitu *Request for Proposal*. Senarai nama syarikat yang berjaya ke peringkat RfP serta dokumen yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat berkenaan tidak boleh dijadikan sebagai bahan umum pada masa ini, memandangkan proses tender masih lagi berjalan.

Dokumen-dokumen berkaitan termasuk nama-nama syarikat yang dipilih ini diklasifikasikan sebagai dokumen terperingkat oleh agensi yang menguruskan proses tender ini iaitu Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri. Surat tawaran kepada empat petender yang berjaya ke peringkat RFP telah dikemukakan pada 8 Ogos 2014. Tempoh RFP bermula dari 11 Ogos 2014 dan tarikh tutup penghantaran dokumen adalah selewat-lewatnya pada 22 Disember 2014.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada peringkat RFP ini, petender-petender akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan sebelum diputuskan di peringkat Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta untuk memilih dua petender yang layak untuk ke peringkat 'BAFOUR'. Pada peringkat 'BAFOUR', rundingan akan dibuat dengan kedua-dua petender bagi menentukan petender yang berjaya. Seterusnya setelah dinilai dan diputuskan oleh Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta atau JKAS, keputusan ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk diperakukan dan pelantikan dijangka akan dibuat pada bulan April 2015. Kerja-kerja pembinaan di tapak dijangka akan bermula pada awal tahun 2016.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kepong, berkenaan proses penyediaan kajian terperinci impak kepada alam sekeliling ataupun *Detail Environmental Impact Assessment* (DEIA), kementerian telah melantik perunding untuk menyediakan kajian tersebut pada 24 September 2014. Kajian tersebut dijangka dapat disiapkan pada Jun 2015. Pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada keputusan laporan berkenaan yang akan diputuskan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar kelak. Keputusan dijangka akan diperoleh pada September 2015.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil daripada kajian DEIA ini juga akan menetapkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh syarikat konsesi bagi memastikan alam sekeliling dan penduduk terlibat tidak terjejas sewaktu pengoperasian loji. Dalam apa jua keadaan Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan memastikan segala keraguan dan kerisauan penduduk terlibat diambil kira dalam pelaksanaan projek ini. Untuk itu, tahap pelepasan gas daripada cerobong akan dipaparkan secara *real time* kepada umum apabila loji ini beroperasi kelak.

Selain itu, kerajaan telah melaksanakan kutipan 2+1 di negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672 iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Kedah bermula September 2014 yang lalu. Seterusnya kementerian akan melaksanakan pengasingan sisa pepejal di punca secara mandatori mulai September 2015 di negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672. Kementerian melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara telah merangka peraturan dan garis panduan bagi memastikan pelaksanaan usaha ini dapat dilaksanakan secara berkesan di semua peringkat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan yang begitu terperinci. Soalan saya mudah sahaja, saya hendak tanya sama ada menteri boleh memberi janji untuk mengaturkan satu lawatan rasmi dan membukanya kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat termasuk Pengerusi PAC untuk melawat loji insinerator skala kecil yang sedia ada di Pangkor, Cameron Highlands, Langkawi dan juga di Pulau Tioman.

Oleh kerana saya merujuk kepada laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mengenai pengurusan loji insinerator skala kecil di mana pengerusi iaitu Yang Berhormat dari Pulai telah menyatakan bahawa *awarding of contract* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tidak dilakukan dengan sesuai dan baik dan tindakan harus diambil terhadap pegawai-pegawai yang terlibat dalam kontrak ini.

Saya rasa ini adalah penting untuk membuktikan bahawa kementerian dan juga Kerajaan Malaysia ada kebolehan untuk menguruskan dan juga memantau loji insinerator skala kecil sebelum loji insinerator skala besar didirikan di Taman Beringin, Kepong. Jadi saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, sama ada Yang Berhormat Menteri boleh memberi janji kepada semua orang yang ada minat terhadap pantauan dan juga perjalanan loji insinerator skala kecil ini, aturkan satu lawatan rasmi supaya dapat membuktikan bahawa semua loji insinerator skala kecil ini berjalan dengan baik dan berfungsi seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri apabila ditanya oleh akhbar *Sinar Harian*, *BERNAMA* dan juga *Malaysian Insider*. Terima kasih.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Serdang.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya lawatan ke loji ataupun mini insinerator yang berada di pulau-pulau dan juga tanah tinggi di negara ini, pihak yang berkenaan juga telah banyak kali melawat, tidak perlu jemputan daripada kementerian. Saya tidak mahu diberikan satu gambaran seolah-olah kita tidak membenarkan sesiapa melawat mini insinerator ini Yang Berhormat. Kalau dilihat daripada *blog* Yang Berhormat sendiri pun, banyak gambar yang diambil semasa berada di dalam loji tersebut dan dikeluarkan dalam *blog* Yang Berhormat sendiri. Ini bermakna tidak ada sekatan.

Akan tetapi, saya ingin memberi sedikit pandangan terhadap laporan PAC Tuan Yang di-Pertua. Walaupun saya menghargai usaha PAC untuk menerangkan dan membuat laporan terhadap insinerator ini, saya ingin tekankan di sini bahawa tidak ada masalah dari segi teknologi.

Teknologi yang dipakai dalam mini insinerator di pulau-pulau tersebut ialah teknologi yang telah pun wujud sekian lama, berpuluhan-puluhan tahun. Insinerator adalah satu teknologi yang didapati di seluruh dunia. Apa yang menjadi permasalahannya Tuan Yang di-Pertua ialah daripada proses pembinaan insinerator, bangunan tersebut. Proses pembinaan dan juga proses pengoperasian. Ini yang saya sedang usahakan untuk selesaikan. *Insya-Allah*, kita akan dapat selesaikan dalam masa yang terdekat.

Mengenai dengan cadangan Yang Berhormat tadi, beri kami masa sedikit untuk memastikan semuanya berjalan baik supaya nanti apabila berada di situ kita boleh ambil *benchmarking*. Kalau dalam keadaan sekarang ini di mana proses pembaikan masih lagi berlaku, lawatan tersebut tidak akan memberi makna dan akan hanya memberikan spekulasi yang lebih kepada perkara ini. Saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab ingin memastikan bahawa projek ini dapat dijalankan dan saya ingin tekankan di sini bahawa projek ini tidak gagal. Apa yang gagal ialah pembinaannya dan kita sedang memperbaiki loji-loji ini dan *insya-Allah* dalam masa yang terdekat ini kita akan dapat pastikan ia berjalan dalam kapasiti yang sempurna. Terima kasih.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, pengurusan pun gagallah, *admittedly...*

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Serdang, “*It's what you call, hitting below the belt.*”

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai lima mini loji insinerator yang telah kerajaan award kepada Syarikat XCN Technology Sdn. Bhd. iaitu di Pulau Pangkor, Langkawi, Cameron Highlands, Pulau Tioman dan Labuan. Saya difahamkan bahawa kegagalan mini loji insinerator ini berfungsi seperti mana yang diinginkan oleh kerajaan adalah kerana sewaktu tender memberi loji insinerator ini, kita tidak mensyaratkan kemestian mereka yang mendapat projek ini juga memastikan bahawa operasi insinerator ini berjalan seperti mana spesifikasi yang telah ditetapkan sewaktu tender. Jadi saya harap dalam projek WtE yang akan dibuat di Taman Beringin, kriteria untuk memastikan bahawa operasi ataupun O&M mengendalikan mesin ini mestilah menjadi kriteria prasyarat untuk mana-mana syarikat berjaya mendapatkan tender ini.

#### ■1110

Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Menteri, adakah syarikat yang telah diaward di Pulau Langkawi, Pangkor, Cameron Highlands, Pulau Tioman dan Labuan perlu dipanggil semula untuk melihat semula mesin-mesin yang telah dipasang ke pulau-pulau dan juga di kawasan Cameron Highlands ini.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu berdiri di sini dalam keadaan *denial* Tuan Yang di-Pertua. Memang mini-mini insinerator yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mempunyai masalah dari segi pengoperasian. Ada yang

tidak berfungsi secara 100%, ada yang mempunyai *technical problem* dan mempunyai apa yang dikatakan *tiling problem*. Ini bukanlah satu projek yang senang Yang Berhormat. Dia bukan satu perkara yang kita boleh bina kemudian setelah dioperasikan 100% *perfect on the first trial* Tuan Yang di-Pertua dengan izin.

Begitu juga yang berlaku di negara-negara Barat. Insinerator-insinerator yang dibuat di negara-negara Barat juga terpaksa melalui masa tertentu untuk *tweaking*, masa untuk memperbaiki, *adjustment* dan sebagainya walaupun di negara-negara Barat. Akan tetapi kita ambil maklum apa kerisauan daripada Yang Berhormat sebab itu dalam loji WtE atau *Waste to Energy* di Kepong nanti, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan Kabinet memastikan bahawa ia adalah bertaraf antarabangsa.

Bahawa teknologi yang dibawa ini adalah bertaraf antarabangsa dan pemain-pemainnya juga adalah bertaraf antarabangsa apabila kita membuka tender ini kepada tender antarabangsa. Ini adalah sebahagian daripada pelajaran yang kita pelajari daripada mini insinerator yang kita buat di tanah-tanah tinggi dan juga di pulau-pulau tersebut.

Jadi untuk memaklumkan kepada Yang Berhormat kajian yang kita buat dan juga sistem proses tender antarabangsa ini telus dan berdasarkan kepada terma-terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan dalam tender antarabangsa. Terima kasih.

**7. Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) adakah pihak kerajaan mempunyai cadangan untuk menambah bilangan Perkhidmatan Pusat Keluarga Bergerak 1Malaysia di kawasan luar bandar terutama di wilayah Sarawak bagi meningkatkan capaian masyarakat khususnya wanita luar bandar terhadap perkhidmatan tersebut; dan
- (b) bilakah Klinik Nur Sejahtera LPPKN akan mula beroperasi di Miri / Sibuti seperti diumumkan pada Februari 2011.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya iaitu melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara atau LPPKN sememangnya prihatin terhadap usaha untuk meningkatkan *accessibility* terhadap khidmat sokongan keluarga khususnya dalam aspek penjagaan kesihatan wanita terutamanya di luar bandar. Jadi oleh yang demikian, hasil kejayaan pelaksanaan Pusat Keluarga Bergerak 1Malaysia sebanyak empat buah lagi Pusat Keluarga Bergerak 1Malaysia akan ditambahkan tahun ini bagi memperluaskan perkhidmatan kepada kumpulan sasar iaitu di luar bandar dan empat pusat keluarga bergerak ini akan ditempatkan di Miri Sarawak, di Sandakan Sabah, di Johor dan juga di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Klinik Nur Sejahtera, kita ada 59 buah Klinik Nur Sejahtera di seluruh negara untuk dan untuk Sarawak kita akan tambah satu lagi iaitu yang dua sudah ada iaitu Klinik Nur Sejahtera di Kuching dan Sibu dan kita *insya-Allah* akan tambah satu lagi Klinik Nur Sejahtera di Miri yang akan beroperasi dijangka pada Disember tahun ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, kita sangat mengharapkan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini sebab wanitalah yang menyebabkan kebanyakan Ahli-ahli Parlimen duduk di sini kerana mereka lah yang menyokong kita kuat sebab itu kita buatkan soalan ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kementerian ini kerana memberi galakan begitu kuat iaitu rawatan kepada wanita. Soalan saya ialah oleh kerana di Miri ditambah lagi satu untuk pusat ini, boleh tidak ia dibawa ke luar bandar kawasan Sibuti kerana di Miri ini ada hospital, ada klinik, ada Klinik 1Malaysia sedangkan di kawasan luar bandar kita kekurangan klinik. Oleh yang demikian, saya mengharapkan mamogram yang selalu kita berikan perhatian kepada wanita itu dibawa bersama-sama di klinik ini nanti. Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Sibuti. Itu memanglah satu daripada perjuangan kami iaitu untuk membawa klinik-klinik ini. sebab itu tadi klinik bergerak adalah satu daripada langkah kami untuk mendekatkan kepada semua kumpulan sasar kita iaitu kita pergi bawakan klinik bergerak ini iaitu bas yang besar tetapi saya juga untuk *practicality* saya melihat khasnya untuk Sabah dan Sarawak sebab bas terlampau besar jadi saya minta LPPKN mengkaji supaya kita buat bas itu kecil sedikit supaya mudah masuk ke jalan-jalan kita.

Jadi itulah adalah sama dengan hasrat daripada Yang Berhormat Sibuti supaya kita meluaskan lagi perkhidmatan klinik bergerak dan pada masa yang sama klinik bergerak ini Yang Berhormat kita mengambil dari segi pendaftaran. Semua wanita di luar bandar supaya mereka ini kita minta mereka dan kita uruskan supaya mereka dibawa ke 62 pusat mamogram kami yang berada di seluruh negara sebab mamogram ini Yang Berhormat ia memerlukan mesin yang sofistikated. Ia tidak boleh dalam bas itu Yang Berhormat. Jadi kita pergi ke seluruh pelosok luar bandar, kita dapatkan nama semua wanita ini dan kita uruskan pula mereka pergi ke pusat-pusat pemeriksaan yang berdaftar dengan LPPKN di seluruh banyak bandar semua ada dan *insya-Allah* mereka boleh menjalani pemeriksaan payudara.

Bagi Klinik Nur Sejahtera pula Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat sebab di Miri ini yang terbaru tetapi kita juga akan mengambil maklum. *Insya-Allah* kita berharap bajet akan ditambah lagi supaya kita boleh melebarkan Klinik Nur Sejahtera ini di banyak tempat supaya bagi kami yang pentingnya kami dapat menyampaikan segala perkhidmatan dan kita dapat *outreach* kepada seramai mungkin kumpulan sasar kita iaitu wanita. Terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penjagaan kesihatan wanita memang sesuatu yang amat dekatlah dengan hati kita. Sebenarnya Yang Berhormat Sibuti bukan sahaja pengundi kita wanita, orang yang kita kasihi semua wanita. Ibu, isteri, emak saudara, anak gadis semuanya wanita di sekeliling kita, itu lebih utama.

Saya faham apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan *outreach* dan amat penting untuk membawa wanita keluar. Saya tidak lihat bagaimana enam bas boleh cover satu Malaysia tetapi lebih kepada *outreach* untuk bawa wanita keluar kepada 62

pusat di seluruh negara yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Cuma saya hendak beri satu dalam bentuk soalan dan cadangan supaya bukan sahaja setakat mamogram yang dibuat Yang Berhormat Menteri.

Saya sebut sebelum ini bahawa *ultrasound* itu lebih penting kerana mamogram ini kalau wanita muda dia ada kesan sampingan dan kita tahu bahawa kanser ialah antara *the greatest killer* dengan izin *for women*. Antara pembunuh utama wanita ialah kanser payudara dan juga kanser serviks. Jadi *ultrasound* itu lebih selamat bagi wanita muda. Jadi kalau wanita yang masih dalam usia reproduksi, *ultrasound* itu lebih penting.

Jadi saya pohon Yang Berhormat Menteri masukkan sekali *ultrasound* di dalam rawatan, bukan setakat mamogram sebab mamogram untuk wanita lebih berumur dan saya juga ingin memberi cadangan kepada Yang Berhormat Menteri supaya kalau boleh pusat-pusat khidmat Ahli Parlimen, ADUN kerjasama bawa wanita keluar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri supaya sama-sama kita *arrange outing* yang diatur sama oleh pejabat-pejabat Ahli-ahli Yang Berhormat.

#### ■1120

Saya nak kongsi ini kerana di Selangor sudah pun dibuat dan mereka pergi *outing*, bawa bas dan bawa wanita keluar. Diatur dan disusun oleh pejabat Ahli-ahli Yang Berhormat dan kemudian kerjasama dengan jabatan untuk bawa ke pusat-pusat tadi tetapi mesti digabungkan sebab saya ada sebut sebelum ini bahawa *mammogram*, dia ada 10% hingga 15% yang dia *miss* dan kalau *stage* awal memang akan besar kemungkinan akan *miss* dengan *mammogram* dan bagi wanita muda, perlu sangat kepada *ultrasound*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan-cadangan ini memang sangat baik dan memang sentiasa kami pastikan bahawa kita menambah baik.

Jadi untuk makluman kepada Yang Berhormat, memang 10 bas yang ada itu tidak mencukupi, itu kita akui namun ianya *complimentary* sebab sebenarnya yang menjaga daripada segi kesihatan adalah Kementerian Kesihatan. Kita membuatkan *complimentary*. Jadi kita mengadakan *awareness*, yang pentingnya supaya wanita-wanita yang kita *reach out* ini dia sedar dan untuk makluman Yang Berhormat, ini adalah perjuangan kita bersama. Ada wanita ini dia segan, dia *very shy*, dia segan, Tan Sri tetapi *once* kita *explain*, kita maklumkan, jadi dengan kumpulan yang ramai, dia nak beramai-ramai jadi hilang segan. Dia pergi sekali untuk mengadakan saringan atau untuk pemeriksaan payudara.

Sebenarnya Tan Sri, bukan sahaja payudara, sebenarnya banyak lagi saringan kesihatan yang kita buat tetapi yang pentingnya kita dapat menyedarkan kumpulan ini dan terima kasih kepada Yang Berhormat, sebab ini memang kita selalu sarankan kepada semua Ahli Yang Berhormat supaya mereka mengadakan untuk membawa kumpulan sasar, wanita ini kepada kami dan *insya-Allah* kita akan menjalankan daripada segi program-program itu bersama. *Ultrasound* itu tadi Yang Berhormat, sebenarnya memang kita kata ujian *mammogram* tetapi bila

sudah berada di 60 pusat *mammogram* itu, sebenarnya pakar di situ yang akan menentukan. Kadang-kadang dia tengok *stage* dan dia boleh mencadangkan melalui *ultrasound*. Terima kasih.

**8. Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, tentang perkembangan pembinaan Lebuhraya DUKE2 yang membabitkan kos dan bilakah tarikh yang akan siap.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 14 November 2014, status projek pembinaan projek sambungan Lebuhraya Duta ke Ulu Klang atau DUKE Fasa II telah mencapai kemajuan keseluruhan 21% iaitu melibatkan kerja-kerja asas *foundation*, dengan izin, pembersihan tapak dan pengurusan trafik. Projek dengan anggaran kos sebanyak RM1.18 bilion ini telah dimulakan pada awal tahun 2014 dan ia dijangka siap dalam tempoh 36 bulan iaitu pada akhir tahun 2016. Skop projek DUKE Fasa II ini melibatkan skim mengatasi kesesakan trafik di sekitar jajaran DUKE sedia ada iaitu di Jalan Segambut, Jalan Tun Razak, Jalan Pahang dan Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Projek ini dilaksanakan oleh pihak Konsortium Lebuhraya Utara-Timur KL Sdn. Bhd. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan Timbalan Menteri. Nampaknya DUKE Highway ini adalah satu *highway* yang baik, dan saya sentiasa guna *highway* itu pergi ke Wangsa Maju tetapi masih ada *bottle neck* seperti contoh dari arah Mont Kiara ke Setapak *exit* Gombak, lepas itu *bottle neck* di Kampung Padang Lalang. Bolehkah Timbalan Menteri minta pihak DUKE dengan kerjasama DBKL selesai perkara ini. Terima kasih.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih di atas soalan tambahan Yang Berhormat Wangsa Maju. Sebenarnya Yang Berhormat, kementerian seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi sentiasa bekerjasama dengan pihak DBKL. Sebenarnya kementerian mengarahkan pihak konsesi untuk melaksanakan pengurusan trafik di kawasan yang melibatkan pembinaan DUKE II ini, Yang Berhormat. Kita akui kawasan pembinaan DUKE II ini adalah melalui jalan sedia ada dan dibuat atas *elevated structured* secara keseluruhannya Yang Berhormat.

Jadi ia melibatkan banyak kawasan *bottleneck* dan sebenarnya Yang Berhormat, pengurusan trafik ini seperti Yang Berhormat ketahui perlu mendapat kelulusan daripada DBKL dan pihak LLM serta pihak konsesi akan sentiasa bekerjasama seperti yang saya katakan tadi dan di dalam perkara ini untuk pengetahuan Yang Berhormat, LLM sentiasa mengadakan mesyuarat berkala dengan pihak DBKL dan juga pihak konsesi untuk memantau serta menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan projek ini termasuklah masalah pengurusan trafik dan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu kita telah catat dan juga akan sampaikan kepada pihak konsesi dan pihak LLM. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya menteri, disebabkan kerajaan telah bersetuju diperpanjang jajaran DUKE *highway* ini, saya nak tahu sama ada disebabkan apabila telah selesai pengiktirafan ini, dia akan *effect* kadar tol yang dikenakan ini ataupun untuk tidak memanjangkan ini, kerajaan membenarkan pula tol ini dipanjangkan tempoh konesinya. Terima kasih.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiawangsa di atas soalan beliau. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, seperti yang kita ketahui, DUKE II masih dalam tempoh pelaksanaan, dalam proses pembinaan dan segala pengumuman ataupun keputusan mengenai tol ini akan dibuat sejurus sahaja selesainya projek ini dilaksanakan. Apa sahaja projek lebuh raya sekalipun dan sebenarnya dalam soal ini, kerajaan berhak untuk menyemak semula harga tol yang telah dipersetujui sekiranya perlu, Yang Berhormat ya.

Seperti yang saya katakan tadi dan sebelum ini dalam penggulungan ucapan Kementerian Kerja Raya, sebenarnya apa-apa keputusan akan dibuat oleh kerajaan apabila kita melihat kepada sentimen, ataupun keperluan rakyat di bawah, Yang Berhormat. Dalam soal sama ada menaikkan tarif tol atau tidak pun terletak kepada kerajaan, dan walaupun kita telah membincangkan mengenai *toll rates* ini, penangguhan kenaikan tol dan juga terdapat sejumlah peruntukan telah diperuntukkan tetapi sekiranya kerajaan membuat keputusan atau membiarkan kenaikan harga tol, itu adalah terpulang kepada kerajaan kerana kerajaan berpandukan kepada apa yang dilihat sebagai keperluan rakyat di bawah, Yang Berhormat ya.

Seperti contoh yang semalam, sebenarnya saya *misquoted* ya Tan Sri. Saya mohon izin untuk diperbetulkan oleh rakan-rakan media. Sebenarnya kerajaan belum membuat keputusan mengenai kenaikan sama ada hendak menaikkan harga tol atau tidak. Ini terpulang kepada apa yang akan dimesyuaratkan sempena dengan Mesyuarat Sara Hidup yang akan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri sendiri.

Jadi walaupun *allocation* ataupun peruntukan telah ditetapkan, ini kita akan terpulang kepada kerajaan sama ada memutuskan menaikkan harga tol atau tidak. Jadi samalah dalam soal ini, *toll rates* ini akan diumumkan sejurus sahaja projek disiapkan kerana kerajaan berhak untuk menyemak semula sama ada mengenakan harga tol yang sama ataupun harga tol yang berbeza, Yang Berhormat ya. Ini akan diputuskan selepas sahaja projek lebuh raya yang menyentuh dalam isu ini Lebuh Raya Duta ke Ulu Klang Fasa II ataupun DUKE II, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

### ■1130

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi bagi pertanyaan-pertanyaan untuk jawapan lisan berakhir. Yang Berhormat Arau usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1).

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.30 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 20 November 2014”

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2015**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2015 dan Anggaran Pembangunan 2015 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Ketujuh]**

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Maksud B.47 [Jadual] -**

**Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan 2015] –**

**Tuan Penggerusi:** Kepala Bekalan B.47 dan Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Sila Yang Berhormat Lenggong teruskan hujah.

**11.31 pg.**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Penggerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas P.47 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]**

Saya ingin menyambung perbahasan saya semalam. Saya ingin berbahas dalam 13000 – Program Jalur Lebar, 1600 dan juga 1500.

Bagi Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa revolusi teknologi maklumat ini yang bermula pertengahan awal 90an sudah begitu berubah dan kita dapat lihat bahawa peningkatan begitu ketara dan berlaku perubahan yang begitu pantas. Maka kalau kita lihat dahulu bahawa *internet* jalur lebar berkelajuan tinggi ini hanya merupakan sesuatu yang dianggap mewah dan kepada yang tidak mampu, mereka melihat ini sesuatu yang sukar untuk mereka nikmati.

Akan tetapi hari ini, dengan perubahan-perubahan yang sudah berlaku kita dapat lihat bahawa ia bukan lagi dilihat sebagai sesuatu kemahuan tetapi merupakan satu keperluan terutama sekali kepada masyarakat luar bandar. Kita di kawasan masing-masing pun di dalam waktu kita memberi perkhidmatan kepada rakyat, kalau dahulu kita pergi ke bawah, orang minta kita hendak talian telefon, hendak elektrik, hari ini dia minta program jalur lebar, nak Kampung WiFi. Maknanya permintaan di kalangan rakyat pun sudah berubah dan ini memperlihatkan satu sinar baru sebenarnya dalam evolusi internet Malaysia.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum ini telah pun melancarkan Program Insentif Jalur Lebar Kebangsaan di mana kita melaksanakan program-program pelaksanaan Pusat Jalur Lebar Komuniti, Pusat Internet 1Malaysia dan beberapa program lain dan peruntukan yang diperuntukkan untuk program-program ini begitu tinggi dan begitu banyak sekali.

Hari ini kita dapat lihat bahawa kadar penembusan jalur lebar dalam negara kita walaupun kita telah melakukan pelbagai usaha, kita faham bahawa masih lagi boleh ditingkatkan kerana kadar penembusan jalur lebar di Malaysia kalau kita bandingkan dengan negara lain memang agak rendah lagi dan mesti dipertingkatkan. Kita lihat juga jalur lebar untuk orang awam dan juga banyak dibuat dan dilaksanakan. Oleh itu saya ambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini saya mohon supaya program-program jalur lebar ini capai internet ini dipertingkatkan. Di kawasan Parlimen saya sebagaimana umum telah mengetahui bahawa telah pun diwartakan sebagai tapak warisan dunia dan kehadiran masyarakat luar terutama sekali daripada pelancong luar terutama di kalangan ahli akademik, di kalangan pengkaji-pengkaji dan tentunya memerlukan kemudahan-kemudahan ini.

Jadi saya minta kementerian untuk melaksanakan program jalur lebar ini dan membolehkan keseluruhan kawasan Lembah Lenggong ini disediakan kemudahan ini untuk membantu dan meningkatkan kehadiran ramai lagi pengkaji-pengkaji ahli akademik yang terlibat dalam arkeologi. Jadi permohonan sebenarnya telah pun kita kemukakan kepada SKMM dan saya minta supaya kerajaan mempertingkatkan kemudahan ini.

Kalau kita lihat sebenarnya, keperluan dan permintaan Kampung WiFi ini dia bukan hanya kepada masyarakat atau kampung-kampung tradisional biasa. Akan tetapi sebenarnya untuk kampung-kampung dan kawasan Orang Asli pun sebenarnya sudah ada permintaan. Oleh sebab itu saya mohon juga kawasan saya ada satu kawasan Orang Asli di RPS Dala, jauh ke

dalam. Saya minta kalau boleh diberi juga kemudahan ini, memang satu keperluan. Kita tidak boleh lagi beza-beza antara mereka dan memang keperluan. Saya minta untuk ditambahkan perkara ini.

Satu lagi berkaitan dengan kementerian ini, saya ingin bercakap berkaitan dengan 0500 – Jabatan Penerangan Malaysia. Kita faham bahawa Jabatan Penerangan Malaysia berfungsi untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar negara, falsafah negara, juga tentunya untuk menjayakan apa yang diinginkan oleh negara di bawah Wawasan 2020 misalnya. Oleh sebab itu juga berfungsi untuk mengurus isu dan memastikan supaya agenda dan apa yang diinginkan oleh kerajaan dapat benar-benar difahami oleh rakyat.

Saya juga dimaklumkan bahawa fungsi Jabatan Penerangan Malaysia juga untuk memperkuuhkan dan memperluaskan jalur komunikasi ini bagi memastikan supaya apa juga maklumat-maklumat strategik dapat disalurkan dengan berkesan kepada rakyat. Untuk itu, saya ingin memaklumkan bahawa di kawasan saya memang ada pemancar radio TV di Bukit Ladang Teh di Lenggong tetapi malangnya perlu ditingkatkan. Oleh sebab ini isu lama kerana siaran untuk TV dan radio di kawasan Lenggong ini memang bermasalah kerana pemancar ini tidak begitu dapat memberikan dan melaksanakan fungsi dengan baik.

Satu lagi ialah pemancar TV di Kampung Air Panas, Gerik juga di dalam kawasan Parlimen saya juga. Saya harap supaya ditingkatkan kerana kawasan-kawasan yang berkenaan mendapat siaran radio dan juga TV yang agak tidak begitu jelas, terganggu dan ia perlu ditingkatkan. Isu ini isu lama dan telah beberapa kali disebut dan saya cakap dalam Dewan yang mulia ini. Saya harap pihak kementerian untuk mengambil tindakan segera dan mengambil perhatian dengan perkara ini. Satu lagi ialah 1600...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh, Yang Berhormat Lenggong bagi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Beruas bangun.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh dapat penjelasan? Terima kasih Tuan Pengerusi. Memandangkan banyak tempat di pedalaman Malaysia tidak dapat siaran yang baik, adakah Yang Berhormat Lenggong bersetuju kalau kerajaan membenarkan *parabola dish* digunakan kerana ia dapat menerima siaran yang lebih luas, boleh dari luar negara pun boleh diterima. Ini dunia sudah menjadi satu dunia global, melalui *internet* kita dapat terima semua berita di seluruh dunia dan juga *internet information* dan juga filem-filem ataupun berita seluruh dunia. Sudah sampai masa lah kita guna *parabola dish* supaya rakyat seluruh Malaysia dapat siaran yang jelas. Setuju tak?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Pengerusi, kalau ianya tidak menyalahi dasar dan polisi negara dan tidak menjelaskan apa yang ingin dicapai oleh kerajaan, saya fikir ia boleh dipertimbangkan oleh kerajaan. Saya cukup bimbang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong, setiap kali Yang Berhormat Lenggong berucap, saya perhatikan Yang Berhormat Lenggong pandang ke kiri, tak pandang ke depan. *[Dewan riuh] [Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Siapa yang jadi idola Yang Berhormat Lenggong?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Okey, okey. Tak apalah, selepas ini saya pandang Speaker. Saya pandang Speaker.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** *Handsome* juga Speaker ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Oh, betul, betul, betul.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tengok tempat duduk Menteri itu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Oh! Jadi...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Ada angan-angan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Dia cari Yang Berhormat Parit Sulong. *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kepong fahamkah apa *depa joke* ini? Saya hairan dengan Yang Berhormat Kepong, kesian dia.

#### ■1140

Jadi Tuan Pengerusi, kalau ianya tidak menyalahi dasar dan tidak menimbulkan masalah apa salahnya kenaikan gaji? Kebimbangan saya ialah apabila hari ini kita pun menghadapi masalah apabila internet, media sosial kita yang kita laksanakan dalam negara ini telah menimbulkan pelbagai masalah dalam pelbagai perkara. Ini kerana mungkin dari segi dasar dan polisi yang kita buat sewaktu kita wujudkan dasar waktu kita tubuhkan Multimedia Super Corridor itu hari ini kita menerima kesannya. Saya bimbang juga nanti, kalau apa yang disebut oleh Yang Berhormat Beruas tadi juga menimbulkan kesan yang sama dan menambahkan lagi masalah kepada kita. Cuma kalau ianya tidak menimbulkan masalah dan ada keperluan, saya harap perkara yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Beruas tadi dikajilah, sama ada setuju atau tidak bergantung kepada dasar, polisi dan keperluan negara. Oleh sebab itu...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Laluan Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang mungkin timbul...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Masa berapa minit, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebenarnya Yang Berhormat Beruas, masa Yang Berhormat Lenggong sudah habis.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kalau begitu saya tidak mencelah lagi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** JASA. Saya hendak sebut JASA.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebab apa berdiri Yang Berhormat Kepong? Fasal apa berdiri? *[Ketawa]* Minta maaf, Yang Berhormat Kepong ini baik. Dia pakar kulit. Siapa sakit kulit boleh jumpa Yang Berhormat Kepong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Butiran berapa?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** JASA, JASA memang penting, agensi ditubuhkan kerajaan di bawah kementerian ini yang juga bertujuan untuk memastikan supaya segala agenda, segala dasar dan polisi yang kerajaan lakukan tidak diputar belit oleh pelbagai pihak. Ini terutama sekali hari ini dengan pelbagai fitnah dan tohmahan yang dibuat yang memutarbelitkan apa juga perkara-perkara yang baik dilaksanakan oleh kerajaan. Oleh sebab itu saya menyokong walaupun ada rakan-rakan semalam sebut, JASA tidak memainkan peranan yang betul. Sebab itu saya dalam Dewan yang mulia ini, harapkan JASA ini terus pertamanya, ditambahkan lagi peruntukan. Ini kerana fungsi dan peranan mereka penting, bukan hanya peruntukan tambahkan lagi jumlah kakitangannya di kawasan-kawasan DUN dan kawasan Parlimen supaya mereka terus dapat menjadi anggota dan agensi yang terus memainkan peranan melaksanakan fungsi ini.

Cuma pihak kementerian saya harap supaya badan-badan seumpama ini menjalinkan hubungan dengan Seranta, KEMAS dan dengan semua agensi lain supaya setiap isu dan perkara-perkara yang hendak dikemukakan oleh kerajaan difahami terlebih dahulu oleh kumpulan ini supaya mereka dapat menyampaikan dengan lebih berkesan kepada negara.

Semalam kerajaan mengumumkan penurunan 20 sen harga minyak. Saya tengok tidak adapun kumpulan sini ucap terima kasih. Akan tetapi waktu naik hari itu bising bukan main lagi. Jadi kalau JASA faham dan tahu fungsi mereka, mereka boleh memainkan peranan untuk menunjukkan bahawa kita banyak melakukan perkara baik kepada rakyat. Oleh sebab itu saya minta supaya pertamanya tingkatkan dari segi peruntukan tambah pegawai dan saya juga ingin tahu bagaimana dengan pegawai-pegawai bukan Melayu, kerana saya percaya agenda dan fungsi kerajaan juga mesti kita sampaikan dengan begitu baik kepada rakyat pelbagai kaum. Jadi JASA mesti melakukan pelbagai perubahan sesuai dengan keadaan pada ketika ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kepong. Selepas itu Yang Berhormat Kinabatangan dan selepas itu Yang Berhormat Sepang.

#### **11.44 pg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, Butiran 010000 - Pengurusan dan Butiran 090000 - BERNAMA. Secara ringkasnya Tuan Pengerusi di kerajaan iaitu kementerian bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan sudah mengadakan 1BestariNet. 1BestariNet ini saya diberitahu bahawa sudah sampai ke hampir 10% ataupun lebih kurang macam itu kepada sekolah-sekolah kita ada jumlah lebih 10,000 sekolah. Akan tetapi saya hendak Yang Berhormat Menteri memberitahu kepada Dewan ini, walaupun ini disampaikan kepada banyak sekolah, tetapi peratusan yang dapat menggunakan 1BestariNet dengan cekap, itu kita hendak

tahu. Tidak gunalah kita ada rangkaian seumpama ini, tetapi peratusan yang pandai menggunakan tidak sampai 20%, ini memang satu perkara yang tidak boleh diterima. Kita tidak boleh harap kepada Yang Berhormat Lenggong kerana dia ragu-ragu tentang data negara pun ragu juga. Macam mana kita boleh harapkan?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sudah minumkah belum?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kita harap 1BestariNet ini dapat dijayakan kerana berbelanja berbilion ringgit. Akhir sekali mengenai BERNAMA. BERNAMA memang memainkan peranan yang penting di dalam negara ini misalnya BERNAMA TV. Saya nampak ada masalah mengenai kakitangan, mungkin gaji bulanan pun menimbulkan masalah dan sebagainya. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, macam mana dari segi pengurusan, perkembangan BERNAMA ini termasuk BERNAMA TV dapat dijalankan dengan betul. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

#### 11.46 pg

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada beberapa perkara iaitu lima butiran iaitu Butiran 050000, 130100, 31000, 019000 05000. Pertama iaitu internet jalur lebar. Kementerian sedang sibuk untuk memasang internet jalur lebar di kampung-kampung khususnya. Akan tetapi malang sekali dia punya kesampaian jalur lebar ini, *[Disampuk]* capaian dia susah sangat. Saya berapa kali masuk kampung, saya dipanggil untuk merasmikan, menengok, saya sendiri pun ikutlah. Tunggu setengah jam tidak masuk-masuk juga. Jadi perkara ini orang kata indah khabar dari rupa. Duit banyak kita labur, tetapi tidak sampai kepada apa yang kita cita-citakan. Saya minta Menteri dan Timbalan Menteri dia cuba, kalau ikut saya turun ke Kinabatangan. Kalau tidak percaya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini Baling sekali.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Baling pun termasuk. Kalau tidak percaya mari ikut saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Baling ini dapat Datuk Seri Panglima, Yang Berhormat Kinabatangan bila pula dapat?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi tambah sikit, hari jadi dia juga.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Pengerusi, rezeki di mananya. Tahniah kepada Yang Berhormat Baling.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hari jadi Yang Berhormat Baling hari ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya sendiri orang Sabah pun belum dapat. *[Ketawa]* Dia ini orang kata *special one*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Internet tidak sampai ke Kinabatangan ya?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Internet tidak sampai di Baling, dia sampai. Jadi oleh kerana itu, hasrat kerajaan itu untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara wilayah dengan penggunaan internet ini, maka duit yang disalurkan itu benda yang dibawa itu, jalur lebar kononnya itu, biarlah perisiannya ada maknanya, *[Disampuk]* yang betul-betul lebar.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Tuan Pengerusi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini komputer tekan-tekan, tekan tidak masuk.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Tuan Pengerusi, boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Gantang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini saya punya guru. Tidak bagi saya berdosa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Akan tetapi Yang Berhormat Kinabatangan juga guru sama saya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan rungutan daripada Yang Berhormat Kinabatangan berkenaan dengan jalur lebar, sebenarnya bukan sahaja berlaku di kawasan pedalaman, malahan juga rungutan juga berlaku di sekolah bandar. Di area Gombak sendiri pun rungutan daripada guru-guru terutama akhir tahun untuk memasukkan data, rungutan berlaku, kerana permasalahan Internet yang agak *slow* kadang-kadang terpaksa menggunakan yang peribadi sendiri berbanding dengan disediakan oleh sekolah. Apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

■1150

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang betul, tidak perlu jauhlah. Dalam Dewan ini pun oleh kerana kita berebut WiFi... *[Disampuk]* Media massa menggunakan WiFi yang sama, wakil rakyat pun menggunakan sama, sama-sama tidak dapat. Jadi saya syorkan untuk di Parlimen ini kalau boleh guna dua *password*. Satu untuk *public*, satu untuk Ahli-ahli Parlimen. Oleh sebab ini pun perlu, wakil rakyat perlu berkomunikasi dengan dunia luar. Jadi tidak perlu cakap di Gombak, di luar bandar. *[Disampuk]* Di dalam Dewan ini pun susah mahu dapat. Jadi ini pun perlu diambil perhatian oleh kementerian. Memang betul, seharusnya kita ada peruntukan berbilion-bilion iaitu *high-speed broadband*. Mana ada *high-speed broadband*, yang ada *slow-speed*. Ini yang masalah, *slow-speed badband* ini yang kita ada. Macam Yang Berhormat Seputeh, *slowband*.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Mari salam dengan saya, *you gaduh dengan saya dulu bukan?*

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi, kementerian harus melihat perkara ini sebab dunia...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Macam kita tengok...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan, ada dua yang bangun. Yang Berhormat Pendang dan juga...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Minta laluan. Gopeng, Gopeng.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Pendang dulu. Yang Berhormat Pendang dulu.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kinabatangan, saya mendapat maklum balas sendiri mengatakan daripada pegawai Telekom yang bersama-sama dengan SKMM (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia) yang memasang di kampung saya. Dia mengatakan peralatan yang digunakan itu *very low quality*. *Very low quality*, saya hendak ulang perkataan ini sebab di depan rumah saya. Mula-mula janji 20 kilometer, apabila dia pasang ia hanya 50 kilometer. Terpaksa pengguna-pengguna anak sekolah duduk di bawah pemancar itu. Yang Berhormat Kinabatangan, untuk makluman. Silakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Yang Berhormat Kinabatangan, ini khususnya berkenaan dengan *high-speed broadband* ini. Pertama, kita lihat penetrasi *broadband* di Malaysia itu agak tidak memuaskan setakat ini, kalau dibandingkan dengan negara-negara Korea dan juga Singapura. Kedua, yang ada *broadband* pun di kawasan bandar di mana kawasan desa itu agak ketinggalan dan ini akan menjadikan *digital divide*.

Ketiga, apabila kita ada definisi *broadband*, apakah definisi yang digunakan oleh kementerian dalam definisi ini? Oleh kerana kalau kita lihat di negara-negara luar, *broadband* itu sekadar 10Mb, mungkin sampai ada yang satu yang lebih tinggi. Akan tetapi di Malaysia apabila kita sampai 1Mb, kita sudah kata *broadband*. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Stampin boleh?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang dan Yang Berhormat Gopeng. Sekejap, saya mahu jawab dulu. Kalau panjang payah sikit. Oleh sebab inilah sebetulnya masalah yang kita hadapi. Oleh sebab itu saya meminta kementerian supaya lebih fokus. Kalau kerajaan menyediakan peruntukan yang banyak berbilion-bilion, hasilnya kena ada. Dia punya ROI kena ada. Ini berbilion-bilion, tetapi hasilnya kurang. Kontraktor untung, tetapi rakyat tidak mendapat manfaat.

Jadi sebelum itu Tuan Pengerusi, saya ingin mengalu-alukan kedatangan kakitangan Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang. [*Tepuk*] Diketuai oleh Encik Mohd Mukhwim bin

Maghribi, Ketua Penolong Pendaftar, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia ke Dewan Rakyat. Ini pun *broadband* juga yang membawa mereka ke mari.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Kinabatangan boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Stampin, cuma saya hendak ingatkan Yang Berhormat Kinabatangan tidak ada masa, *extra time* diberikan.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Okey, 20 saat. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, dekat Kuching ada rakyat yang beli pakej 2Mb/sec, ada yang beli 4Mb/sec, ambil pakej 4Mb/sec. Akan tetapi tidak berguna, sama sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan yang pakej-pakej ini, 1Mb atau 2Mb atau 4Mb tetapi akhirnya, kelajuannya sama. Kuching ini walaupun dia *city*, ada banyak tempat masih tidak ada *fiber optic* lagi. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya sebetulnya ini masalah, yang untung tukang jual. Dia jual bermacam-macam jenis, *promote* sana, *promote* sini, *supply* sana, *supply* sini tetapi hasilnya tidak ada. Tidak ada pemantauan. Kenapa tidak ada pemantauan? Apa kerja SKMM? Saya pun tidak tahu apa kerja dia, sama ada dia bekerja atau tidak, saya tidak tahu. Akan tetapi yang jelas bahawa rakyat tidak - Seolah-olah kita ada penghalang di antara hubungan antara satu dengan yang lain, sedangkan kita ini berbicara soal global, soal dunia tanpa sempadan tetapi kita dibatasi, dilimitasi oleh kelalaian kita sendiri.

Satu lagi menjadi rungutan rakyat pada hari ini Tuan Pengerusi, iaitu Astro. Kenapa Astro ini dia suka-suka? Baru-baru ini dia naik lagi caj RM5. Naik lagi RM5, naik harga lagi, siaran dia tidak bagus. Kalau hujan sikit sudah hilang siaran. Angin sahaja pun sudah hilang, tetapi masih bermaharajalela. Dia punya siaran tayangan wayang dia berulang-ulang kali. Satu *movie* 20 kali, dia ini *recycle*. Dia balik, balik, balik, balik, balik. *[Disampuk]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak fahamlah kenapa. Tutup sahajalah Astro ini ataupun benarkanlah, bagilah orang-orang rakyat Malaysia ini memasang parabola masing-masing supaya kita boleh mengakses dunia luar.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Kinabatangan, boleh mencelah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan, ada dua yang bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya ini terlampaui lakulah Tuan Pengerusi. Sila. *[Ketawa]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Kinabatangan, pasal Astro Yang Berhormat Kinabatangan. Saya rasa kalau kita tengok perbahasan kita *Hansard*, daripada berapa tahun kita sudah bercakap pasal Astro, sampai ke hari ini tidak ada tindakan untuk Astro. Harga pun sudah naik. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan, bukankah agaknya digital televisyen, digital TV yang tengah hendak keluar, hari ini di surat khabar pun keluar, boleh menyelesaikan masalah Astro dan kita tidak perlu Astro untuk kita tengok siaran-siaran lain. Kita minta kerajaan galakkan...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]**

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Digital TV. Buang dan tutup sahaja Astro itu. Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Kinabatangan. Tambah sikit, tambah sikit, Astro. Sikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya hendak tahu tahun ini sahaja...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Pengerang pun saya tidak jemput lagi, Yang Berhormat Kapar pun saya tidak jemput lagi. *[Ketawa]* Sila, sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya hendak tahu tahun ini sahaja, berapa kali Astro sudah naikkan fi dia. Terima kasih. Tahun ini sahaja berapa kali?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, saya pun lupa tetapi banyak kali. Tiga kali kalau tidak silap. Saya minta kementerian buat kajian. Okey, ini terakhir. Sila.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terakhir celahan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jadi saya hendak dapat pendirian Yang Berhormat Kinabatangan, seperti Yang Berhormat Lenggong kata tadi, kita boleh sokong gunakan parabola seperti yang memang di Sabah dan Sarawak. Saya nampak banyak, tetapi tidak tahu secara sah atau tidak. Kalau boleh kerajaan buat satu keputusan, kita dibenarkan menerima semua maklumat dan juga program-program dari seluruh dunia seperti internet. Setuju tidak? Kita tidak payahlah Astro. Ini kerana sekarang kerajaan hanya hendak melindungi Astro sahaja, tetapi rakyat yang susah. Jadi setuju tidak sokongan saya Yang Berhormat?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kali pertama saya setuju ini. *[Ketawa]* Tutuplah Astro. Oleh sebab dalam perjanjian dia, apabila Astro ini beroperasi, dia tidak boleh menyiar iklan, sebab dia TV berbayar. Akan tetapi iklan dia, *masya-Allah* kalah TV3 punya iklan. Akan tetapi saya tidak nampak dia dibawa ke mahkamah pun. *[Disampuk]* Berapa kali Astro sudah dibawa ke mahkamah sebab iklan? Oleh sebab dalam dia punya *term* pun tidak disiar, apabila TV berbayar ini dia tidak boleh menerima iklan, tetapi iklan dia berbilion-bilion. Dua

kali rakyat ditipu, kerajaan ditipu oleh Astro. Cukup, cukuplah. *[Tepuk]* Tutuplah Astro. Siapa punya Astro? Siapa pun dia di Malaysia ini, tutuplah Astro ini. Tidak menguntungkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan, tidak bimbangkah akan ada pelakon drama kena sekat daripada masuk Astro? *[Ketawa]* Nanti, tidak boleh masuk.

■1200

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi ini kelakar lah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Soalan maut, soalan maut.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sebetulnya *insya-Allah* rezeki di mana-mana. Kita tidak bimbang, kita— pertama rakyat dulu, keutamaan kita.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Kinabatangan kena isytihar kepentingan ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Rakyat dulu keutamaan kita. Lagi pun..

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya bimbang, bimbang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sudah sampai masanya lagi lah Astro ini harus diberhentikan sebab seperti kata rakan saya tadi, digital TV ini pun sudah berleluasa. Jadi galakkan lah, berilah dia pendedahan yang sebanyak mungkin dan kita menikmati siaran yang lebih memuaskan kita tanpa ada sekatan dan tanpa ada gangguan. Kalau ada angin sikit, angin sepoi-sepoi pun kita tidak dapat menonton. Akhir sekali Tuan Pengerusi iaitu..

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Butiran, butiran apa?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang ini.. *[Dewan riuh]* Butiran NKRA.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tidak ada butiran.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** NKRA ini ia menyeluruh iaitu saya melihat bahawa perlu juga sebab kita melihat bahawa seniman-seniman kita ini, Presiden Seniman pernah berjumpa dengan saya kelmarin, dia meminta saya menyuarakan iaitu sudah hampir 30 tahun Industri Perfileman Negara, Industri Kreatif Negara tidak ada perubahan langsung dari segi pembayaran-pembayarannya. Contohnya satu drama, kalau RM90,000 dibayar oleh stesen-stesen TV, daripada 30 tahun yang lalu sampai sekarang masih harga yang sama. Jadi ke arah bagaimana industri perfileman ini dia kata dapat kita kembangkan sedangkan negara-negara lain sudah menuju ke arah perubahan iaitu stesen-stesen TV Astro ini mengaut untung tapi ia cekik orang juga. Dia kata kalau mahu, mahu, tidak mahu *no deal*. Ini yang berlaku.

Jadi, *[Disampuk]* kepentingan tidak ada. *[Ketawa]* Jadi itu saja lah Tuan Pengerusi, saya harap pihak kementerian boleh mengkaji cadangan-cadangan ini dan melihat bahawa kepentingan rakyat harus kita utamakan dan Astro harus diberhentikan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, macam ini lah berbahas, kita tidak bersakit-sakit hati, *temperature* Tuan Pengerusi pun tidak naik, songkok pun tidak tanggal. *[Ketawa]* Yang Berhormat Sepang, berbahas secara elok ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Elok, elok, elok. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila. Nanti terpaksa pula saya yang tanggalkan songkok.

**12.03 tgh.**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, terima kasih banyak kerana membenarkan saya berucap pada peringkat jawatankuasa ini. Saya ingin berbahas mengenai beberapa butiran, pertamanya Butiran 040000 - Penyiaran. Saya ingin mencadangkan sebab saya rasa – saya memujilah tindakan pihak RTM yang mungkin telah menyiarkan siaran langsung soal jawab Parlimen dari pukul 10.00 hingga pukul 11.30 pagi.

Akan tetapi saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian, apa salahnya kalau dalam sesi panjang seperti ini iaitu bulan Oktober kah atau dalam setiap sesi Parlimen adakan satu hari mungkin hari Khamis kah sebab biasa hari Khamis kita sampai pukul 5.30 petang. Di mana penyiaran itu dilanjutkan. Bukan sekadar sampai pukul 11.30, kita masukkan juga siaran langsung perbahasan-perbahasan selepas pukul 11.30 pagi itu. Saya harap Menteri Komunikasi ini sebab dia adalah Menteri yang sepatutnya mudah untuk memahami tentang maklumat ini, tentang betapa perlunya maklumat ini kerana dia pernah berada dalam pembangkang. Dia pernah merasai penafian maklumat ini. Jadi dia lebih mudah faham daripada Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling sejak lahir sampai sekarang berada dalam UMNO saja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itu jemput Yang Berhormat Baling, nasib baik Yang Berhormat Baling tidak ada dalam Dewan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, hendak bagi contoh lah, bagi contoh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baru diberi peringatan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak bagi perbandingan untuk mudah faham Tuan Pengerusi. Keduanya –jadi saya harap ini adalah satu cadangan yang saya harap Menteri ambil perhatian.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yes, silakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terpaksa tunggu Tuan Pengerusi jemput, baru bercakap dan pandang pada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya hendak tanya pada Yang Berhormat Sepang, adakah mungkin oleh kerana Menteri Penerangan pernah berada dalam pihak

pembangkang, maka dia memahami betapa berkesannya kawalan atas media ini? Bukan untuk membawa perubahan tetapi memanfaatkan dengan sepenuhnya.

Maka kita di sebelah sini kita mengharapkan bahawa pengalaman dia sebagai seorang pemimpin dalam pembangkang akan menyebabkan dia membuka ruang penerangan itu kepada semua pihak tetapi pengalamannya sebagai pembangkang menyebabkan dia memahami bahawa dengan kawalan atas media dan penerangan ini, ia merupakan di antara senjata yang paling ampuh untuk menghalang kemaraan. Apakah pandangan Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya setuju 100% dengan Yang Berhormat Shah Alam dan mungkin inilah masalah apabila daripada pembangkang masuk Barisan Nasional, bila masuk dalam Barisan Nasional, dia terpaksa ubah pemikiran dia. Jadi dia terpaksa ikut *tune* Barisan Nasional. Jadi itu kita simpatilah dengan dia. Akan tetapi kita harap sebagai Menteri yang ada pengalaman itu, dia bolehlah tukar sikit pendiriannya dan saya yakin dia boleh buat benda itu kalau dia betul-betul ada *political will*.

Seterusnya saya juga ingin menyatakan, kita berbahas dalam Jabatan Penerangan ini berkaitan dengan RTM yang kita tahu adalah sebagai juru cakap kepada kerajaan. Kita mengamalkan sistem *federalism*. Jadi kalau Kerajaan Pusat merasakan ada keperluan malahan ada satu macam badan, dia panggil Gerak Saraf dan Pengurusan Isu 051000. Maknanya dalam –kalau tengok dalam website nya mengatakan antara peranan gerak saraf ini adalah memantau apa-apa isu yang dilihat boleh menjelaskan kerajaan. Jadi saya merasakan kalau Kerajaan Pusat ini merasakan ada keperluan menubuhkan JASA, RTM dan sebagainya kenapakah kita tidak *share* sentimen yang sama kepada kerajaan negeri?

Saya mencadangkan kena buat liberalisasi, berikan hak kerajaan negeri untuk *operate* televisyen sendiri supaya mereka boleh memberi maklumat kepada rakyat supaya mereka tidak tertipu dengan ataupun mereka hanya menerima maklumat daripada satu pihak saja. Ini kerana kita bercakap soal kerajaan, if kerajaan pusat memerlukan satu saluran untuk menyiar maklumat, sudah tentu kerajaan negeri Pulau Pinang khususnya, Kelantan dan juga Selangor, saya percaya kalau diberikan izin..

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mereka boleh juga memainkan peranan untuk menyampaikan maklumat dengan mudah kepada rakyat.

**Tuan Pengurus [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kubang Kerian sila.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengurus, terima kasih Yang Berhormat Sepang. untuk makluman Yang Berhormat Sepang, sebenarnya misalnya kerajaan Negeri Kelantan pernah memohon tiga kali menghantar surat kepada pihak kementerian untuk memohon lesen radio untuk kerajaan negeri tetapi sampai sekarang pun masih lagi belum dijawab pun. Adakah Yang Berhormat Sepang perasan sebenarnya Menteri Besar Kelantan hanya sekali suaranya didengar dalam radio Kelantan selama 24 tahun menjadi Menteri Besar.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Sepang, tambah sekali. Untuk makluman Yang Berhormat Sepang mungkin, ya Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik, terima kasih, saya seorang. *[Ketawa]* Untuk makluman Yang Berhormat Sepang mungkin...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Semasa ikut peraturan, ada banyak masa tidak ikut.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat Sepang, bila Pakatan Rakyat mula-mula menang di negeri Selangor, sebenarnya pada ketika itu ada radio Selangor dan pejabat radio Selangor itu duduknya bangunan Kerajaan Negeri Selangor iaitu di SUK Selangor. Akan tetapi bila sudah menang saja, kita minta hendak cakap satu jam saja di atas radio Selangor itu tiba-tiba satu pejabat lari pindah pergi duduk dekat Wilayah Persekutuan. Nampak kelakar kah tidak, bagaimana mereka berusaha untuk menidakkannya suara pembangkang. Walaupun kita kerajaan di negeri Selangor pada ketika itu. Apa pandangan Yang Berhormat Sepang?

#### ■1210

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebab itulah saya kata, perlu ada deliberalisasi. Kerajaan kena harus tahu apabila ada deliberalisasi seperti mana yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat Kinabatangan, apabila dia mengkritik Astro, dia kata Astro ini patut *abolish*. Saya berpendapat, kita bukan *abolish* Astrosebaliknya kita buka, kita adakan *competition* supaya tidak ada satu monopoli, bukan Astro sahaja yang diberikan monopoli tetapi juga syarikat-syarikat lain yang mampu. Sebab apabila ada *competition* ini, kita akan dapat pertamanya pilihan yang lebih banyak dan keduanya ia akan dapat mengurangkan kos. Jadi saya harap, apabila tidak adanya monopoli ini ia akan membantu untuk mengurangkan beban kepada masyarakat. Itu yang kedua.

Ketiganya, saya juga ingin menyatakan bahawa - ini isu bawah tajuk *One-Off* ini. Saya ingin bertanya kepada Menteri tentang sambutan kemerdekaan ini sebab dalam *one-off* ini saya lihat tidak ada satu pun item mengenai sambutan kemerdekaan untuk tahun depan. Jadi, daripada manakah perbelanjaan tentang sambutan kemerdekaan yang kita tahu menelan belanja jutaan ringgit. Jadi saya hendak bertanya dengan Menteri, pembayaran ataupun perbelanjaan itu datang dari mana? Itu yang pertama.

Keduanya, saya ingin bertanyakan kepada pihak Menteri, apakah sebenarnya kita punya *official version* tentang kemerdekaan ini? Saya katakan begini kerana ada sebagai contoh, dahulu kita tahu ada seorang profesor daripada Majlis Profesor Negara, Profesor Zainal Keling. Dia mengatakan ada satu kesilapan kalau kita mengatakan Malaysia ini dijajah. Jadi kalaupun Malaysia ini, kalau ikut profesor itu Malaysia tidak dijajah, persoalannya kenapakah kita harus sambut kemerdekaan? Kenapa perlu menyanyikan lagu kemerdekaan di pawagam kalau tidak merdeka. Jadi saya ingin bertanyakan, adakah pendirian kerajaan negara Malaysia, negara Tanah Melayu ini tidak dijajah? Kalau tidak dijajah, kenapa ada kemerdekaan? Kalau dijajah,

adakah tindakan pihak profesor daripada Majlis Profesor Negara itu satu yang bertentangan dengan pendirian kerajaan?

Kalau Tuan Haji Mat Sabu boleh didakwa di mahkamah kerana memberikan versi yang lain tentang versi kemerdekaan ini apabila beliau mengatakan orang yang menentang kepentingan British itu adalah dikira pejuang kemerdekaan, bukan orang yang mempertahankan kepentingan British. Sudah didakwa di mahkamah dan saya sudah buat satu *research* memang satu-satunya kes di dunia ini yang mana orang bercakap tentang sejarah, dibawa ke mahkamah. Kes Mat Sabu sahaja yang terdapat 1,000 lebih *report*. Sedangkan kerajaan Johor, penulis buku, pengukir nama Johor, dalam bukunya menyatakan Mat Indera adalah tokoh pejuang kemerdekaan yang mana buku itu juga diakui oleh Profesor Ramlah Adam, salah seorang tokoh sejarah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sepang.

**Seorang Ahli:** Butiran apa itu? Butiran, Butiran.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Di bawah kemerdekaanlah. Tidak fahamkah? *[Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini sudah peringkat dasar, bukan lagi Jawatankuasa.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini peringkat Jawatankuasa, saya cakap Butiran tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Sepang ikut peringkat Jawatankuasa, Yang Berhormat Sepang dasar ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak tahu diamlah Yang Berhormat Lenggong *[Dewan riuh]*. Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong pergi minum kopilah. Tidak tahu sudah. Saya hendak tanya sebab versi ini penting sebab tadi kata Menteri adakah kita tidak patriotik bila kita menentang kononnya mainkan lagu kemerdekaan, lagu Negaraku di pawagam. Saya hendak beritahu dengan Menteri, apakah makna patriotisme yang sebenarnya? Bagi saya, yang betul-betul sebenarnya cintakan negara ini yang ada semangat patriotisme yang tinggi ialah Pakatan Rakyat! *[Dewan riuh]* Sebab kita menentang...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kita sayangkan negara dengan kita menentang polisi-polisi yang boleh menjahanamkan negara!

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kita sayangkan negara...

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Yang Berhormat Sepang ...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ....Akta-akta terus menghantui pemikiran rakyat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa guna kita merdeka tetapi dalam masa yang sama kita dijajah pemikiran kita, dijajah kebebasan kita, dijajah segala-galanya oleh Barisan Nasional [*Dewan riuh*]. Jadi bagi saya ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sepang, masa sudah cukup.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau hendak bercakap tentang soal kemerdekaan ini kita mesti jujur.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah, masa sudah cukup.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Disampuk*] Hei! Relakslah. Bangun kalau tidak faham.... hendak tanya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, Yang Berhormat Pengerang.

**Seorang Ahli:** Belum lagi, belum lagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tadi kacau, itu kira apa ini – Yang Berhormat Kinabatangan tadi boleh lebih sedikit. Apa salahnya Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kinabatangan, sini Yang Berhormat Sepang. Saya yang menguruskan Dewan. Saya tahu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta adillah, sedikit, sedikit lagi. [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak katakan tadi bahawa dalam segi kemerdekaan ini, saya hendak tahu apakah *official version*? Adakah kita hendak juga jadikan sebagai sebuah negara-negara lain yang mana mereka mentakrifkan *holocaust*, Siapa yang menafikan *holocaust* ini dianggap satu jenayah, diambil tindakan. Adakah kerajaan juga akan ke arah itu? Siapa yang ada versi tentang pejuang kemerdekaan? Saya hendak tanya, kalau kita sambut kemerdekaan, kenapakah kita tidak berlaku jujur tentang sejarah? Kenapakah mereka yang ada sumbangan menentang penjajah British itu tidak dikedepankan? Walaupun kita mungkin berbeza ideologi, tetapi kita harus jujur daripada segi memahami sejarah.

Oleh sebab itu saya minta supaya peranan Chin Peng kah, peranan Rashid Maidin kah, peranan siapa pun walaupun ideologi mereka berbeza dengan kita, Islam mengajar [*Berucap dalam bahasa Arab*] [*Tepuk*]. “Janganlah kerana kita benci kepada satu kaum menyebabkan berlakunya tidak adil. Berlaku adillah kerana mendekatkan diri kepada ketakwaan”. Walaupun Chin Peng dia ada masalah ideologi dengan kita tetapi dia adalah penyumbang yang melawan penjajah! [*Tepuk*] Begitu juga dengan Rashid Maidin, begitu juga ramai lagi termasuk tokoh-tokoh agama, Shamsiah Fakeh. Ini semua mesti dijadikan sebagai tokoh yang kita harus ajar kepada anak-anak kita. Kita berlaku jujur. Jangan menyembunyikan fakta dalam kita mengajar anak kita

tentang sejarah. Saya harap ini ada satu perubahan daripada segi kita mengajar menerangkan sejarah sebenar kepada generasi akan datang. Jangan ditipu oleh Barisan Nasional daripada segi memahami sejarah negara. Terima kasih. [Dewan riuh]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Pengerang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Oh! Hebat Yang Berhormat Sepang. Saya rasa Yang Berhormat Sepang ini sokong *communist party* agaknya ya. [Dewan riuh]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Inilah tidak faham ini. Yang Berhormat Pengerang tidak faham.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Inilah Yang Berhormat Sepang. Penyokong kuat komunis. [Dewan riuh]

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ini apa putar belit. Apa bodoh punya kenyataan. [Dewan riuh]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Penyokong kuat Komunis! [Dewan riuh]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya cakap kuat-kuat pun tidak faham. Masalah telinga kah? [Dewan riuh]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Penyokong Komunis Yang Berhormat Sepang. Baru dia cakap. Bacalah *Hansard*.... [Dewan riuh]

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Negara China bukan Komuniskah?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Dia suruh menyokong Chin Peng ... [Dewan riuh]

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ini Ahli Parlimen ...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Sepang penyokong Komunis.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Pengerang, logik...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Perdana Menteri sokong Komunis.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** UMNO sokong parti komunis terbesar dunia, China.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Sepang tadi cakap bukan? Yang Berhormat Sepang tadi cakap tidak akan Yang Berhormat Sepang tidak mengaku. [Dewan riuh]

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Macam ini pun boleh buat *conclusion* kah?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Ini masalahnya Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Siapa *communist party*? Siapa you...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Sepang mengaku yang dia menyokong pemimpin komunis....habis cerita.. [Dewan riuh].

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak kenal pun...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Habis, habis. Duduk, duduk. Saya cakap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** British, British. Sokong British siapa?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Duduk, duduk, duduk. Saya cakap. Saya punya. Duduklah.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Jangan fitnah.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Kita boleh minum kopilah, duduk tetapi Yang Berhormat Pengerang tidak sokong Komunislah.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Pengerang tidak faham bahasa Melayulah. Kasihan betul Yang Berhormat Pengerang. *[Dewan riuh]*

#### 12.18 tgh.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada Butiran Jabatan Penerangan 05000.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Pengerang. Sebenarnya tidak payah Tuan Pengerusi meleraikan. Penat sendiri sahaja *[Ketawa]*. Sila.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Bukan apa Tuan Pengerusi bila...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi pun...*[Ketawa]*.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Ahli Parlimen Pakatan Rakyat dia sokong Komunis, saya rasa kita kena membuatkan kenyataan macam dalam *Hansard*. Itu sahaja hendak cakap.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak ada siapa yang kata dia sokong Komunis.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Mana ada dia kata sokong Komunis.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ....komunis. Ada dengarkah?

*[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Dia cakap. Hendak marah apa hal? Dia cakap. .....

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Fitnah itu!

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** *[Dewan riuh]* Dia cakap. Pasal nak marah, dia cakap. Bacalah *Hansard*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Fitnah itu!

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Dia cakap, dia cakap! Relakslah.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** You say it, do not deny. Bacalah *Hansard*. Relakslah. Masalah betul Yang Berhormat Sepang ini. Tuan Pengerusi, jangan buka songkok, belum lagi *[Ketawa]*.

Saya rujuk kepada Jabatan Penerangan Butiran 05000, Khidmat Pengurusan Kewangan Butiran 050100, 050200, 050300, 050400, 050500, 050600, 050700, 050800, 050900, 051000.

Tuan Pengerusi, Jabatan Penerangan ini, kalau kita tengok dalam buku bajet ini, kita tengok bahawa tanggungjawab yang diutamakan itu ialah membentuk rupa bangsa Malaysia yang bermaklumat dan bermaruah tinggi untuk mencapai kestabilan politik, ekonomi sosial selaras dengan cita-cita Rukun Negara bagi mewujudkan negara maju. Kalau kita tengok dalam aktiviti 4 – Penerbitan Dasar Negara, menerbitkan bahan-bahan bercetak seperti buku risalah, poster, *folder* dan bahan maklumat yang jelas dan mudah difahami mengenai falsafah, dasar dan wawasan negara untuk meningkatkan kefahaman rakyat selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa. Sebenarnya Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk perkara ini sebab kalau kita tengok pertama sekali, Jabatan Penerangan dahulu dan sekarang in agak berbeza. Cabaran pertama sekali ialah teknologi maklumat. Keduanya, kalau kita tengok risalah-risalah ini, kalau kita bercakap tentang penerangan, ia mesti secara bahasa yang mudah dalam bahasa dengan izin ialah *on time*.

■1220

Maknanya dia kena laju. Jadi maknanya saya nak tanya pada Yang Berhormat Menteri ya, kenapa Jabatan Penerangan di peringkat daerah kalau dia nak selesaikan contohnya dalam setiap kawasan Parlimen ya, isu-isu berkenaan dengan dasar-dasar kerajaan, kenapa dia memerlukan kita pergi ke jabatan tersebut ya? Maknanya dia tak turun kepada rakyat. Dia kena memberikan maklumat yang begitu cepat. Kalau tidak, banyak salah sangka yang berlaku kepada dasar-dasar kerajaan.

Jadi saya nak tanya kepada Yang Berhormat Menteri ya, kalau kita tengok penerbitan. Kita tengok bajet dari segi penerbitan saya tak tahu lah sekarang ini kenapa lagi kita nak buat buku, kita nak buat poster, kita membuat risalah? Kalau hari ini komunikasi kita sesama kita adalah teknologi maklumat, adakah tidak daripada perbelanjaan bajet-bajet yang ditulis ini diperbanyakkan bajet itu dalam maklumat yang lebih digital yang saya nak sebut ini.

Jadi lebih laju untuk maklumat itu dalam bahasa dengan izin *push information*. Kita tolak maklumat itu turun kepada *handphone-handphone* ataupun maklumat-maklumat supaya bila kata orang rakyat di bawah itu mendapat maklumat itu secara *online*. Secara cepat. Saya tahu tadi sahabat-sahabat bincang tentang masalah digital, tentang masalah internet dan sebagainya. Jadi bagi saya daripada kita tengok 05000 ini, sampai 051000 ini, daripada perbelanjaan yang bagi saya kalau kita buat kiraan Jabatan Penerangan ini RM151,546,000 ini satu jumlah yang begitu besar.

Jadi dalam perkara ini di bawah itu rakyat mesti tengok bahawa komunikasi dasar kerajaan itu sampai pada rakyat dalam bahasa yang saya sebut tadi ialah masa yang *on time* iaitu dengan begitu cepat. Kalau tidak apa gunanya Jabatan Penerangan yang memberi penerangan kepada rakyat tentang dasar-dasar kerajaan. Saya dalam kawasan Parlimen Pengerang berhadapan dengan masalah jangka masa yang panjang untuk maklumat tersebut

turun pada rakyat. Contohnya, Jabatan Penerangan Daerah Kota Tinggi. Dia nak kena layan tiga kawasan Parlimen. Kota Tinggi, Pengerang dengan Tenggara.

Saya rasa pegawai yang bertanggungjawab itu dia tak akan berkemampuan dengan apa yang dia ada untuk berkomunikasi dengan semua kawasan-kawasan tiga Parlimen ini campur dengan katakan jumlah pengundi, jumlah penduduk ini – macam mana dia nak berkomunikasi? Itu sebabnya hari ini Kerajaan Malaysia bila berpegang pada digital – *technology digital information* – maklumat digital itu bererti hari ini *paperless* dengan izin. Maknanya kertas-kertas dah tak ada lagi. Jadi kalaularah Jabatan Penerangan itu masih nak *print* ini, *print* itu saya nak tanya kepada Yang Berhormat Menteri lah. Bukanakah lebih elok kalau bajet yang sebesar ini ditukarkan supaya maklumat ini *push* ditolak kepada rakyat dan maklumat ini dalam bentuk *paperless*.

Ini supaya bila rakyat nak mendapat maklumat itu dia senang. Dari hari ini nak ke pergi ke Jabatan Penerangan, nak dapat poster gambar Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Permaisuri Agong, muka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet, saya rasa dah tak ada lagi perkara-perkara itu boleh berlaku dalam negara kita lagi. Sebab kita di dalam era digital tahun 2014. Itu saya punya kenyataan untuk butiran Jabatan Penerangan.

Kedua, yang terakhir ialah 10000 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional iaitu Butiran 100100. Saya nak minta pada Tuan Pengurus ya, saya nak tanya pada Yang Berhormat Menteri ya, FINAS ini. Saya nak tanya pada Yang Berhormat Menteri ini, FINAS ini kalau kita tanya ya, saya dengar cerita daripada persatuan-persatuan pembikin filem kah, mereka yang terlibat dalam industri kreatif, dia selalu berkata bila pergi ke FINAS, duit selalu tak ada. Kalau kita tengok tahun lepas ya, RM56,999,700. Tahun ini RM55,212,800.

Jadi soalannya kepada FINAS itu bagaimana dia memberi bantuan? Saya tahu dia ada Jawatankuasa, dia ada *committee*. Akan tetapi, dalam perkara ini agak berlaku tidak adil sebab kalau mereka dalam industri perfileman ini, industri kreatif, dia nak pergi pada FINAS untuk dapat bantuan kerajaan, macam mana dia nak tahu bahawa dia mempunyai kebolehan? Itu sebabnya saya nak rujuk pada contoh – sebagai contoh ya. *British Film Institute* yang berada di United Kingdom dan juga *UK Film Council*. Dia mendapat duit daripada duit loteri. Duit loteri yang banyak itu selain daripada di United Kingdom, dia guna untuk sukan, dia guna untuk filem. Sebab nak beri bantuan perfileman ini Tuan Pengurus, dia lah saya tengok RM56 juta atau RM55 juta yang kita minta untuk tahun 2015 ini, RM55,212,800 memang saya tahu jawapan dari FINAS mesti mengatakan tak mencukupi.

Jadi soalan sekarang ini pertama, kalau dia bagi, dia bagi pada siapa? Kedua, kalau dia nak bagi itu, dia bagi untuk apa? Sebab sekarang ini adakah tidak lebih munasabah kalau kerajaan nak memberi bantuan bagi industri kreatif kepada pembikin filem, mungkin bantuan FINAS ini diutamakan kepada filem-filem sejarah. Filem-filem tentang pemimpin. Saya rasa perkara ini lebih penting sebab anak-anak muda kita selain daripada dia pergi ke sekolah belajar tentang sejarah, dia mesti juga tahu sebenarnya komunikasi dengan generasi muda adalah melalui hiburan.

Kita menggunakan hiburan, menerbitkan filem dalam industri-industri untuk mengingatkan mereka tentang proses sejarah sebagai contoh. Kita boleh beritahu tentang pemimpin kita. Saya tak tahu Tuan Pengerusi ada orang beritahu saya ya, Puteri Hang Li Po yang dekat Melaka ini – orang beritahu saya sebenarnya tidak wujud. Sebenarnya Puteri Hang Li Po ini dia tak wujud. Sebab itu ialah satu cerita orang kata mitos dengan izin. Saya tak tahu betul tak betul. Akan tetapi, saya tahu baru-baru ini kita dengar cerita kononnya Hang Jebat, Hang Tuah, Hang Lekir, Hang Kasturi orang kata sebenarnya bukan orang Melayu. Sebab “Hang” itu adalah ayat Cina yang dia dapat daripada – Orang Kedah? Orang Kedah cakap Kedah.

Orang kata Hang itu sebenarnya adalah perkataan Cina daripada *surname* (ANG). Jadi kita sebut “Hang” – Hang Tuah. Jadi sebenarnya orang kata kononnya Hang Tuah itu Ang Tuah. Maknanya Hang Jebat – Ang Jebat. Kononnya. Saya pun tak tahu Tuan Pengerusi. Betul kah tidak. Jadi, di sinilah saya minta FINAS membantu generasi muda. Kalau nak bagi bantuan FINAS itu bagilah filem-filem sejarah, filem-filem untuk membantu anak-anak muda. Janganlah pula bagi filem Hantu Dalam Botol Kicap, apa lagi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pengerang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Macam-macam lah saya nak cakap pun malu saya nak cakap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Jadi saya nak sebut dalam perkara ini, inilah yang perlu kita tengok, dan ini yang perlu kita tekankan sebab kalau tidak, bantuan kerajaan ini takkan main bagi macam itu sahaja. Kita nak melihat bahawa saya nak bagi contoh tentang British Film Institute dengan UK Film Council ya. Contohnya dia buat cerita King Speech di mana King George itu dia gagap. Dia gagap dan filem ini daripada duit loteri di United Kingdom. Jadi dapat anugerah Oscar sebagai contoh.

Dia menyatakan bahawa kepimpinan Raja masa itu Queen Elizabeth punya bapa itu masa itu dia gagap, dia jadi tak gagap. Ini budak-budak mesti tahu. Akan tetapi, kita pada hari ini, anak-anak nak tahu cerita hantu lah, puntianak lah, apa lagi? Toyol lah. Kicap Botol saya pun tak tahu lah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pengerang...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Jadi saya nak tanya Yang Berhormat Menteri apakah dasar kerajaan untuk membantu? Apakah dasar kementerian untuk memberikan dengan izin *guidance* kepada pembuat filem? Takkannya lah nak buat duit, nak buat untung sahaja? Kalau kerajaan nak bagi bantuan kewangan, bagilah bantuan kewangan untuk filem epik ataupun sejarah. Janganlah bagi bantuan kewangan kerana kita sukakan *director* itu, kroni dengan produser ini. Ini yang masalah kita kadang-kadang.

Bila kita nak bagi duit kerajaan, kita nak bagi semua dekat orang yang kita suka. Saya sendiri pun saya nak sebut hari inilah. Kadang-kadang nak bercakap dengan FINAS, penat nak

jumpa Perdana Menteri lagi senang daripada jumpa Ketua Pengarah FINAS. Orang marah, susah. Saya pun tak tahu kenapa. Agaknya dia rasa dia, “*Lebih sudu daripada kuah.*” *Wallahualam* Tuan Pengerusi.

Akan tetapi, saya nak tanya Yang Berhormat Menteri tidak ada, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada tolonglah beritahu pegawai kerajaan yang ramai-ramai ini, tolonglah kalau wakil rakyat kami ini duk tanya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pengerang...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Nak jumpa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh tololng saya?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh tololng saya?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Boleh. Saya nak habis lah ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, masa dah cukup.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Sebelum saya duduk, satu saja saya nak cakap, saya nak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri kah, Yang Berhormat Menteri kah ingatlah pegawai kerajaan, pemimpin-pemimpin agensi ini jangan, “*Lebih sudu daripada kuah.*” Kalau dia tak faham saya minta tolong. Jadi saya kata Yang Berhormat Menteri tololnglah bertanggungjawab kepada mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, kita tamatkan perbahasan sehingga jam 1, lepas itu 2.30 Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya boleh benarkan tiga di sebelah sini, tiga di belah sana. Seorang lima minit. Yang Berhormat Kelana Jaya. Lima minit.

**12.29 tgh.**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya akan merujuk...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab kita ada dua lagi kementerian, Kementerian Perdagangan, Koperasi dan Kepenggunaan dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan yang menjadi minat rakan-rakan kita sebelah pembangkang. Sila Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya akan merujuk kepada satu Butiran sahaja B.47 – Butiran 129300 – *Silicon Valley* (MDeC) muka surat 564 dengan anggaran RM4 juta. Saya ingin tahu apakah dasar baru ini dan saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan yang penuh adakah wang ini RM4 juta ini akan digunakan untuk mewujudkan pejabat urusan MDeC di *Silicon Valley*. Itu soalan saya. Ini berdasarkan bukan niat jahat ya – berdasarkan laporan surat khabar *The Star* pada 9 Oktober 2013.

MDeC di dalam laporan tersebut meminta dana pada bajet tahun ini, bajet 2014 untuk mendirikan satu pejabat di *Silicon Valley*.

■1230

Tuan Pengerusi, kalau benar RM4 juta ini digunakan untuk mewujudkan pejabat *Silicon Valley*, kenapakah tunggu dua tahun sebelum kerajaan mengambil tindakan? Itu isu perlu dijawab. Kedua, kalau benar kenapa sebanyak RM4 juta? Apakah peranan adanya pejabat di *Silicon Valley* itu?

Tuan Pengerusi, kalau negara kami mempunyai bakat komputer dan juga *start-up*, kita mempunyai bakat yang baik sekali dalam hal-hal *Internet* dan komputer, kita tidak perlu buat pejabat di *Silicon Valley*. *Silicon Valley* itu akan datang ke Malaysia untuk cari bakat itu. *Silicon Valley* dengan izin adalah *start-up centre of the world* dengan syarikat-syarikat gergasi Google semua situ, *Yahoo*, '**angle**' investors ada banyak, *venture capitalist* dan *private equity*. Mereka mempunyai beribu-ribu konsultan dan pakar penganalisis yang mencari teknologi dan projek untuk melabur.

Mereka mencari projek melalui *Internet*, melalui *partnership*, melalui universiti-universiti, melalui *business trips* dan juga *conference*. *Silicon Valley* mencari bakat Tuan Pengerusi. Tidak ada gunanya kita pula belanja RM4 juta untuk menapak dan mencari *Silicon Valley* pula. Tidak ada guna. Tuan Pengerusi, sebab ia tidak logik dan kita tidak perlu mencari *Silicon Valley*.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Dengan izin hendak tanya satu soalan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masa tidak ...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Mungkin sebab mereka hendak tubuhkan pejabat ini

...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Alor Star tidak peduli Tuan Pengerusi.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Minta maaf Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya tidak perlu ada pencelahan. Lima minit sahaja Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sekiranya Yang Berhormat Menteri jawab RM4 juta bukannya untuk mewujudkan pejabat di *Silicon Valley*, saya ingin tahu adakah RM4 juta ini akan digunakan untuk menghantar empat buah syarikat *start-up* Malaysia ke *Silicon Valley*. Isu ini adalah berdasarkan laporan yang lain. Laporan *News Straight Times* pada 8 Julai tahun ini dikatakan MDEC akan memberiayai kos menghantar empat buah syarikat *start-up* Malaysia ke *Silicon Valley*. Sekiranya RM4 juta ini diperuntukkan untuk tujuan empat buah syarikat ini, maknanya kerajaan akan memberiayai RM1 juta satu syarikat *start-up*.

Sekiranya benar Tuan Pengerusi, ini adalah merupakan satu perbelanjaan yang keterlaluan. Seperti hujah saya sebelum ini, kenapakah MDEC perlu menghantar syarikat *start-up* ke *Silicon Valley*? Kalau benar-benar syarikat *start-up* kita ini mempunyai bakat, mempunyai *ability*, mempunyai *substance*, kita tidak payah hantar ke *Silicon Valley* tetapi *Silicon Valley* akan mencari bakat itu di Malaysia.

Oleh yang demikian Tuan Pengerusi saya menyeru Yang Berhormat Menteri menarik balik perbelanjaan ini. Ini merupakan satu-satunya perbelanjaan prestij yang boros dan tidak mempunyai apa-apa asas ekonomi ataupun apa-apa asas *business sense*.

Akhir kata, kalau betul-betul kita ada bakat ini, hantar e-mail sahajalah kepada *Silicon Valley*. Tidak payah buat office, tidak payah bawa empat buah syarikat RM4 juta bawa syarikat hendak tunjuk kepada Silicon Valley. Oleh itu saya memohon Dewan menolak Butiran 120300. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pendang.

#### 12.34 tgh.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lima minit.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Okey boleh. Butiran 04000 dan Butiran 13000 – Penyiaran. Saya hendak membuat teguran terhadap pembaca-pembaca berita RTM, pengacara-pengacara RTM supaya mereka menggunakan bahasa Melayu yang standard, bahasa Melayu yang betul. Kebanyakan mereka kadang-kadang tidak pun membaca dengan baik, ayatnya janggal, penggunaan penjodoh bilangan yang tidak betul. Misalnya tadi pengguna bahasa ‘mereka-mereka’. Itu bukan bahasa Melayu, penjodoh bilangan yang tidak betul. Ada antaranya yang mengatakan, dia membaca berita, Berita Jam 8. Contohnya, saya bagi contoh, “*dikatakan lima orang Ahli-ahli Parlimen menaiki kereta api ke Alor Star.*” Dia stopkan kereta dahulu, dia wakaf di situ. Sebenarnya kereta api. Itu menunjukkan pembaca berita itu dia tidak membaca dahulu berita yang dibacakan. Jadi ini memalukan dan ayat-ayat yang digunakan itu haruslah standard kerana ianya menjadi media utama yang ditonton, dipelajari sebagai ilmu oleh masyarakat. Kalau sekiranya media kerajaan yang penting tidak menggunakan bahasa Melayu yang betul, yang standard maka gagallah kita.

Pengacara-pengacara televisyen ini amat memalukan. Contohnya, “selamat pagi Angkasapuri”. “*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*” Apakah makna salam itu ustaz? Betul tidak ustaz? *Salam qabla kalam*, betul atau tidak ustaz? Salam itu ialah kalam yang pertama. Kalau dia hendak bagi salam, bagi salam dahulu kemudian berselawat pagi. Itu baru cara Islam. Ini berucap panjang-panjang dahulu baru *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam apa? Apakah makna salam itu?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** [Bercakap tanpa menggunakan pemberas suara] Salam 1Malaysia boleh tak? Salam 1Malaysia.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Jadi RTM sebagai media yang ditonton dan diikuti maka ia kena guna cara yang betul. Dahulu saya pernah menegur bersurat. Ada pengacara yang menyebut, “*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, hai dan hai *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*” *Masya-Allah*, ini betul-betul berlaku dalam Radio Alor Star ketika itu. Saya menulis surat mengatakan itu cara yang tidak betul atau *Alhamdulillah* dan sekarang saya hendak menegur lagi tentang pembaca-pembaca berita.

Kemudian sudah pasti satu lagi yang penting ialah penampilan. Tidak usahlah wanitanya memakai pakaian yang sebahagian dadanya terbuka, seluarnya ketat. TV3 terutamanya yang ini. Jadi itu tentang berita.

Kemudian tentang Butiran 13000 tadi jalur lebar. Dua ini sahaja tajuk saya. Saya hendak memohon kementerian *Wi-Fi* kampung kalau hendak bagi, bagi betul-betul berfaedah dan berguna. Faedah dan berguna. Jangan hanya menjadi perhiasan kampung termasuk kampung saya. Saya hendak ulang, semasa pemasangan, saya ada. Kata pegawai itu dua kilometer kawasan perkhidmatan. Apabila siap dipasang, 50 meter. Kemudian terlalu lambat.

Tuan Pengerusi, jadi ini soal yang benar-benar berlaku. Saya hendak ulang lagi sekali bahawa saya dibisikkan oleh pegawai Telekom yang bersama alat yang digunakan itu tidak bermutu sama sekali. Kita habiskan berjuta-juta ringgit untuk berikan kemudahan kepada rakyat, peralatan tidak bermutu.

Jadi saya mohon pihak kementerian supaya mengkaji balik, menggantikan dengan yang baru supaya rakyat boleh menggunakan dengan baik hasil usaha kerajaan, wang kerajaan yang dibelanjakan. Jangan hanya jadi perhiasan yang tidak berfaedah kepada rakyat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bakri lima minit.

**12.37 tgh.**

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada Yang Berhormat Bakri. Di sini Yang Berhormat Bakri hendak ambil bahagian. Saya merujuk kepada Maksud B.47, Butiran 040000 – Penyiaran.

Untuk makluman Dewan yang mulia, RTM telah memulakan siaran langsung Mesyuarat Dewan Rakyat melalui *Internet* yang bermula dari tahun lepas. Saya menyambut baik usaha RTM ini. Akan tetapi saya ingin membangkitkan beberapa isu berhubung perkara ini. Mengapakah di dalam rakaman video Dewan Rakyat di dalam *Youtube* RTM hanya memuatkan ucapan dan perbahasan daripada Yang Berhormat Menteri sahaja? Apakah boleh RTM untuk tololong memuat naik rakaman keseluruhan sesi mesyuarat harian dan bukannya sekadar petikan rakaman perbahasan Yang Berhormat Menteri sahaja.

Ini akan memudahkan penonton untuk memahami apakah isu yang dibahaskan dan mengapakah seseorang Ahli Dewan memberikan kenyataan yang sedemikian. Satu rakaman lengkap sesi mesyuarat akan mengelakkan disalahfahamkan semasa menonton rakaman video tersebut.

*Youtube* sememangnya membenarkan rakaman video selama enam jam dimuat naik ke server mereka. Maka saya mencadangkan pihak RTM boleh melaksanakan cadangan-cadangan ini.

**■1240**

Akhir sekali merujuk kepada Maksud B.47 Butiran 030000. Saya telah menerima satu aduan pada bulan September mengenai Telekom Malaysia yang enggan memasang kabel telekomunikasi di Taman Maharani Ayu, Muar, Johor dengan alasan bahawa TM hanya akan memberikan perkhidmatan telekomunikasi dengan adanya perjanjian program *Smart Partnership* atau pulangan modal pelaburan yang positif. Saya sudah mengedarkan dokumen yang berkaitan kepada kementerian dan siasatan akan dijalankan. Saya juga diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kenyataan yang diberi dalam surat TM mengenai perkhidmatan telekomunikasi hanya dibekalkan jika boleh memperoleh pelaburan pulangan modal yang positif adalah tidak betul.

Saya ingin mengambil kesempatan ini supaya Yang Berhormat Menteri boleh memberikan satu penjelasan secara rasmi bahawa adakah ini merupakan dasar negara bahawa TM hanya menawarkan perkhidmatan telekomunikasi kepada sesuatu pihak yang mengambil bahagian dalam program *Smart Partnership* atau selepas TM memastikan pulangan modal pelaburan mereka boleh dicapai. Jika prinsip TM tersebut memang merupakan dasar negara, adakah ini bermakna penduduk-penduduk di kawasan luar bandar tidak akan dapat menikmati perkhidmatan telekomunikasi dan internet.

Saya minta Yang Berhormat Menteri mengambil tindakan serta-merta kepada masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk dari Taman Maharani Ayu, Muar, Johor yang saya sebut tadi. Di samping itu, saya meminta Yang Berhormat Menteri menjelaskan sehingga kini terdapat berapa kes yang sama telah diterima oleh kementerian? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Machang.

**12.41 tgh.**

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah Butiran 030000 dan juga Butiran 040000. Pertamanya berkenaan dengan liputan telefon mudah alih, telefon selular ini. Kita dapati banyak lagi kawasan-kawasan yang tidak mendapat perkhidmatan untuk mendapatkan coverage telefon. Saya sebut dalam Dewan yang mulia ini, dalam tahun lepas pernah berlaku di kawasan saya kira-kira empat tahun yang lepas, ada orang mati di atas landasan kereta api kerana hendak mendapatkan coverage telefon untuk berhubung dengan anaknya berada di Kuala Lumpur. Dia tidak sedar, sampai tidak sedar kereta api lalu. Kereta api ini bunyinya sudah kuat tetapi dia tidak sedar, sudah sampai masa dia dekat situ.

Akan tetapi, perkara ini ialah satu perkara yang serius dan kita hendak syarikat-syarikat telekomunikasi ini melihat dari sudut CSR. Walaupun kawasan-kawasan pedalaman atau kawasan-kawasan yang jauh sedikit ini, bilangan penduduknya tidaklah berapa ramai tetapi daripada segi keperluan itu sama sahaja dengan kita yang berada dalam kawasan bandar. Bayangkan kalau kita semua ini kalau tidak ada coverage telefon dalam masa satu hari sahaja macam mana?

Kedua, Tuan Pengerusi berkenaan dengan internet ini. Di Kelantan khususnya, UniFi ini langsung tidak ada lagi. Kalau-lah ribut sedikit kah, apakah, maknanya kita hendak dapatkan perkhidmatan Internet ini amat sukar. Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, bilakah UniFi ini hendak sampai ke Kelantan? Kalau boleh, kita mintalah dalam kadar yang segera kerana keperluan dalam bidang komunikasi ini tidak dapat dinafikan pada hari ini, semua memerlukan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Ketiga, Tuan Pengerusi adalah berkenaan dengan Astro. Kalau boleh kerajaan mengkaji semula tentang bayaran yang dikenakan kepada pelanggan-pelanggan Astro ini. Mungkin ia murah bagi orang yang berpendapatan tinggi. Orang banyak duit murahlah tetapi bagi orang-orang kampung yang memerlukan Astro. Astro ini sepatutnya dimiliki oleh semua orang dalam dunia hari ini untuk mendapat maklumat, lebih-lebih lagi pelajar-pelajar sekolah kerana terkandung berita-berita luar negara yang berada di dalam kandungan Astro tersebut. Kemampuan yang saya hendak bangkitkan di sini ialah soal kemampuan. Kalau boleh bagi penerima-penerima BR1M kita tahu siapa penerima BR1M. Maknanya orang yang berpendapatan rendah diletakkan pada satu kadar yang berpatutan untuk membolehkan mereka memiliki Astro.

Akhir sekali, ringkas Tuan Pengerusi. Saya sudah bangkitkan soal siaran TV terutamanya waktu siaran Buletin Utama, Berita Perdana pada jam 8.00 malam. Kalau boleh diadakan siaran ulangan. Ini kerana tidak semua boleh tengok internet, semua tidak boleh mengikut pada masa yang ditetapkan. Kalau bekerja di pejabat, di kawasan-kawasan bandar besar maka kesesakan lalu lintas menyebabkan mereka sampai lambat ke rumah, tidak sempat hendak tengok berita dan juga kawasan-kawasan pedalaman pun kebanyakan mereka kalau-lah tidak terlibat kerja-kerja pejabat, mereka berada di masjid, di surau, di madrasah pada waktu tersebut.

Jadi walaupun disiarkan di dalam TV1 ataupun TV3 contohnya, biarlah siaran ulangan ini contohnya dibuat dalam TV2 pada jam 11.00 malam siaran ulangan dan bukannya berita tengah malam apa, tidak ada ini Buletin Utama yang diulang balik dalam siaran televisyen. Itu sahaja Tuan Pengerusi, saya memang mematuhi masa yang diberikan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

#### **12.45 tgh.**

**Tuan Nik Mohamad Abdur bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 050000 – Jabatan Penerangan. Saya ada beberapa isu, cuma saya akan ringkaskan, *insya-Allah*. Pertama, isu yang saya hendak sebutkan ialah isu kebebasan media dan Yang Berhormat Sepang tadi telah menyebutkannya. Saya rasa ini ialah isu utama di negara kita. Saya ingin bacakan laporan oleh *Reporters Without Borders* yang menunjukkan tiga tahun terakhir negara kita ini, ranking kebebasan media terus jatuh. Tahun 2012 sampai kepada 122, tahun 2013 turun 20 anak tangga kepada 143 dan tahun ini kepada 147.

Walaupun kita tahu bahawa kerajaan telah memberi respons yang lebih positif bermula zaman Perdana Menteri sebelum ini, Pak Lah tetapi sehingga sekarang kekangannya ialah kerajaan hanya membuka kebebasan itu kepada media alternatif. Kerajaan masih takut untuk memberi kebebasan kepada pembangkang terutama sekali untuk mendapat capaian dalam media-media perdana. Jadi saya berharap supaya kerajaan lebih berani dan saya yakin jika kerajaan tidak mengubahnya ini, maka di sisi masyarakat antarabangsa, negara kita akan terus malang dan terus jatuh dari sudut kebebasan media. Itu yang pertama yang boleh saya sebut lagi ialah mengenai ukuran yang sepatutnya difahami.

Pertama, tahap kepelbagaiannya pandangan oleh rakyat, itu yang perlu kita tekankan. Kedua, tahap operasi media tanpa dipengaruhi oleh pihak berkuasa. Ketiga, tahap tapisan oleh pihak berkuasa dan yang keempat, keberkesanan dan ciri perundungan bagi menjamin kebebasan bersuara. Saya mencadangkan supaya kerajaan juga harus melihat kembali kepada usaha untuk menghapuskan Akta Hasutan yang juga menjadi penghalang kepada kebebasan bersuara di negara kita. Jadi, jaminan kerajaan untuk menghapuskan Akta Hasutan digantikan dengan Akta Keharmonian Nasional ini, saya harap pihak kerajaan konsisten untuk melaksanakannya. Inilah yang menjadi isu kita pada hari ini.

Saya ingin menyentuh kepada Butiran 31000 – Projek Jalur Lebar. Ada tiga isu yang saya hendak sentuh. Pertama, yang disentuh oleh Yang Berhormat Pendang mengenai projek Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia. Projek ini RM60 juta untuk 240 buah lokasi. Hari ini agak tidak berbunyi projek ini kerana masalah kelajuan yang terlalu perlahan, masalah coverage yang begitu kurang dan isu utama ialah tiada *maintenance* untuk projek ini. Projek ini telah memakan belanja RM60 juta lebih tetapi sekarang ini seperti orang kata sudah menjadi projek '*gajah putih*'. Jadi saya mengharapkan pihak kerajaan agar dapat memberikan penjelasan mengenai projek Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia.

Kedua, ialah isu yang banyak dibangkitkan oleh pihak rakan-rakan tadi ialah projek SchoolNet atau 1BestariNet. Projek di bawah YTL untuk membangunkan kemudahan Internet di sekolah namun hasil daptan menunjukkan bahawa YTL tidak begitu berminat dengan projek SchoolNet tetapi lebih kepada berminat untuk melebar luaskan coverage perniagaan mereka. Kalau kita lihat website [www.yes.my](http://www.yes.my), hampir setiap bulan akan wujud kawasan baru yang mengambil manfaat daripada projek ini sedangkan pihak sekolah sendiri tidak mendapat manfaat daripada projek ini. RM663 juta wang pembayar cukai telah digunakan untuk memperkenalkan jaringan jalur lebar berkelajuan tinggi ini tetapi masalahnya pelajar masih lagi terbelenggu dengan sambungan internet yang begitu perlahan.

## ■1250

Laporan Ketua Audit Negara 2013. Projek 1BestariNet yang termasuk persekitaran pembelajaran maya juga jarang digunakan oleh para pelajar dan para guru. Mengikut kontrak, hampir 10,000 sekolah akan dibekalkan dengan jalur lebar antara empat megabait *per second* sehingga 20 megabait. Sebilangan kecil sekolah, okey saya tinggalkan. Bagaimanapun laporan menyebut kelajuan terlalu perlahan untuk menyokong VLE jika melibatkan penggunaan 30

hingga 40 pengguna maknanya pelajar dalam masa yang sama. Saya ingin menyentuh mengenai mutu perkhidmatan.

Isu kita ialah pihak telco yang menguasai pelan-pelan internet begitu berat untuk memberikan kelajuan 4G tanpa had. Harapan rakyat adalah telco menjual pelan internet berasaskan kelajuan bukan berasaskan kepada kuota. Ini adalah kerana tidak guna diberikan kelajuan sehingga satu juta megabait *per second* tetapi kuotanya begitu kedekut. Tidak sepatutnya rakyat yang sudah banyak berbelanja membayar untuk ini dicaj dengan bayaran yang agak keterlaluan.

Akhir sekali mengenai Kelantan. Tadi telah pun disebut oleh Yang Berhormat Machang. Mengenai UniFi. Saya difahamkan bahawa UniFi di Kelantan ini sepatutnya akhir tahun sudah dapat berjalan di Kelantan tetapi maklumat yang kita peroleh dia tidak akan berjaya untuk tahun ini. Jadi saya hendak tanya mengapa begitu lambat projek yang begitu baik untuk rakyat Kelantan. Akhir sekali saya mengharapkan pihak *broadband provider* seperti Celcom dan Maxis untuk melihat balik *design broadband* di Pantai Timur. Kebiasaan dalam musim cuti hampir setiap masa internet di Kelantan terutamanya tidak kuat dan terganggu. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Wanita belum ada lagi. Ya Yang Berhormat Pasir Gudang, lima minit.

**12.52 tgh.**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 040000 – Penyiaran, 05000 dan 06000. Penyiaran berhubung dengan 040100 rancangan, saya mohon kementerian untuk melihat kepada siaran-siaran yang dikeluarkan biarlah dimasukkan unsur-unsur cintakan kepada negara. Tidak perlulah terutamanya RTM mengambil terlampau banyak hiburan yang tidak ada manfaat bagi pembinaan bangsa.

Saya juga memohon supaya di bawah Butiran 050200 – perkhidmatan komunikasi dan pembangunan masyarakat dilebihkan kepada peranan sebenar Jabatan Penerangan. Sekarang ini kita lihat Jabatan Penerangan tidak seperti dahulu mengambil kesempatan untuk menerangkan isu-isu yang perlu diketahui oleh rakyat. Ini kerana kita tahu majoriti terutamanya rakyat-rakyat di luar bandar bergantung kepada TV. Jadi eloklah Jabatan Penerangan menumpukan contohnya isu-isu GST, masalah-masalah setempat dan pelbagai agar rakyat dapat memahami sebenar perkara daripada mereka mendengar daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Di bawah 060000 – Perkhidmatan Hal Ehwal Khas (JASA). Saya suka mencadangkan supaya pegawai-pegawai JASA ini melebar luaskan peranan mereka kepada isu-isu yang memang sepatutnya dimaklumkan kepada rakyat. Gerakkan mereka pergi ke akar umbi untuk menghebahkan apa yang patut dihebahkan. Kita ada banyak maklumat yang rakyat tidak tahu. Kalau hendak bergantung kepada ahli politik sahaja tidak mungkin kita dapat menyebarkan

kepada mereka. Jadi biarlah mereka ini bersama dengan rakyat untuk menerangkan isu-isu yang perlu diketahui oleh rakyat.

Berhubung dengan 08000 – Jabatan Perlindungan Data Peribadi. Ini saya minta Jabatan Komunikasi mengambil serius perkara ini. Saya hairanlah kenapa syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat tertentu boleh ada akses kepada nombor telefon peribadi ini. Jadi tolong lihat perkara ini secara *detail* kerana kita lihat ia seperti sebuah perniagaan. Di bawah projek 310000 – Projek Jalur Lebar. Saya daripada Parlimen Pasir Gudanglah di Pusat Khidmat Parlimen Pasir Gudang ini berada di kawasan Megah Ria. Sejak kami berpindah sampai sekarang ini tidak boleh lagi kita menggunakan perkhidmatan jalur lebar ini. Kita memang, saya tidak ada faks dekat pejabat, tidak boleh. Apa yang kita ada hanyalah menggunakan *hotspot* sahaja. Sudah lama saya minta surat demi surat tetapi belum ada lagi perkhidmatannya.

Saya juga meminta Finas di bawah 10000 supaya Finas ini memainkan perananlah tentang filem-filem ataupun muzik-muzik yang dikeluarkan di televisyen sangat-sangat tidak mengikut kehendak agama kitalah. Jadi walaupun kita dihidangkan dengan drama-drama dan filem-filem dari corak pakaian kenapa tidak seperti dahulu? Ada cara etika berpakaian yang patut keluar terutamanya di rancangan TV. Tidak pedulilah swasta atau sebagainya. Jadi minta tolong diberikan perhatian sewajarnya. Sekian terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Temerloh sehingga jam 1.00.

#### **12.56 tgh.**

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Penggerusi. Saya merujuk kepada Butiran 030000 yang berkait dengan berlakunya peningkatan yang terlalu tinggi untuk peruntukan pada kod 40000 iaitu pemberian dan berkenaan bayaran tetap dalam butiran komunikasi. Pada tahun 2014 RM2.5 juta kepada RM56.4 juta pada tahun 2015. Daripada perkara ini saya mohon perincian daripada pihak kerajaan kenapa berlakunya peningkatan yang begitu tinggi secara mendadak pada peruntukan itu. Itu yang pertama.

Kemudian yang kedua Tuan Penggerusi, saya ingin juga merujuk kepada data Peruntukan Perkhidmatan Universal (USP). Seperti mana yang termaktub dalam Peraturan 27(1) Komunikasi dan Multimedia, di mana syarikat telekomunikasi ini diwajibkan menyumbang sebanyak 6% daripada pendapatan bersih untuk dana ini. Ini yang mana dana ini pada asasnya diwujudkan adalah untuk membantu kawasan-kawasan luar bandar bagi menampung kekurangan akses kepada internet dan juga jalur lebar ini. Jadi berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Penyata Tahunan Pemberian Perkhidmatan Sejagat 2013, sumbangan yang terkumpul pada dana ini ialah RM11.26 bilion yang disumbang oleh syarikat telekomunikasi.

Manakala pembayaran yang telah dikeluarkan oleh projek PPS ini telah pun mencecah angka RM4.44 bilion maknanya telah habis digunakan RM4.44 bilion. Sementara itu Tuan Penggerusi salah satu daripada projek daripada dana ini ialah projek untuk mewujudkan telefoni awam ini. Jadi pada maklumat ini saya ingin persoalkan mengapa pula pembayaran bagi projek

telefoni awam terlalu tinggi menjangkau sehingga RM90 juta kalau dirujuk pada tahun 2013. Sedangkan kita tahu telefoni awam ini sudah tidak banyak digunakan oleh orang ramai sebab mereka lebih pergi kepada *smartphone* dan seumpamanya.

Jadi kalau kita lihat pada angkanya sebanyak 2,408 telefoni awam telah dinaik taraf di seluruh negara pada tahun 2013. Ini bermakna purata perbelanjaan yang diperuntukkan untuk satu-satu ataupun untuk sebuah telefon awam ini adalah sebanyak RM37,375. Jadi saya kira peruntukan itu terlalu tinggi dan lebih baik daripada kos digunakan untuk belanja telefoni awam adalah disalurkan dan diagihkan kepada Projek Kampung *Wireless* tadi. Ini yang mana hari ini masih lagi kita lihat banyak kekurangan dan kelemahan dan itu pula projek hanya melibatkan kos RM77.8 juta bagi tahun 2013.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Sedikit lagi Tuan Pengerusi satu perkara lagi ialah Butiran 110300 dan juga Butiran 120200 berkait dengan MERS 999 ini. Jadi saya rujuk dua butiran ini melihat kepada anggaran peruntukan pada tahun 2015 kekal sebagaimana jumlah tahun 2014 iaitu RM71 juta. Akan tetapi tahun ini juga saya lihat berlaku kenaikan kontrak MERS 999 sebanyak RM33 juta.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Temerloh.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Jadi bermakna anggaran peruntukan ini telah meningkat kepada RM104 juta. Saya kira ini ialah angka yang tinggi terutamanya berdasarkan kepada Laporan Ketua Audit Negara. Bahawa kerajaan telah membuat satu pembayaran yang tidak betul *improper payment* sebanyak RM13.54 juta kepada Telekom Malaysia sebelum daripada ini. Jadi sepatutnya anggaran peruntukan ini tidak boleh setinggi itu sehinggalah tindakan tegas telah diambil pada pihak yang tidak bertanggungjawab dalam perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang mesyuarat kita bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempergerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang ini.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

### **2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Komunikasi dan Multimedia sepanjang sesi perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2015.

Pihak kementerian akan memberi perhatian dan mengambil tindakan susulan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Seramai 16 orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian iaitu Yang Berhormat Parit Sulung, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Penggerang, Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Bakri, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Pasir Gudang dan juga Yang Berhormat Temerloh.

Secara keseluruhannya, antara isu yang berkaitan dengan kementerian yang telah menarik minat ahli-ahli Yang Berhormat boleh dirumuskan merangkumi 13 isu utama iaitu:

- (i) Penambahbaikan kemudahan telekomunikasi dan internet;
- (ii) Tahap kebebasan media di Malaysia;
- (iii) Sambutan kemerdekaan;
- (iv) Program bagi meningkatkan semangat patriotisme / nasionalisme;
- (v) Penyelarasan dana industri kreatif dan filem;
- (vi) Program dan siaran televisyen / Radio RTM / BERNAMA TV dan stesen penyiaran swasta;
- (vii) Pemerkasaan Jabatan Penerangan dan JASA;
- (viii) Perkhidmatan stesen penyiar berbayar Astro;
- (ix) Pembangunan *Silicon Valley* oleh MDeC;
- (x) Program pembangunan usahawan dalam talian;
- (xi) Projek DTTB dan cadangan membenarkan penggunaan parabola;
- (xii) Penyalahgunaan data peribadi; dan
- (xiii) MERS 999

Izinkan saya menjawab persoalan yang pertama iaitu berkaitan dengan penambahbaikan kemudahan telekomunikasi dan juga internet. Banyak persoalan telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Putatan dan rakan-rakan lain di dalam dewan ini, Tuan Pengerusi. Pihak kementerian sebenarnya melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah menyediakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan akses kepada kemudahan jalur lebar di kawasan luar bandar.

Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah projek Kampung Tanpa Wayar (KTW1M), Pusat Internet 1Malaysia, dan pembinaan menara telekomunikasi. Kesemua projek ini telah meningkatkan kadar penembusan jalur lebar kepada 67.3% pada suku pertama 2014, berbanding dengan 67.1% pada suku keempat tahun 2013. Antara yang saya boleh rangkumkan status inisiatif yang telah dilaksanakan di seluruh negara setakat 31 Oktober, iaitu:

- (i) Kampung Tanpa Wayar adalah 4,808;
- (ii) Pusat Internet adalah 470; dan
- (iii) TIME 3 ataupun projek telekomunikasi adalah 497

Bagi menjawab persoalan dari Yang Berhormat Lenggong, pihak kerajaan sebenarnya memang meneruskan program-program berdasarkan pelan jalur lebar kerana ia juga telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2010 iaitu Pelan Jalur Lebar Kebangsaan. Berkaitan dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Kinabatangan, iaitu tiadanya servis Kampung Tanpa Wayar dan juga servis yang kurang memuaskan. Suka saya kongsi, iaitu projek USP atau pembangunan sejagat di Lenggong, sebenarnya 3 telah siap di bawah Pusat Internet. Kampung Tanpa Wayar 23 dan TIME 3 12. Kalau untuk Kinabatangan, 8 telah siap, 54 untuk Kampung Tanpa Wayar dan TIME 3 adalah 43.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Bagan Serai bangun.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Bagan Serai. Terima kasih Tuan Pengerusi, Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak minta perhatian sedikit untuk kawasan di Kampung Kuala Gula. Ini suatu kawasan destinasi pelancongan di Kerian, malah di negeri Perak boleh saya katakan di Malaysia juga, banyak kita terima pelancong-pelancong dari luar negara. Kerana apa? Hutan paya bakau di sana menyediakan kawasan yang unik untuk makanan dan tempat penghijrahan burung-burung dari utara ke selatan

Masalahnya ialah yang saya hendak bangkitkan ialah liputan Celcom dan Maxis, *very poor* dan juga akses internet adalah sangat-sangat tidak memuaskan. Jadi bukan apa, kerana ini ialah pusat pelancongan. Kalau kita hendak majukan pusat pelancongan, hendak iktiraf pusat pelancongan, ini ialah perkara-perkara yang sangat penting. Kalau tidak, kita susahlah hendak dipandang di mata dunia.

Saya minta kementerian bagi perhatian sedikit kepada perkara ini, kerana di dalam lawatan saya ke Kuala Gula, saya lihat banyak orang dari luar negara. Sudah tentu mereka hendak gunakan akses internet dan sebagainya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Tuan Pengerusi, sedikit sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan Kampung Tanpa Wayar ini. Saya ingin minta penjelasan kementerian, Kampung-kampung Tanpa Wayar punya program ini, apakah dikendalikan terus oleh kerajaan, khususnya dari segi *maintenance* dan juga *upgrading* di masa-masa akan datang, ataupun dikendalikan oleh telco atau pun syarikat-syarikat pengendali telekomunikasi ini. Jadi, saya minta penjelasan itu kerana di kawasan saya, dulu banyak diberi di bawah program CSR telco-telco ini dan kemudiannya dalam tempoh tertentu ianya terbiar dan tidak lagi punya *maintenance* dan *upgrading*. Terima kasih

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu dan Yang Berhormat Bagan Serai. Seperti yang saya maklumkan tadi, program yang dilakukan oleh pihak kementerian melalui SKMM memang banyak program dan saya percaya di kawasan Yang Berhormat juga akan terjatuh di bawah beberapa program.

Seperti mana Program *High Speed Broadband* ataupun Program Jalur Lebar Kebangsaan, yang telah dimulakan pada tahun 2008 dan telah tamat pada 2010, di mana ia menjurus kepada kawasan-kawasan berimpak tinggi.

Kedua, seperti yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, iaitu *High Speed Broadband 2* (dengan izin) di mana ia adalah satu kontribusi di antara pihak swasta dan juga pihak kerajaan.

Ketiga, kita adakan program BGPP ataupun *Broadband for General Population*, dengan izin.

#### ■1440

Ini pun juga melibatkan di antara pihak kerajaan dan juga pihak swasta dan seterusnya kita ada program SUBB, kita ada program menara telekomunikasi dan juga skrin. Semua program yang diilhamkan dan dimaklumkan ataupun diannounce dengan izin, oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkumi pusat di bandar dan juga di luar bandar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, saya dengar banyak persoalan yang ditimbulkan berkaitan dengan Kampung Tanpa Wayar. Sebenarnya Program Kampung Tanpa Wayar ini dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun dan memang setakat ini pihak suruhanjaya telah melaksanakan sejumlah lebih kurang dalam 4,808. Setiap negeri di Malaysia ini telah pun memperoleh Kampung Tanpa Wayar termasuklah di negeri Pulau Pinang.

Jadi kita tidak membezakan di mana-mana, tetapi sekarang ini, program ini tengah dikaji kerana seperti yang saya sering maklumkan di Dewan yang mulia ini, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pihak kerajaan terpaksa mengkaji keberkesanan program Kampung Tanpa Wayar. Di antaranya kadangkala peralatan Kampung Tanpa Wayar ini terutamanya di Sabah dan Sarawak sering rosak akibat petir dan kepanasan.

Kedua, dia sering terganggu akibat cuaca yang berkabus tebal dan yang ketiganya ia lebih kepada peralatan elektrik di mana kadang-kadang bekalan elektrik yang tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, pihak kementerian secara berterusan sedang merangka satu program yang dinamakan dengan izin, *Hub and Spoke* di mana kita akan menjurus lebih kepada kawasan-kawasan di mana pusat internet yang diadakan dan di situ dia akan buat satu *reach* kepada pusat-pusat internet yang membolehkan rakyat di luar sana untuk menggunakan. Izinkan saya berkongsi juga, sebenarnya tujuan asal Kampung Tanpa Wayar adalah membolehkan kita aware dengan izin, tentang kemudahan internet. Satu pendedahan dan bukan digunakan secara *daily life* dengan izin, kerana apabila kita mampu, kita boleh *subscribe* kepada perkhidmatan telekomunikasi yang sedia ada.

Definisi *broadband*, untuk makluman, ada juga ditanya oleh rakan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebenarnya untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, definisi *broadband* ini kalau kita lihat di ITU, dia menyatakan bahawa definisi *broadband* adalah 256 *kilobyte per second*. So maknanya di Malaysia ini kita ada definisi yang kalau kita lihat, sehingga kita ada 5Mbps ataupun 10Mbps di *certain...* Okey, definisi ITU *broadband* adalah 256 *kilobyte per second*. Apa yang ditawarkan di Malaysia adalah melebihi, kalau kita lihat. Ada setengah-setengah kawasan itu dah dapat lima, lapan dan *even* Pusat Internet 1Malaysia dengan izin Tuan Pengerusi, kita ada 4Mbps hingga 10Mbps. Jadi tak timbul masalah bahawa kadar kelajuan pusat internet kita adalah rendah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, minta penjelasan sikit. Terima kasih Tuan Pengerusi. Menteri, kalau kita hanya menggunakan takrifan yang minimum, 256 *kilobyte per second*, malulah Malaysia. Kita mahu maju ke depan, kita kena *benchmark* kita dengan Korea dengan Singapura kah, bukan menggunakan yang paling minimum, 256 *kilobyte per second*. Jadi isu sekarang adalah monopoli oleh Telekom Malaysia dengan dia punya *backbone*. Jadi isu sekarang, kalau tidak *liberalize backbone* tersebut, kita tidak akan ada *competition* antara syarikat-syarikat yang boleh membawa lebih banyak infrastruktur yang lebih baik supaya kita boleh *compete*. Menteri, minta Menteri bersungguh-sungguh *liberalize backbone* internet, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya sebelum Menteri jawab pada pemakluman Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa hadir bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah Puan Yang Terutama, Puan Halimah Yacob, Speaker Parlimen Singapura dan delegasi seramai tujuh orang anggota. *[Tepuk]* Kepada Puan Yang Terutama Puan Halimah Yacob dan delegasinya, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka ke Dewan yang mulia ini.

Semoga dengan kehadiran Puan Yang Terutama Puan Halimah dan delegasi ini akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan hubungan antara Parlimen Malaysia dan Parlimen Singapura yang telah sedia ada terjalin erat, sekian. Ya, sila Yang Berhormat Menteri. *[Tepuk]*

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menjelaskan kembali kepada Yang Berhormat Bayan Baru tadi, sebenarnya kalau kita lihat, saya ingin berkongsi

definisi ITU tadi memang 256, tetapi di Malaysia seperti yang saya maklumkan, semua program yang kita laksanakan bukan pada kadar 256. Kita memang antara yang tertinggi, di mana-mana sedangkan kita diperakui oleh kebanyakan negara mengatakan bahawa kita mempamerkan kadar yang tinggi dan juga jumlah kadar yang rendah daripada segi bayaran fi sebulan. Daripada segi monopoli yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, sebenarnya itu tidak betul, kerana pihak kementerian melalui SKMM, kita memang mengeluarkan pelbagai lesen. Untuk tahun 2011 sahaja kita telah mengeluarkan lesen sejumlah 112 dan untuk tahun 2014, 141. Jadi tidak timbul isu bahawa berlakunya sebarang monopoli di dalam pemberian perkhidmatan di Malaysia ini.

Saya terus menjawab yang lain ya. Mengenai soalan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pendang berkaitan dengan peralatan jalur lebar yang digunakan adalah *low quality*. Izinkan saya memaklumkan, bahawa pihak kerajaan memang mengambil maklum perkara ini. Akan tetapi setiap pemancar jalur lebar akan biasanya melalui ujian penerimaan ataupun *user acceptance test*. Jadi jika peralatan *low quality*, makna UAT dia akan gagal. Jadi pemancar Kampung Tanpa Wayar biasanya memberi liputan sehingga 200 meter sahaja daripada pemancar.

Mengenai permohonan ataupun persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Machang dan juga Yang Berhormat Pasir Mas berkaitan dengan UniFi, bila akan dilaksanakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya beberapa pelaksanaan program yang sedia ada telah pun dilakukan. Izinkan saya berkongsi iaitu kampung tanpa wayar sahaja telah ada 223, yang sedang dilaksanakan 82 dan pusat internet ada 39 dan sedang dilaksanakan 16.

Untuk tahun ketiga, 61 telah dilaksanakan, 20 sedang dilaksanakan manakala pelaksanaan UniFi, *insya-Allah* pada tahun 2016 akan dilakukan. Kelewatan berlaku kerana proses untuk menyelaraskan peruntukan yang mengambil masa. Berkaitan dengan program 1BestariNet.

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Temerloh bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Penggerusi. Yang Berhormat Menteri, saya ingin mengetahui relevannya ataupun apakah signifikannya pihak kerajaan mengutamakan usaha menaik taraf telefon awam sehingga dengan peruntukan sebanyak RM90 juta yang lalu, berbanding tumpuan diberikan kepada kampung *wireless* ini ataupun tanpa wayar ini. Jadi kenapa? Sedangkan kita lihat telefon awam ini memang terlalu kurang dan terlalu minimum penggunaannya pada hari ini. Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Mungkin Yang Berhormat tidak ada masa saya menjawab tadi ya. Sedangkan - program telefon awam ini sebenarnya dia dimulakan pada tahun 2002 yang lalu, kerana sebelum kerajaan memperkenalkan program kampung tanpa wayar dan sebagainya, program ini masih diperlukan di setengah-setengah kawasan di luar bandar dan masih terdapat permintaan. Jadi pihak kementerian memang melihat perkara tersebut dan dirasakan ada keperluan, perkara-perkara tersebut memang diteruskan. Pada masa yang sama, program kampung tanpa wayar seperti yang saya maklumkan tadi, kita telah tangguh pembinaannya

kerana berdasarkan pada kajian. Memang terdapat banyak permintaan, tetapi kita susurkan dengan program yang baru seperti yang saya nyatakan itu *Hub and Spoke* ya, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Machang bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tak perasan sama ada Yang Berhormat Menteri sudah jawab atau belum. Berkenaan dengan liputan untuk telefon mudah alih di kawasan luar bandar masih lagi banyak yang tertinggal, yang tak ada kawasan liputan. Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Tadi saya ada sentuh sikit Yang Berhormat Machang berkaitan dengan UniFi tadi, tetapi untuk telekomunikasi mungkin saya bagi penerangan sikit kepada Yang Berhormat. Mengenai UniFi ini, setakat ini seperti yang saya maklumkan, *insya-Allah* tahun 2016 kita akan laksanakan di negeri Kelantan. Penyediaan infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi kita akan laksanakan berperingkat seperti Jeli dan Pangkalan Chepa dalam masa tiga tahun.

#### ■1450

Jadi di bawah program *High Speed Broadband* juga iaitu 4,000 sawat akan dinaiktarafkan meliputi 16,000 *port* tambahan di Ibu Sawat Kota Bharu, Kubang Kerian, Jeli dan Pengkalan Chepa dalam masa tiga tahun. Manakala untuk SUBB ataupun di pinggir bandar melibatkan 18 buah ibu sawat dengan pelaksanaan 21,000 *port* tambahan dalam jangka masa lima tahun. Mengenai menara telekomunikasi, seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita telah merangka 1,000 menara telekomunikasi yang baru. Saya percaya dan yakin memang di Kelantan pun terlibat dalam proses pembinaan menara yang baru kerana masih banyak kawasan masih perlu liputan.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Penampang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Timbalan Menteri, sekejap. Terima kasih Tuan Pengerusi. Timbalan Menteri, boleh bertanya berkenaan dengan UniFi di Sabah. Pada masa ini hanya di Kota Kinabalu dan beberapa kawasan sekitar Kota Kinabalu yang ada UniFi. Di daerah saya, Penampang, sudah lama diadvertis, dengan izin, berkenaan dengan UniFi tetapi hingga ke hari ini belum ada perkhidmatan UniFi. Selain itu juga Timbalan Menteri, berkenaan dengan semua telefon telco, kita selalu dapat *drop calls*. Bolehkah kementerian bertanya kepada *cellular provider* semua, kenapa banyak *drop calls*? Terima kasih.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jelebu bangun juga Yang Berhormat.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Saya pun ingin minta penjelasan dari Timbalan Menteri berkaitan dengan *drop calls* punya isu. Kita tahu SKMM telah mengambil tindakan dan mendenda berpuluh-puluh dan beratus-ratus ribu telco-telco yang gagal memberikan perkhidmatan seperti yang dijanjikan. Isunya masih tidak selesai dan isu *drop calls*

masih lagi berterusan walaupun kadar laporan kepada SKMM mengadu soal *drop calls* berkurangan tetapi saya mentafsirnya kekurangan ini mungkin dengan dua sebab. Pertama, memang betul-betul sudah ada peningkatan dalam soal mengatasi masalah *drop calls*. Keduanya, orang sudah jemu dan muak untuk membuat laporan kerana tidak mempunyai tindak balas yang segera dan sebagainya.

Jadi Timbalan Menteri, saya hendak bertanya, adakah usaha dilakukan untuk membolehkan kegagalan atau *drop calls* ini diberi imbuhan dan rebat kepada rakyat dan pengguna? Seharusnya sudah dicari satu mekanisme untuk membuat rebat ini kerana ini untuk keadilan rakyat, mereka membayar di antara 10 sen atau 5 sen ke 15 sen satu *call* bagi semua telco. Jadi mereka gagal untuk bercakap tetapi mereka membayar. Kalau dilihat keuntungan kepada telco-telco ini tidak ada yang kurang daripada RM1 bilion setahun. Jadi kenapa tidak dicari satu mekanisme yang berfungsi secara automatik? Mana-mana panggilan yang gagal maka ia harus membuat rebat balik. Saya fikir apakah kementerian mempunyai usaha ataupun pemikiran untuk menjurus ke arah itu? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Irmohizam bin Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma hendak menyambung sedikit tentang isu *drop calls*. Saya fikir ini satu perkara yang sangat serius kerana perkara ini telah banyak dibincangkan dan diperdebatkan serta menjadi perbualan di kalangan rakyat Malaysia tentang *drop calls* ini. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak kementerian mempunyai kaedah-kaedah untuk memastikan dalam tempoh tiga tahun yang mendatang ini, isu *drop calls* ini akan terus dapat kita atasi? Itu yang pertama.

Kedua, adakah pihak kementerian mempunyai cadangan untuk menarik balik lesen-lesen kepada telco-telco yang dianggap tidak efisien dalam kaedah *drop calls* ini? Ketiga, apakah punca utama masalah *drop calls* terutama sekali di lebuh raya-lebuh raya dan jalan-jalan di kawasan bandar dan pinggir bandar? Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Boleh, ya? Banyak soalan telekomunikasi, saya banyak lagi subjek hendak jawab ni, ya. Okey, pertama berkaitan dengan UniFi di Kota Kinabalu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam projek *High Speed Broadband* yang saya maklumkan tadi RM400 juta tadi, negeri Sabah akan diperuntukkan lebih kurang dalam RM100 juta yang akan melibatkan sembilan buah ibu sawat. SUBB kita akan melibatkan RM40 juta iaitu 23 buah ibu sawat. Jadi jangan khuatir Yang Berhormat, kita akan masukkan negeri Sabah.

Mengenai isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat juga mengenai *drop calls*, Yang Berhormat Jelebu juga *drop calls* dan Yang Berhormat Kuala Selangor pun berkaitan dengan *drop calls*. Saya suka maklumkan bahawa ada beberapa perkara yang pihak kementerian sedang laksanakan melalui SKMM. Pertamanya, biasanya kita akan mengadakan perbincangan dengan pihak telco. Biasanya pihak SKMM akan memanggil kesemua Ketua Pegawai Eksekutif untuk membincangkan cara yang terbaik bagi menangani masalah. Keduanya, dengan adanya penambahan menara-menara baru seperti saya maklumkan tadi, 1,000 yang akan dibina, *insya-*

Allah, sedikit sebanyak ia akan mengurangkan bebanan ataupun aduan-aduan berkaitan dengan *drop calls*.

Mengenai dengan proses memberi rebat. Sekiranya ianya disebabkan oleh rangkaian, mungkin perkara ini boleh dipertimbangkan. Ingin saya berkongsi juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya setiap syarikat pemberi perkhidmatan dikenakan rebat, mungkin program-program susulan iaitu 6% yang biasa kita kenakan kepada setiap pemberi perkhidmatan, kita tidak dapatlah. Ini kerana duit yang dikenakan kepada setiap pemberi perkhidmatan disalurkan kembali kepada rakyat di bawah sana melalui program-program USB seperti yang saya terangkan tadi. Jadi sebelum kita membuat sebarang keputusan sama ada hendak rebat dan sebagainya, kita akan kaji secara keseluruhan.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan sedikit. Ini kerana saya lihat macam tidak ada pembelaan kepada rakyat sebab mereka terpaksa membayar kerana semuanya dijalankan secara automatik, *online* sistem itu. Akan tetapi kalau alasan tidak memberi rebat kepada pengguna yang tidak dapat perkhidmatan itu sebenarnya oleh kerana *drop calls*, maka itu dijadikan alasan kenapa nanti 6% tidak dibayar kepada SKMM di bawah *USB fund*, saya rasa itu tidak adil.

Kalau kita lihat keuntungan yang diperoleh oleh syarikat ini, kalau boleh disebutkan, tahun 2013, Maxis sendiri mencatatkan keuntungan sebanyak RM2.1 bilion. Celcom sendiri sebanyak RM2.4 bilion dan Digi sebanyak RM1.7 bilion. Sebahagian daripada keuntungan itu saya fikir datang dari rakyat yang menggunakan telefon tetapi perkhidmatan tidak diperoleh. Itu yang saya persoalkan, yang ini perlu diberi pembelaan oleh kementerian bagi menjaga kepentingan rakyat. Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Seperti yang saya maklumkan tadi, pihak SKMM dalam proses memberi rebat sekiranya *drop calls* itu ialah disebabkan rangkaian, jangan khuatir. Saya rasa di Jelebu, rangkaian semua hebat saya rasa, tidak ada masalah. *Drop calls* itu biasa berlaku apabila raya dan sebagainya.

Okey, mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kepong, berkaitan dengan Program BestariNet. Dia tidak ada di sini, Yang Berhormat Kepong. Suka saya maklumkan, dan juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa kalau tidak silap saya tadi. Program BestariNet adalah di bawah Kementerian Pendidikan dan bukan di bawah Kementerian ini, ya.

Mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bakri berkaitan dengan isu *smart partnership*. Suka saya maklumkan ianya merupakan satu pelan usaha sama bagi mengatasi isu penyediaan perkhidmatan telekomunikasi di kawasan terbabit. Ia bukan merupakan satu perkara yang wajib untuk dipatuhi oleh pemaju tetapi merupakan perkongsian pintar antara penyedia perkhidmatan dan pemaju. Yang Berhormat Bakri ada memaklumkan tentang tindakan yang harus diambil terhadap aduan yang dimaksudkan di bawah Taman Maharani. Sebenarnya telah pun diberi penjelasan kepada Yang Berhormat Bakri melalui surat bertarikh 7 November baru-baru ini.

Terdapat juga persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Temerloh. Mengapa terdapat peningkatan peruntukan di bawah Butiran 030100 bagi tahun 2015. Untuk makluman Yang Berhormat, peningkatan peruntukan berlaku kerana peruntukan MDeC dan MYNIC yang sebelum ini kedua-duanya adalah di bawah MOSTI.

■1500

Apabila diletakkan di bawah kementerian ini, jadi kita memerlukan peruntukan baru untuk tujuan pengawalseliaan. Isu yang kedua iaitu berkaitan dengan tahap kebebasan media di Malaysia. Seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Shah Alam sewaktu mencelah dan juga Yang Berhormat Pasir Mas. Suka saya maklumkan bahawa sebenarnya berkaitan dengan kebebasan media dan kebebasan bersuara terdapat pelbagai media alternatif yang ada di Malaysia menerusi internet *online*, bercetak dan *on air*. Pilihannya terletak kepada masyarakat. Hanya yang pentingnya perlu ada maklumat yang sahih, tepat dan terkini yang disiarkan dalam media perdana.

Akan tetapi apabila kita sebutkan tentang kebebasan bersuara, tidak semestinya berita palsu yang menggugat keamanan dan perpaduan boleh dibuat sesuka hati. Kita khuatir. Akan tetapi ada juga yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sepang. Saya pun hairan juga apabila Yang Berhormat Sepang menyatakan beberapa nama pemimpin yang disebut itu ialah pemimpin yang sepatutnya dianggap sebagai wira, sedangkan kita sudah belajar bertahun-tahun sejarah mengatakan mereka ialah pemimpin komunis. Akan tetapi berdasarkan rating media *analytic* langsung kerana ada persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bakri dan juga Yang Berhormat Sepang, program siaran RTM yang diadakan setiap hari antara pukul 10.00 hingga 11.30, tetapi untuk makluman...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Minta laluan.

**Dato' Jailani bin Johari:** Kesemua Ahli Yang Berhormat, sebenarnya program tersebut ada disiarkan iaitu di bawah *rtmparlimen.rtm.gov.my*. Jadi maknanya, sedang kita berhujah ini kita boleh menonton di laman web. Jadi persoalan yang mengatakan bahawa pihak sebelah sini tidak memberi ruang kepada pihak di sebelah sana untuk keluar dalam TV adalah tidak benar kerana pihak sini sebenarnya BERNAMA TV telah menjemput beberapa calon - Sekejap Yang Berhormat. Beberapa calon PAS yang bertanding dalam muktamar tahunan PAS tahun lalu untuk ditemu ramah. Duduk sekejap Yang Berhormat Beruas. Nanti saya jawab.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Isu sudah lepas tadi berkenaan Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Pengurus [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sekejap.

**Dato' Jailani bin Johari:** Sekejap, sekejap bagi saya jawab. Kita jemput Yang Berhormat PAS untuk ditemu ramah dalam program Ruang Bicara tetapi tidak ada pula yang datang. BERNAMA TV juga telah mengadakan laporan setiap jam persidangan parti DAP untuk tahun ini. Ahli Yang Berhormat pembangkang dari Kepong juga menjadi panel Ruang Bicara pada 23 September 2014 untuk membincangkan isu soalan-soalan UPSR bocor. Jadi, tidak timbul mengatakan pihak kementerian mengamalkan *double standard*. Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa tadi jawapan tidak tepat mengatakan Yang Berhormat Sepang mengatakan pemimpin-pemimpin komunis adalah wira. Yang Berhormat Sepang mengatakan ialah dalam sejarah Malaysia ini, kita mesti juga mengingati bahawa pemimpin-pemimpin komunis juga telah menyumbang kepada kemerdekaan Malaysia. Memang Yang Berhormat Sepang pun tidak kata dia setuju dengan perjuangan komunis.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya ada di sini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Beruas, belajar mana Yang Berhormat?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat, Yang Berhormat!

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya ada di sini, jadi tidak boleh putar belit apa yang Yang Berhormat Sepang nyatakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tengah mencelah Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Beruas, itu samalah dengan menyokong Yang Berhormat Beruas. Samalah dengan menyokong. Buat apa hendak sebut dalam sejarah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Dia tidak kata pemimpin-pemimpin komunis ini adalah wira. Yang Berhormat Sepang pun tidak kata dia setuju dengan perjuangan komunisme. Apa yang dia kata...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Dia cakap tadi. Yang Berhormat Beruas bacalah *Hansard*, baca *Hansard*.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Sejarah ini mesti dicatatkan dengan baik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Baca *Hansard*.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Baca, baca. Baca *Hansard*, dia tidak cakap juga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi, baru-baru ini KDN pun...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak boleh. Jangan mencelah Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** No, just to clarify Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Beruas tengah mencelah.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *The issue is not communism* Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *The issue is even the Prime Minister is shaking hand with the President of China.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tegur Yang Berhormat Pengerang dan juga tegur Yang Berhormat Batu Kawan. Tidak boleh mencelah atas mencelah Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi, ini *just* untuk menjelaskan Tuan Pengerusi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri berjabat tangan dengan Presiden Xi Jinping dari negara China.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh, tidak boleh.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Beliau seorang komunis juga. Jadi, apa masalahnya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Beruas, sudah habis Yang Berhormat Beruas?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Satu lagi saya hendak nyatakan...

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Kita tidak mahu komunis di Malaysialah!

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tiba-tiba Yang Berhormat Sepang dijadikan sasaran di Dewan yang mulia ini. Apa masalahnya?

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Kita tidak hendak komunis di Malaysialah!

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** KDN pun menandatangani perjanjian...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Beruas. Silalah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cukuplah Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Perjanjian itu lain. Itu negara China.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Itu Ketua Negara China.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Kenalah faham betul-betul!

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, di luar peraturan mesyuarat macam ini Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Baca Hansard, baca Hansard.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tetapi komunis! Negara komunis!

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Baca Hansard.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Masih ada...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Baca Handsardlah Yang Berhormat Beruas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah cukuplah, cukup.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *What is the issue?*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Ini di luar peraturan mesyuarat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Haruslah seluruh Malaysia mesti tahu hanya satu parti politik sahaja di Malaysia yang ada hubungan secara formal dengan Parti Komunis China iaitu UMNO.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Tidak ada satu lagi pun parti di Malaysia yang ada hubungan...

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Jangan cakaplah!

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Secara formal dengan Parti Komunis China. Setiap kali ada Perhimpunan Agung UMNO, pemimpin-pemimpin komunis China telah dijemput dan juga banyak program Pemuda UMNO...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Bersama dengan pemuda komunis China.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Ini luar konteks. Kita bercakap tadi dalam sejarah. Itu negara.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Itu hubungan sebuah negara!

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ini hakikatnya.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Itu Yang Berhormat Sepang cakap.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tetapi ia...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Catatan sejarah mesti tepat.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri, mana yang berkaitan dengan kementerian sahaja jawab Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada persoalan yang ditimbulkan berkaitan dengan Mat Indera tadi iaitu sebenarnya bukan di bawah kementerian saya. Itu di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Itu berkaitan dengan modul sejarah.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Mas bangun Yang Berhormat.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Mengenai kebebasan media Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi. Saya sudah sebut tadi dalam ucapan saya bahawa isu kita ialah bukan media alternatif. Kebebasan yang kita maksudkan ialah media perdana. Mengapa kerajaan masih dengan polisi untuk tidak beri ruang kepada pembangkang. Oleh sebab itu saya sebut tadi bahawa ranking yang dibuat oleh badan antarabangsa ini kita sentiasa jatuh. Isunya ialah kerana pembangkang tidak diberi akses kepada media perdana.

**Dato' Jailani bin Johari:** Yang Berhormat Pasir Mas, tadi masa saya menjawab Yang Berhormat Pasir Mas tidak ada. Tadi saya ada beritahu, BERNAMA TV pun telah menjemput calon PAS untuk ditemu ramah tetapi tidak datang *last minute*. Jadi tidak betullah itu. *In fact*

dalam Bicarawara Rabu, 22 Oktober 2014 yang lalu dan di bawah Ideologi Revolusi Baru, kita pun jemput Dr. Syed Azman Syed Ahmad Nawawi Timbalan Setiausaha Agung PAS. Jadi tidak timbul Yang Berhormat. Jangan risau.

Saya terus kepada...

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Berapa kali dijemput itu Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Sedikit Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Berapa kali dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Jailani bin Johari:** Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Pendang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Yang Berhormat, ini pengalaman saya. RTM secara rasmi buat siaran langsung di UM, saya panel dan kita tunggu masa itu PAS memerintah Kedah, Exco Kedah PAS tidak hadir. Betul Yang Berhormat. Itu pengalaman saya di UM yang saya hadir.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat Shah Alam Yang Berhormat? Tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kenapa pula tidak bagi.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Saya tambah tadi fasal saya hendak jawab tadi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi kata dijemput untuk berucap. Ini takkan dalam Parlimen pula tidak bagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini nampaklah tidak ada kebebasan.

**Dato' Jailani bin Johari:** Saya sudah beritahu sudah tadi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi kata ada kebebasan. Sekarang tidak bagi pula.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak salah peraturan Yang Berhormat. Boleh tidak bagi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bagilah, baru ada kebebasan.

**Dato' Jailani bin Johari:** Tidak apa, tidak apa.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini cakap dua kali, tiga kali jemput.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dalam tempoh berapa puluh tahun, itu pun hendak dijadikan sebagai hujah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Buat malulah. Kalau tiap-tiap minggu jemput kita tidak datang, lain cerita.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Duduklah Yang Berhormat Shah Alam!

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Pengerusi, minta Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Zahirkan kebebasan yang dia cakap itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah Yang Berhormat. Jemput lagi lain kali Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Shah Alam memang sering mencelah lebih-lebih lagi apabila kita siarkan antara pukul 10.00 hingga 11.30. *Time* ini pun kita boleh. Sewaktu Yang Berhormat Shah Alam mencelah tadi pun memang dalam RTM punya internet. Tidak apa Yang Berhormat. Teruskan saya menyoal soalan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Internet punya. Kita cakap fasal *mainstream* media.

**Dato' Jailani bin Johari:** Tidak apa, tidak apa.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Janganlah main internet, yang dahulu yang jemput itu pun internet punya TV juga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Tidak akan BERNAMA TV itu internet Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Cuba jemput.

**Dato' Jailani bin Johari:** Tidak apa, tidak apa. Okey, saya teruskan Tuan Pengerusi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Saya tidak bagi, saya tidak bagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Nantilah kemudian Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Banyak lagi persoalan yang saya perlu jawab. Kalau tadi saya sudah bagi ruang. Yang Berhormat Sepang ada menanyakan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak bagi ruang pun. Macam mana dia kata bagi ruang. Tidak bagi ruang pun. *[Ketawa]* Bila dia bagi ruang?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Shah Alam, minum kopi di luar Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat, duduklah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Orang pun nampak tidak beri ruang, macam mana dia boleh kata bagi ruang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ini masuk TV ini.

**Dato' Jailani bin Johari:** Ini masuk TV, tidak apa, tidak apa.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Yang Berhormat Shah Alam, jom kita keluar minum Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah reda sudah? Terima kasih, terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Ya, terima kasih.

■1510

Isu kemerdekaan ya. Kementerian secara berterusan akan melaksanakan program-program bagi meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda terutamanya mewakili program di lapangan media massa dan juga media baru.

Berkaitan dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sepang berkaitan bajet yang tidak dinyatakan di dalam peruntukan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan kemerdekaan disalurkan oleh Jabatan Perdana Menteri. Peruntukan merdeka setiap tahun adalah diluluskan oleh Kementerian Kewangan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Isu berkaitan dengan penyalahgunaan data peribadi. Isu ini dipersoalkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang. Terdapat beberapa syarikat pemberi perkhidmatan besar telah menyalahgunakan maklumat pelanggan untuk kepentingan lain. Untuk makluman, sehingga kini terdapat 17,653 pengguna data yang tergolong di dalam 11 sektor yang wajib berdaftar telah didaftarkan. Antara sektor tersebut ialah telekomunikasi, perbankan, institusi kewangan, kesihatan dan harta tanah. Jadi, mana-mana pengguna data di bawah 11 sektor tersebut yang gagal berdaftar boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

Berkaitan dengan program dan siaran TV, radio RTM, BERNAMA TV dan stesen penyiaran swasta, ada beberapa persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Kinabatangan ada yang mempersoalkan tentang kadar bayaran atau pun harga drama telemovie RTM. Harga telemovie RTM untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat adalah antara RM100,000 hingga RM110,000. *Super telemovie* adalah antara RM150,000. Ianya berdasarkan kepada kriteria pelakon popular, peralatan teknologi tinggi, lokasi penggambaran di luar negara, Sabah dan Sarawak. Harga drama untuk 60 minit RM40,000 atau pun hingga RM42,000, 30 minit – RM23,000 dan *super drama* – RM60,000.

Pada hakikatnya ada juga persoalan yang ditimbulkan bayaran drama telemovie kepada syarikat penerbitan jauh lebih tinggi berbanding lain. Sebenarnya, pihak kementerian sedang membuat semakan semula dan sedang dalam proses untuk dikemukakan bagi tujuan kelulusan. Jadi, isu yang ditimbulkan berkaitan dengan RTM keluar dari negeri Selangor. Sebenarnya RTM kita tidak keluar tetapi kita dihalau keluar apabila pembangkang mengambil alih negeri Selangor pada PRU Ke-12.

Yang Berhormat Sepang mengatakan kita keluar, sudah terkeluar. Sebenarnya RTM Selangor telah diarahkan keluar dari pejabat di bangunan SUK Selangor. Saya hendak perbetulkan benda ini. *[Dewan riu]*

Isu berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu yang betul dalam penyampaian berita yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pendang. RTM menggunakan sebutan bahasa Melayu Johor Riau. Pemantauan dibuat di sepanjang masa bagi memastikan setiap sebutan adalah betul dan tepat. Jika berlaku kesilapan teguran akan dibuat serta-merta untuk panduan penyampai IPTAR dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan buku garis panduan penggunaan bahasa Melayu dalam media massa.

Berkaitan dengan pakaian, pihak RTM mempunyai garis panduan kod etika berpakaian bagi memastikan semua penyampai dan pengacara tampil dengan pakaian sesuai dan sopan dan tidak mencolok mata.

Ada cadangan oleh Yang Berhormat Bakri mengenai mengapa hanya *upload* ucapan Yang Berhormat Menteri. RTM mengambil maklum akan cadangan tersebutlah untuk dimuat naik di dalam *YouTube*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tenom bangun ya.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan RTM juga mempunyai etika dalam menyampaikan berita. Sedar atau pun tidak kalau dilihat masalah ini sebagai masalah kecil tetapi mempunyai impak yang besar. Saya bagi contoh Tuan Pengerusi, bila berlakunya salah ejaan, perkataan, struktur ayat yang berlaku di *crawler* atau pun *super* atau pun *subheading* bila di skrin TV. Saya melihat kesilapan seperti ini sering kali berlaku sehingga ada juga nama Menteri kadang-kadang pun tersilap. Jadi, kita minta pihak kementerian supaya meneliti kembali, supaya masalah-masalah seperti ini...

**Seorang Ahli:** Ijazah jadi jenazah.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ijazah jadi jenazah pula ketika ramai di antara rakyat kita menonton berita-berita yang disiarkan dalam TV.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Menerima jenazahlah Yang Berhormat.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ijazah menjadi jenazah pula Tuan Pengerusi. Saya minta kementerian melihat perkara-perkara ini. Walaupun nampak kecil tetapi dia mempunyai impak yang besar terhadap sesuatu berita yang disampaikan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Saya ucap terima kasihlah kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana memang setiap masa memberi fokus kepada RTM. Makna kata RTM ini ya lah dari dahulu dan sehingga kini masih menjadi tatapan umum. Jadi, dari segi kesilapan dan sebagainya memang pihak kementerian ambil maklum. Seperti yang saya nyatakan tadi, kita akan hantar *training* dan sebagainya. Kita yakin sekiranya

penyampai-penyampai tersebut diberi pendedahan secara berterusan, *insya-Allah* benda ini akan dapat dikurangkan.

Terdapat juga persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Rasah berkaitan dengan isu kesilapan laporan berita BERNAMA mengenai apabila disebut Kementerian Pendidikan cadang untuk menamatkan sekolah vernakular. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembetulan telah pun dikeluarkan pada 14 November, pada hari keesokannya berikut teguran. Wartawan yang membuat laporan itu mengaku beliau silap dan siasatan dalaman sedang dijalankan dan tindakan akan diambil terhadap wartawan berkenaan.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rasah bangun Yang Berhormat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya saya memang faham pembetulan telah pun diadakan tetapi cuma rasa dalam laporan, perkara yang begitu sensitif sekali saya rasa editor atau pun pimpinan tertinggi di BERNAMA haruslah mengambil serius terhadap perkara ini. Bukan senang-senang sahaja boleh mengeluarkan cerita di mana hendak hapuskan pendidikan vernakular.

Saya rasa laporan tersebut memang tidak bertanggungjawab dan saya rasa bukan sahaja *reporter* tersebut tetapi editor atau pun pimpinan-pimpinan tertinggi juga harus diambil tindakan sebab itu merupakan salah satu laporan yang sangat sensitif dan ia juga akan menyebabkan kesalah fahaman di antara kaum. Itu sesuatu yang sangat serius. Saya harap pihak kementerian dapat mengambil tindakan dalam perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita ambil maklum ya. Berkaitan dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Putatan iaitu pada masa siaran BERNAMA TV tidak sampai ke kawasan luar bandar. Harap BERNAMA TV dapat meningkatkan capaian siaran ke kawasan luar bandar.

Ada juga soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kepong berkaitan dengan status BERNAMA TV. Dua persoalan tentang BERNAMA TV. Jadi, soalan pertama berkaitan dengan BERNAMA TV langkah penambahbaikan sistem siaran BERNAMA TV akan bermula pada tahun 2015 di mana ia melibatkan kerja menaik taraf sistem studio satu dan dua, pembinaan konti kedua dan menambah baik sistem editorial. Keseluruhan kos akan melibatkan peruntukan RM20 juta.

Dengan terlaksananya langkah penambahbaikan ini, diharapkan BERNAMA TV akan dapat membuat laporan, berita, peristiwa penting dengan lebih pantas dan terperinci pada masa akan datang. Mengenai siaran di luar bandar, ketika ini siaran BERNAMA TV boleh ditonton melalui siaran Astro saluran 502 dan saluran 410 di Hip TV. Siaran juga boleh diakses secara *streaming* melalui laman web [www.bernama.com](http://www.bernama.com). Usaha memperluaskan siarannya ke luar bandar masih dalam penelitian.

Berkaitan dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kepong, suka untuk saya berkongsi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Sebenarnya BERNAMA TV adalah

satu syarikat yang ada pemegang saham dan di sini bukan apabila disebut BERNAMA sahaja menggambarkan ia adalah kerajaan. Bukan, sebenarnya adalah satu syarikat dan pihak kerajaan hanya membantu secara *good will* dalam pelbagai bentuk demi kepentingan petugasnya.

Seterusnya, isu berkaitan dengan pemerkasaan JASA dan penerangan. Ada beberapa perkara yang ditimbulkan berkaitan dengan JASA. Yang Berhormat Rasah ada menanya berkaitan 46 orang pegawai JASA di Negeri Sembilan telah memohon menjadi Penolong Pegawai Pendaftar Pengundi. Adakah peruntukan RM21 juta itu tidak mencukupi? Berapakah jumlah pegawai JASA terkini dan kebanyakan tugas-tugas pegawai JASA adalah bertindih? Suka saya maklumkan sebenarnya semua rakyat Malaysia boleh menjadi Penolong Pendaftar Pemilih asalkan ianya berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan raya dan ini tiada kaitan dengan pendapatan seseorang.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** *[Bangun]*

■1520

**Dato' Jailani bin Johari:** Biar saya jawab dahulu ya. Jumlah pegawai JASA sebagai Penolong Pendaftar Pemilih seramai 358 orang. Untuk Negeri Sembilan sahaja ada 45 orang dan yang lain-lain tidak payah saya sebut lagi ya. Berkaitan dengan jumlah pegawai JASA, Penolong Pendaftar Pemilih tadi 358 orang, jumlah pegawai JASA secara keseluruhan adalah 1,191 orang di mana 145 orang ialah lantikan tetap dan 1,046 orang adalah lantikan kontrak.

So, apabila Yang Berhormat mengatakan pegawai JASA ini bertindih dengan tugas-tugas anggota polis, tidak betullah kerana mereka ini dilantik menerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan mereka tidak didedahkan dengan penggunaan pistol dan sebagainya Yang Berhormat kerana itu secara pelantikan berbeza. Peranan pegawai JASA ialah membantu proses pendidikan rakyat yang berinformative serta memiliki nilai-nilai sosial yang bermanfaat dalam pembentukan sebuah negara maju dan semangat patriotik. Yang Berhormat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Okey, untuk Penolong Pendaftar Pengundi, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya wakil daripada parti-parti politik telah pun diberhentikan untuk mendaftar pengundi baru. Cuma saya lihat itu memang merupakan salah satu strategi baru di mana pihak kerajaan cuma membenarkan pegawai-pegawai yang berparti politik Barisan Nasional untuk mendaftar pengundi baru. *[Dewan riuh]*

Saya rasa, bagi pendaftaran pengundi baru ini, sebenarnya haruslah dibuka ruang kepada semua rakyat Malaysia yang layak menjadi Penolong Pendaftar Pengundi. *[Dewan riuh]* Semalam saya ada tanya, berapakah jumlah pegawai JASA merupakan lantikan politik. Tadi jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu 1,406 orang merupakan pegawai kontrak. Adakah pegawai kontrak ini merupakan lantikan politik? Saya mohon penjelasan daripada kementerian.

**Dato' Jailani bin Johari:** Yang Berhormat, tadi saya jelaskan bukan 1,060 orang. Jumlah pegawai JASA secara keseluruhan ialah 1,191 orang. Sejumlah 145 orang lantikan tetap

dan 1,046 orang lantikan kontrak. Sama ada kontrak ataupun tetap, itu bukan berkaitan dengan politik kerana pegawai JASA dilantik menerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Yang Berhormat. Itu kena tengok balik Yang Berhormat. Saya ucap...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Satu lagi saya..

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dato' Jailani bin Johari:** Cukup-cukuplah, saya hendak jawab yang lain pula ini.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab saya perhatikan kebanyakan daripada program ataupun majlis makan malam ataupun ceramah yang dianjurkan oleh Pakatan Rakyat, kita boleh lihat ada banyak individu yang sorok-menyorok dekat situ, membuat rakaman, mengambil nota. Kita perhatikan kesemua ini merupakan wakil daripada Barisan Nasional dan mereka menggunakan jawatan pegawai JASA untuk membuat kerja tersebut. *[Dewan riuh]* Saya telah pun sebut di mana sebenarnya pihak polis, PDRM mempunyai *Special Branch*. Jadi saya rasa tugas mereka telah pun bertindih. Oleh sebab itu saya membangkitkan di Dewan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, itu ini sudah dibahas semalam. Yang Berhormat sudah bahas semalam. Tidak payah ulang Yang Berhormat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ya, saya hendak minta komen dan penjelasan daripada kementerian mengenai tanggungjawab pegawai JASA ini.

**Dato' Jailani bin Johari:** Saya tidak hendak jawab pasal saya dah jawab bukan?

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Dato' Jailani bin Johari:** Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Lenggong kerana mencadangkan supaya ditambah peruntukan dan bilangan pegawai JASA di Parlimen dan DUN. Jadi kita ucap terima kasih dan untuk persoalan berkaitan dengan jumlah pegawai bukan Melayu, untuk bangsa Cina dan India setakat ini kita ada 232 orang termasuk bumiputera Sabah dan Sarawak. Berkaitan dengan persoalan..

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini berkenaan dengan Jabatan Penerangan. Kita tahu bahawa Jabatan Penerangan di daerah penting. Akan tetapi masalah sekarang ini ialah pegawai yang bertugas sebagai Pegawai Penerangan hanyalah S27.

Saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, kementerian ataupun kerajaan supaya menambahbaikkan lagi jawatan dinaikkan ke S41 dan ditambah kepegawaian penerangan itu supaya tugas-tugas itu dapat dilaksanakan dengan lebih baik lagi.

Kedua saya hendak menyentuh pasal Komuniti 1Malaysia (K1M). Yang ada cuma 5,000 setahun. Program hendak buat banyak. Jadi saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya peruntukan K1M ini ditambah sekurang-kurangnya 20,000 supaya

program-program untuk memantapkan masyarakat memberi maklumat kepada masyarakat dapat dilaksanakan dengan lebih baik pada masa hadapan. Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Parit dan saya percaya pegawai-pegawai saya ada dekat belakang ini, *insya-Allah* kita ambil maklum dengan cadangan Yang Berhormat. Sebenarnya memang kita pun kalau boleh belanja mengurus tahun ini pun kita hanya dapat dalam RM1.3 bilion sahaja, ada pemotongan. Kalau banyak, banyaklah kita tambah tetapi kita ambil maklum.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebut tadi mengenai JASA. Kita tahu bahawa peranan JASA, apa matlamat yang kerajaan tubuhkan JASA. Pastinya antara lain ialah untuk memastikan supaya agenda dan dasar serta polisi yang kerajaan lakukan dapat disampaikan dengan baik melalui peranan JASA.

Saya sebut di sini supaya fungsinya betul dijayakan dan kerana itu saya harap supaya kementerian buat *Blue Ocean Strategy* dengan jabatan-jabatan lain yang juga menubuhkan beberapa unit yang fungsinya lebih kurang sama seperti di bawah FELDA atau majlis lain supaya contohnya isu berkaitan dengan minyak misalnya. Pengumuman kerajaan bila minyak naik dan sebagainya, saya tengok kadang-kadang pegawai-pegawai yang sepatutnya memainkan peranan ini pun dia terpinga-pinga tidak tahu.

Oleh sebab itu saya harap dengan kementerian-kementerian lain misalnya bila KPDNKK hendak umumkan, jadi minta supaya ada kerjasama kementerian ini memaklumkan terlebih awal supaya kita punya jentera ini dapat faham betul-betul dan boleh menyampaikan kepada rakyat dengan berkesan. Kalau pegawai-pegawai kita pun bertanya dan mereka pun menimbulkan persoalan, saya ingat tak berjaya peranan tersebut. Oleh sebab itu saya harap supaya ada program-program *Blue Ocean Strategy* memberi kerjasama. Isu penting mesti difahami terlebih dahulu oleh jentera kita ini. Jadi saya harap itu dapat dilaksanakan.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Perkara itu memang sedang dalam kajian kita sama ada dari segi perjawatan dan sebagainya. Memang kerana kedua-dua agensi itu iaitu agensi JASA dan juga penerangan adalah di bawah agensi Kementerian Komunikasi dan Multimedia. *Insya-Allah* benda itu senang kita ambil tindakan.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar bangun Yang Berhormat.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin hendak bertanya tentang saya difahamkan terdapatnya rombakan ataupun *restructuring* daripada pihak JASA daripada atas hingga ke bawah.

Jadi apakah sebab-sebab terjadinya begitu?atau Apakah masalah-masalah yang terdapat di peringkat Parliment atau pun di peringkat bahagian? Adakah kurang pengalaman atau pun perlu mengikut struktur yang disusun dari atas sehingga ke bawah. Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Seperti mana-mana organisasi, memang proses penambahbaikan, *restructuring* dengan izin dan sebagainya perlu dilaksanakan. Seperti yang diutarakan oleh rakan-rakan Yang Berhormat tadi di mana JASA ini harus bergerak selari dengan arus zaman teknologi dan maklumat.

Jadi proses reorganisasi itu harus dilakukan kerana kita cuba menyeimbangkan antara program digital dan juga program komuniti bersemuka. Jadi perkara-perkara ini memang ditengok secara menyeluruh. Jadi benda itu sedang dilakukanlah oleh Yang Berhormat.

Berkaitan dengan beberapa persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pengerang iaitu peranan Jabatan Penerangan dalam menerangkan berkenaan isu-isu GST dan masalah setempat. Sebenarnya Jabatan Penerangan memang bekerjasama dengan pelbagai agensi dan NGO dalam menyampaikan maklumat isu-isu semasa.

Suka saya kongsi, setakat ini taklimat ceramah sebanyak 666 kali, santai minda, syarahan berencana, sembang warung, persembahan Pentarama, pemasangan *billboard*, penerbitan buku kecil pelbagai dan juga *engagement*.

#### ■1530

Pelbagai kumpulan sasar dilibatkan dalam aktiviti GST khususnya NGO, Belia dan juga masyarakat luar bandar. Jabatan Penerangan juga mengenakan media baru dalam menyampaikan maklumat tersebut iaitu *YouTube*, *Twitter*, *Facebook*, laman web dan portal. Kalau kita hanya menggunakan media sosial sahaja, kita rasa komunikasi dua hala tidak sampai kerana Yang Berhormat pun biasanya setiap minggu kita balik ke kawasan, jadi dia punya *agreement* personel *touch* itu lebih. Jadi kita kena ada *balance* seperti yang saya maklumkan tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Dato' Jailani bin Johari:** Tidak, sedikit, ada beberapa lagi yang...

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri,

**Dato' Jailani bin Johari:** ...Berkaitan dengan...

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** ...Sementara mencari itu, boleh tidak saya...

**Dato' Jailani bin Johari:** Sudah jumpa, sudah jumpa. Soalan daripada Yang Berhormat Kinabatangan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]:** [Ketawa] Tidak sempat ambil kesempatan Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** ...Daripada Yang Berhormat Kinabatangan, saya kena jawab. Penambahbaikan pejabat penerangan. Sebenarnya pihak Jabatan Penerangan sedang dalam proses meneliti keperluan bagi membina bangunan pejabat baru dan juga menambah baik kemudahan serta pejabat sedia ada seluruh Malaysia. *Insyah-Allah*, akan melaksanakan projek-projek yang dikenal pasti dalam RMKe-11. Oleh sebab itu, persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan ada pencelahan oleh Yang Berhormat Tenom berkaitan dengan kebanyakan kenderaan yang sedang digunakan oleh pejabat-pejabat penerangan di Sabah dan

Sarawak. Suka saya maklumkan bahawa projek ini sedang diperhalusi dan *insya-Allah* untuk Yang Berhormat Tenom - dia mencelah tetapi untuk makluman Yang Berhormat Tenom, kenderaan di Pejabat Penerangan Tenom telah pun diganti pada tahun 2013 dan bukannya *recond* atau *second hand*, tetapi kenderaan baru.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, masih mengenai Jabatan Penerangan. Saya ada beberapa pandangan iaitu penerangan ini sangat penting khususnya dalam keadaan sekarang di mana terlalu banyak persepsi yang tidak betul. Oleh sebab kerajaan mempunyai kementerian yang banyak, pentadbiran yang luas, jadi kelihatan masing-masing membuat perspektif masing-masing. Jadi oleh sebab itu, adakah cadangan kementerian untuk menjadikan kementerian atau Jabatan Penerangan atau bahagian penerangan ini sumber kepada semua informasi maklumat berkaitan semua dasar-dasar kerajaan dalam semua kementerian supaya ia selaras.

Sehubungan dengan itu, seharusnya kakitangan pakar yang berkebolehan dapat menerangkan dasar-dasar kerajaan dengan mudah serta senang difahami. Dalam konteks itu, bagaimana persiapan latihan dan sebagainya. Soal kenderaan dan sebagainya itu, satu bab. Akan tetapi yang paling penting ialah *human capital* di dalam Jabatan Penerangan di sesebuah kawasan atau tempat supaya dia menjadi pakar rujuk semua perkara berkaitan dengan dasar kerajaan dan isu-isu semasa yang timbul. Jadi kalau contohnya macam GST, dia diterangkan oleh pegawai kastam, penerangannya itu memang begitu teknikal, bukan salah tetapi orang biasa tidak dapat *catch*, tidak dapat memahaminya. Jadi mungkin kepakaran seumpama itu perlu ada di dalam Jabatan Penerangan serta pegawai-pegawainya . Oleh sebab itu, isu komunis boleh ditangani dengan mudah. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Sabah, ini Sarawak. Di Hulu Rajang Yang Berhormat Timbalan Menteri, bukan semua kawasan di Sarawak ada jalan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jabatan Penerangan di kawasan saya bot pun tidak ada, macam mana hendak memberikan perkembangan dan penerangan kepada orang-orang di hulu sungai di pedalaman? Jadi saya meminta Kementerian Komunikasi dan Multimedia supaya menambahkan lagi peruntukan yang lebih banyak ke kawasan pedalaman seperti di kawasan Hulu Rajang. Macam mana... *[Berucap dalam bahasa Iban]* Yang Berhormat.

Kedua, dalam *population* negeri Sarawak, suku kaum Dayak terbanyak. Jadi sekarang TVi ataupun siaran 180 sangat terbilang di kawasan pedalaman dengan mengeluarkan siaran '*Jaku Iban*' Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tolong, dari 15 minit hingga 30 minit, berilah peluang. Dari dahulu hingga sekarang kita merdeka, rakyat di pedalaman, orang-orang yang tidak tahu dengar cakap bahasa Malaysia, mereka sangat suka dan minat dengan berita Iban ini. Jadi saya minta penerangan buat pertukaran skrip dari 15 minit kepada 30 minit. Sabah pun ada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ketiga, mengenai kenderaan. Saya sentiasa membawa pegawai-pegawai Jabatan Penerangan walaupun sepatutnya Penerangan lebih awal sebelum Yang Berhormat datang ke kawasan, itu tidak apa. Kenderaan yang rosak perlu ditukar dan kalau kenderaan yang baru, jangan simpan di Kuching sahaja. Beri kenderaan yang bagus pergi ke kawasan pedalaman. Itu baru dia, Yang Berhormat. Macam mana kita hendak menangani isu-isu yang menghentam kita. Tolong Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini Hulu Rajang.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sambung sedikit yang saya sebutkan tadi. Menyambung apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jempol tadi.

**Beberapa Ahli:** Jelebu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Jelebu tadi. Minta maaf Yang Berhormat Jelebu. Apa yang saya sebutkan tadi, yang perlu usaha strategik begini, Yang Berhormat. Kita ada banyak agensi dan jabatan yang juga mempunyai fungsi yang sama tetapi duduk di jabatan lain. Saya bagi contoh Seranta, ia di bawah FELDA. Kita ada Jabatan Pembangunan Koperasi di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Apa yang saya harap, oleh sebab Jabatan Penerangan ialah agensi penting untuk menyalurkan maklumat, maknanya ada keselarasan. Di Kementerian Komunikasi dan Multimedia, ia menjadi tempat rujukan.

Jadi maknanya, apabila ada isu hendak disampaikan pada rakyat, contoh yang saya sebutkan tadi. Katalah kita menaikkan harga minyak, sebelum menaikkan harga minyak ini semua agensi dan badan-badan ini kena tahu dahulu. Kalau tidak nanti, mereka akan jadi orang yang tertanya-tanya. Mereka sendiri tidak tahu. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini. Maknanya kena *Blue Ocean Strategy* antara satu kementerian dengan kementerian yang lain supaya setiap perkara yang hendak disampaikan kepada rakyat, semua agensi ini baik Seranta, penerangan khas, JASA mendapat maklumat yang tepat dan mereka boleh memainkan peranan. Kalau mereka sendiri bertanya balik dan mempersoalkan setiap keputusan dibuat oleh kerajaan, saya rasa tidak betul dan tidak berjaya matlamat dia. Sebab itu *Blue Ocean Strategy* ini bukan antara di dalam jabatan kementerian sahaja tetapi dengan kementerian-kementerian lain, yang matlamatnya sama. Saya rasa itu lebih kurang sama dengan apa yang disebut sahabat saya tadi.

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Sekejap, sedikit lagi. Mengenai telekomunikasi di luar bandar sekarang, di kawasan Hulu Rajang, kawasan Julau, dia menggunakan genset Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau habis minyak genset, habislah tiada lagi *line*. Kalau tidak tambahkan dengan peruntukan yang ada dengan solar supaya genset minyak habis dan solar akan memberi jana kuasa. Kalau tidak kita lihat sahaja, tidak baik. Ini untuk semua komunikasi di luar bandar, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Isu yang baru Yang Berhormat, tidak perlu jawab. Boleh jawab bertulis.

**Dato' Jailani bin Johari:** Okey, terima kasih. Cuma saya hendak sentuh sedikit sahaja Tuan Pengerusi berkaitan dengan peranan Jabatan Penerangan. Selain daripada komunikasi bersemuka, kita juga ada komunikasi secara media sosial. Kita ambil maklum cadangan oleh Yang Berhormat Lenggong dan juga Yang Berhormat Jelebu kerana kita tahu bahawa zaman sekarang ini kita ingin maklumkan secara terus. Kita ada menggunakan aplikasi eBook dan eBook. Kita juga ada perkhidmatan melalui QR ataupun kod bahan-bahan penerbitan dijadikan bentuk PDF. Kita juga ada juga Portal 1Klik, Pusat Maklumat Rakyat. Jadi maklumat-maklumat berita semasa seperti isu-isu dan dasar-dasar terkini negara sentiasa dimuat naik dan ke laman-laman web dan **PMR** pejabat penerangan daerah di seluruh negara. Jadi tidak adil. Sekarang ini benda itu berjalan.

Beberapa isu lain yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Hulu Rajang. Perkara tersebut saya telah perjelaskan. Kita kena faham, ada beberapa proses yang kita kena berhubung dengan MOF kerana dalam tempoh terdekat ini kita tidak boleh lakukan kerana pihak kementerian bercadang memohon kelulusan MOF bagi menyewa kenderaan untuk jangka masa panjang terutamanya kenderaan 4x4 di Sabah dan Sarawak. Akan tetapi bukan sahaja untuk Jabatan Penerangan tetapi juga untuk semua jabatan di bawah kementerian ini.

Isu seterusnya iaitu berkaitan dengan perkhidmatan stesen penyiar berbayar Astro yang telah menarik banyak perhatian. Iklan di Astro. Sebenarnya iklan-iklan yang disiarkan adalah 10 minit sahaja setiap sejam. Astro tidak pernah pun melebihi masa yang diperuntukkan oleh syarat lesen. Iklan mungkin salah erti *pay TV* akan ada *cross channel* dan juga siaran PSA. Berkaitan dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan iaitu harga Astro naik. Sebenarnya pada tahun 2009, telah ada *launch* dengan izin empat saluran.

#### ■1540

Pada tahun 2014, pertama kali dinaikkan harga perkhidmatan HD untuk 48 saluran. Yang hanya naik RM5 sahaja. Untuk tahun ini, sekali sahaja. Harga perkhidmatan HD tidak pernah naik. Jadi, iklan tadi ialah *universal, pay TV practice*. Kalau tidak ada pengiklanan, maka daripada segi *sub fees* akan bertambah.

Ada juga persoalan oleh Yang Berhormat Lenggong dan rakan-rakan yang menyatakan, tutup sahaja Astro. Sebenarnya untuk makluman semua, bukan hanya Astro yang menyiaran secara digital. Kita ada seperti ABN juga adalah satu program. Mengenai platform DTTB yang ini merupakan alternatif kepada penyiaran digital. Penyiaran DTTB akan menggunakan sistem parabola dan memain pembaiki liputan siaran. Isu monopoli Astro, sebenarnya tiada monopoli ASTRO daripada segi perkhidmatan TV berbayar. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, *exclusivity* Astro juga akan tamat pada 28 Februari 2017.

Yang Berhormat Machang ada menanyakan persoalan berkaitan dengan Astro golongan berpendapatan rendah tidak mampu. Jadi sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Machang, Astro mempunyai pelbagai pakej yang disesuaikan dengan pelbagai lapisan masyarakat daripada segi premiumnya, daripada segi Njoi nya. Jadi Njoi ini sebenarnya telah

pun dipasang di sekolah-sekolah di bandar dan juga luar bandar. Hasil daripada kerjasama Astro dan juga kementerian, sejumlah 5,000 Njoi telah diberikan secara percuma kepada golongan berpendapatan rendah di luar bandar yang tidak dapat siaran FTA.

Terdapat isu yang ditimbulkan oleh rakan-rakan dari Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Beruas dan Yang Berhormat Kinabatangan berkaitan dengan adakah TV parabola boleh dibenarkan. Sebenarnya, untuk makluman ahli-ahli Mesyuarat, TV RO ataupun parabola masih tidak dibenarkan kepada umum. Ia masih dikenali sebagai peranti *non standard*. Walau bagaimanapun seperti yang saya maklumkan tadi, kita ada perkhidmatan Njoi yang mana kosnya hanya RM238 untuk pemasangan dan untuk pengaktifan.

Yang Berhormat Kelana Jaya ada menanyakan soalan berkaitan dengan penubuhan *Silicon Valley Office*. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Kelana Jaya, RM4 juta sebenarnya bukan untuk menampung secara keseluruhan kos operasi kerana pejabat ini telah pun diwujudkan pada tahun yang lalu. Akan tetapi ia sebenarnya adalah sebagai platform bagi syarikat-syarikat ICT tempatan untuk mempromosi aplikasi dan perkhidmatan ke arena antarabangsa. Itu yang pertama. Kedua, ia juga memberikan ruang pejabat kepada syarikat-syarikat ICT tempatan untuk bekerjasama dengan modal teroka antarabangsa. RM4 juta juga tidak digunakan untuk menghantar empat buah syarikat setaraf seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** .Tak perlu menghulurkan.

**Dato' Jailani bin Johari:** Kerana keempat-empat buah syarikat ini perlu memulakan kos mereka sendiri tetapi mereka boleh menggunakan *facilities Silicon Valley Office*. Jadi kita anggarkan – Yang Berhormat biarkan saya jelaskan ya. Impak kepada ekonomi dengan adanya pejabat ini, ia dianggarkan sebanyak RM100 juta setahun melalui lima perkongsian perniagaan antara syarikat tempatan dengan pelabur daripada *Silicon Valley Office*.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau dibenarkan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Timbalan Menteri dan terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Boleh beri atau tidak *breakdown expenses* RM4 juta itu? Itu yang penting. Itu soalan saya. Saya bukan hendak kata boleh dapat anggaran RM100 juta setahun atau apa itu, itu anggaran. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak buat anggaran, boleh atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu dalam jangka masa satu tahun ini, berapakah kontrak yang telah kita capai daripada adanya pejabat itu? Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Yang Berhormat Kelana Jaya, sebenarnya pejabat itu baru ditubuhkan pada 18 Jun yang lalu dan ia masih dalam proses mempromosikan pejabat tersebut. Jadi sekiranya Yang Berhormat hendak perincian, nanti saya akan mintalah MDeC untuk beri.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong berkaitan dengan pelbagai isu program pembangunan usahawan dalam talian,

apakah bantuan yang diberikan khusus untuk usahawan wanita. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bantuan yang diberi melalui program seperti *Get Malaysian Business Online* (GMBO) adalah umumnya untuk usahawan kecil bagi mempromosikan perniagaan atas talian tetapi program GMBO memberi fokus kepada usahawan-usahawan wanita. Untuk makluman Yang Berhormat Parit Sulong, untuk negeri Johor sahaja, sejumlah 2,615 penerima ialah wanita.

Akan tetapi program GMBO ini telah tidak berlangsung, kita tamatkan pada tahun 2013. Walaupun begitu, seramai 34,000 orang usahawan telah mengambil bahagian yang mana setiap seorang diberi RM1,000 untuk menyediakan laman web mereka. Walaupun saya nyatakan program ini telah terhenti, tetapi pihak SKMM masih membantu para usahawan atas talian dengan memperkasakan mereka melalui pengetahuan ICT melalui program bersepada seperti latihan ICT di Pusat Komuniti 1Malaysia dan juga kerjasama yang dilakukan di antara pemberi perkhidmatan untuk menyediakan pakej-pakej yang menarik.

Pada masa yang sama juga, kita tahu ada juga persoalan yang ditimbulkan sama ada adakah kajian impak dibuat oleh pihak kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Suruhanjaya Komunikasi telah membuat kajian impak. Kita telah melantik Universiti Sains Malaysia dan daripada hasil kajian, kebanyakannya memberikan sokongan positif terhadap inisiatif GMBO. Akan tetapi apa yang kita kesalkan sedikit Yang Berhormat Parit Sulong ialah terdapat juga peratusan kecil yang menerima geran-geran tersebut, sudah dapat duit RM1,000, dia tidak meneruskan mengemas kini laman-laman web. Jadi sayang, membazir duit yang kita telah spent lebih kurang dalam RM34,000 usahawan tadi.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengurus [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Sulong bangun Yang Berhormat.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih di atas maklumat yang diberikan, terima kasih Tuan Pengurus. Saya tertarik apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memaklumkan bahawa untuk tahun lepas seramai 16,000 peserta telah *get involved* dengan izin. Seingatan saya, peruntukan yang telah diluluskan ialah RM50,000. Bermaksud kementerian menyasarkan 50,000 peserta. Saya agak terkilan juga hanya 34,000 sahaja yang telah mendapat bantuan daripada pihak kementerian sedangkan dalam waktu yang sama, kita juga tahu bahawa partisipasi usahawan kecil ini terutamanya wanita di dalam bidang perniagaan atas talian ini semakin hari semakin meningkat kerana ini adalah cara perniagaan *the in thing*, dengan izin sekarang ini.

Jadinya, sebab itulah saya bangkitkan persoalan ini sebab saya pun mendapat maklum balas mengatakan bahawa usahawan-usahawan ini memerlukan bantuan seperti apa yang diadakan melalui GMBO ini atau GMBO ini. Sehubungan dengan itu Yang Berhormat, saya juga hendak mendapatkan kepastian mengenai partisipasi daripada Yahoo juga di dalam GMBO ini dan sehubungan daripada yang tadi, ke manakah perginia RM16,000 itu? Adakah kementerian akan meneruskan lagi bantuan kepada *the balance* daripada RM50,000 ataupun tidak? Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Bukan RM50,000 Yang Berhormat, RM50 juta. Sebenarnya program secara keseluruhan...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Maaf.

**Dato' Jailani bin Johari:** Adalah RM50 juta dan seramai 34,000 usahawan telah pun dibantu yang mana melibatkan peruntukan lebih kurang RM34 juta. Jadi RM16 juta itu masih disimpan kerana kita buat kajian seperti yang saya maklumkan tadi, kita sedang buat kajian. Jadi walaupun kajian dibuat, banyak positif tetapi kesalnya ialah kerana banyak yang dapat itu dia tidak meneruskan kemas kini laman-laman web.

#### ■1550

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya di samping program, walau bagaimanapun kita sudah stop GMBO itu tetapi kita ada program. Saya percaya Yang Berhormat juga aware sebab itu Yang Berhormat jadi Pengerusi MYNIC, ya. Di mana ada program 1Nita yang masih diteruskan untuk membantu para usahawan. Kita tidak beri geran tetapi kita bagi kursus, *training* di mana pembayarannya sebanyak RM150 kalau saya tidak silap. Di samping itu, untuk Yang Berhormat juga, di bawah MDeC kita ada tiga agensi iaitu SKMM tadi yang GMBO, kedua ialah MYNIC dengan 1Nita dan MDeC.

Kita ada program-program yang menggalakkan atas talian tetapi kita tidak beri pengkhususan untuk wanita. Kita tahu Yang Berhormat memang prihatin terhadap wanita tetapi kita bagi secara *generalize* ya, dengan izin. Untuk program-program insentif kepada peniaga kecil dan sederhana bagi membolehkan peniaga kecil dapat menerima pembayaran secara atas talian. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 81,555 buah terminal pembayaran telah pun diaktifkan di seluruh negara yang melibatkan 7,840 PKS dengan nilai transaksi sebanyak RM1.2 bilion.

Keduanya Yang Berhormat, di bawah MDeC, ya. Pihak MDeC ada program yang melibatkan komuniti B40, di bawah umur 40 tahun. Saya kata kita pun susahlah, yang lainlah, yang muda-muda, ya - dalam menjana pendapatan tambahan dengan melakukan kerja-kerja atas talian yang telah dikenal pasti dan disalurkan oleh MDeC. Kerja-kerja atas talian ini termasuklah kerja-kerja seperti *data entry*, ***price watch***, dengan izin, kaji selidik atas talian dan kerja-kerja penterjemahan. Sehingga ke hari ini untuk makluman Yang Berhormat, seramai lebih kurang 2,500 orang Ahli Komuniti B4T telah menjana pendapatan sebanyak RM190 purata sebulan penambahan dengan melakukan kerja-kerja atas talian selama satu hingga tiga jam sehari.

Jadi program di bawah kementerian ini memang berterusan. Cuma saya pun hendak perbetulkan jugalah tadi Yang Berhormat ada sebut *Google*. Sebenarnya *our partner* bukan *Yahoo* ya, *Google*. Okey, sedikit lagi Tuan Pengerusi, ya. Isu yang seterusnya...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Akan tetapi Tuan Pengerusi... Minta maaf, saya mengucapkan terima kasih tadi kepada Yang Berhormat Menteri. Mengenai yang *partner Google*, *efficient years*, dengan izin, saya tengok *Google* tidak ada. Adakah masih lagi menjadi *partner* kepada program yang dibuat oleh kementerian ataupun *because* saya tahu masa mula-

mula apabila ianya dimulakan, *Google* ialah *partner* dan sekarang ini adakah *Google* masih lagi bersama-sama pihak kementerian?

Kalau sekiranya tidak ada lagi, mengapakah *Google* menarik diri daripada bekerjasama dengan pihak kementerian melalui program-program yang *online* ini? Satu lagi saya hendak tanya, Yang Berhormat juga ada maklumkan ada tiga jenis daripada pihak Yang Berhormat. Mengapa semuanya *different places* ataupun di tempat yang merata-rata dan tidak ianya diseragamkan? Saya berharap pihak Yang Berhormat juga masih lagi menumpukan kepada pembangunan keusahawanan atas talian di kalangan wanita. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya program G1MBO ini yang saya maklumkan tadi telah pun ditamatkan. Jadi maknanya pada awalnya memanglah bersama. Jadi sekarang ini kita telah buat kajian sama ada perlu kita teruskan ataupun SKMM keluarkan dengan program-program baru. Jadi benda ini masih belum dibuat keputusan.

Keduanya - tetapi sebenarnya *Google* ini masih bersama dengan kita walaupun ia tidak dalam program G1MBO. Akan tetapi ia masih dengan program-program seperti mana Intel bekerjasama dengan kita. *Insya-Allah*, mungkin kalau kita rasa ia perlu berkhidmat dengan kita untuk *second phase*, mungkin perkara ini dapat diberi pertimbangan oleh pihak SKMMlah.

Untuk soalan yang kedua, berkaitan mengapa terdapat pelbagai program di pelbagai agensi. Untuk makluman Yang Berhormat Parit Sulong - kerana sebelum ini program 1Nita ini memang di bawah MOSTI. Apabila MYNIC dipindahkan dan diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Komunikasi dan Multimedia iaitu pada tahun yang lalu, jadi kita dalam perancanganlah, makna kata MYNIC, *insya-Allah* - sebenarnya program 1Nita ini adalah *complement* kepada G1MBO walaupun dahulunya mereka tidak bersama. Saya rasa Yang Berhormat setuju dengan pandangan saya itu, okey.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sudah masuk 90 minit, Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Panjang lagi?

**Dato' Jailani bin Johari:** Sedikit lagi Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Pengerang ada menyatakan berkaitan dengan - untuk tahun 2015 kita fokus kepada *content* Malaysia 1Stop Centre yang dimahukan oleh Perdana Menteri. Melalui *content* Malaysia diperuntukkan oleh SKMM sebanyak RM100 juta untuk kategori seperti filem, dokumentari, aplikasi digital, pengiklanan dan muzik. Persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pengerang, bantuan untuk penerbitan filem sejarah dan epik.

Untuk makluman, FINAS memberi geran kepada produser filem kenegaraan, seperti contoh penerbit filem Tanda Putra sebanyak RM2 juta, penerbit filem Kanang Anak Langkau sejumlah RM2 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebenarnya bukan hanya FINAS saja kita ada dana, kita ada juga dana di bawah MDeC ya seperti insentif galakan syarikat pelabur ICT dan dana *club computing*, dana MAC 3, dana pemangkin inovasi dan pendidikan dan

pelbagai dana lagi. Bolehlah kalau Yang Berhormat ada kawan-kawan yang berminat boleh berhubung terus...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya soalan. Terima kasih ya, jawapan Yang Berhormat. MDeC ada beri, FINAS ada beri, segala-galanya hendak beri termasuk *content* Malaysia. Masalahnya orang tidak tahu. Jadi saya hendak minta pada Yang Berhormat beritahu kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat sebagai Timbalan Menteri, senaraikanlah dalam surat khabar beritahu di mana supaya semua yang pohon dia tahu mana hendak pohon. Bukankah kita amalan demokrasi? Itu yang pertama.

Kedua, Yang Berhormat, saya rasa mungkin yang telah diberi oleh FINAS, semenjak Yang Berhormat Menteri menjadi Timbalan Menteri, kita senaraikan untuk laporan supaya kita tahu siapa yang dapat, berapa banyak, di mana dan sebagainya. Jadi sekurang-kurangnya pesalah tafsir dan kenyataan-kenyataan kononnya FINAS ini memilih bulu dan segala-galanya itu tidak berlaku. Jadi saya rasa ini ialah untuk kebaikan bersama. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Kita ambil maklum atas cadangan Yang Berhormat tersebut. Program bagi meningkatkan semangat nasionalisme - persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang, program cintakan negara. RTM sentiasa memastikan bahan-bahan siaran sama ada dalam bentuk drama, filem, dokumentari, majalah dan sebagainya diselitkan dengan unsur semangat cintakan negara, etika berpakaian, saya telah perjelaskan tadi, okey.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Beruas, belum lagi.

**Dato' Jailani bin Johari:** Ya, satu lagi Tuan Pengerusi. Ini persoalan yang terakhir yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Temerloh. Kenapa berlaku...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Lagi satu, Yang Berhormat Beruas pun belum. Ini terakhirkah?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam itu Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Pengerusi, saya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *You cannot demand an answer already.*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Dia tadi kata ada- saya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payahlah. Akhir nanti dia akan kata mana-mana yang tidak terjawab akan diambil perhatian...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kalau boleh jawablah soalan yang saya timbulkan malam semalam. Yang Berhormat Beruas. Tuan Pengerusi kalau saya boleh menolong beliau, subjek *matter* sama ada pihak Telekom ada rancangan untuk...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah, sudah dicatat itu. Saya yakin sudah dicatat semalam, ya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Untuk menggunakan kabel *fiber optic* menggantikan kuprum kerana kecurian yang berlaku dan sama ada kalau memang Telekom sudah pun membuat keputusan untuk menukar kepada *fiber optic*, adakah ia telah bertukar fikiran kerana ada pihak-pihak tertentu yang membantah?

**Dato' Jailani bin Johari:** Saya sebenarnya sudah ada dan siap persoalannya tetapi cari tidak jumpa kerana banyak intervensi. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Beruas ada bertanya berkaitan dengan kecurian kabel. Sebenarnya memang berlaku banyak kecurian kabel. Ia bukan hanya di Beruas tetapi di seluruh negara. Akan tetapi beberapa langkah telah diambil oleh pihak kerajaan melalui pihak Telekom Malaysia di mana kita biasanya pihak TM bekerjasama dengan pihak polis dalam menangani masalah ini. Di antara langkah-langkah yang telah diambil iaitu pencegahan, perhubungan, penglibatan dan juga penguatkuasaan. Persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Beruas ialah mengapa kita tidak menggunakan *fiber optic*?

#### ■1600

Sebenarnya selaras dengan perubahan kemajuan teknologi, Malaysia akan meneruskan berkaitan *copper* dengan *fiber optic*. Saya maklumkan awalan tadi pun masa isu kemudahan jalur lebar, kita telah kenal pasti *fiber optic* ini di banyak kawasan. Dengan pengumuman *High Speed Broadband* (HSB), pertama, *high-speed broadband*. Kedua, semua ini adalah perancangan untuk menggantikan *copper* dengan *fiber optic*. Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jadi kalau boleh saya Tuan Pengurus, kalau boleh saya dapat pengesahan bahawa sekarang kabel yang *replacement cable*, dengan izin, yang sedang dijalankan di kawasan saya kawasan Beruas, kawasan Setiawan ialah *fiber optic* dan bukan *copper*. Ini kerana kita kata, *the complaint come from* Telekom kepada saya. Oleh sebab itu saya mahu tahu, adakah benar ada pihak tertentu yang dengan izin - menyebabkan keputusan *fiber optic* digunakan dan bukan- yang *reverse the decision of* Telekom menggunakan *fiber optic* ini? Di kawasan saya, sekurang-kurangnya di Setiawan dan Beruas.

**Dato' Jailani bin Johari:** Tidak apa, tidak apa. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, jawapan singkat sahaja saya beri. Kecurian kabel tidak berkaitan dengan penggunaan, penukaran *copper* kepada *fiber optic*, itu berkaitan dengan teknologi. Dari segi kecurian kabel itu bukan di bawah bidang kuasa kementerian, itu di bawah bidang kuasa polislah. Jadi makna kata, perubahan teknologi memang - itu seperti yang saya nyatakan HSBB1, HSBB2, dengan izin. Cukup Yang Berhormat, saya...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Pengurus, maksud saya ada kaitan kerana kalau *fiber optic* dicuri, ia tidak boleh dijual, tidak ada harga. Oleh sebab itu kalau kita menggunakan *fiber optic*, pencuri-pencuri tidak akan mencuri lagi. Itulah satu jenis cara untuk menyelesaikan masalah. Kalau tidak ada kaitan - yang saya hendak tahu adakah betul Telekom hendak menggunakan *fiber optic* tetapi ada pihak yang menentang kegunaan itu? Itu sahaja.

**Dato' Jailani bin Johari:** Tidak, tidak betul. Bukankah saya sudah jelaskan dari awal tadi. Tidak betul Yang Berhormat. Memang program pelaksanaan Jalur Lebar Kebangsaan telah

dimulakan dan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bukan berkaitan dengan kecurian kabel, kecurian copper dan sebagainya, tidak timbul ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Jailani bin Johari:** Satu sahaja Tuan Pengerusi. Last, akhir. Kenapa berlaku kenaikan RM33 juta untuk peruntukan MERS-999 pada tahun 2015. Saya hendak menjawab untuk rakan dari Yang Berhormat Temerloh. Ia kerana berlakunya pertambahan lokasi. Untuk tahun 2014 sebanyak 359 buah lokasi, tahun 2015 sebanyak 502 buah lokasi. Pertambahan MERS-999 juga kerana memerlukan kenderaan agensi kecemasan. Tahun 2014 sebanyak 120 buah kenderaan, tahun 2015 sebanyak 420 buah kenderaan. Jadi sebenarnya kita ada banyak kejayaan Yang Berhormat. Jadi mungkin Yang Berhormat boleh berbincang dengan saya di luar nanti, ya.

Tuan Pengerusi, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas kementerian ini sepanjang sesi perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan tahun 2015 di peringkat Jawatankuasa. Pihak kementerian akan memberi perhatian dan mengambil tindakan susulan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,385,097,900 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM1,385,097,900 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM352,686,300 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM352,686,300 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]*

**Maksud B.25 [Jadual] -**

**Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan 2015] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.25 dan Kepala Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Jerlun.

#### 4.05 ptg.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Pengurus, memberi ruang kepada saya untuk turut berbahas KPDNKK di tajuk B.25 dan P.25.

Saya sentuh dahulu perkara berkaitan Butiran 020200 - Pembangunan Francais dan juga Butiran 070500 - Program 1Malaysia. Saya merujuk khusus kepada Kedai Rakyat 1Malaysia yang kita tahu sedang berkembang ketika ini di seluruh negara. Cuma kita hendak tahu lah, saya dimaklumkan, difahamkan katanya, kononnya semua barang-barangan yang hendak dipasarkan, yang hendak dijual di dalam kedai KR1M ini adalah dibekalkan oleh seorang pembekal iaitu Mydin. Jadi adakah pembekal-pembekal lain juga berpeluang untuk turut membekal barangan mereka? Saya difahamkan juga untuk *setting up*, untuk hendak mewujudkan kedai tersebut perlu dibayarkan dan semua itu adalah diuruskan sendiri oleh pihak Mydin.

Kita juga hendak menggalakkan sebenarnya selain daripada menjual barang-barangan KR1M seperti susu, gula, tepung dan sebagainya. Kerajaan juga saya kira telah pun berhasrat hendak menjual barangan-barangan basah. Umpamanya sayur, ikan, ayam dan sebagainya. Adakah pihak kementerian ketika ini merancang ataupun telah pun melaksanakan penjualan barangan-barangan basah ini? Ini kerana kita hendak supaya barangan-barangan ini sampai kepada pengguna-pengguna dengan harga yang saya kira murah.

Ini kerana mungkin di sini pihak Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) boleh berhubung terus dengan pihak FAMA untuk mendapatkan sayur, buah-buahan dan sebagainya dan mungkin juga Persatuan Nelayan Kawasan untuk mendapat bekalan ikan segar. Jadi sudah tentulah ia dapat membantu rakyat, membantu kerajaan juga untuk meringankan bebanan rakyat menghadapi masalah kehidupan setiap hari.

Saya juga ingin bertanya, adakah di bawah konsep KR1M ini kerajaan memberi subsidi tertentu sehingga menjadikan ia *attractive*, menarik untuk dilaksanakan? Sehingga kini, mengikut rekod kementerian, adakah kedai-kedai yang telah pun beroperasi ini mendapat keuntungan operasi ataupun *operational profit* tidak termasuk *capital expenditure* (CAPEX) iaitu modal awal perniagaan?

Seterusnya saya berubah ke Butiran 040000 - Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang juga mendapat peruntukan lebih kurang RM91 juta. Jadi kita hendak tahu dari pihak kementerian, adakah sehingga kini kerajaan ataupun kementerian berpuas hati dengan prestasi koperasi-koperasi terutama sekali di luar bandar? Apakah langkah-langkah yang dibuat untuk mengupayakan mereka ini? Kita tahu banyak orang di luar bandar hendak wujudkan koperasi.

Saya rasa perwujudan koperasi itu tidak menghadapi banyak masalah. Akan tetapi yang lebih penting ialah *follow up* ataupun *follow through* melibatkan penglibatan mereka dalam perniagaan. Sudah tentulah kita bercakap soal berkaitan daya tahan ataupun *sustainability* mereka. Jadi kita hendak supaya KOOP di luar bandar terutama sekali yang kita tahu latar belakang lembaga pengarahnya rata-rata orang-orang yang mungkin kurang berilmu tinggi. Jadi sudah tentulah diperlukan bantuan, sokongan dari pihak SKM.

Akhir sekali adalah berkaitan dengan Butiran 090200 - Emolumen Pegawai Pemantau Harga yang diberikan peruntukan sejumlah RM30 juta. Kita hendak tahu sejauh manakah *job scope* ataupun bidang tugas yang telah pun diberikan kepada pemantau ini dan peranan mereka itu berakhir di mana? Contohnya, apabila seseorang pemantau harga itu melaporkan kepada pejabatnya mungkin di negeri mahupun di ibu pejabat di Putrajaya, di Kuala Lumpur mendapati ada kedai-kedai yang menjual barang yang mungkin jauh lebih tinggi daripada harga biasa, harga kawalan.

Jadi apakah tindakan susulan? Adakah pihak penguat kuasa kementerian turun mengambil tindakan dan sebagainya? Adakah pihak petugas pegawai pemantau ini ada kuasa untuk hendak pergi *warning* atau amaran kepada pekedai-pekedai tersebut dan sebagainya. Jadi itu sahaja Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

■1610

**4.10 ptg.**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin mengatakan satu perkara sahaja mengenai Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Ini adalah juga merujuk kepada tuduhan yang telah pun dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan semalam dalam *Twitter* beliau, Yang Berhormat Pontian yang menyebutkan bahawa saya telah mengelirukan Dewan mengenai isu anak-anak syarikat 1MDB yang masih belum menyampaikan penyata kewangan mereka kepada SSM. Saya telah pun sebelum ini, memberikan soalan kepada Jabatan Perdana Menteri dan saya menerima jawapan di bulan Oktober bahawa semua akaun-akaun syarikat 1MDB dan juga anak-anak syarikat mereka akan disampaikan kepada SSM pada hujung bulan Oktober.

Selepas itu pada 3 hari bulan, saya *check* masih belum dapat tetapi pada 5 November, syarikat 1MDB telah pun menyampaikan akaun mereka kepada SSM. Saya dapat memetik akaun mereka daripada sistem ataupun laman web SSM. Akan tetapi bila saya buat petikan yang lain, pada masa itu peringkat perbahasan Jawatankuasa Kementerian Kewangan mengenai anak-anak syarikat 1MDB. Saya petik 12 syarikat, saya cari 12 syarikat dalam laman SSM. Kesemua 12 syarikat ini masih belum menyampaikan penyata kewangan mereka kepada SSM. Bila Timbalan Menteri semalam *tweet* bahawa saya perlu minta maaf dalam Dewan ini kerana semua anak syarikat 1MDB telah pun menyampaikan akaun mereka. Saya pun rasa mungkin sudah sampaikan kepada SMM, mungkin walaupun masa saya ucap minggu lalu belum sampai, tetapi hari ini mungkin sudah sampai.

Semalam saya bayar RM15 lagi setiap syarikat, tiap-tiap kali saya buat petikan kena bayar RM15. Saya bayar RM15 untuk Syarikat 1MDB Real Estate Sdn. Bhd. masih sama, masih pada 1MDB Real Estate. Tarikh yang paling akhir *financial record*, 31 Mac 2012. Tahun 2013 pun tidak ada, jangan sebut tahun 2014 yang sepatutnya dihantar pada bulan September tahun

ini. Kali akhir dia disubmit 31 Mac 2012. Saya petik lagi syarikat 1MDB Energy (Langat), sama juga 31 Mac 2012, sampai hari ini tahun 2013 dan tahun 2014 masih belum disampaikan kepada SSM. Banyak lagi syarikat, saya akan namakan satu-satu supaya pihak pegawai mungkin boleh buat siasatan.

Ada yang belum sampaikan sejak Disember 2012, ada yang belum sampaikan sejak Mac 2013, tetapi kesemua 12 syarikat ini belum sampaikan akaun mereka. Bandar Malaysia Sdn. Bhd., Mastika Lagenda Sdn. Bhd., 1MDB Synergy Sdn. Bhd, 1MDB Energy Holdings Sdn. Bhd., Jimah Energy Ventures Sdn. Bhd., Gerak Indera Sdn. Bhd., 1MDB Hotels & Resorts Sdn. Bhd., Powertek Berhad, Powertek Investment Holdings Sdn. Bhd., Farlim Properties Sdn. Bhd. dan dua syarikat yang saya sebut sebelum ini. Kesemua syarikat ini masih belum menyerahkan penyata kewangan mereka.

Saya rasa ini merupakan satu perkara yang serius kerana ia menjelaskan nama baik *good governance* dalam Kementerian Kewangan, anak syarikat Kementerian Kewangan. Nombor satu, kita semua tahu bahawa 1MDB ingin menyenaraikan anak syarikat dalam bidang penjana kuasa ataupun *the power subsidiaries, energy subsidiaries* dalam Bursa Malaysia tahun depan. Akan tetapi kalau anak-anak syarikat yang terlibat dalam bidang ini semua masih tidak dapat menyerahkan penyata kewangan mereka, macam mana boleh disenaraikan? Macam mana hendak mendapatkan keyakinan daripada pihak pelabur untuk supaya mereka mengeluarkan wang untuk beli saham daripada 1MDB? Perkara ini serius kerana ini melanggar Akta Syarikat 1965. Saya hendak baca dengan izin, ini akta saya baca dalam bahasa Inggeris. Klausula 169(1), “*The Directors of every company shall at some date not later than 18 months after in cooperation of the company and subsequently at least once every calendar year at interval not more than 15 months lay before the company at its AGM a profit and loss account for the period since the preceding account.*”

Dari segi penalti, ini serius juga, ini bukan perkara remeh. Di bawah klausula 171(1), akta ini berkata bahawa, “*The act dictates imprisonment for five years, penjara lima tahun ataupun penalti RM30,000 if any directors of a company failed to comply or to take all reasonable step to secure compliance by the company with the for going provision of this division or has by his own willful act been because of any default by the company there render. It shall be guilty and offence against this act.*” So soalannya jelas, selain daripada menjawab kepada Timbalan Menteri Kewangan yang meminta supaya saya minta maaf dalam Dewan ini kerana saya mengelirukan Dewan, saya minta supaya Menteri KPDKN memberikan keterangan sama ada tindakan telah pun diambil ke atas pengarah-pengarah syarikat-syarikat ini yang telah cuai kerana tidak menyerahkan penyata kewangan mereka. Ini kerana mereka telah pun menjelaskan nama baik negara kita kerana mereka merupakan anak syarikat yang penting di bawah fokus seluruh negara dan juga antarabangsa dalam negara kita.

So, kita harap kita dapat jawapan daripada pihak Menteri. Kalaulah...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]**

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, boleh?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya merasakan agak pelik di mana seorang Menteri ataupun Timbalan Menteri boleh menghantar *Twitter* mesej yang sebeginu rupa tanpa dia mengetahui bahawa sebenarnya keadaannya tidak seperti itu. Lalu, adakah dia sendiri tidak maklum ataupun dia dikelirukan oleh pihak pengurusan 1MDB ini kalau Yang Berhormat boleh memberikan andaian berhubung dengan persoalan ini. Terima kasih.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya rasa saya tidak perlu buat andaian, kalau tidak nanti kena rujuk kepada Hak Kebebasan dalam Dewan ini. Akan tetapi bila...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, boleh mencelah sedikit?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Boleh, boleh.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Saya pun rasa pelik kenapa Yang Berhormat Petaling Jaya Utara selalu membangkitkan isu 1MDB dalam apa tajuk sekalipun, sedangkan kita lihat bahawa banyak anak-anak syarikat di negeri Selangor pun banyak masalah persyarikatan mereka dan banyak juga projek-projek yang gagal di Selangor. Mengapa tidak ambil perhatian dan tumpuan? Contoh terbaik, Datum Project di Jalan Jelatek. Bilion, projek yang mega. Bukan belum *start*, tidak adapun. Sudah diiklankan, sudah di ini, tidak ada apa. *Why don't you take care of the Selangor punya mega projek?* Jadi daripada masa habis buang dengan 1MDB *in every subject*. Adakah ini trauma Yang Berhormat Petaling Jaya Utara kerana dia rasa dia boleh gagal, dia anggap semua boleh gagal. *[Disampuk]* Kerajaan Negeri Selangor, wang rakyat Selangor.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Okey, terima kasih. Terima kasih.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** PKNS lagi banyak masalah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya jawab, saya jawab. Saya jawab, terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar. Jawapan saya senang, jawapan-jawapan yang ada mengenai isu syarikat-syarikat Selangor ada.

■1620

Kalau perkara ini ditimbulkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat Kuala Kangsar di Dewan Undangan Negeri Selangor yang akan bersidang tidak lama lagi akan diberikan jawapan di Dewan Undangan Negeri Selangor.

Kita sekarang di Parlimen. Kita jaga apa yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Ini tanggungjawab Parlimen dan 1MDB ada hutang RM42 bilion. Kalau syarikat baik, prestasi baik, untung besar saya tidak boleh kata apa-apa. Akan tetapi adalah tanggungjawab kita berada di

sini untuk menjaga supaya segala yang dibelanjakan, segala yang dibuat dalam 1MDB itu akan beramanah dan berhemah kepada cukai yang dibayar oleh rakyat di luar sana.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Saya faham Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya tengok 1MDB tidak ada masalah lagi. Tidak ada bankrap, jadi tidak ada rugi. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, *just* satu lagi. 1MDB *still alive and kicking*. Tidak ada mengalami kerugian, tidak ada bankrap.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Hendak tunggu sampai mati baru hendak disebutkah?

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** *You are the perfect doom.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Hendak tunggu sampai 1MDB bankrapkan negara kita, baru kita sebutkah?

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** *You menganggarkan semua akan gagal.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Hendak tunggu sampai rakyat kita kena bayar hutang 1MDB, baru hendak sebutkah? Takkun kalau ada masalah dalam 1MDB, kita tidak ada tanggungjawab untuk sebut di sini? Kita kena sebut sebelum 1MDB dikuburkan.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** *You are the perfect doom.* Kalau *you* ada masalah peribadi, *your own experience*, *you* anggarkan semua projek boleh gagal. Ini pemikiran - sebelum dikuburkan. Dia baru jaga amanah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kita kena sebut supaya rakyat tidak dibebankan. Kita kena jaga amanah cukai yang dibayar oleh rakyat Malaysia.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar jadi Menterilah.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** 1MDB baru lahir, hendak dikuburkan? Inilah dia hendak menguburkan 1MDB.

**Beberapa Ahli:** *[Tepuk]*

**Seorang Ahli:** Tengok yang di Selangor. Takkun contoh di Selangor kita hendak...  
*[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Ia tidak ada masalah lagi. Ia bukan bankrap.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya hendak habis, saya hendak gulung.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Okey cukup.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Okey saya hendak gulung sahaja.  
*[Disampuk]* Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Menteri boleh jawab juga. So senang sahaja, kalau memang seperti apa yang disebut oleh Timbalan Menteri Kewangan bahawa akaun telah pun diserahkan kepada SSM, biarlah Menteri daripada KPDKKK nanti bagi salinan akaun tersebut kepada saya dan saya akan terima baik jasa Menteri.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: [Bangun]**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Sebentar.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ya Yang Berhormat Shah Alam akhir sekali. Saya hendak...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Pengerusi ...

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Yang Berhormat Shah Alam pun sibuk.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Pengerusi, boleh saya bercakap? Dia beri laluan tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam sudah 10 kali bagi laluan. Bagilah Yang Berhormat Baling Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Yang Berhormat Shah Alam pun sibuk.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, saya hendak cadangkan dalam Dewan ini...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Takut hendak bagi Baling. Bagi Balinglah tengok. Baling boleh bahas.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Oleh sebab soal status akaun itu pun dipertikaikan sehingga ke hari ini. Kalau kita dengar wakil rakyat Barisan Nasional pun dia masih macam tidak mahu menerima hakikat bahawa akaun-akaun itu masih belum diserahkan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini main badminton kah? Ini main badminton kah Yang Berhormat Shah Alam dengan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara main badminton. Pergi dekat Dewan main badminton lagi baik. Bagi Balinglah sana.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Pengerusi, ada orang yang tidak ikut peraturan Tuan Pengerusi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sudahlah. Yang Berhormat Shah Alam sejak beranak tidak pernah ikut peraturan.

**Seorang Ahli:** Woi Yang Berhormat Shah Alam pun sama juga. Hari-hari macam itu.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Sejak bilakah pula Yang Berhormat Shah Alam ikut peraturan?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini jenis yang lain, songsang ini. Tidak ikut peraturan.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Samalah itu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh tak kita cadangkan dalam Dewan ini supaya laporan-laporan berhubung dengan sama ada akaun itu diserahkan ataupun tidak yang daripada SSM itu. Kalau boleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ambil untuk semua anak-anak syarikat 1MDB. Selepas itu *claim* daripada Parlimen. Boleh tak?

Kalau Menteri berani, sanggup hendak buktikan bahawa betul akaun telah diserahkan seperti mana yang didakwa, sepatutnya Menteri sanggup *food the bill. What do you think?*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih. / hope Yang Berhormat Pontian dapat dengar dan bantu saya dari segi kewangan untuk membuat semakan setiap kali dalam laman SSM. So sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi. *Thank you.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Hey, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bagi Balinglah. Penakutlah, pondanlah. Apa punya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara? Bagilah Baling tanya. Takut sama 1MDB, *pirah*. Tidak layak duduk PAC.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak, penakut. Orang macam ini pun ada. Semua ada penakut. Cis, malulah Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, malu, malu tahu, malu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup, cukup.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ada orang gila di sini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ingat wakil Barisan Nasional tidak ramai. Letak Yang Berhormat Baling sebagai salah seorang wakil. Biar dia berucap. Kita hendak tengok dia tahu apa yang dia berucap atau tidak. Boleh berucap atau tidak kecuali mengacau sahaja.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sudahlah Shah Alam. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, takut hendak pergi Baling.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya. Cukup, cukup.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya minta cara baik, dia tidak bagi. Tuan Pengerusi, pondan dia ini.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara balik dah ke?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Gerik, sila.

#### 4.25 ptg.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun turut sama untuk membahaskan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Takutlah dia orang, ceh. Bodoh. Pergi minum lagi baiklah.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Rakyat telah didekah dan mengetahui selama ini terutama di peringkat bawah harga barang sama ada naik ataupun turun. Akan tetapi apabila GST diperkenalkan barulah kita menunjukkan kepada rakyat sebenarnya ada cukai. Cukai jualan, cukai perkhidmatan.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Yang Berhormat butiran berapa?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Oh. Saya hendak bercakap Butiran 010800. Yang Berhormat Paya Besar ini memang dia kacau sahaja. Dalam butiran ini dinyatakan tentang – pasal saya hendak menceritakan tentang penguatkuasaan. Saya percaya isu GST benda yang mudah sepatutnya difahami oleh rakyat. Akan tetapi sebahagian daripada kita yang tidak bersetuju dengan kerajaan cuba mengelirukan.

Oleh sebab itu di bawah butiran tadi kita lihat ada penguat kuasa bersamaan juga dengan dalam Butiran 080100 di mana kita hendak lantik pegawai penguatkuasaan yang ramai. Saya yakin penguatkuasaan inilah yang paling mustahak untuk memastikan kejayaan kutipan cukai oleh kerajaan. Sekiranya kutipan cukai ini dibuat tidak ada penguatkuasaan sepenuhnya, maka berlakulah masalah yang timbul pada hari ini. Cameron Highlands kita lihat apabila kita kaji, puncanya pasal penguatkuasaan. Begitu juga kes-kes lain, tanah teroka haram dan pelbagai lagi. Di sinilah yang saya rasakan kementerian ini satu kementerian yang sebenarnya di peringkat bawah bekerja dengan tungkus-lumus tetapi kadang-kadang diberi gambaran yang tidak baik.

Saya ambil misal Kementerian Hal Ehwal Pengguna yang ada pejabatnya di Gerik. Saya tahu hari Sabtu dan Ahad tengah malam kalau ditelefon kata minyak tidak cukup, ada pelbagai perkara. Pegawai-pegawaiannya kita rasakan cukup bekerjasama dengan orang ramai dan juga kita berkepimpinan apabila kita maklumkan. Maka saya amat berharap...

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tenom bangun.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** ...Penguatkuasaan ini dapat kita lakukan dengan sebaik mungkin. Ya Yang Berhormat Tenom.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Saya berminat Yang Berhormat Parit Sulong dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Gerik. Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan penguatkuasaan tadi. Saya percaya di bawah kementerian KPDKKK ini penguatkuasaan itu amat penting. Apatah lagi apabila soal GST ada beberapa pihak mengatakan apabila ada GST, barang semua mahu naik.

Saya kira kita harus lihat juga Yang Berhormat Gerik, selain daripada penguatkuasaan juga kita perlu *engagement* kepada persatuan-persatuan pengguna ini. Bukan sahaja kepada pengguna-pengguna di peringkat akar umbi tetapi persatuan-persatuan pengguna yang ada di kawasan-kawasan daerah.

Saya kira pihak kementerian perlu selalu membuat *engagement* dengan majlis-majlis ini. Kalau saya bagi contoh Yang Berhormat Gerik di Parlimen Tenom ada sebuah Majlis Hal Ehwal Pengguna yang telah ditubuhkan. Kita berharap melalui kementerian ini boleh memperkasakan persatuan-persatuan pengguna. Bukan sahaja majlis yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan tetapi badan-badan NGO yang lain. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Gerik?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Di sinilah kita berharap Kementerian Hal Ehwal Pengguna seperti mana kata Yang Berhormat Tenom, *engagement*, kerjasama bukan sekadar Kementerian Hal Ehwal Pengguna. Kita tahu tanggungjawab untuk kutipan GST nanti oleh pihak Kastam di Kementerian Kewangan. Apa yang berlaku kita tengok suasana dalam negara kita ialah apabila berbeza kementerian, tafsiran penguatkuasaan masing-masing jadi berbeza. Di sini yang patut kena duduk bersama, bagaimana kita dapat menyelaraskan dengan baik.

■1630

Kalau di peringkat negeri kita banyak persatuan pengguna di peringkat negeri yang boleh memberi kerjasama kepada kedua-dua kementerian. Di peringkat daerah, ada persatuan-persatuan pengguna, ada persatuan penduduk yang boleh memberi kerjasama kepada kementerian.

Begitu juga majlis pengguna di peringkat Parlimen masing-masing. Kalau ini semua dapat digabungkan tidaklah berlaku macam hari ini GST belum dilaksanakan tahun hadapan, bulan April baru hendak mulakan tetapi kita memberi gambaran-gambaran yang tidak tepat, mengelirukan rakyat. Antara contoh pagi tadi hendak sambut hari kebangsaan pun kita hendak mempolitikkannya dengan mengatakan kena cukai GST. Ini apa cerita? Satu keadaan yang tidak munasabah dan tidak logik dan datangnya daripada mulut kita pemimpin, Ahli-ahli Parlimen sendiri. *[Dewan riuh]* Apakah ini satu tindakan yang baik untuk kepentingan negara?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak beri jalan Yang Berhormat Gerik?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Pada saya sama ada kita Ahli Parlimen Barisan Nasional,....

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih, Yang Berhormat Gerik. Terima kasih Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** ...Sama ada kita Parlimen daripada pihak pembangkang tujuan utama ialah untuk membangunkan negara. Tidak kita mengelirukan rakyat dengan cerita yang bukan-bukan. Sanggup hantar SMS cerita yang seolah-olah kita laksanakan **'GST'** dahulu berkali-kali cukai dikenakan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pemberitaan suara]*

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Bukan saya takut benda hendak jawab dengan pihak pembangkang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Gerik. Saya hendak tanya sahaja..

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Akan tetapi saya ialah penyokong kerajaan yang saya melihat penguatkuasaan inilah yang perlu kita tekankan untuk memastikan kurang ruangan sesiapa yang hendak memberi tekanan kepada kerajaan.

Dalam masa yang sama saya hendak beralih kepada pengguna juga di mana kita berharap kementerian kena mencari satu faedah dan jalan bagaimana hendak menyedarkan setiap rakyat dalam negara ini mereka adalah pengguna. Pengguna mempunyai kuasa beli. Dia tahu hak dia. Kalau barang itu harganya mahal dan tidak perlu kita beli, kita tidak usah beli. Ini cuba sekarang ini malam tadi kerajaan telah mengumumkan RON97 turun 20 sen, siapa rakyat yang berterima kasih kepada kerajaan yang mengatakan harga RON turun 20 sen tetapi bila kurangkan subsidi RON95 sana bunyi macam ini, sini bunyi macam ini suasana yang tidak menyenangkan dan cukup mengelirukan pemikiran rakyat.

Bila kerajaan buat benda yang baik, dilihat salah. Buat yang tidak baik pun dilihat salah. Kita sebagai manusia tidak maksum. Ada benda kita buat mungkin betul, ada benda tidak betul tetapi sekurang-kurangnya Kerajaan Barisan Nasional telah melakukan sesuatu untuk kebaikan rakyat. [Tepuk] Akan tetapi pihak pembangkang sentiasa mencari kesilapan dan kesalahan kerajaan. Sentiasa memberi tohmahan-tohmahan. 1MDB sentiasa dinaik-naik, dibangkitkan dalam tempoh persidangan ini. Apakah 1MDB sekarang ini sudah muflis? Tidak muflis. Sentiasa mencari kesalahan demi kesalahan.

Apakah pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas untuk kepentingan negara ini membuat sesuatu yang salah? Tidak dinafikan ada ketirisan, ada kesilapan, di sini yang saya katakan penguatkuasaan tadi perlu diberi penekanan. Kita tidak mahu melihat pihak penguat kuasa tahan lori di tepi jalan dan dilihat ada suap .... Ada yang memberi, ada yang menerima di khalayak ramai.

Apakah Malaysia sudah menghalalkan pemberian secara yang salah ini secara di hadapan? Dahulu kita tahu berlaku juga sedikit-sedikit suap tetapi dalam keadaan sembunyi-sembunyi. Hari ini kita pula lihat kadang-kadang. Ini yang saya kata penguatkuasaan lori yang ditahan di tepi jalan kadang-kadang kita memerhati, kita yang bawa kereta pun nampak kelakuan-kelakuan yang tidak baik walaupun segelintir *percent* yang mungkin kosong perpuluhan berapa *percent* sahaja tetapi dia memberi imej yang tidak baik kepada kerajaan.

Dalam masa yang sama saya hendak menyentuh juga iaitu Suruhanjaya Koperasi Butiran 040000. Koperasi yang berada di Malaysia macam mana yang kita fahami tidak banyak yang berjaya tetapi ramai yang tubuh koperasi di seluruh negara. Sejauh mana koperasi di mana Suruhanjaya Koperasi ini boleh membantu koperasi-koperasi yang ada di seluruh negara sebab kita melihat struktur koperasi tadi menyebabkan koperasi tidak boleh berjaya. Kita beri kepada pengurus untuk melaksanakan segala-gala pengurusan koperasi walaupun ada dana yang boleh kita pinjam daripada SKM tetapi hanya pengurus yang boleh menentukan segala-galanya. Oleh sebab kita tahu koperasi hak ahli yang ramai.

Kalau keuntungannya kita kena bagi-bahagikan kepada ahli, di mana pengurus tadi dia kadang-kadang mengambil pendekatan aku buat kerja teruk seorang-seorang. Keuntungan sekurang-kurangnya biarlah aku sapu sedikit. Ini jadi masalah. Oleh sebab itu dalam hendak menuju negara maju...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bangun]* Yang Berhormat Gerik hendak mencelah boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Siapa hendak mencelah? Ya, boleh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa pun sudah habis Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Pendek sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik tentang Yang Berhormat Gerik mengenai koperasi. Sebenarnya koperasi adalah satu tatacara ataupun medium perkembangan ekonomi dan pengagihan yang lebih menyeluruh. Sepatutnya koperasi dikembangkan secara agresif di Malaysia.

Kita lihat dia negara maju koperasi menerajui mungkin pada - bank contohnya. 'Rubber Bank'. Saya difahamkan Bank Koperasi yang terbesar. Di Malaysia kita ada Koperasi Pembangunan FELDA dan juga Bank Rakyat contohnya. Cuma pandangan saya koperasi ini masalahnya ialah di peringkat-peringkat penguatkuasaan ataupun pemantapan di bahagian-bahagian atau di daerah-daerah ianya diterajui pegawai-pegawai yang bagi pendapat saya grednya terlalu rendah. Setakat 17 ini apa yang dia nasihatkan koperasi-koperasi ini.

Koperasi ini berjaya dengan syarat pengurusannya baik. Pengurusan kewangannya baik, berdaya saing dan mempunyai *equipment* ataupun kecenderungan menilai projek-projek yang berdaya maju dan boleh memberi pandangan yang baik kepada ahli-ahli. Akan tetapi kalau koperasi ini ditubuhkan semata-mata dapat program-program tertentu, projek-projek tertentu daripada kerajaan ataupun badan tertentu, tidak diselia, tidak diuruskan dengan baik maka saya rasa itulah sebabnya koperasi tidak berdaya saing dan akhirnya rugi dan menyebabkan hilang keyakinan di kalangan peserta-peserta koperasi.

Atas sebab itu, apa pandangan Yang Berhormat Gerik supaya tahap kepegawaian yang memantau atau memantapkannya mesti ditingkatkan sekurang-kurangnya 41 dan ke atas. Barulah mereka boleh mempunyai pengurusan dan pengawasan serta input-input yang lebih bermakna untuk memajukan koperasi. Apa pandangan Yang Berhormat Gerik?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Menyampuk]* Cuba sebut betul-betul.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Kota Tinggi. *[Ketawa]* Memang saya bersetuju pandangan Yang Berhormat Kota Tinggi itu salah satu di mana peringkat SKM ini biarlah pegawai yang jaga itu tahu tentang bermiaga, tahu tentang mengurus segala-galanya. Kita ambil misal, kadang-kadang kita tubuh institut perniagaan. Pensyarah bagi sekian-sekian pada peniaga, bila dia berhenti daripada institut dia pergi bermiaga, dia sendiri gagal daripada yang dia bagi kepada peserta kursus. Itu apa berlaku itu kan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Oleh sebab itu kita tengok daripada segi SKM itu sendiri perlu diperkasakan. Mungkin naik gred pegawai yang duduk di situ biarlah kita pilih daripada bidang perniagaan. Manakala untuk lembaga pengarah sudah tiba masanya SKM menasihati ahli-ahli koperasi memilih lembaga pengarah yang boleh buat keputusan, bukan *rubber stamp* dalam koperasi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Oleh sebab itu dalam kepala - saya hendak habiskan ini. Kepala Butiran 050000 - MKN satu Maktab Kerjasama Malaysia dapat memberi kursus yang sempurna kepada lembaga pengarah.

#### ■1640

Saya berharap koperasi akan berjaya menuju ke tahun 2020 sebagai salah satu daripada organisasi yang berjaya terutamanya di peringkat luar bandar, harapan saya. Saya cukup percaya dengan mengubah Rang Undang-undang Koperasi, masa hadapan koperasi dalam negara akan lebih bersinar dan saya percaya nikmatnya terutama boleh dinikmati oleh kita, penduduk-penduduk luar bandar. Dengan ini, saya menyokong dalam pembentangan jawatankuasa Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 070400 di dalam Maksud Bekalan 25 ini. Pendek sahaja Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dalam bulan Oktober tahun 2014, isu tepung yang di luntur dengan *benzoyl peroxide* telah dibangkitkan oleh Persatuan Pengguna Islam Malaysia.

Mereka mendakwa bahawa di dalam tepung gandum ini ada dua jenis. Satu yang dilunturkan, yang satu lagi yang tidak dilunturkan. Jadi bahan peluntur itu ialah *benzoyl peroxide*. Satu bahan yang dikatakan yang boleh menyebabkan penyakit dan menyebabkan kanser dalam jangka masa panjang. Sesetengah negara seperti China, Eropah telah mengharamkan penggunaan *benzoyl peroxide* ini.

Malah dikatakan juga oleh sebab tepung ini bila dilunturkan, banyak khasiat makanan nutriennya telah hilang, maka digantikan dengan Thymine, vitamin B dan sebagainya yang dikatakan sumbernya adalah daripada khinzir. Jadi, sejauh mana KPDKKK pada ketika itu telah mengeluarkan kenyataan bahawa akan membuat kajian dan siasatan dan akan mengeluarkan kenyataan. Jadi apakah hasil siasatan KPDKKK itu dan apakah tindakan selanjutnya? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin.

#### 4.42 ptg.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, bagi saya peluang. Saya akan ringkas sahaja. Untuk membincangkan tentang perkara B.24, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Sebuah kementerian

yang amat penting yang seharusnya memainkan peranan terutamanya dalam kita menghadapi kenaikan harga barang yang sangat meresahkan rakyat pada ketika ini.

Sebenarnya tugas dan fungsi kementerian amatlah ditunggu-tunggu oleh rakyat supaya kita dilihat bukan sahaja dapat memantau tentang kenaikan harga barang, mengawal kenaikan harga barang, tetapi kita menentukan supaya apa juga barangan-barangan yang kita bekalkan mencukupi untuk kegunaan rakyat. Terutamanya Tuan Pengerusi, apabila ASEAN akan berkuat kuasa pada tahun depan di mana Malaysia menjadi sebagai Pengerusi ASEAN yang tidak lama lagi akan diadakan.

Jadi apa yang saya nak sebut di sini apabila ASEAN nanti dikuatkuasakan, kita akan dapat lihat – pertamanya sebelum itu tahap kesedaran dan *awareness* di antara pengguna, pekerja, pihak-pihak pengeluar dan juga peniaga adalah terlalu rendah sekali. Seharusnya perkara ini dapat diberikan penerangan kerana apabila ASEAN diadakan nanti, kita akan dapat lihat dengan izin *free movement of goods*. Jadi, seolah-olah ia akan menjadi seperti Eurozone nanti.

Kedua, kebanyakan kita tidak faham tentang peranan dan juga faedah dengan izin terutama dengan *single production based* dan tentang *single market entity*. Masyarakat kita seharusnya didedahkan tentang cabaran utama yang akan terjadi kerana ASEAN akan menjadi dengan izin *production based* dan bagaimanakah kita untuk melaksanakan *single market*? Selepas itu, apakah insentif yang akan disediakan oleh pihak kerajaan yang akan dinikmati oleh mereka yang benar-benar memahami supaya mereka ini, orang yang tidak faham tidak akan dapat faedah.

Seterusnya, saya pergi kepada perkara 030400 – Standard Kepenggunaan. Pada malam tadi, kita telah mendengar satu berita yang telah disiarkan oleh JAKIM bahawa JAKIM telah membuat keputusan coklat Cadbury adalah halal. Mengapakah mengambil masa yang begitu panjang sekali? Walaupun kementerian mungkin katakan ini kementerian lain – Jabatan Perdana Menteri. Ada juga mungkin akan kata Kementerian Kesihatan. Kita mahu satu jaringan yang benar-benar mantap di antara ketiga-tiga kementerian ini. Sebenarnya dengan izin, *great damaged is done*. Ini kerana barang yang halal kita haramkan adalah satu perkara yang amat susah dan sukar untuk kita mengembalikan semula keyakinan masyarakat terhadap makanan ini.

Sedar kah kita bahawa syarikat ini ialah kepunyaan GLC? Seolah-olah ada satu pakatan yang terancang untuk mengharamkan perkara ini dan ia di *viral* sehingga seluruh umat Islam tidak akan membeli dan memakan Cadbury. Bahkan Cadbury sebenarnya telah disahkan halal lama dulu tetapi mengapakah baru malam tadi diumumkan secara umum bahawa makanan ini halal? Perkara ini amat penting Tuan Pengerusi. Seharusnya lah pihak kementerian mengambil maklum dan kita tidak mahu perkara ini berlaku lagi.

Kedua, saya juga turut dimaklumkan bahawa harga minyak *brand* pada ketika ini di pasaran antarabangsa telah menurun di bawah 75 dolar dalam masa dua minggu ini. Malam tadi juga, kerajaan telah mengumumkan penurunan harga RON97 kepada RM2.57.

Pada ketika ini, RON95 diberikan subsidi oleh kerajaan di mana pengguna membayar RM2.30. Sekiranya harga minyak dunia ini akan terus menurun ataupun berada pada tahap yang ada sekarang, selain daripada ia mempunyai *saving* kepada kerajaan, adakah kerajaan akan memikirkan untuk rasionalisasi semula harga minyak dan juga diesel? Akan tetapi, apa yang kita lihat – saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang telah menjalankan banyak penguatkuasaan. Saya fikir masih lagi belum mencukupi. Barulah kita sedar pada hari ini, rupanya hari ini banyak ketirisan yang berlaku di seluruh negara. Berjuta-juta ringgit. Selama ini tauke-tauke yang kaya ini sebenarnya telah mencekik darah kita, memakan duit rakyat. Jadi seharusnya lah penguatkuasaan ini dapat dijalankan secara menyeluruh. Saya telah dimaklumkan oleh sahabat saya sebentar tadi bahawa dia melihat lori-lori daripada syarikat-syarikat persendirian membeli minyak di stesen-stesen minyak yang membekalkan subsidi kepada diesel. Adakah perkara ini dibenarkan oleh kerajaan?

Seterusnya, saya pergi kepada perkara 070300 – Program Penyeragaman Harga sebanyak RM229 juta. Sebelum ini Tuan Pengurus, izinkan saya melihat kembali peruntukan yang telah diberikan kepada pihak kementerian KPDNKK. Walaupun kementerian ini sangat penting terutamanya pada saat yang cukup genting pada ketika ini, tetapi mengapakah kerajaan hanya memberikan peruntukan sebanyak RM979 juta sahaja untuk tahun 2015? Sedangkan pada tahun 2014, kementerian ini diberikan peruntukan sebanyak RM1.72 bilion. Di sinilah sebenarnya ketegasan daripada pihak kementerian untuk memastikan supaya kita diberikan peruntukan yang khusus dan cukup supaya selain daripada kita dapat menjalankan penguatkuasaan, bahkan kita mahu melihat kementerian ini dapat benar-benar berfungsi seperti yang diharapkan oleh rakyat.

Perkara seterusnya program penyeragaman harga. Saya difahamkan program penyeragaman harga barang kawalan ini dijangkakan tahun lepas telah mampu memberikan manfaat kepada 3.3 juta orang pengguna di seluruh negara khususnya di luar bandar. Namun begitu Tuan Pengurus dan Yang Berhormat Menteri, kita mungkin tidak sedar bahawa mereka yang berada di luar bandar terutama sahabat-sahabat saya yang daripada Sabah dan Sarawak yang selalu membangkitkan perkara ini untuk membawa barang-barangan pengguna yang memerlukan kewangan dan kos pengangkutan.

#### ■1650

Kalau harga sebenarnya RM2, mungkin akhirnya sampai kepada pengguna ia akan naik RM3. Jadi, kos pengangkutan ini adakah kerajaan dapat memikirkan satu mekanisme yang benar-benar berkesan supaya mereka di luar bandar ini dapat diberikan pembelaan kerana sokongan kita pada ketika ini adalah luar bandar. Itu sebab kalau boleh apa juga projek-projek yang kita jalankan jangan bagi keutamaan kepada bandar lagi. Kita berikan keutamaan kepada luar bandar kerana di sinilah sokongan kita. Seterusnya, saya berharap agar aktiviti penguatkuasaan dapat dipertingkatkan untuk kita memastikan supaya program ini mencapai objektifnya untuk membantu rakyat.

Seterusnya, saya pergi kepada perkara 010000 – Pengurusan iaitu penguatkuasaan secara berterusan. Ianya ada hubung kait dengan perkara 090000 – Emolumen untuk pegawai pemantau harga yang berjumlah sebanyak RM30 juta. Kalau kita campurkan kedua-dua peruntukan ini saya rasa ianya mencukupi untuk kita memastikan supaya apa juga usaha-usaha penguatkuasaan dapat kita jalankan secara berkesan. Ini kerana, perkara ini Tuan Pengerusi adalah sangat penting dalam kita memastikan tidak ada penyelewengan berlaku kerana akhirnya rakyat yang akan terkesan. Itu sahaja Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kelana Jaya.

#### **4.51 ptg.**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, ucapan saya pendek sahaja. Saya merujuk kepada Butiran B.25 Butiran 070300 – Program 1Malaysia 1Harga, muka surat 347 anggaran perbelanjaan RM33 juta.

Tuan Pengerusi, program ini adalah satu program untuk memastikan harga barang-barang bersubsidi di Sabah dan Sarawak menjadi sama rata dengan harga barang-barang bersubsidi di Semenanjung. Ini adalah mengikut *website* kementerian sendiri. Pada amnya harga barang-barang di Sabah, Sarawak adalah lebih tinggi daripada harga-harga barang di Semenanjung seperti apa Yang Berhormat Jasin beritahu tadi.

Ini adalah sebab kos pengangkutan. Jadi, program ini adalah merupakan satu-satunya subsidi kos pengangkutan barang-barang bagi Sabah dan Sarawak. Tuan Pengerusi, soalan saya adalah kenapa program ini pada tahun 2014 mendapat bajet sebanyak RM85 juta tetapi untuk tahun depan 2015 bajet ini dipotong secara mendadak ke RM33 juta sahaja.

Tuan Pengerusi, ini adalah pengurangan bajet dari segi peratusan 60%. Tuan Pengerusi, kalau dia potong 5% atau 10%, itu kita boleh faham tetapi apabila program menerima potongan 60%, Menteri mesti memberi jawapan yang jelas dan terperinci bagi semua *break down*. Pagi tadi saya tanya tentang isu kepada Yang Berhormat Menteri tentang *break down* dia tidak bagi. Saya harap kementerian ini akan memberi *break down* yang jelas sebab apabila kita potong 60%, adakah Yang Berhormat Menteri menghantar signal dan dia tidak sayang langsung kepada Sabah, Sarawak lagi? Jadi, baik Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan yang penuh. Kalau tidak nanti kawan baik saya daripada Penampang dia akan marah Yang Berhormat Menteri. Kalau Yang Berhormat Menteri tidak takut Yang Berhormat Penampang, mungkin dia takut Yang Berhormat Kinabatangan. Ya, itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

#### **4.54 ptg.**

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang. Saya terus ke Butiran 060000 iaitu Suruhanjaya Persaingan Malaysia

atau pun (MyCC). Kita tahu bahawa MyCC ini adalah satu suruhanjaya yang bertindak lebih kurang macam mahkamah dalam membicarakan kes yang membabitkan penyalahgunaan kuasa monopoli atau pun kartel apabila mendapat aduan. Jadi, soalan saya pada pihak kementerian adalah semenjak suruhanjaya ini ditubuhkan pada tahun 2011, berapa banyakkah kes yang telah dilaporkan kepada Suruhanjaya Persaingan ini?

Berapakah siasatan dan juga tindakan yang telah diambil oleh suruhanjaya ini? Seterusnya, adakah suruhanjaya ini selaras dengan Akta Suruhanjaya Malaysia yang sedia ada dan adakah kementerian bercadang untuk meluaskan kuasa akta tersebut. Seterusnya, saya juga hendak minta Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan bagaimanakah proses yang telah ditetapkan oleh suruhanjaya dalam menentukan syarikat mana yang telah melanggar Akta Suruhanjaya Persaingan ini?

Seterusnya ke Butiran 070500 iaitu Program 1Malaysia 1Harga. Saya hendak puji juga program ini sebab ianya adalah satu program yang merupakan inisiatif kerajaan di bawah *National Blue Ocean Strategy* atau pun NBOS yang mana saya tengok ianya dapat membantu dalam usaha untuk meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat luar bandar dan juga pedalaman yang tujuannya untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat yang kian meningkat dari semasa ke semasa.

Jadinya soalan saya pada pihak kementerian, kaitan dengan tajuk atau pun butiran ini adalah bagaimana sebab kita tahu ini adalah berkaitan dengan kerjasama. Kerjasama ini kalau NBOS ia antara kementerian yang berasingan dan kadang-kadang ianya berkait rapat dengan agensi atau pun pihak-pihak lain. Jadi, saya cuma hendak tahu daripada pihak kementerian, bagaimanakah kementerian dapat memastikan bahawa kerjasama antara kementerian-kementerian lain ataupun agensi ini dapat diselaraskan supaya kejayaan program ini dapat dicapai sebab kadang-kadang lain kementerian dia akan menyukarkan dari segi kerjasama dan juga pelaksanaan.

Seterusnya, adakah kementerian juga bercadang untuk mewujudkan satu sistem unit pemantauan dalam usaha untuk menyelaraskan segala kerjasama dengan kementerian-kementerian dan juga agensi-agensi atau pun pihak-pihak yang berkaitan. Seterusnya Tuan Penggerusi, saya terus ke Butiran 04004 - Pembangunan Keusahawanan Pembangunan Francais. Soalan saya pada pihak kementerian adalah apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera dalam menyertai pembangunan program francais di bawah kementerian.

Seterusnya, saya juga hendak kementerian untuk menyatakan apakah kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian untuk syarikat-syarikat yang baru dan ingin mula untuk menyertai dalam Program Pembangunan Keusahawanan iaitu kali ini di dalam bidang francais ini. Seterusnya, saya juga ingin bertanya pada pihak kementerian.

Selain daripada bantuan kewangan, saya juga ingin bertanya pada pihak kementerian apakah jenis-jenis atau pun lain-lain jenis bantuan yang disediakan oleh pihak kementerian dalam usaha untuk membantu usahawan-usahawan ini yang ingin mengembangkan perniagaan

mereka ke peringkat global. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih banyak-banyak tetapi saya harap Tuan Pengerusi cepat sihatlah sebab tadi nampak dia makan ubat sedikit. Jadinya, terima kasih banyak Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya terima kasih kerana memahami. Yang Berhormat Kulai. Saya hendak dapatkan kepastian. Berapa orang lagi yang berminat?

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Enam ya? Okey. Tiga sebelah kanan, sebelah kiri empat. Saya bercadang 5.30 Yang Berhormat Menteri menjawab kerana kita ada satu lagi kementerian. Yang Berhormat Kulai, lima minit. Laju ya Yang Berhormat Kulai. Yang Berhormat Sepang saya tidak bagi peluang kali ini.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Baiklah cepat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

#### 4.49 ptg.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Okey Maksud B.25 010200 dan juga 060100 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia. Saya nampak bahawa peruntukan untuk Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah turun daripada RM7 juta ke RM6.6 juta. Jadi, saya khuatir bahawa sama ada pada tahun yang depan kita ada Suruhanjaya Persaingan Malaysia ini mempunyai kakitangan yang mencukupi dan peruntukan yang mencukupi untuk menghadapi kesan yang akan di bawa oleh pelaksanaan GST.

Saya juga hendak tanya, setakat ini berapa banyak buah syarikat yang telah diambil tindakan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia? Dua syarikat yang saya tahu setakat ini telah didenda oleh MyCC ini adalah MAS dan AirAsia.

#### ■1700

Mereka pada 6 September tahun yang lalu, telah didapati membuat satu kesalahan di bawah seksyen 4(2)(b) di bawah Akta Persaingan 2010 dan satu denda sebanyak RM10 juta dikenakan terhadap kedua-dua syarikat ini, tetapi setakat pengetahuan saya, kedua-dua syarikat ini telah buat satu rayuan kepada Tribunal Rayuan Persaingan. Jadi saya nak tanya apa status rayuan mereka? Selain daripada itu, Butiran 010800 – Penguat kuasa (Ibu Pejabat). Saya juga nak tahu apa itu persediaan kementerian ini untuk menghadapi kesan GST yang akan bermula pada 1 April tahun depan. Ini kerana saya rasa banyak NGO dan kajian yang telah dibuat yang menyatakan bahawa harga barang akan naik. Salah satu kajian atau kenyataan yang dibuat adalah oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA).

Mereka telah menyatakan bahawa sebenarnya harga rumah dalam pandangan mereka, harga rumah akan naik sebanyak 3% sampailah 4%. Akan tetapi dalam satu jawapan daripada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan semalam, beliau telah menafikan secara tidak langsung pandangan dan dakwaan daripada REHDA mengenai isu itu.

Beliau mengatakan bahawa impak yang ada sangat minimum iaitu paling banyak pun hanyalah 1% hinggalah 2%.

Jadi saya rasa di sini kita nampak ada satu konflik. Ada persatuan-persatuan ataupun peniaga-peniaga yang sudah katakan bahawa oleh sebab GST, jadi harga barang akan naik termasuklah harga rumah akan naik. Akan tetapi pada masa yang sama, kerajaan kita, Menteri-menteri kita cakap bahawa kesan GST adalah sangat minimum sahaja, hanyalah 1%-2%. Jadi saya nak tanya di sini, sekiranya selepas pelaksanaan GST, harga barang ada naik sebanyak 5% ke 10% kah, seperti harga rumah kalau ada pemaju yang menaikkan harga rumah sebanyak 5% sama ada kementerian ini bersiap sedia untuk mengambil tindakan terhadap pemaju-pemaju ataupun peniaga-peniaga yang lain.

Selain daripada itu, saya juga nak tanya tentang diesel Euro5. Kebelakangan ini sudahlah bolehlah bermula dijual di tujuh stesen minyak tetapi hanya di negeri Johor. Saya sebagai wakil rakyat dari negeri Johor saya inginlah mengucapkan tahniah dan terima kasihlah kepada Menteri kerana Johor yang dapat diesel Euro5 ini, tetapi saya harap bahawa diesel Euro5 ini juga dijual di seluruh Malaysia dan saya nak tanya di sini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kulai.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ya, okey, okey. Saya nak tanya di sini adalah sama ada diesel Euro5 ini bolehlah dibeli oleh pengguna-pengguna biasa bukan sahaja terhad kepada pemandu-pemandu lori. Oleh kerana saya rasa setakat ini diesel Euro5 ini dijual di Johor kerana ada polisi atau yang diletakkan oleh Kerajaan Singapura. Jadi saya nak tanya sama ada pemandu-pemandu kereta diesel yang lain, yang normal juga bolehlah menggunakan diesel Euro5. Akhirnya saya nak tanya tentang sindiket gores dan menang dan skim cepat kaya. Saya rasa isu ini masih sangat serius di Malaysia. Jadi saya nak tanya Menteri ataupun Timbalan Menteri apa tindakan daripada kementerian untuk mengatasi isu tersebut. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lipis.

#### **5.04 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Bilangan 010000 – Pengurusan, Butiran 010900 – Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Peringkat Negeri termasuklah Butiran 030600 – Pengurusan Sumber Manusia. Kita semua tahu tahun depan kita akan menghadapi satu peperangan jihad, jihad memerangi kenaikan harga barang iaitu apabila terlaksananya GST. Inilah yang dikatakan jihad. Bagaimana kita nak menentukan nasib, nasib bagaimana kenaikan harga barang tersebut.

Persoalannya sekarang ini, adakah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk melaksanakan tugas. Kalau kita mengambil contoh pada hari, kita nak pastikan harga barang ini supaya tidak naik, dengan terlaksana GST ini, sudah pastilah semua peringkat daripada segi kementeriannya memainkan peranan. Tidak tertinggal adalah daripada pihak kastam itu sendiri. Akan tetapi yang lebih memainkan peranan adalah pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang memainkan peranan lebih penting.

Adakah persoalannya hari ini, adakah kakitangannya mencukupi untuk melaksanakan tugas? Saya nak mengambil contoh ini sebagai contoh, di kawasan Parlimen saya, mungkin di Parlimen lain pun terlibat juga. Di Parlimen saya umpamanya kita ada pegawai-pegawai petugas yang ada hanyalah Pegawai Ehwal Koperasi Parlimen yang gajinya Gred E17, jawatan kontrak. Tidak ada seorang pun jawatan tetap di Parlimen Lipis ini sendiri. Tidak ada pejabat umpamanya. Bagaimana mereka nak melaksanakan tugas.

Jadi saya cadangkan supaya membuka pejabat di setiap Parlimen dan menambah anggota petugas supaya dapat melaksanakan tugas dengan baik dan yang ada setakat kontrak ini, kita minta supaya mereka lebih agresif, lebih baik melaksanakan tugas. Sebagai ganjarannya mereka telah berkhidmat ada di antaranya melebihi daripada 12 tahun, melebihi 15 tahun, kita serapkan anggota ini menjadi anggota tetap, supaya mereka dapat melaksanakan tugas dengan baik dan naikkan gred.

Jangan sekadar 17, kita nak naikkan gred kepada yang lebih baik supaya mereka dapat melaksanakan tugas dengan baik dan tetapi syarat-syarat tertentu mestilah kita laksanakan dan penambahan pegawai-pegawai ini. Kita hendak supaya pejabat dibuka di setiap Parlimen untuk memastikan bajingan-bajingan ini tidak menaikkan harga barang yang tak tentu pasal. Kalau kita melihat daripada setiap perkara yang hendak dilakukan mestilah proaktif, kita jangan hanya sekadar melaksanakan operasi di kawasan-kawasan pasar malam, kawasan-kawasan pasar sahaja, tetapi kita hendak laksanakan mestilah operasi secara menyeluruh dengan keadaan yang kita ada untuk laksanakan perkara ini.

Kita mesti pastikan perkara-perkara seperti kenaikan dan penurunan harga adalah terletak kepada seluruh jaringan pembekal dan ini bukan sahaja tertumpu pada barang makanan tetapi semua jenis barang. Antara yang terpenting adalah barangan seperti besi, simen, pasir, barangan dari kartel-kartel yang tertentu, kita mesti membuat setiap kali pemeriksaan. Sebentar tadi saya mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Kulai. Saya bersetuju, kalau kita tidak laksanakan perkara ini, sudah pasti harga rumah semua akan naik.

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, isu kedua Yang Berhormat Lipis. Isu kedua.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Isu kedua?

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, lagi dua minit. Jawatankuasa tak payah hurai panjang-panjang.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya pergi kepada isu kedua, soal akta. Akta seperti Akta Perihal Dagangan dan Akta Pencatutan 2012 juga turut perlu diteliti untuk memastikan keberkesanannya. Tidak ada gunanya kita mempunyai pasukan pemantau yang saya katakan tadi yang kuat tetapi kita tidak mempunyai akta atau peruntukan yang komprehensif. Sekiranya perlu, kita adakan akta baru supaya kita akan lebih berfikir dalam soal yang saya nyatakan. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Yang Berhormat Kota Melaka, lima minit.

#### 5.09 ptg.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bahas dalam Butiran 020200 dan juga 010800 termasuk dengan 030100. Ketiga-tiga butiran ini ada terlibat. Tuan Pengerusi, tentang penguatkuasaan, memang saya amat alu-alukan pihak kementerian iaitu berjaya mengambil beberapa operasi dan tindakan terhadap kegiatan diesel haram di negeri Melaka. Seperti Yang Berhormat dari Jasin, kita mengalu-alukan tindakan ini dan kita harap tindakan ini akan berterusan.

#### ■1710

Saya juga ingin tanya Yang Berhormat Menteri iaitu sejak operasi ini, kita hendak tahu berapa buah syarikat sindiket yang menjalankan kegiatan ini dan berapa buah *kiosk* petrol yang terlibat? Adakah mereka juga dihadapkan ke mahkamah? Ini kerana tanpa sepakat dengan *kiosk-kiosk* petrol ini memang kita tahu kegiatan ini tidak dapat dijalankan. Saya ingin tanya tentang operasi ini. Kedua mengenai *francais*. Memang kita tahu pihak kementerian menggalakkan pembangunan *francais* tetapi saya juga ingin tanya pihak kementerian sejak awal tahun ini, berapa kes *scam* atau penipuan menggunakan *francais* iaitu kita sudah sedia maklum bahawa kita pernah melaporkan di Dewan yang mulia ini *Island Red Cafe* dan juga *Yoga Club* ini yang terlibat dengan *francais*? Secara *francais* mereka ada satu *scam* seperti *multi level* untuk satu penipuan kepada pelabur-pelabur atau melibatkan dengan *francais* mereka.

Butiran satu lagi tentang pembangunan koperasi iaitu Butiran 040100. Saya juga seperti Yang Berhormat yang lain ingin tahu tentang prestasi koperasi di negara kita. Berapa buah koperasi yang betul-betul kita boleh katakan berfungsi dengan baik? Terdapat banyak koperasi hanya mungkin mesyuarat satu tahun sekali atau mereka ada kemukakan laporan kewangan kira-kira tetapi kita nampak kegiatan atau aktiviti mereka zero. Langsung tiada. Bagaimanakah mereka boleh membawa kebaikan kepada ahli-ahli mereka?

Sebab itu saya ingin tanya pihak kementerian, usaha kementerian untuk betul-betul menggalakkan koperasi *variant* dapat berfungsi dengan baik dalam mungkin kedai runcit, *mini market* atau dalam perumahan supaya dapat membawa kebaikan kepada ahli-ahli mereka. Ini kerana dalam suasana yang bersaing, saya ingat kalau kita boleh pindahkan beberapa buah

Kedai Rakyat 1Malaysia tetapi koperasi yang sedia ada kita tidak dapat bantu mereka melibatkan dengan program-program ini. Saya anggap hal ini pihak kementerian gagal.

Terakhir tentang tribunal. Tribunal Rayuan Persaingan iaitu dalam Butiran 010200. Ingin saya tanya berapa buah Tribunal Rayuan Persaingan telah ditubuhkan dan di negeri yang mana? Sejak awal tahun ini berapakah kes telah dilaporkan dan berapa kes dapat diselesaikan? Adakah ini juga - terdapat *grey area* di antara Tribunal Rayuan Persaingan dengan Tribunal Tuntutan Pengguna kerana susah kita kadang-kadang hendak *classify* mereka ini sebagai pengguna atau pembekal. Adakah Tribunal Rayuan Persaingan ini juga terima kes-kes yang dilaporkan tentang perkhidmatan atau *service provider* dan adakah *service provider* ini juga jadi satu kes untuk dilaporkan dan boleh diselesaikan oleh tribunal ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiawangsa.

#### 5.14 ptg.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Tuan Pengerusi, pendek sahaja. Dua perkara. Pertama Butiran 020300 mengenai Pembangunan Perniagaan. Saya ingin merujuk kepada Program Citarasa Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 2003 bagi memberi peluang kepada produk-produk usahawan kecil ke pasar raya terpilih yang mempunyai kerjasama dengan Tesco, Giant, Mydin, The Store dan UO Superstore juga difahamkan bahawa produk-produk usahawan kecil yang diletakkan di *supermarket* ini hanya mengambil masa dua minggu sahaja sebelum ia dibuat keputusan sama ada boleh diteruskan atau tidak oleh pengurusan *supermarket* tersebut.

Saya minta pencerahan dari pihak kementerian untuk kemukakan keberkesanan program ini dan senaraikan apakah jenis produk tempatan yang telah berjaya untuk mendapat tempat di pasaran hasil daripada program yang dinilai selama tempoh dua minggu itu?

Kedua ialah mengenai Mahkamah Khas yang bakal ditubuhkan bagi menghakimi dan membawa sesiapa sahaja peniaga yang mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang sewenang-wenangnya. Saya mohon pencerahan bagi perincian yang lebih teliti dari pihak kementerian mengenai Mahkamah Khas ini bagaimana ia berfungsi? Siapakah yang bakal mengadili dan kaedah pelaksanaan dengan tepat dan terperinci bagi makluman semua? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

#### 5.15 ptg.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua perkara sahaja. Butiran 010800 - Penguatkuasaan. Saya ingin merujuk kepada perkara tentang kutipan royalti artis ini yang mana ada beberapa agensi atau organisasi yang telah diberi mandat atau tugas untuk mengutip kutipan royalti artis ini iaitu:

- (i) *Public Performance Malaysia Sdn. Bhd. (PRISMA);*
- (ii) *Recording Performance Malaysia (RPM);*
- (iii) *Music Actor Copyright Protection (MACP);* dan
- (iv) *Public Performance Malaysia (PPM).*

Keempat-empat ini digelar boleh mengutip royalti dari premis-premis perniagaan yang menyiarkan lagu-lagu artis yang mana dua atau tiga bulan yang lalu ada berlaku peristiwa kecoh di mana banyak premis restoran mengadu mereka terpaksa diberi kutipan royalti dengan harga yang sangat mahal di mana restoran yang hanya satu televisyen, dua ke buah tiga kerusi ataupun meja, mereka terpaksa bayar RM800 setahun untuk lesen kutipan royalti artis ini. Saya juga hendak tahu, adakah kementerian bercadang untuk hanya memberi satu agensi sahaja untuk kutip royalti ini bukannya keempat-empat ini? Saya juga hendak minta...

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Penampang bangun.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Boleh sekejap sahaja? Boleh saya mencelah?

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Penggerusi, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin membawa perkara Butiran 070300. Minta persetujuan dari Yang Berhormat...

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Penampang, saya kalau Yang Berhormat Penampang hendak berucap saya benarkan.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Boleh?

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Okey, nanti. Terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itu *trick* Yang Berhormat Shah Alam tidak ajar. *[Ketawa]*

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Adakah kementerian bercadang supaya hanya satu agensi boleh mengutip royalti ini bukannya keempat-empat? Saya juga hendak tahu peranan keempat-empat agensi ini yang manakah yang berhak mengutip royalti ini? Saya juga hendak tahu tentang dana royalti ini. Bagaimana cara untuk menyalurkan dana ini kepada artis-artis?

Kedua tentang Butiran 030100 - Tribunal Tuntutan Pengguna. Saya hendak tahu setakat ini berapa kes yang telah dikendalikan oleh tribunal ini? Berapa kes yang telah selesai, yang belum selesai, yang tidak dapat selesai dan ada kes yang telah selesai? Ia sudah pun beri keputusan supaya syarikat ataupun kedai kena bayar kepada pengguna tetapi syarikat itu enggan untuk bayar. Mereka terpaksa berulang-alik untuk mendapatkan ganti rugi tetapi bagaimana cara kementerian bantu mereka ini? Mereka sudah dapat keputusan tetapi mereka enggan jelaskan pampasan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

### 5.19 ptg.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010800 - Penguatkuasaan. Saya melihat skim kawalan harga musim perayaan telah dilaksanakan bermula tahun 2000 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 ialah satu tindakan yang cukup bagus kerana di bawah skim ini saya melihat beberapa jenis barang keperluan dikenal pasti supaya barang harga kawalan musim perayaan untuk ditetapkan harga maksimum di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit dalam tempoh masa tertentu.

### ■1720

Di sini saya ingin mencadangkan supaya satu penguatkuasaan yang sama juga di bawah skim ini dapat dilaksanakan secara berterusan dan konsisten, terutama sekali bila GST dilaksanakan pada tahun hadapan. Bukan itu sahaja, saya ingin mencadangkan agar adakah pihak kementerian ingin menghebahkan atau menyenaraihitamkan syarikat-syarikat yang cuba menaikkan harga barang sesuka hati ke dada-dada media ataupun akhbar bagi memastikan rakyat akan mengetahuinya.

Keduanya, saya ingin mencadangkan penubuhan Rakan Penguatkuasaan, KPDNKK atau boleh namakan RPK yang dijadikan satu wadah bagi merealisasikan hasrat KPDNKK menjalin hubungan yang kukuh antara KPDNKK dan masyarakat bagi pemantauan harga barang dilakukan dengan lebih berkesan. Kita akui pada tahun lepas pada bulan Disember dan juga Januari, rakyat dikejutkan dengan kenaikan harga barang yang begitu tinggi sehingga menyebabkan keresahan di kalangan rakyat.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Butiran 040100 iaitu program khusus menggalakkan pertubuhan belia tubuh koperasi. Saya mencadangkan agar Suruhanjaya Koperasi Malaysia wajar merangka strategi khusus untuk menggalakkan pertubuhan belia di setiap negeri atau generasi muda bergabung dan seterusnya menubuhkan satu koperasi untuk menjana modal dan seterusnya meningkatkan ekonomi mereka untuk menjalankan aktiviti sosial dan kemasyarakatan. Di sini saya ingin mengetahui daripada pihak kementerian, berapakah jumlah generasi muda yang terlibat dalam penubuhan koperasi negara kita dan sejauh manakah kebolehan dan juga *success story* yang mereka wujudkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, kita ada pegawai hal ehwal koperasi di peringkat Parlimen.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Di Parlimen saya, pegawai koperasi saya baru sahaja dilantik Tuan Pengerusi.

Terakhir Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan mengenai koperasi sekolah dan juga penglibatan koperasi sekolah di peringkat sekolah. Tidak dinafikan bahawa koperasi sekolah di Malaysia di antara mempunyai gerakan yang tersusun yang menjadi rujukan di banyak

negara khususnya sistem koperasi di sekolah di India, Thailand dan Fiji. Akan tetapi di sini saya ingin mencadangkan, adakah pihak kementerian mempunyai cadangan untuk menjadikan PIBG itu sebagai sebuah entiti koperasi dan secara tidak langsung akan menjadikan mereka lebih berentrepreneur dan di samping itu juga boleh menggerakkan lagi kegiatan koperasi di kalangan persekitaran mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Penampang.

#### 5.22 ptg.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi atas tip yang awal tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Saya ingin membawa Butiran 070300 – Program Penyeragaman Harga. Kita nampak peningkatan penyeragaman harga ini ialah RM163 juta berbanding dengan Bajet 2014 dan Bajet 2015. Isu yang ingin saya bawa kepada kementerian ialah isu perbezaan harga antara Sabah dan Semenanjung Malaysia sudah lama, ramai sudah membahaskan, ramai sudah berdebat dan mendapat jawapan.

Akan tetapi dengan peningkatan ini, RM163 juta, harga di Sabah dan Semenanjung masih jauh beza. Surat khabar pun dengan *price Star* dan *price NST* ada 50 sen lebih daripada Semenanjung. Harga Proton pun masih belum uniform dengan izin, harga Proton di Sabah ada perbezaan RM2,000 atau RM3,000 dengan Semenanjung Malaysia. Banyak lagi harga-harga lain yang berbeza.

Dari itu, boleh saya minta kementerian memberi butiran terperinci apakah penyeragaman yang mereka telah butirkan di sini kepada Sabah dan siapakah yang mendapat subsidi ini. Seperti mana juga yang ditanya oleh rakan saya daripada Kelana Jaya awal tadi, Program 1Malaysia 1Harga, *under* Butiran 070500 pun masih ada masalah antara Sabah dan Semenanjung kerana banyak harga yang berbeza, jauh beza. So mahu minta jawapan daripada kementerian dan kalau saya tidak ada di Dewan pada waktu jawapan, boleh minta jawapan bertulis. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jelebu.

#### 5.24 ptg.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Akhirnya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja. Ada tiga perkara berkaitan dengan tajuk B.25, Butiran 020100 iaitu Perdagangan Dalam Negeri, 030200 – Gerakan Kepenggunaan.

Gerakan Kepenggunaan yang diperuntukkan RM12 juta pada tahun hadapan merupakan sesuatu yang harus diberi perhatian oleh kementerian kerana gerakan ini penting sebagai medium peralat untuk kementerian menjalankan gerak kerja bagi menangani isu kenaikan GST. Jadi sebab itu, gerakan kepenggunaan di peringkat daerah-daerah dan Parlimen harus

diperkuatkan agar ia menjadi satu entiti yang mempunyai pengaruh dan boleh membantu pegawai-pegawai penguat kuasa kita bagi menjalankan risikan maklumat dan juga membantu kementerian bagi memperkuuhkan agenda bagi mengekang kemungkinan kenaikan harga barang ataupun *profit tearing* dengan izin Tuan Pengerusi, berlaku yang kita jangka atau kita duga pada tahun hadapan selepas GST diperkenalkan. Itu yang pertama.

Bolehlah diperkuuhkan dengan latihan, kursus ataupun galakan-galakan yang lain yang membolehkan mereka menggerakkan kepenggunaan ini dan apakah masalahnya. Walaupun usaha ini sudah dibuat, jadi apakah masalah-masalah mungkin kurang penyertaan masyarakat setempat dan sebagainya kepada gerakan kepenggunaan kita di peringkat-peringkat daerah dan juga Parlimen.

Kedua, Butiran 040000 – Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Perkara yang hendak saya bangkitkan ialah menubuhkan koperasi saya tidak pasti lagi, apakah SKM akan menilai boleh, layak ataupun tidak koperasi ditubuhkan itu berasaskan salah satu daripada elemen yang hendak dilihat itu. Jawatankuasa penaja itu harus berupaya mengemukakan *business plan*nya dengan izin. Maknanya bila dia hendak tubuhkan satu koperasi, bukan sekadar hendak tubuh kerana adanya koperasi, tetapi mereka sekurang-kurangnya mesti sudah mempunyai rancangan perniagaan.

Maknanya baru kita boleh anggap itu koperasi yang mempunyai tujuan yang jelas, hala tuju yang pasti. Jadi sebab itu kalau belum ada kriteria ini sebagai syarat untuk melayakkkan koperasi itu ditubuhkan, saya mencadangkan kepada kementerian khususnya SKM supaya mana-mana koperasi baru yang hendak ditubuhkan hendaklah mengemukakan rancangan perniagaannya, dinilai, dilatih dan ditunjuk ajar bagaimana ia harus diperkemaskan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi ialah perkara berkaitan dengan penguatkuasaan iaitu 010100 – Pengurusan penguatkuasaan. Jadi, di kalangan masyarakat masih lagi bimbang akan kenaikan harga apabila GST diperkenalkan. Kerajaan sudah menjelaskan begitu banyak ia punya rancangan, undang-undang yang sudah disusun tetapi di peringkat akar umbi dan juga di peringkat sebenarnya, rakyat tidak nampak lagi kehadiran penguat kuasa itu. Ini jadi satu masalah.

Apabila rakyat tidak nampak, mereka tidak berkeyakinan. Apabila tidak dilihat oleh peniaga, peniaga tidak takut dan inilah perkara yang harus diberikan perhatian kerana masanya tidak lama lagi, bulan Mei tahun depan sudah bermula GST. Jadi oleh kerana itu, minta penjelasan daripada kementerian, sejauh mana persiapan kepegawaian bagi menguatkuasakan dan memastikan tidak wujudnya *profit tearing* yang berleluasa pada tahun 2015. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Hulu Rajang, selepas itu Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat Menteri, selepas Yang Berhormat Hulu Rajang, saya bagi sikit untuk Yang Berhormat Bagan Serai. Selepas Yang Berhormat Bagan Serai, Menteri menjawab.

### **5.29 ptg.**

**Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi yang betul-betul baik hati. Okey saya terus Tuan Pengerusi, Butiran 010800 – Pengurusan (Ibu Pejabat). Saya telah bangkitkan perkara ini mengenai keperluan penguatan kuasa yang lebih tegas bagi membendung penyeludupan barang produk 1Malaysia yang dikhurasukan untuk orang-orang di pedalaman. Minggu yang lalu saya telah pergi ke Kapit untuk mendengar *complaint* rakyat bahawa Kedai 1Malaysia kalau barang datang pada pagi ini, sebelah petang habis.

#### **■1730**

Rakyat marah. Kenapa? Penyeludupan oleh kedai-kedai runcit yang dikelilingi di pekan itu membeli dan mengambil barang itu dan jual dengan harga lebih tinggi. Bermakna, sasaran oleh kementerian tidak tepat kepada sasaran yang betul. Jadi saya mohon kepada kementerian KPDKKK ini supaya meneliti dengan baik dan dapat sekiranya membuat andaian dan suruhlah orang yang tidak berpakaian uniform ini supaya mereka dapat menangkap orang-orang yang tidak mengikut undang-undang untuk membeli barang itu.

Kedua, 070300. Menyentuh mengenai pembinaan Kedai Rakyat 1Malaysia, siapa hendak menjual barang dia hendak menggunakan *shop lot*. Jadi kalau orang di pedalaman macam kawasan saya di hulu untuk turun untuk membeli barang di kedai yang mempunyai ada beri khas untuk menjual barang 1Malaysia ini, payah. Turun dari hulu menggunakan pengangkutan, *transport* dengan bayaran yang lebih tinggi.

Jadi kalau boleh ubahlah supaya rakyat di pedalaman ini diberi kuasa untuk menjual barang-barang 1Malaysia di kedai atau *valet shop* ini. Itu baru sasarannya kepada rakyat yang miskin, rakyat yang tidak mempunyai pendapatan yang begitu lumayan. Kalau boleh saya mintalah supaya perkara ini dapat diambil tindakan di tempat Sabah, pendahuluan Sabah dan negeri Sarawak ini.

Jadi menjadi hasrat ini untuk membantu, mengurangkan bebas kos sara hidup melalui penubuhan Kedai Rakyat 1Malaysia, jadi saya berharap dapat menyalurkan barang keperluan pada harga yang cukup berpatutan. Namun begitu, saya khuatir bahawa sekiranya inisiatif ini tidak dapat disampaikan golongan sasaran seperti golongan berpendapatan rendah dan orang miskin di kawasan luar bandar. Saya dengan itu berterima kasih. Saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

### **5.32 ptg.**

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih banyak Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Saya merujuk dua butiran, 13005 dan 010800, pembangunan koperasi di bawah P.25. Melihat kepada peruntukan tahun ini RM5.46 juta dan tahun depan adalah RM3.54 juta , berkurangan RM1.92 juta.

Saya terfikir adakah kementerian bercadang untuk mengurangkan bantuan kepada koperasi ini? Penubuhan koperasi untuk menggalakkan jimat cermat, tolong-menolong dan

berdasarkan Dasar Koperasi Negara pada tahun 2011–2020 menyatakan koperasi yang terbahagi kepada mikro dan makro, ialah penyumbang yang berkesan kepada pembangunan negara. Manakala mikro menjadi penjana pertumbuhan ekonomi.

Jadi mengikut perangkaan koperasi dari tahun 2010...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Lenggong jangan makan dalam Dewan ya. *[Ketawa] Sila.*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Ketawa]* Ada orang makan. Menurut perangkaan koperasi, dari tahun 2010, menunjukkan bilangan koperasi seluruh negara adalah 8,146 dan pada tahun 2013 ada 10,914. Ada peningkatan dan statistik menunjukkan 7 juta lebih orang mendaftar sebagai ahli koperasi, iaitu lebih 25% daripada penduduk Malaysia. Jadi bila bertambah, orang bertambah, adakah koperasi ini mencapai kejayaan? Itu satu perkara yang penting.

Dari skop koperasi pada ini sangat meluas melibatkan perkhidmatan kewangan, pemborongan, peruncitan, kesihatan dan sebagainya. Koperasi hari ini tak boleh jadi macam dulu lagi. Koperasi hari ini mestilah melalui satu transformasi kerana tak boleh lagi koperasi ini tempat kita hendak pinjam-pinjam duit, hendak bayar yuran, hendak bayar, hendak beli buku, ataupun koperasi, orang pinjam nak beli peti ais, beli TV. Koperasi hari ini patut melalui satu transformasi yang mana bertukar dari *business* kecil-kecilan kepada *business* yang besar. Mempunyai impian yang lebih besar iaitu *business* daripada *business* domestik umpamanya kepada *business* antarabangsa.

Jadi koperasi mesti berubah dan mesti diuruskan secara profesional dengan pengurusan dan pengurusan kewangan yang baik. Persoalan saya apakah perancangan kementerian dalam merancakkan lagi pergerakan koperasi dan cabaran yang telah dikenal pasti mengikut keadaan ekonomi, politik serta sosial masyarakat semasa dalam memastikan pergerakan koperasi ini terus relevan pada masa-masa akan datang. Jika dilihat berpandukan Dasar Koperasi Negara, yang kedua, pelbagai inisiatif dan dasar yang dilakukan bagi memastikan hala tuju koperasi ini ke arah mencapai Wawasan 2020. Persoalannya, sejauh manakah perkembangan ia telah dilakukan sejak di awal pengenalan pada dasar yang kedua.

Butiran 010800 berkenaan dengan kawalan harga yang saya hendak bincangkan di sini. Hari ini di sana, sini orang bincang tentang barang-barang naik, kos hidup naik. Siapa yang suka kos hidup naik? Siapa pun tak suka kos hidup naik. Akan tetapi ada golongan yang keluar dekat sana mengelirukan rakyat, memesongkan pemikiran rakyat, bagi tahu kalau GST ini akan jadi, ini akan susah, subsidi kurang, ini akan jadi, ini akan susah. Mana ada kerajaan hendak bagi rakyat susah?

Kerajaan sentiasa fikir untuk bantu rakyat untuk menyenangkan kehidupan rakyat, untuk menyejahterakan kehidupan rakyat. jadi kalau kita cakap tentang kawalan harga, kita tengok kawalan harga. Kalau musim perayaan, ada, adalah sedikit naik umpamanya. Harga ayam naik sedikit, itulah peluang untuk petani, untuk pak cik itu mendapat sedikit keuntungan kerana permintaan yang tinggi. Jadi bermakna bukan *abusive manipulation*. Bukan keterlaluan kerana

kawalan harga orang tak suka. Kalau kita *fixed price*, kita tak tahu apa akan jadi pada harga sebenarnya.

Apa sebab harga naik? Apa sebab harga naik? Ini kerana harga barang ditentukan oleh penawaran dan permintaan. Ini satu signal. Kalau contohnya bila durian keluar, mula-mula mahal. Akan tetapi bila sudah banyak durian, harga terlampau murah. Ini satu signal bahawa penawaran dan permintaan itu tidak seimbang. Jadi saya minta kerajaan berfikir, memberi fokus kepada dua perkara yang penting.

Pertamanya, kenaikan harga mendadak mungkin dikuasai oleh ada kuasa-kuasa monopoli. Contohnya kita bagi kalau ikanlah. Nelayan ramai, orang yang jual ikan pun ramai tetapi siapakah pemborong-pemborongnya? Jadi pemborong-pemborong ini dalam angka yang kecil maka ini yang akan menyebabkan kuasa monopoli yang akan menentukan harga. Jadi mesti ada peleraian monopoli dan tingkatkan persaingan. Sikit lagi...

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sikit lagi, *one minute, one minute*.

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itulah...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Keduanya ialah tentang maksud saya ialah tentang peningkatan pengeluaran. Kalau kita hari ini daging kita 70% import, maka pengeluarannya tak cukup, jadi harga akan mendadak. Jadi fokus sepatutnya kepada pengeluaran domestik, keluaran baru domestik. Jadi kalau keluaran dapat fikirkan yang ini, maka kawalan harga sahaja sebenarnya bukanlah jawapan yang tepat kepada ini. Kalau kita dapat tingkatkan pengeluaran, kita leraikan monopoli, makan akan timbul satu masa nanti, kawalan harga pun tak perlu kerana barang-barang sudah adaimbangan di antara penawaran dan penggunaan. Jadi ini perlu ada satu anjakan paradigma. Saya ingin memberi satu soalan iaitu apakah langkah-langkah kerajaan yang kerajaan akan ambil untuk wujudkan pemasaran yang adil dan sihat? Terima kasih Tuan Penggerusi.

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, bersama kita Pegawai-pegawai Pengembangan Koperasi Negeri Pahang, 10 orang, Yang Berhormat Menteri. Hendak dengar perjawatan ini jawatan yang tetap, bukan kontrak, gaji dikaji semula. Ya, butiran mana? Sila Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

### 5.38 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Penggerusi, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Mengikut jumlah yang saya catat ini Yang Berhormat seramai 17 Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian pada petang ini dan ada tiga, empat orang membuat pencelahan semasa Ahli-ahli Yang Berhormat mengemukakan pandangan dan juga soalan.

Tuan Pengerusi, pertama saya ingin menjelaskan Yang Berhormat Jerlun. Saya ingin hendak menjelaskan kalau Yang Berhormat ada di dalam Dewan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terpulang kepada Yang Berhormat kalau hendak jawapan bertulis.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Kalau tak ada dalam Dewan, saya bagi jawapan bertulis agak mungkin lebih segera. Kedua, Yang Berhormat daripada PJ Utara..

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Juga tiada di dalam Dewan.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Tak ada, saya akan bagi jawapan bertulis.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jawablah.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Yalah, dah dia tidak ada, dia bagi soalan, dia balik. Buat apa saya jawab?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bukan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau tak jawab, apa yang dituduh itu benar. Jadi kalau Yang Berhormat jawab, sekurang-kurangnya ia rekod dalam *Hansard*.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** *No, no, no, it's up to me.*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini jadi sebahagian daripada sejarah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri, ini pun sejarah juga. Tak dipanggil bangun. *[Ketawa]* Ya, Yang Berhormat Menteri teruskan.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ketiga daripada Yang Berhormat dari Gerik. Ada? Terima kasih. Sejauh mana SKM boleh membantu supaya koperasi boleh berjaya?

■1740

Untuk makluman Yang Berhormat, SKM memainkan peranan berikut bagi memastikan koperasi berjaya dan diuruskan dengan baik.

Keduanya meningkatkan urus tadbir koperasi melalui program peningkatan untuk memperkasakan modal insan ini kita buat melalui kursus-kursus yang telah kita adakan dan yang ketiganya kita mewajibkan anggota Lembaga Koperasi dan juga Jawatankuasa Audit dalam menghadiri kursus-kursus wajib untuk mereka menjadi anggota Lembaga Pengarah dan juga Jawatankuasa Audit.

Keempat kita menyediakan latihan pengurusan kepada Ahli Lembaga Koperasi dan kita juga membuat penentusahan supaya mereka ini kepada calon-calon Ahli Lembaga Koperasi sebelum dipilih dalam mesyuarat agung oleh Suruhanjaya Koperasi. Jadi kementerian amat bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat dan juga daripada Ahli Parlimen Yang Berhormat Kota Tinggi supaya pegawai penyelia dinaikkan gred kepada Gred 41. *Insya-Allah* kita akan pastikan.

Yang Berhormat Gerik juga ada membangkitkan mengenai dengan pelaksanaan GST. Untuk makluman Yang Berhormat, KPDNKK sedang dan telah mengambil langkah-langkah untuk

menghadapi GST daripada aspek penguatkuasaan. Pertamanya ialah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 telah pun dipinda untuk menentukan keberkesanan penguatkuasaan pindaan setelah pindaan berkuat kuasa pada 1.9.2014.

Peraturan mekanisme sedang dalam fasa akhir penggubalan untuk tindakan mana-mana pihak yang akan cuba mengambil keuntungan melebihi dengan alasan GST kita akan mengambil tindakan. Kita juga mewujudkan Unit Antipencatutan telah ditubuhkan di bahagian penguat kuasa bagi mengambil tindakan ke atas kegiatan pencatutan. Di samping itu seramai 1,987 orang pegawai penguatkuasaan yang sedia ada dan sebanyak 472 jawatan tambahan telah pun diluluskan oleh pihak kerajaan.

Kerajaan Pusat telah melaksanakan penguatkuasaan ke atas peniaga yang mungkin mengambil kesempatan dengan penambahan pegawai-pegawai penguatkuasaan ini dan tindakan yang lebih berkesan akan dapat kita laksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat KPDKKK memang sedar bahawa penguatkuasaan adalah penting dan kita memberi keutamaan untuk memulakan tindakan awal bagi menjalankan operasi pemeriksaan bermula dari sekarang bagi memastikan pemantauan rapi ke atas peniaga dan tindakan penguatkuasaan dipertingkatkan dan kita laksanakan sebelum menjelangnya pelaksanaan GST pada April 2015 nanti. Menyentuh aspek *agreement...*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh tanya?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ya boleh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tentang pemantauan. Jadi di kawasan saya, banyak di kawasan bandar dan semasa saya pergi ke Keningau saya jumpa kumpulan orang muda yg membuat *scratch and win*.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Keningau bukan kawasan Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, termasuk kawasan saya. Jadi saya hendak tahu adakah ini termasuk dalam bidang kuasa pegawai yang menjalankan penguatkuasaan memantau harga dan sebagainya kerana cara mereka cakap boleh macam tipu burung terbang dari pokok pada mereka. Selepas itu mereka pergi beli tilam dengan RM18,000 RM20,000. Selepas itu ingat mereka akan *strike loteri* dan selepas itu kena tipu datang cari wakil rakyat. Kita kena balik kepada mereka. Di kawasan Parlimen saya ada sekurang-kurangnya empat syarikat yang buat kerja macam itu.

Jadi sekarang ialah kita lapor pada polis. Polis kata, "*Kalau boleh settle, settlelah.*" Kalau tidak mereka pergi ke mahkamah, *small claim court*. Pihak syarikat itu hanya didenda RM100. Saya percaya kementerian mendapat banyak aduan macam ini, apakah pegawai penguatkuasaan akan memantau semua syarikat ini kalau boleh tutup dan *cancel license* mereka.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita sedar ada gores dan menang di merata tempat. Oleh sebab itu kita beritahu kepada orang ramai ataupun pengguna, dia mesti melihat supaya gores dan menang ini adalah seolah-olah macam satu sindiket. Dia ada di mana-mana. Bukan sahaja di tempat Yang Berhormat, di tempat saya pun ada. Jadi di Kedah pun ada, di merata negeri ada. Memang kita tahu.

Jadi sebab itu kita harap kita minta supaya orang ramai jangan terlalu ghairah untuk mendapat benda yang tidak sepatutnya. Kata dia hendak cepat kaya, dia tidak hendak bayar tetapi dia dapat, oh cabut gores menang dapat kereta. Mana ada peniaga boleh gores menang dapat kereta. Akan tetapi ada kepercayaan orang ramai begitu sekali. Oleh sebab itu kita bagi tahu pada orang ramai mesti berhati-hati. Penguat kuasa ada. Bila ada aduan kita pergi tetapi dia orang pergi tempat lain.

Jadi adakah Yang Berhormat minta supaya penguat kuasa kita duduk di situ 24 jam, *its impossible*. Jadi sebab itu bila ada aduan, kita minta sudah lama kita beritahu pada pengguna, rakyat supaya jangan melihat gores dan menang ini untuk mendapat sesuatu yang begitu mudah. Tidak ada dalam dunia sekarang ini begitu mudah, gores dan dapat. Jadi kalau sudah percaya itulah. Akan tetapi tindakan kita ambil, kita buat serbuan ataupun tangkapan. Ada kita buat tangkapan. Akan tetapi esok dia buat pula. Jadi sekiranya tidak ada orang yang melayan mungkin tidak ada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jadi ini seolah-olah tidak ada jawapan.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Mana tidak ada jawapan? Itulah jawapan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat bagi nasihat, nasihat. Saya sebagai wakil rakyat juga selalu bagi nasihat. Akan tetapi setiap minggu masih ada ramai yang datang ke pusat khidmat saya.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ya, dengan saya pun ada mereka *report*. Yang Berhormat bagi nasihatlah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jadi saya hendak tanya apakah tindakan mahkamah ataupun undang-undang dipinda untuk adakan denda yang lebih berat, minta DBKL tutup lesen, tarik lesen mereka dan sebagainya.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ada, kita akan bagi – Yang buat semua ini secara haram, tidak ada lesen. Yang gores menang tidak ada lesen. Tidak ada kelulusan yang kita bagi.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya ada cadangan.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ada cadangan?

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ya, boleh?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Cadang dahulu, kita tengok, kita hendak dengar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa kita memang mengambil tindakan undang-undang

terhadap syarikat-syarikat gores dan menang dan skim cepat kaya ini. Akan tetapi kalau saya merujuk satu jawapan kepada Yang Berhormat Rasah yang bertarikh 29 Oktober pada sesi ini. Saya rasa hukuman itu tidak cukup berat.

Di sini menyatakan bahawa dari tahun 2005 sehingga tahun ini sebanyak 33 buah syarikat dibatalkan lesen. Maksudnya dalam masa tempoh 10 tahun hanya ada 33 buah syarikat yang diambil tindakan. Satu tahun hanya tiga buah syarikat, mana cukup.

Selain daripada itu juga kata di sini bahawa dari tahun 2005 sehingga tahun 2014 sebanyak 519 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah RM15 juta dan daripada jumlah tersebut sebanyak 168 kes telah kompaun dan didenda di mahkamah melibatkan nilai RM1.8 juta sahaja.

Jadi kita tengok kes yang didapati ialah sebanyak 595 kes. Manakala yang dibawa ke mahkamah hanyalah 168 kes. Maksudnya hanya 28% kes sahaja yang dibawa ke mahkamah. Denda tersebut kalau RM1.8 juta maksudnya satu syarikat hanya didenda sebanyak RM11,000. Mana cukup Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Jadi cadangan saya biarlah kita beratkan hukuman terhadap syarikat-syarikat ini. Saya rasa di seluruh kawasan Parlimen kita tidak kira Barisan Nasional ataupun Pakatan Rakyat kami pun ada sindiket ini. Jadi biarlah kita beratkan hukuman terhadap syarikat-syarikat ini supaya mereka akan rasa takut. Kalau mereka rasa takut, mereka tidak akan terlibat dalam aktiviti ini lagi. Kalau mereka rasa peluang untuk mereka didenda di mahkamah dan dihukum di mahkamah sangat rendah sahaja, jadi mereka akan ambil risiko ini untuk hendak menipu rakyat jelata.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Okey Yang Berhormat. Untuk penjelasan Yang Berhormat sebut tadi dalam jawapan saya baru-baru ini pun saya beritahu mengenai gores dan menang bahawa tindakan yang kita ambil dari tahun 2005 hingga Oktober 2014 595 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah RM15.46 juta.

#### ■1750

Ini satu jumlah yang besar dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 168 kes telah di kompaun dan didenda di mahkamah melibatkan RM1.85 juta. Jadi makna kata tindakan kita ambil, bukan kita tidak ambil. Jadi rampasan RM15 juta yang kita itu buat. Itu tindakan-tindakan yang kita ambil tetapi yang seterusnya ialah supaya kesedaran harus wujud setelah – tindakan ini akan berterusan, akan kita jalankan. Terima kasih Yang Berhormat.

Daripada Yang Berhormat Bagan Serai. Tuan Pengurus, saya mungkin tidak akan ikut, inilah yang mana saya dapat saya akan perjelaskan. Yang Berhormat Bagan Serai bertanya apakah program KPDKKK bagi membolehkan koperasi dapat meluaskan pasaran ke luar negara? Untuk makluman Yang Berhormat, KPDKKK telah berusaha untuk membolehkan koperasi meluaskan pasaran ke luar negara melalui pertama mengadakan MoU dengan negara-negara ASEAN dan yang keduanya, lawatan dagang koperasi ke luar negara. Koperasi yang terlibat dengan perdagangan luar negara ini ada lima buah koperasi iaitu Koperasi Permodalan FELDA, KOJARIS, Koperasi BERNAS, Koperasi Jabatan Penjara Malaysia dan Koperasi Groom Big.

Daripada Yang Berhormat Setiawangsa, mengenai dengan keberkesanan program.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tenom bangun.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ya.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tuan Pengerusi, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri meneruskan jawapan, tadi dikacau oleh Yang Berhormat Seputeh dan mungkin terlupa berkenaan dengan *engagement* tadi, terputus di sana. Saya menanti jawapan tersebut Tuan Pengerusi. *[Disampuk]*

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ada Yang Berhormat. Jawapan nanti saya beri.

Yang Berhormat Setiawangsa, keberkesanan Program Promosi Produk Malaysia Citarasa Kita ataupun senarai produk yang berjaya. Untuk makluman Yang Berhormat, PMCK yang kini dikenali sebagai Program Citarasa Malaysia (PCM) untuk tempoh tahun 2003 hingga tahun 2014, sebanyak 2,441 buah syarikat telah menyertai program ini dengan melibatkan 9,101 buah produk dan daripada jumlah ini, sebanyak 746 buah syarikat telah berjaya memasukkan produk mereka ke dalam *hypermarket* dengan melibatkan 4,364 buah produk.

Yang Berhormat Jelebu, mencadangkan supaya gerakan kepenggunaan di peringkat daerah dipertingkatkan. Terima kasih Yang Berhormat. Pergerakan kepenggunaan ini akan terus dimantapkan dalam usaha untuk membantu dan juga memantau harga dan kementerian telah bekerjasama dengan persatuan-persatuan pengguna dalam memberi pendidikan kepenggunaan dan juga penjelasan berkaitan dengan GST kepada masyarakat pengguna. NGO pengguna ini akan digerakkan untuk sama-sama membantu dan juga memantau harga serta menyalurkan aduan kenaikan harga kepada kementerian.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu bangun.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ya, sila.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Cuma bila bercakap fasal gerakan kepenggunaan ini, apakah cara yang terbaik untuk persatuan-persatuan pengguna ini untuk membawa masalah-masalah kualiti barang di kawasan untuk diambil tindakan ataupun siasatan oleh kementerian? Contohnya, hari ini saya mendapat satu kajian daripada Research Laboratory UPM. Di mana apabila mereka membuat kajian, beras-beras yang dijual di pasaran, contohnya Beras Cap Masjid, SST 5%. Sepatutnya ia ada jumlah kehancuran itu hanya 5% tetapi apabila dibuat kajian, 12% ataupun SST 15%. Sepatutnya kehancuran beras itu hanya 15% tetapi bila dibuat kajian, 37% ataupun 36.55% beras hancur.

Jadi ini memang penipuan *direct* kepada pengguna, padahal ini syarikat-syarikat besar yang menjual barangnya ke seluruh negara. Pengguna apabila dia membeli barang, dengan

harapan kualiti barang itu yang terbaik tetapi akhirnya dia beli barang dengan harga yang mahal tetapi dapat beras yang hancur ini. So, apa bentuk-bentuk tindakan ataupun bagaimana caranya supaya perkara ini boleh diadukan kepada kementerian dan apakah bentuk tindakan yang kementerian telah buat, mereka akan buat? Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekiranya kita mendapat aduan daripada orang ramai ataupun pengguna mengenai sama ada kualiti barang dan sebagainya, kita akan– kalau macam beras, kita akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk memastikan supaya kualiti beras ST15 atau yang dikeluarkan oleh pihak kementerian, bersama-sama dengan pegawai penguat kuasa kita untuk menilai ataupun meneliti aduan-aduan tersebut. Jadi kita akan membuat tinjauan di tempat-tempat tertentu. Ia mesti spesifik kedai mana, tempat mana supaya pegawai penguat kuasa ini boleh turun ke situ untuk mengambil tindakan. Jika ia betul-betul berlaku, kita akan mengambil tindakan. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Jelebu mencadangkan supaya gerakan kepenggunaan di peringkat daerah dipertingkatkan. Macam tadi saya ada sebut kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat Lipis, terima kasih. Mengenai dengan mahkamah khas dan Anti Pencatutan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedang mengadakan perbincangan lanjut dengan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia bagi mengkaji penstrukturkan ataupun penubuhan mahkamah khas ini dan untuk kita laksanakan selepas daripada pelaksanaan GST pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Kuala Selangor – penglibatan belia dalam koperasi. Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan koperasi belia ialah sebanyak 164 buah dengan anggota seramai 25,500 orang dan aset koperasi belia ini berjumlah RM59 juta. Program-program untuk menggalakkan belia menyertai koperasi. Pertama, kita mempromosikan koperasi kepada gerakan belia dan yang kedua, kita mengadakan kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan dan juga melalui pendekatan Suruhanjaya Koperasi dan NBOS seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]**

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Mengenai dengan koperasi sekolah, PIBG entiti koperasi. Untuk makluman, PIBG akan dijadikan sebagai anggota bersekutu dalam koperasi sekolah dan boleh memajukan pembangunan koperasi di sekolah-sekolah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Minta pencelahan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Ini berkenaan dengan pendaftaran beberapa buah koperasi. Saya ada beberapa orang belia datang berjumpa saya, pendaftaran telah mula didaftarkan lebih kurang pada bulan Mac tetapi setakat hari ini belum ada kelulusan daripada pihak kementerian. Bolehkah kementerian menjelaskan mengapa mengambil tempoh masa yang

begitu lama untuk meluluskan sesuatu pendaftaran terutamanya koperasi yang berkaitan dengan belia? Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Makluman ini, Yang Berhormat boleh beri kepada saya untuk membuat penelitian supaya pendaftaran koperasi ini dapat kita – mungkin ada sesuatu kekangan ataupun sesuatu perkara yang mungkin melewatkannya. Saya harap Yang Berhormat beri kepada saya, *insya-Allah* kita akan cuba untuk membantu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Yang Berhormat Jelebu – penubuhan koperasi adalah penaja perlu untuk menyediakan *business plan*. Untuk makluman Yang Berhormat, selalunya koperasi telah – mengehendaki koperasi yang hendak ditubuhkan perlu menyediakan *business plan* sebelum didaftarkan. Itulah kalau hendak menubuhkan koperasi mesti ada *business plan* bagi memastikan koperasi tersebut boleh membangun dan juga berdaya saing. Ini syarat-syarat untuk penubuhan koperasi.

Yang Berhormat Kota Melaka – juga mengenai dengan koperasi-koperasi, prestasi koperasi, usaha kerajaan supaya koperasi dapat berfungsi dengan baik. Untuk makluman Yang Berhormat, keseluruhan jumlah koperasi di seluruh negara sekarang ini sehingga bulan Oktober 2014 ialah 11,733 buah koperasi.

#### ■1800

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa*]

Bilangan koperasi yang *dormant* sebanyak 856 buah. Ada juga koperasi yang *dormant* dan langkah-langkah kerajaan melalui Suruhanjaya Koperasi supaya koperasi dapat berfungsi dengan baik. Pertama, kita adakan bimbingan dan juga khidmat nasihat dan kedua, kita menyediakan infrastruktur perniagaan yang kondusif kepada koperasi. Ini semua yang kita laksanakan dan yang ketiga, kita meningkatkan keupayaan modal insan koperasi.

Di antara program kita laksanakan ialah program pendedahan melalui seminar dan juga peluang-peluang perniagaan. Keduanya ialah *business matching*. Ketiga – aktiviti dan juga promosi, keempat – pendekatan dan juga pendidikan dan juga latihan kepada lembaga dan pengurusan koperasi seperti yang kita sebut tadi. Kelima ialah jaringan perniagaan. Ini jawapan kepada Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengurus [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Yang Berhormat Menteri ingin saya tanya dalam perbahasan saya, penglibatan koperasi dalam bidang perumahan. Adakah koperasi-koperasi ini digalakkan untuk melibatkan perumahan terutama untuk ahli-ahli mereka atau apa insentif diberi kepada mereka?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Untuk makluman Yang Berhormat memang ada koperasi-koperasi yang terlibat dengan perumahan dan juga koperasi yang terlibat dengan kedai-kedai runcit. Jadi bergantung kepada *business plan* yang dibuat oleh koperasi masing-masinglah. Jadi memang ada koperasi yang bergiat dalam bahagian perumahan dan juga kedai runcit. Jadi sekiranya mereka perlu untuk sesuatu bantuan daripada pihak Suruhanjaya Koperasi, mereka bolehlah cuba menghubungi pegawai-pegawai di Suruhanjaya Koperasi di tiap-tiap negeri ada Suruhanjaya Koperasi untuk boleh membantu mereka di dalam semua bentuklah, mungkin di dalam apa-apa yang diperlukan khidmat nasihat dan sebagainya.

Yang Berhormat daripada Lipis, Pegawai Hal Ehwal Koperasi. Pegawai Hal Ehwal Koperasi berfungsi sebagai promosi dan juga menubuhkan koperasi kepada masyarakat dalam kawasan Parlimen. Keduanya maklumat tambahan ini tidak ada kaitan dengan fungsi sebagai pemantau harga. Kedua, jawatan Pegawai Hal Ehwal Koperasi ini adalah jawatan kontrak dengan gred E17. Jadi ini untuk makluman Yang Berhormat daripada Lipis.

Yang Berhormat dari Kulai, soalan mengenai dengan apakah ..akan mengambil tindakan ke atas pemaju yang menaikkan harga rumah. Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan akan diambil di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 serta peraturan-peraturan kawalan harga mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah atau pun cukai barang dan juga perkhidmatan untuk menjalankan penyiasatan ke atas mana-mana pihak yang menaikkan harga dengan menggunakan alasan GST bagi memastikan semua kenaikan yang berlaku adalah munasabah dan dalam hubungan ini pihak pemaju rumah tidak terkecuali dalam isu harga rumah. Pihak KPDKN akan turut mengadakan perbincangan bersama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menangani isu kenaikan harga rumah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat daripada Kulai– peruntukan yang berkurangan untuk Akta Persaingan 2015. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan yang menurun tidak akan menjelaskan kerja-kerja Suruhanjaya Persaingan Malaysia kerana peruntukan tersebut ialah sebanyak 5.7% sahaja pengurangannya. Mengenai dengan pelaksanaan GST, tindakan-tindakan akan diambil oleh KPDKN di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Namun demikian, jika terdapat unsur-unsur pakatan untuk menetapkan harga oleh kerana GST, Suruhanjaya Persaingan Malaysia akan mengambil tindakan serta-merta dan tegas. Mengenai dengan status kes MAS dan AirAsia mengenai status ini, rayuan MAS dan AirAsia, rayuan tersebut akan didengar oleh Tribunal Rayuan Persaingan pada 23 Mac hingga 26 Mac pada tahun hadapan.

Yang Berhormat dari Kulai juga bangkitkan mengenai dengan penjualan diesel Euro 5 yang akan diperluaskan ke seluruh Malaysia. adakah diesel Euro5 yang diperkenalkan baru-baru ini dapat dibeli. Untuk makluman Yang Berhormat pelaksanaan diesel Euro5 ini di Johor adalah untuk membantu pengusaha-pengusaha lori yang berulang alik memasuki ke Singapura. Pada 1 Julai 2014 yang lalu telah mengetarkan pelaksanaan kawalan pelepasan asap ke atas 40 h.u. Kerajaan pada masa yang sama sedang dalam kerangka kerja untuk memperluaskan penggunaan penjualan minyak Euro5 di seluruh Malaysia. Bagi menjawab persoalan kedua

berkaitan dengan penjualan diesel ini di Johor, kementerian telah mempunyai sebarang halangan untuk diesel ini dijual kepada semua pengguna diesel dan juga perkara ini dipersetujui oleh Kementerian Kewangan. Itu Yang Berhormat dari Kulai.

Yang Berhormat Parit Sulong – jenis bantuan yang diberikan kepada usahawan bumiputera untuk mengembangkan perniagaan. Untuk makluman Yang Berhormat Parit Sulong, bagi membantu mengembangkan jenama francais Malaysia terutamanya francais bumiputera, kerajaan telah memperkenalkan program Malaysia Francais Global bagi tahun 2014 dan pihak kementerian telah menyertai sembilan misi perdagangan antarabangsa di negara ASEAN dan sekitar Asia.

Melalui program ini kementerian menyediakan *booth* kepada francais dan membantu menguruskan logistik mereka. Kriteria pemilihan bagi bantuan dana tersebut, pertama dimiliki sepenuhnya oleh bumiputera dan kedua mempunyai perniagaan yang berdaya saing dan rekod kewangan yang baik bagi tiga tahun terkini. Ketiganya perniagaan didaftarkan milikan sendirian berhad dan keempat mempunyai produk ataupun perkhidmatan yang dikeluarkan sendiri, kelima ialah lulus penilaian persediaan francais.

Daripada Yang Berhormat Kota Melaka juga ada membangkitkan bilangan aduan yang diterima tentang penipuan syarikat menjalankan sistem francais. Sehingga 11 November 2014, sebanyak lapan kes aduan telah dikemukakan di kementerian dan masih dalam siasatan. Yang Berhormat Parit Sulong juga bertanya mengenai langkah-langkah bagi membantu usahawan bumiputera di dalam menyertai francais. Antara langkah-langkah yang telah diambil program-program francais tempatan menyediakan dana kepada usahawan dalam membangunkan sistem francais melalui bantuan konsultan francais yang dilantik. Keduanya ialah dana bantuan pembangunan francais. Melalui dana ini usahawan bumiputera boleh membuat tuntutan atas perbelanjaan yang telah dikeluarkan dalam menjadikan perniagaan sedia ada kepada sistem francais.

Ketiganya skim pinjaman kecil francais memberi pinjaman mikro kredit kepada mereka yang berminat hendak memulakan francais. Yang Berhormat Parit Sulong juga membangkitkan beberapa kes yang disiasat oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat jumlah kes siasatan sejak penubuhan Suruhanjaya Persaingan Malaysia adalah sebanyak 34 kes. Daripada 34 kes tersebut, 11 kes telah pun selesai. Di antaranya ialah yang saya sebut tadi iaitu MAS dan juga AirAsia, Megasteel Sdn.Bhd dan juga 26 pengeluar tiub ais. Keempat, Pan-Malaysia Lorry Owners Association, kelima Sibu Confectionary and Bakery Association. Keenam ialah Gagas Shipping Sdn.Bhd dan Nexus Mega Carriers Sdn Bhd.

#### ■1810

Apakah jenis tindakan yang diambil dalam kes ini? Antara tindakan yang telah diambil terhadap mereka ialah mengenakan penalti kewangan. Contohnya penalti ke atas MAS dan Air Asia, masing-masing dikenakan penalti sebanyak RM10 juta dan arahan-arahan menghentikan penyelenggaraan serta-merta. Apakah proses siasatan yang diambil dalam kes ini? Semua pakej siasatan ke atas kes ini diambil selaras dengan Bahagian 3, Akta Persaingan 2010.

Yang Berhormat dari Kelana Jaya, pecahan Bajet 2015 untuk Program 1Malaysia 1Harga. Untuk makluman Yang Berhormat, Program 1Malaysia 1Harga ia pecahan daripada RM32,000,900 itu ialah subsidi gula sebanyak RM14.226 juta, subsidi tepung sebanyak RM3.722 juta dan subsidi minyak masak sebanyak RM15 juta. Jadi keseluruhan jumlahnya ialah RM32,948,600..

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Penggerusi, terima kasih, Yang Berhormat Menteri, terima kasih kerana memberi penjelasan *breakdown*, ya. Saya hendak tanya, kenapa potongan sebanyak 60% daripada bajet dahululah, ya. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri jawab. Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Nanti saya akan beri jawapan kemudian.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kalau boleh beri sekaranglah.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** *My officer will give the answer. We tell you. We prepare the correct answer.* Yang Berhormat dari Jasin, mengenai dengan tahap kesedaran pengguna terhadap ASEAN adalah rendah.

Untuk makluman Yang Berhormat, *Outreach Awareness Program* kepada pegawai-pegawai kerajaan dan juga pihak swasta serta pengguna sedang kita laksanakan oleh Kementerian dan juga oleh pihak MITI. Di samping itu, di bawah *pillar economy* ASEAN telah diwujudkan *ASEAN Community on Consumer Protection* di mana KPDKKK adalah *shoulder point* bagi Malaysia untuk ACPP.

Mengenai dengan harga minyak dunia yang telah turun, sekiranya terus turun adakah kerajaan akan meneruskan rasionalisasi subsidi? Kerajaan komited dalam melaksanakan rasionalisasi subsidi termasuk melalui mekanisme baru subsidi bersasar bagi meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan juga pengagihan sumber kewangan kerajaan. Pada masa kini Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta agensi-agensi di bawah jabatan kerajaan yang berkaitan masih mengkaji secara menyeluruh, spesifikasi terbaik, mekanisme baru, subsidi bersasar dengan mengambil kira kumpulan sasar yang layak dan juga mengenai dengan kos sara hidup dan impak terhadap kedudukan fiskal negara. Itu tindakan yang sedang diambil dan kerajaan akan mengumumkan kriteria terperinci mekanisme ini setelah kajian selesai dan dimuktamadkan.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Yang Berhormat Menteri, tentang subsidi?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ya.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Boleh? Terima kasih Tuan Penggerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak tanya tentang isu subsidi dan terutamanya diesel. Ini kerana sekarang diesel Euro 5 dijual di Johor harganya ialah RM2.30 seliter. Akan tetapi diesel yang terima subsidi dari kerajaan di Johor walaupun kualitinya tidak sebagus tetapi harganya selepas subsidi ialah RM2.20 seliter. Jadi saya hendak tanya di sini, berapa subsidi yang sebenarnya

kerajaan bayar untuk subsidi diesel Euro 2 ini? Walaupun kualitinya lebih rendah, tidak bagus setanding dengan diesel Euro 5, tetapi diesel Euro 5 yang tidak terima apa-apa pun subsidi, perbezaan harganya ialah 10 sen sahaja. Jadi saya rasa kalau macam itu lebih baik kerajaan biarlah diesel Euro 5 ini dijual di seluruh negara, tidak perlu subsidi dari kerajaan tetapi pengguna kenderaan, kereta ataupun lori, diesel ini boleh mengguna satu diesel yang lebih berkualiti bagus.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi pun saya sudah beritahu kata Euro 5 ini mungkin akan berkembang ke seluruh negara.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Bila?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ya. Sekarang baru dalam kajian mana boleh... *[Disampuk]*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Tahun hadapan, boleh?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ia akan berkembang ke negeri-negeri lain. Mengenai dengan Yang Berhormat Kota Raja, usul tepung gandum yang mengandungi bahan peluntur *Benzyl Peroxide*. Untuk makluman Yang Berhormat, keselamatan makanan ini ialah di bawah Kementerian kesihatan. Jadi kita akan minta Kementerian Kesihatan untuk melihat perkara ini.

Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, tadi sudah- sudah tidak ada, ya?... *[Disampuk]* Ada ya, *thank you*. So, mengenai dengan Tribunal Tuntutan Pengguna, berapa kes telah- untuk makluman Yang Berhormat, bagi kes tahun 2014 sehingga 18 November 2014 sebanyak 6,197 kes telah difaiklan di Tribunal Tuntutan Pengguna. Keseluruhan kes yang telah difaiklan sejak tahun 2000 sehingga 2014 ialah sebanyak 87,171 kes dan sebanyak 86,971 kes telah berjaya diselesaikan. Jadi, itu dari segi Tribunal Tuntutan Pengguna. Ada juga yang saya dapat daripada...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri, kes yang telah selesai tetapi masih yang syarikat tidak bayar ataupun tidak tunaikan janji itu. So, bagaimana kes ini diteruskan? Ianya di mana tribunal sudah buat keputusan, syarikat perlu bayar tetapi dia tidak melaksanakan tuntutan itu. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Saya ingat kalau kes ini timbul, Yang Berhormat boleh maklum balik kepada tribunal untuk kita ambil tindakan. Ini kerana keputusan sudah dibuat, sepatutnya mereka mesti mematuhi keputusan yang dibuat oleh tribunal. Akan tetapi sekiranya mereka tidak mematuhi keputusan yang dibuat oleh tribunal, saya ingat boleh laporkan semula pada tribunal untuk kita mengambil tindakan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Tidak. Ada kes yang telah pun dilaporkan kepada kementerian dan tribunal tetapi kes itu terpaksa dibawa ke mahkamah.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Mungkin itu jumlah yang berlebihan. Ini kerana tribunal dia ada had limit dia daripada jumlah yang boleh diselesaikan melalui tribunal. Sekiranya lebih daripada jumlah itu, harus dibawa ke mahkamah. Itu telah diputuskan oleh tribunal. Makna kata pengadu mesti mematuhi, mengikut arahan daripada- ataupun yang telah pun diberi jawapan oleh tribunal. Ada dia punya limit...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Akan tetapi dia enggan laksanakan tuntutan itu, bagaimana tribunal boleh bantu kalau dia enggan juga bayar tuntutan itu?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Okey, saya ingat Yang Berhormat boleh beri maklumat itu kepada saya untuk kita ambil tindakan.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri hendak tambah sedikit sahaja. Ini kerana saya juga ada kes seperti itu, kes lebih kurang yang sama di mana syarikat swasta itu telah disuruh untuk bayar balik kepada beberapa pelajar yang hendak tuntut balik deposit. Akan tetapi apa yang syarikat ini buat ialah mereka kata, "*Okey, saya bayar secara ansuran*". *First cheque, second cheque* dan cek itu adalah *post dated*. Mungkin hendak tunggu satu atau dua bulan. Akan tetapi selepas satu bulan, cek itu tidak boleh lagi masuk dalam akaun kerana akaun itu telah dilupuskan oleh syarikat. Jadi untuk kes-kes seperti ini, apa yang boleh dibuat oleh pihak kementerian ataupun oleh *Tribunal Commission*? Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tengok kalau daripada - sekiranya sudah dijelaskan dengan cek-cek yang diberi. Kalau cek itu tidak boleh di tunai ataupun - saya ingat kita boleh ambil tindakan sivil, penipuan ataupun buat laporan polis dan sebagainya. Cuma sekiranya perlu untuk dapat maklumat tambahan dari tribunal, boleh berhubung dengan tribunal supaya kita beri khidmat nasihat bagaimana perlu dibuat. Akan tetapi mengikut pengalaman, sekiranya pembayaran itu, cek-cek yang diberi tidak dapat ditunaikan, kalau bahasa mudah orang kata *cheque poke*, makna kita boleh untuk buat laporan polis di atas perkara itu.

#### ■1820

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tambah sedikit, Menteri. Menteri, saya rasa kebanyakan pihak swasta ini mengambil kesempatan sebab selalunya yang diberikan bayaran itu tidak boleh dirujuk ke mahkamah disebabkan amannya kecil. So, maka mereka sengaja melakukan benda ini dan mereka hendak mangsa-mangsa ini pergi ke mahkamah. Ada dua situasi. Satu, mereka tidak mampu hendak pergi mahkamah atau nombor dua, tentang amaan itu terlalu kecil. Jadi saya rasa pihak swasta ini mengambil kesempatan.

Apa salahnya kalau tribunal mempunyai kuasa yang lebih sedikit? Kuat sedikit yang boleh memaksa mereka. Cuba fikirkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Okey, apa Yang Berhormat sebutkan tadi, mengenai dengan isu Yang Berhormat Gerik iaitu isu integriti dan dikaitkan dengan pegawai. Minta maaflah, suara pun sudah mula tidak keluar. Kedua, kementerian tidak berkompromi dengan mana-mana pegawai penguat kuasa kementerian ini yang terlibat dengan rasuah. Dalam jawapan saya pun, saya beritahu Yang Berhormat ada enam orang pegawai yang telah kita ambil tindakan, buang kerja dan ada juga- bukan semua pegawai yang itu- ada juga pegawai yang dapat sijil kepujian dari SPRM.

Jadi yang terlibat kita ambil tindakan. Itu mengenai dengan Pegawai Penguatkuasaan KPDNKK. Yang Berhormat Bagai Serai mengenai dengan bajet kurangkan bantuan kepada koperasi. Seperti yang saya jelaskan tadi bantuan pembangunan perniagaan melalui koperasi

sebanyak RM5 juta sama dengan tahun 2014. Kedua, koperasi digalakkan terlibat di dalam perniagaan dalam semua sektor iaitu sektor kewangan, borong, runcit, pelancongan, pertanian, perladangan dan sebagainya.

Ada juga daripada Yang Berhormat Kuala Selangor tadi tertinggal...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri, sebelum pergi ke tajuk lain. Tentang penguat kuasa ini - semasa saya bahas, saya ada bangkit tentang iaitu tindakan yang diambil oleh pihak kementerian terutama dengan diesel-diesel haram di Melaka yang saya mengalu-alukan kejayaan tindakan itu dan diminta berterusan.

Saya ingin bertanya kerana tepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi. Oleh sebab itu saya hendak tahu, berapa kios stesen petrol ini juga dihadap ke mahkamah? Adakah sindiket-sindiket ini kita telah dapat ambil tindakan? Ini kerana saya masih mendapat aduan bahawa kegiatan ini masih berlaku. Oleh sebab itu saya ingin tanya.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai dengan melibatkan angka ataupun jumlah nanti saya akan beri kemudian kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Kuala Selangor juga ada bangkitkan mengenai dengan apakah KPDKKK akan mendedahkan syarikat yang menaikkan harga barang apabila GST dilaksanakan? Seperti yang saya jelaskan awal tadi, KPDKKK akan bertindak tegas ke atas peniaga ataupun syarikat yang didapati menggunakan alasan GST untuk menaikkan harga barang. Tindakan seperti yang saya sebut awal tadi, kita akan pastikan supaya sekiranya mereka menaikkan harga yang tidak munasabah, tindakan-tindakan akan kita ambil.

Yang Berhormat Hulu Rajang mengenai dengan Kedai KR1M. Untuk maklumat Yang Berhormat, kementerian akan menyiasat perkara ini dan akan memantau bekalan barang di KR1M di tempat Yang Berhormat sebut tadi. Premis KR1M pada kedai-kedai runcit selain daripada KR1M digalakkan untuk menjual produk-produk KR1M khususnya bagi kawasan yang tidak mempunyai KR1M, bekalan barang tersebut boleh diperoleh di Kedai Rakyat 1Malaysia berhampiran dan juga jenis barang.

Untuk makluman Yang Berhormat, kedai mungkin di satu-satu kawasan itu tidak mempunyai KR1M. Akan tetapi, barang KR1M dijual di kedai-kedai yang sedia ada. Mereka boleh mendapat bekalan di kedai-kedai KR1M yang ada. Mungkin berjauhan sedikit tetapi kedai-kedai biasa ini boleh menjual barang-barang KR1M ini.

Untuk makluman, KR1M yang ada di seluruh negara sekarang ini telah sampai 147 buah KR1M dan senarai itu ada 147 buah dan pembekal KR1M untuk makluman Yang Berhormat bukan sahaja satu pembekal, ada juga yang disoalkan tadi. Sekarang ini kita ada 55 orang pembekal produk Kedai Rakyat 1Malaysia.

Jadi, bukanlah dari Mydin sahaja tetapi 55 orang pembekal yang ada pembekal bumiputera dan ada pembekal bukan bumiputera. Produk-produk dari Kedai Rakyat 1Malaysia ini berjumlah sebanyak 234 jenis produk yang jenama Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) ini. Jadi 234

jenis produk seperti tepung gandum dan macam-macamlah. 234 jenis produk yang kita ada. Ada juga Yang Berhormat sebut mengenai dengan barang basah.

Sekarang ini kita telah bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan sepuluh buah *outlet* Kedai KR1M ini telah pun menjual barang basah. Akan tetapi, keseluruhannya ialah di kawasan Lembah Klang iaitu di Pasar Awam Presint 16, Bandar Tun Razak, Gombak, Wangsa Maju, Ara Damansara, Pandan Mewah, Dataran Mentari, Bukit Rahman Putra, Bukit Beruntung, Selayang dan juga Kajang.

Selain dari itu, barang basah ini *outlet* KR1M tetapi kita ada juga kerjasama dengan pihak FAMA iaitu di pasar-pasar tani. Jadi keseluruhan barang-barang keperluan harian ini boleh didapati bukan sahaja di KR1M tetapi juga di pasar-pasar tani di seluruh negara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, panjang lagi Yang Berhormat?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ada sedikit sahaja lagi. Mengenai dengan Yang Berhormat Kelana Jaya, ada peruntukan....

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Menteri...

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** 1Malaysia saya sudah jawab.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Parit hendak tanya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Parit bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ya.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap tentang Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR). Pada pandangan saya, skim ini ataupun program ini cukup baik. Ini kerana jika dilaksanakan, kedai-kedai akan berubah wajah dan barang akan bertambah. Cuma masalahnya Yang Berhormat Menteri ialah kedai-kedai di kawasan Parlimen saya tidak berani hendak ambil program ini.

Ini kerana kata mereka, bayaran balik yang agak tinggi dan mahal. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Menteri untuk menyemak balik program ini supaya ramai lagi pekedai-pekedai di kampung-kampung yang akan dapat nikmat daripada program TUKAR ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai KR1M ini kita ada tiga model. Pertama, model yang dibuka oleh MRT. Itu memang di bawah Mydin. Itu model pertama. Selepas itu, model yang kedua ini kita melalui kedai-kedai runcit. Mungkin Yang Berhormat sebut tadi di kedai-kedai runcit yang membeli barang-barang di KR1M yang ada untuk dijual di kedai-kedai runcit di persekitaran dalam kawasan Yang Berhormat.

Model ketiga ini ialah pembukaan oleh KR1M ini operasi dijalankan oleh pengusaha yang dilantik. Ini bergantung kepada sekiranya Yang Berhormat ada operator yang sanggup untuk membuka model tiga ini, makna kata kita beri tanggungjawab kepada operator ini untuk menjalankan kedai KR1M model tiga ini. Akan tetapi, macam saya sebut sebelum inilah. Modal untuk model ketiga ini ia sekurang-kurangnya lebih kurang dalam RM500,000. Ini kerana subsidi ataupun geran yang akan dibantu oleh kerajaan mengubah suai kedai ini juga lebih kurang sama

banyak dengan modal yang disediakan. Jadi kalau ada sesiapa yang sanggup di kawasan Yang Berhormat untuk model ketiga ini akan kita beri kelulusan kepada mereka.

Model pertama ini memanglah yang ada di seluruh negara, ada 136 buah KR1M.

#### ■1830

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh celah, boleh celah?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ya lah, sudah 6.30 petang.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Menteri, penjelasan Menteri.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Bangun]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri kerana tanya tentang Kedai 1Malaysia. Saya hanya hendak tanya, yang Kedai 1Malaysia ini ia beroperasi untuk 12 jam dari pukul 10 pagi hingga 10 malam? Jadi saya hendak tanya, apakah dasar kementerian dari segi waktu operasi sama ada *hypermarket*, *supermarket* ataupun kedai-kedai penjualan macam itu? Saya pernah tanya satu soalan kepada bekas Menteri, kementerian yang sama. Saya tanya kenapa ada *supermarket* yang dibenarkan beroperasi 10 to 10, pukul 10 pagi hingga pukul 10 malam tetapi ada yang boleh beroperasi 24 jam.

Macam di kawasan saya, ada satu *hypermarket* NSK. Itu pasar raya pemborong yang Perdana Menteri pergi sana beli ayam seekor RM1 itu, tetapi tidak jemput sayalah. Masalahnya ialah saya tidak mahu dilihat sebagai saya anti syarikat-syarikat tertentu. Saya simpati ialah penjaja tidak ada *business* kerana 10 to 10 dalam keadaan *aircond*, kerana ia pasar raya pemborong, ramai orang sampai 12 malam pun boleh pergi beli-belah, beli ayam, beli sayur dan sebagainya. Jadi pasar pagi kita ini tidak ada *business*. Pasar pagi apabila penjaja tidak ada *business*, mereka ada yang datang menangis kepada saya. Ini sebagai kerajaan, macam Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mesra kepada rakyat, sayang kepada rakyat khususnya orang miskin dan penjaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah berucap Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, saya tanya soalan. Kenapakah dasar ada *double standard*, ada yang boleh beroperasi 12 jam, ada 24 jam.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebab itu kita ada peraturan mesyuarat perkara baru tidak boleh dibawa Yang Berhormat. Jawab perkara-perkara yang telah dibahas sebelum ini.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Okey, itu mengenai dengan *hypermarket* yang buka daripada pukul 10 pagi hingga 10 malam. *Hypermarket* buka ataupun *supermarket*, memang ada masa yang telah ditentukan. Akan tetapi kadang-kadang mereka memohon kepada kementerian sekiranya ada musim perayaan ataupun masa-masa tertentu untuk dilanjutkan masa membolehkan orang ramai mendapatkan barang-barang keperluan. Itu kita tengok daripada *case-by-case*. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: [Bangun]**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini 365 hari. Saya hendak tahu, adakah ini dalam bidang kuasa kementerian atau di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan ataupun DBKL? Ini yang saya mahu penjelasan. Mungkin boleh minta pegawai bagi jawapan, nanti kita tahu.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Menteri, minta maaf Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya bangun Yang Berhormat. Hendak bagi?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Selepas Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ya.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Yang Berhormat Kelana Jaya baru hendak jawab.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Baru hendak jawab? Okey baik, terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Mengenai dengan peruntukan harga berkurang daripada peruntukan diterima sebelum ini, peruntukan barang 1Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, penyaluran peruntukan pada tahun ini adalah berdasarkan kepada prestasi perbelanjaan tahun sebelumnya. Terdapat penjimatan perbelanjaan terutama sekali bagi produk minyak masak disebabkan hanya minyak sawit mentah berubah setiap masa. Sehingga kini harga minyak sawit mentah rendah, maka terdapat penjimatan terhadap tanggungan subsidi dan sebaliknya. Namun sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, kementerian akan mengemukakan permohonan bajet tambahan kepada Kementerian Kewangan. Itu mengenai dengan pengurangan peruntukan yang disebut oleh Yang Berhormat Kelana Jaya dan...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Menteri, sila jelaskan sedikit lagi boleh? Oleh sebab penjimatan itu saya rasa tidak sampai potongan RM50 juta. Potongan RM50 juta itu keterlaluan. Kalau jimat, maknanya kalau minyak yang seperti Menteri kata tadi RM15 juta, penjimatan paling banyak pun RM10 juta atau RM15 juta. Kenapa potongan RM50 juta?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Itulah seperti jawapan yang saya beri tadi ini, kalau Yang Berhormat tidak berpuas hati, kita akan bagi jawapan bertulis.

Akhir sekali, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan ada juga minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan satu badan penguatkuasaan bagi mewakili PRISM, RPM, MACP mengenai dengan kutipan royalti. Untuk makluman Yang Berhormat, MyIPO telah pun menjalankan satu kajian di peringkat nasional dan kajian ini termasuk dengan mendapatkan kerjasama dengan negara-negara untuk menstabilkan dalam pengurusan badan kutipan royalti seperti Jepun dan juga Korea Selatan.

MyIPO dilantik sebagai perantara bagi menyelesaikan isu di antara PRISM dan juga RPM bersama 11 persatuan yang lain. Perkara ini masih dalam peringkat perundingan dan dijangka dapat dimuktamadkan pada awal tahun 2015. Kita masih lagi ada perbincangan untuk sekiranya Yang Berhormat sebut kata hendak bagi pada satu. Oleh sebab kita terpaksa bersama-sama dengan 11 persatuan yang lain untuk kita adakan perbincangan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri ...

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Berkaitan dengan kadar tarif ataupun lesen yang dibangkitkan, secara amnya kadar tersebut ditetapkan oleh pengurusan sesebuah badan pelesenan. Kementerian tidak mencampuri dalam menentukan sesuatu kadar tarif seperti Yang Berhormat sebut tadi. Ini kerana kita menghormati hak peribadi ataupun penggiat-penggiat seni dalam mengawal selia dan mengkomersialkan hak harta intelek mereka. Jadi, sebab itu ia berlaku seperti yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Menteri saya hendak tanya, setakat ini siapa yang berhak? Setakat ini empat buah syarikat ini, siapa yang berhak untuk kutip kutipan royalti artis ini? Oleh sebab masing-masing *claim* mereka boleh kutip. So restoran ataupun premis, mereka hendak bayar kepada siapa? Juga kadar kutipan itu pun tidak sama. So boleh bagi jawapan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Seperti yang saya sebut tadi Yang Berhormat, sekarang ini masih lagi MyIPO. Kita sudah lantik MyIPO untuk jadi perantara untuk menyelesaikan kes. Isu ini memang berpanjangan. Jadi oleh sebab itu, *we have to stop* di mana-mana. Jadi, MyIPO sudah dilantik supaya adakan perbincangan dengan PRISM dan juga RPM. Sekarang ini ada empat macam disebut tadi.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Di mana buat masa ini tidak ada kutipan, *stop*?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ada yang telah diberi kelulusan. Untuk hendak menentukan sebab ada bantahan dan sebagainya. Kita masih lagi dalam perbincangan dan mungkin awal tahun hadapan kita akan buat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Kalau diberi empat buah syarikat ini, *that mean* mereka masing-masing boleh kutip buat masa ini? So, premis hendak bagi siapa, kepada keempat-empat syarikat ini atau satu atau dua? Mereka tidak mampu bagi empat buah syarikat ini kerana empat buah syarikat ini datang hendak kutip royalti ini. So saya rasa kalau hendak buat kajian, *stopkan* dahulu dan dapatkan kadar yang munasabah daripada satu syarikat bertauliah yang boleh buat kerja-kerja ini. Bukan empat buah syarikat yang guna kutip kadar yang berlainan.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Okey, kita akan ambil perhatian Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Menteri, soalan Petaling Jaya Utara.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi sudah selesai.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Belum jawab.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Saya akan bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Janganlah. Jawab dahululah.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih banyak.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jangan takut. Mesti jawab soalan dia.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Menteri jangan lari. Tadi kata tidak apa saya ada. Menteri, jawab Menteri.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Sudah lepas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri Barisan Nasional takutlah. Menteri Barisan Nasional semua takutlah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Baca jawapan sahajalah Menteri. Menteri, mana boleh macam ini Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Ahli Parlimen sudah masuk, jawablah. Menteri ...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri Barisan Nasional tidak ada kelaslah.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Menteri dia sudah masuk, jawab. Sudah masuk...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Menteri lari. Tidak boleh lari... *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM947,029,000 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM947,029,000 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM31,992,000 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM31,992,000 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Semua Menteri Barisan Nasional takutlah 1MDB. Apalah.

**Maksud B.32 [Jadual] -**

**Maksud P.32 [Anggaran Pembangunan 2015] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kementerian Wilayah Persekutuan. Kepala B.32 dan Kepala Pembangunan P.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Titiwangsa. Ramai yang bangun.

■1840

#### 6.40 ptg.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan B.32, Butiran 050000 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, saya ingin memberi beberapa masalah yang saya rasa kita perlu bincangkan di sini untuk mendapatkan penjelasan sebab masalah yang pertama ialah mengenai peniaga-peniaga yang berniaga di sekitar Kuala Lumpur yang kebanyakannya hari ini kita nampak peniaga-peniaga ini adalah pendatang-pendatang asing dan sebahagian daripada lesen-lesen yang dikeluarkan oleh pihak DBKL ini lesen ini dikeluarkan mengikut prosedur yang betul.

Akan tetapi malangnya oleh kerana penguatkuasaan yang tidak begitu teratur, kita dapat lihat bahawa banyak lesen-lesen perniagaan yang diberikan kepada peniaga-peniaga di seluruh kawasan-kawasan terutamanya kawasan-kawasan yang melibatkan penjaja-penjaja kecil. Maka lesen-lesen ini telah menjadi satu tempat di mana ramainya pendatang-pendatang asing berkumpul dan bukan sahaja mereka ini bekerja tetapi lama-kelamaan mereka menjadi tauke kepada lesen-lesen ini.

Jadi apabila penguatkuasaan diambil, selalunya penguatkuasaan ini tidak berkesan. Tangkap, kemudian lepas. Dua, tiga hari dia keluar balik dan dia menjadi peniaga di situ. Jadi saya hendak minta kepada pihak DBKL bagaimana kita boleh mencari jalan penyelesaian jangka masa panjang untuk menyelesaikan isu pendatang tanpa izin ataupun pendatang-pendatang sama ada mempunyai permit ataupun tidak yang menjadi peniaga dalam Bandar raya Kuala Lumpur ini.

Saya tengok di kawasan sekitar Jalan Haji Hussein, kalau kita pergi tiap-tiap malam, kawasan tidak sepatutnya ada perniagaan tetapi hari ini mereka gunakan tempat urut, mengurut selepas itu ada kelambu lagi. Kemudian apabila kita buat laporan untuk ambil tindakan tetapi tindakan tidak diambil. *[Beberapa Ahli Yang Berhormat bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ambil, esok – saya pun tidak tahu tetapi saya terima banyak komplain daripada masyarakat di kawasan tersebut. *[Dewan riuh]*

Jadi saya hendak minta pihak DBKL kena pergi kawasan-kawasan ini mengambil satu tindakan yang bersungguh-sungguh dan komited. Jadi itu salah satu daripada perkara yang saya hendak bangkitkan kepada pihak DBKL. Kedua, ...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Titiwangsa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Segambut.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Bukan you punya kawasan mahu tanya lagi.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Bukan, kawasan saya Mont Kiara, *high class*. Saya memang setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Titiwangsa. Ini orang asing tanpa permit di Kuala Lumpur sungguh ramai, *alarming*. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Titiwangsa sama ada patutkah kita menghalang atau *banned* orang asing tanpa permit menjadi tukang masak, penjaja di Kuala Lumpur.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Saya rasa ini bukan lagi tukang masak dia jadi tauke. Jadi sekarang ini kadang-kadang salah juga penduduk-penduduk tempatan kita. Apabila DBKL memberi peluang untuk bermiaga, mereka menggunakan dan diberi lesen tetapi mereka menyalahgunakan lesen ini. Jadi bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini kalau kita tidak mengambil tindakan kepada mereka dengan menjalankan penguatkuasaan yang benar-benar efektif supaya mereka tidak lagi boleh memberi kepada pendatang-pendatang asing. Bila tidak ada pendatang asing yang boleh bermiaga dalam satu-satu kawasan, lazimnya selalunya kurang masalah-masalah isu *illegal immigrant* dalam kawasan tersebut.

Kedua Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan soal rumah Perumahan Awam. Saya nampak bahawa dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini, kita mempunyai golongan masyarakat yang berpendapatan rendah. Mereka yang mempunyai *income* RM2,000 ke bawah, RM1,800, RM1,700 kadang-kadang ada yang RM1,200 ke bawah. Sudah tentu untuk hidup dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini mereka memerlukan perumahan iaitu selalunya kalau kita lihat banyak DBKL membina rumah-rumah perumahan awam.

Akan tetapi hari ini saya tidak nampak lagi rumah perumahan awam ini dibina tetapi rumah-rumah yang dibina adalah rumah-rumah yang untuk dijual dengan harga RM300,000, RM200,000 dan sebagainya yang itu kita faham kerana ada orang yang mempunyai pendapatan RM4,000, RM5,000, RM6,000 ingin memiliki rumah. Akan tetapi apa yang saya hendak tekankan ialah kena ada program mewujudkan banyak rumah perumahan awam untuk mereka yang menjadi *support industry workers* dalam Wilayah Persekutuan ini.

Kalau tidak, maka lama-kelamaan kita akan bergantung 100% dengan pendatang asing untuk membuat kerja-kerja ini kerana mereka yang hendak bekerja, warga tempatan yang hendak bekerja hendak duduk dalam Kuala Lumpur menjadi buruh tidak boleh duduk dalam Kuala Lumpur kerana tidak ada tempat untuk tinggal.

Jadi saya hendak cadangkan bahawa Flat Pekeling itu kita sudah silap tidak apalah. Flat Pekeling ini dahulu satu kawasan perumahan awam DBKL. Apabila dirobohkan selepas itu kita naik itu, okey tidak apa tetapi saya hendak minta bahawa projek-projek tapak-tapak perumahan awam yang ada di San Peng, yang ada di Seri Perlis II, yang ada di Seri Perlis 1, tapak-tapak ini perlulah digazet semula sebagai rumah perumahan awam.

Walaupun ada *privatization* datang, kita hendak mereka-mereka yang datang ini kena pulangkan balik unit-unit perumahan awam ini untuk disewa oleh mereka-mereka yang berpendapatan rendah yang gaji RM1,000, RM1,200 yang duduk sebagai pekerja-pekerja am dalam Wilayah Persekutuan. Kalau tidak, kita hendak menghapuskan kebergantungan kita kepada pendatang asing di Kuala Lumpur ini agak sukar kerana kita tidak boleh bawa orang datang duduk, warga tempatan duduk di Bandaraya Kuala Lumpur untuk menjadi pekerja-pekerja yang *support industry* seperti hotel, restoran, pasar dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak DBKL dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini kita berhadapan dengan tekanan hidup, *cost of living* yang begitu tinggi. Jadi di antara peranan yang DBKL boleh main dalam membantu ini ialah kalau kita pergi ke kawasan-

kawasan perumahan awam ataupun rumah-rumah PPR kawasan-kawasan ini diduduki oleh orang-orang yang berpendapatan rendah. Kadang-kadang mereka ini dia hendak buat menjaja, bukan buat *permanent structure*. Dia buat menjaja untuk buat *temporary*. Letak meja pagi jual nasi lemak selepas tiga jam tutup meja simpan dapat *income* satu hari RM20, RM30 *net profit*, sebulan dapat RM600, RM700 untuk membantu suami yang mungkin kerja jaga ataupun mungkin kerja yang berpendapatan RM1.500, dia membantu.

Akan tetapi malangnya saya tengok DBKL kadang-kadang walaupun tempat-tempat ini tidak ada lesenkan tetapi mereka tidak juga buat kotor di kawasan tersebut dan tidak ada *permanent structure* tetapi DBKL pergi kacau mereka. Jadi saya nampak kita kena ada perasaan bertimbang rasa di sini sebab mereka ini adalah orang-orang yang berpendapatan rendah. Saya bersetuju penguatkuasaan ini kalau mereka buat *permanent structure*. Kalau mereka pergi dalam satu-satu kawasan yang melibatkan *traffic jammed* ataupun jalan-jalan besar dia orang buka meja, buka tempat bernesiga, itu kita tidak mahu. Kita tidak mahu rosakkan Bandar raya Kuala Lumpur.

Akan tetapi dalam kawasan-kawasan orang yang berpendapatan rendah ini mereka kalau jual nasi lemak, dia jual RM1, RM1.20 yang untungnya penduduk-penduduk di situ. Mereka tidak payah keluar hendak pergi beli kena naik motor dan sebagainya, hendak kena cari kedai untuk beli. Jadi inilah sebenarnya saya hendak minta...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]**

**Tuan Pengurus [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sepang bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Banyak?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Sekejap. Inilah yang saya hendak minta kalau boleh DBKL bagi lesen sementara. Apa tujuan lesen sementara ini? Kadang-kadang kalau kita tengok kerajaan bagi kita bantuan kepada penjaja-penjaja TEKUN, contoh. Kemudian AIMS, kemudian kita bagi bantuan-bantuan MARA dan penjaja tetapi kebanyakan bantuan-bantuan ini mereka tidak boleh ambil bantuan-bantuan ini kerana syarat yang di perkenakan oleh agensi-agensi ini ialah kena ada lesen perniagaan.

Jadi saya tidak galakkan DBKL bagi *permanent license*, bagi lesen sementara supaya mereka boleh gunakan lesen ini untuk buat pinjaman dan mereka akhirnya boleh menjadi *entrepreneur* dalam kawasan tersebut. Ya, sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Terima kasih sahabat saya daripada Titiwangsa. Yang Berhormat Titiwangsa saya tadi fasal perumahan tadi Yang Berhormat Titiwangsa, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Titiwangsa. Apakah pendirian Yang Berhormat Titiwangsa ataupun pendapat Yang Berhormat Titiwangsa mengenai wujudnya kampung-kampung tradisi di Kuala Lumpur ini seperti Kampung Chubadak yang mana kita melihat sebagai contoh apa yang dipanggil sebagai Opah Wahida yang berapa lama sudah itu, umurnya 70 tahun. Duduk sudah lama di situ tiba-tiba...

■1850

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa Yang Berhormat Titiwangsa sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap, melihat rumah ini dirobohkan. Saya hendak tanya setuju tidak dengan saya bahawa walaupun kita hendak membangunkan Kuala Lumpur ini tidak salah kita mengekalkan kampung-kampung tradisi ini dan ini kita boleh jadikan sebagai warisan dan juga boleh mempromote pelancongan. Setuju tidak dengan saya tidak sepatutnya dirobohkan tetapi ditolong dimeriahkan lagi. Macam mana apa pendapat Yang Berhormat Titiwangsa?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Sepang saya tidak setuju. Ini sebab Kampung Chubadak ini ialah status dia setinggan. Jadi...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mahkamah bukan setinggan mahkamah kata *licensor*. Ini Mahkamah Rayuan, *you are wrong*.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Lesen apa?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Licensee maknanya dia bukan setinggan *per say simpliciter*.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** So dia tidak ada *title*lah?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak dia memang tidak ada *title* tetapi Mahkamah Rayuan kata bukan setinggan.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Tidak saya hendak bagi contoh ya bukan sahaja Kampung Chubadak. Saya hendak bagi contoh di Kampung Baru pun kita ada tanah yang dimiliki oleh DBKL, *title* DBKL. Akan tetapi oleh kerana mereka itu duduk 40 tahun dalam kawasan tersebut sudah tentu apabila dia mengambil tindakan kepada pihak mahkamah, mahkamah bagi *consideration at the time* ialah mengatakan bahawa mereka ini ada *rights* untuk dapat pampasan. *That what mahkamah means*. Kita tidak boleh halau orang macam itu. Oleh sebab itu di Kampung Baru apabila kita hendak bangunkan tanah DBKL apa yang kita buat kita bayar pampasan. Saya difahamkan bahawa di Kampung Chubadak ini juga pampasan telah dibayar.

Banyak orang sudah terima tinggal lagi dua tiga rumah tidak mahu pindah. Bila tidak mahu pindah tempat *sanitary system* tidak ada, hendak pergi buang air pergi dekat longkang, buang dekat mana jadi kita hendak duduk dalam Bandaraya Kuala Lumpur kita sudah beri kemudahan untuk pindah dia tidak mahu pindah. Lepas itu gunakan satu, dua kes untuk isu politik yang itu saya tidak setuju. Akan tetapi pada hakikatnya kalau *you* cerita fasal kampung tradisi macam Kampung Baru, Datuk Keramat saya bersetuju kita kekalkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Akhir sekali Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh soal siber kafe. Saya rasa DBKL ini sekarang tidak payahlah keluarkan lesen siber kafe lagi, tidak payah keluarkan lesen pusat hiburan. Ini kerana lesen pusat hiburan dan siber kafe ini disalahgunakan oleh mereka yang membuat operasi judi haram di internet. Mula-

mula dia *apply* sebagai siber kafe kemudian bila dia dapat lesen dia buat judi haram. Lepas itu Bandar Raya tidak *renew* dia punya lesen siber kafe tetapi operasi judi haram sudah ada dalam tersebut.

Jadi hendak membasmi operasi judi haram ini bukan senang. Jadi saya harap di peringkat DBKL lesen untuk rumah, untuk perniagaan siber kafe dan juga pusat hiburan keluarga ini perlulah ditutup dan tidak diberi kepada mana-mana pihak kerana tidak ada sebab kita hendak cerita hendak pakai *Internet* pergi dekat siber kafe. Oleh sebab hari ini semua orang sudah boleh akses *Internet* dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Jadi saya ucapan terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

#### 6.53 ptg.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi di atas...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada sokongan dari Yang Berhormat Arau.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Setakat inilah kan dia bukan selalu memberi sokongan tetapi saya hendak ucap terima kasih juga Yang Berhormat Arau menunaikan janji memberi sesalinan buku *The Color of Inequality*. Lain kena bagi lagilah tetapi kita ucap terima kasih kali ini.

Saya pergi terus Tuan Pengerusi maksud Bekalan 32, Butiran 050000, khusus di bawah DBKL. Saya hendak tanya Menteri kenapa kali ini bila belanjawan DBKL diberikan kepada anggota Parlimen ia diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi. Jadi saya agak kecewa, saya harap Menteri boleh pastikan Datuk Bandar dan seluruh pimpinan DBKL tidak perlulah klasifikasi draf Belanjawan 2015 di bawah OSA. Ini kerana tahun lepas kita juga dapat salinan kurang-kurang boleh kita bincang, maklum dan ada *feedback* secara terbuka.

Apa yang harus dirahsiakan bila masa Kota Raya Kuala Lumpur dan perbelanjaannya dibelanjakan dengan baik. Kalau tidak baik dan wujudnya pembaziran saya fahamlah kenapa kena letakkan di bawah OSA.

Jadi Tuan Pengerusi persoalan pertama adalah meminta kementerian untuk menjelaskan kenapakah dalam belanjawan DBKL kali ini keputusan itu diambil lebih banyak perbelanjaan untuk infrastruktur. Saya agak bimbang kerana kita warga Kuala Lumpur dikejutkan dengan kenaikan *assessment rate* walaupun akhirnya Menteri beri ruang untuk tunda. Ini kerana katanya DBKL tidak punyai dana yang mencukupi. Harus tingkatkan *assessment rate* untuk menampung keperluan.

Akan tetapi dalam belanjawan sebanyak RM300 juta diperuntukkan untuk bangunan DBKL2 yang akan dibangunkan semula. Jadi saya tidak lihat sampaikan reka bentuknya Tuan Pengerusi oleh Hijjas Kasturi. Tuan Pengerusi pun tahu Hijjas Kasturi ini kira *elites- a very talented designer*. Saya belum bersetuju tetapi pada saya kenapakah, apakah justifikasi pelan di siap pada akhir tahun 2015 dan pejabat sedia ada iaitu di Menara 3 akan dipindahkan ke Menara 2 dengan perancangan bahawa Menara 3 akan disewa.

Ini bertambah serius memandangkan di bawah bantuan perkhidmatan kebajikan kakitangan. Bayangkan Tuan Pengurus bantuan untuk kebajikan kakitangan DBKL jatuh 26%. Kebanyakannya dibelanjakan untuk infrastruktur iaitu untuk kelengkapan pejabat dan perabot naik 275% hingga RM6.4 juta. Sementara kebanyakkan peruntukan yang naik sebanyak 350% adalah untuk kegiatan dan persembahan muzik khusus di luar negara.

Jadi saya sekali lagi minta apakah keutamaan dan bila bercakap tentang maklum babas Yang Berhormat Menteri dan kementerian harus ambil kira dengan serius. Kita tidak mahu akhirnya rakyat dibebankan. Saya juga ingin pinta Menteri mengambil kira dengan serius perancangan dari segi service dan perkhidmatan DBKL khusus di kesemua 73,000 unit Projek Perumahan Rakyat Termiskin di Wilayah Persekutuan.

Daripada perbincangan saya dengan kakitangan DBKL saya dapat maklumat 73,000 unit tetapi hanya ada di peringkat induk dua jurutera awam, dua jurutera mekanikal dan dua jurutera elektrik. Jadi saya fikir ini mungkin harus dirancang semula, disusun supaya punya kakitangan dan pakar-pakar yang mencukupi bagi isu dan kerja-kerja penyelenggaraan. Masalah ini yang membabitkan kepakaran tidak mencukupi sudah berlarutan lebih 20 tahun.

Jumlah juruteknik Tuan Pengurus adalah sebanyak 150 sahaja hendak jaga 73,000 unit perumahan. Daripada 150 orang pegawai ini 70 sahaja yang akan dikekalkan selepas kontrak berakhir. Jawatan lain lupus selesai pencen. Jadi saya mahu perancangan daripada pihak kementerian untuk memastikan mutu dan kualiti-kualiti unit perumahan dapat terjaga, untuk memberi sedikit keselesaan kepada warga Kuala Lumpur.

Ada juga dibangkitkan isu kebajikan khusus kenaikan pangkat bagi pegawai atasan DBKL memadai tetapi malangnya pegawai bawahan tidak sebegini. Ada pekerja bawahan DBKL hingga pencen tidak diberikan bantuan dan juga penjagaan kebajikan yang sepatutnya. Setakat ini pekerja DBKL lebih 10,000 orang dan permintaan mereka kepada saya adalah untuk wujudkan satu Jabatan Kaunseling. Dia kata kadang-kadang agak tertekan dalam menangani masalah warga-warga kota dan kesesakan bandar. Itu permohonan daripada mereka.

Tuan Pengurus, saya juga di peringkat kawasan saya Lembah Pantai antara projek yang terbesar oleh Mantan Menteri Wilayah Persekutuan ialah Projek Taman Rekreasi Kampung Kerinchi. Projek ini mengambil kira penaiktarafan laluan hijau bagi mereka yang berminat untuk berjogging, beriadah di Kampung Kerinchi kerana Bukit Gasing gagal digazetkan.

## ■1900

Jadi kita terpaksa melalui laluan di bawah taman rekreasi? Malangnya menerusi tinjauan saya, laluan itu tidak diselenggarakan dengan baik, dan kebanyakkan sukarelawan yang berjogging terpaksa meletakkan batu-batu sendiri. Saya pohon *because it is a trademark project*, satu projek yang terutama di Kampung Kerinchi, saya pohon agar diambil kira dengan serius supaya pengguna dapat menikmati prasarana sedia ada.

Tuan Pengurus, saya juga ingin membangkitkan di sini, walaupun belanjawan DBKL sudah diumumkan. Saya sudah memberi atau mengutus surat kepada Datuk Bandar ini isu tentang menaiktarafkan sistem saliran di Kampung Pasir. Di kawasan ini, sering kali terjadi banjir

kilat, hujan lebat yang turun. Dalam lawatan saya, ramai penduduk setempat mendapat penyakit kencing tikus, *is it?*

**Seorang Ahli:** ...Ya, ya.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** ...Kerana kotor dan setiap kali banjir berlaku, mereka tidak boleh mendesak agar pampasan diberikan. Bagi pihak DBKL, mereka meluluskan projek perparitan induk di Bangsar Jadi, saya pohon perkara yang sama dipersetujui di peringkat Kampung Pasir kerana isu *management of floods*, dengan izin. Tahun ini, *precipitation level* hujan yang turun dan kadar yang dikira jauh lebih tinggi berbanding dengan tahun lepas. Maka, antara perkara utama yang harus diambil kira dan dilaksanakan oleh DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan ialah bukan untuk menghantar penari DBKL ke luar negara, tetapi untuk memastikan bagaimana cara menangani permasalahan banjir menerusi langkah-langkah sebelum berlakunya hujan yang lebat. Akan tetapi saya mengucapkan terima kasih juga kerana meluluskan sistem perparitan induk dan pengurusan air hujan di kawasan Bangsar.

Seterusnya Tuan Pengerusi, isu laluan basikal dan laluan bertutup. DBKL telah memberikan peruntukan untuk laluan basikal di beberapa kawasan Parlimen iaitu Parlimen Setiawangsa, Parlimen Wangsa Maju, Parlimen Batu dan Parlimen Bukit Bintang. Saya pohon, kalau pun tidak dapat dilaksanakan bagi belanjawan ini agar memberikan kelulusan untuk pembinaan laluan basikal di Parlimen Lembah Pantai. Saya sudah pinta hampir setahun lebih untuk bab ini kerana kita mahu murid-murid sekolah yang bersekolah berdekatan di Lembah Pantai dapat menggunakan laluan yang disediakan ini. Ini merupakan permohonan buat kali kedua, setelah permohonan saya ditolak oleh Jabatan Pengangkutan Bandar, mereka mahu tumpukan kepada Parlimen lain, tidak mengapa. Akan tetapi, saya pasti Yang Berhormat Menteri yang mendengar sendiri hari ini akan mampu meluluskan bagi kegunaan Parlimen Lembah Pantai.

Sudah tentunya apabila kita bercakap tentang *more green environment*, kita mahukan rakyat Malaysia lebih menikmati prasarana yang mengambil kira keperluan alam sekitar, jangan kita lupa di peringkat bawah itu haruslah ada prasarana yang mudah untuk mereka gunakan.

Terakhir Tuan Pengerusi, saya tidak mahu bercakap panjang. Saya hanya menunggu jawapan dan berita gembira daripada Yang Berhormat Menteri. Saya dijanjikan bahawa Yang Berhormat Menteri akan membawa isu peruntukan kepada semua anggota Ahli Parlimen Pakatan Rakyat di Wilayah Persekutuan kepada pengetahuan dan perbincangan Kabinet. Jadi bila saya dengar respons yang begitu positif, saya senyum lebar.

Jadi hari ini, saya mahu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Janjinya hendak bawa kepada pengetahuan Yang Amat Berhormat Pekan, jadi maklumlah kepada kami berita gembira. Kita hendak pastikan kebijakan warga Kuala Lumpur yang akan terpaksa membayar cukai yang bertambah, buku kena cukai, ubat-ubatan kena cukai, jadi sekurang-kurangnya bila disalurkan wang peruntukan di bawah *Implementation Coordination Unit*. Tidak kiralah kalau Yang Berhormat Menteri tidak boleh bagi RM2 juta setahun tidak mengapa, RM1 juta pun saya

boleh terima. Saya terima RM1 juta setahun, saya terima dan kalau perlu diaudit pun, tidak mengapa asalkan kita sebagai wakil rakyat mendapat dana tersebut untuk membantu masyarakat di kawasan kita. Saya mohon jawapan yang jelas, Yang Berhormat Menteri Saya sudah menunggu agak lama, jadi hari ini saya menunggu berita gembira. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih. Yang Berhormat Setiawangsa... *[Dewan riuh]*

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Putatan duduk, Yang Berhormat Cheras duduk, Yang Berhormat Segambut duduk.

Tuan Pengerusi, pertama saya ingin membawa mengenai Bekalan 32, Butiran 010500 – Pengurusan dan Sosioekonomi. Pertama, saya ingin membawa isu masalah *parking* yang cukup ketara di seluruh kawasan penempatan PPR ini, contohnya di kawasan saya di PPR Desa Rejang. Kita mempunyai 12 buah blok PPR dan mempunyai sebanyak 2791 unit, bermakna tiap-tiap seorang mempunyai dua buah kereta, dah sebanyak 5582 buah. Tetapi untuk maksud 2791 unit yang ada sekarang pun, *parking* yang ada sekarang pun sebanyak 1135. Keadaan yang cukup teruk sehingga kadang-kadang *double parking*, *triple parking* ini adalah perkara *order of the day*.

Saya tahu kekangan tanah untuk mengadakan *parking* yang cukup, walau bagaimanapun kita juga terpaksa memikirkan bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini untuk jangka panjang. Saya hanya berharap supaya pada masa-masa depan, di mana perumahan-perumahan seperti ini mahu dibangunkan, maka isu *parking* ini mesti diambil kira kereta bukan lagi satu benda yang *luxury* tetapi asas kepada warga kota, itu yang pertama.

Kedua, ialah mengenai rumah ibadat dan tempat jenazah ini. Saya merasakan tempat untuk dekat dengan Tuhan ialah satu perkara yang bukan khusus untuk mana-mana agama. Saya merasakan bahawa ia juga mesti diberikan kepada agama-agama lain untuk mereka juga melakukan ibadah di tempat masing-masing. Dalam tempat PPR ini Tuan Pengerusi, kadang-kadang kita mempunyai masalah tempat ibadat ini. Kadang-kadang saya pernah pergi ke satu upacara jenazah agama lain bukan agama Islam, dimandikan di tepi jalan. Pada saya ia tidak bermaruah, di mana tempat akhir untuk kita menghantar dia tetapi dia diperlakukan sebegitu. Ini bukan kerana kemahuan kita melakukan, tetapi kerana kekangan tempat.

Oleh itu, saya mendesak supaya kita memikirkan juga bagaimana tempat orang Islam contohnya, ia mudah kerana kita mempunyai surau dan sebagainya untuk dimandikan jenazah, menyembahyangkan jenazah dan sebagainya. Akan tetapi bagi kaum-kaum lain ini, kita tidak mempunyai pengkhususan terhadap itu. Oleh itu, saya mencadangkan supaya kita fikirkan sedalam-dalamnya supaya mereka juga diberikan kesempatan untuk berdoa, bersembahyang, dekat dengan Tuhan mereka seperti mana yang dituntut oleh agama kita, itu kedua.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Tuan Pengerusi, boleh mencelah sedikit?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih di atas komen yang positif. Akan tetapi ada satu masalah Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri pun sedar. Di Bandar Baru Sentul ada sebuah tempat *cremation*, di tepi LRT *station*. Perkara ini sudah dibincangkan sejak zaman mendiang Dato Alex Lee tetapi masih belum selesai. Apabila *you* menggunakan LRT, boleh tengok mayat atau badan dibakar secara terbuka. Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan satu penjelasan dan berharap agar perkara ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Saya harap mendapat jawapan terus daripada Yang Berhormat Menteri.

Ketiga Tuan Pengerusi, saya ingin membawa tentang program-program yang dijalankan di dalam Wilayah Persekutuan ini. Daripada buku lampiran muka surat 444, saya melihat bahawa kementerian ini telah berkurangan melakukan kerja-kerja komuniti. Contohnya pada tahun 2013, sebanyak 44 program. Tahun 2014 pula hanya 20 program dan pada tahun 2015, dijangkakan program komuniti hanya sebanyak 30 program. Maklumlah rumah-rumah PPR ini Tuan Pengerusi, kepadatan penduduk agak ketara. Mereka ini tidak ada jalan lain kecuali melakukan program-program yang dilakukan oleh kerajaan.

Oleh itu, saya memohon supaya Kementerian Wilayah Persekutuan memikirkan, disebabkan ini perkara-perkara yang melibatkan komuniti mestilah dipertingkatkan peruntukannya supaya kita dapat menjaga anak-anak, terutamanya mereka yang tinggal di rumah PPR ini.

Keempat ialah mengenai perpustakaan. Saya difahamkan di negara-negara maju, perpustakaan awam ini banyak dibuat di beberapa buah tempat supaya ia menjadi tempat golongan remaja untuk berkumpul. Oleh yang sedemikian, saya mencadangkan supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengambil inisiatif untuk memperbanyakkan lagi tempat-tempat sebegini untuk anak-anak ini daripada melepak di tempat-tempat lain. Maka, kita menempatkan mereka di perpustakaan-perpustakaan awam ini dengan mengadakan berbagai-bagai program atau aktiviti yang mungkin dapat diadakan di tempat itu.

#### ■1910

Kelima ialah tentang kadar *parking*. Di dalam Wilayah Persekutuan ini Tuan Pengerusi *parking* ini mempunyai kadar yang cukup berbeza-beza daripada yang mahal, yang murah sehingga tidak ada kadar yang serata. Ada yang RM30, RM20 satu jam. Maka, saya mencadangkan supaya Kementerian Wilayah mencari satu mekanisme supaya dapat diseragamkan semua kadar *parking* di dalam Wilayah Persekutuan ini.

Keenam, saya hendak bangkitkan ialah isu takrifan kemiskinan bandar ini. Saya difahamkan Jabatan Kemajuan Masyarakat bagi maksud miskin bandar ini, *income* isi rumah mestilah RM750. Akan tetapi mengikut Tengku Razaleigh Hamzah RM3,500 ini pun masih miskin bandar. So, oleh itu saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan supaya mengadakan satu mesyuarat khusus dengan Kementerian Wanita dan Pembangunan di

mana JKM ini di bawah kementerian ini untuk mengkaji semula takrifan kemiskinan ini kerana ia tidak lagi merefleks atau mencerminkan kemiskinan bandar.

RM700 di luar bandar mungkin boleh hidup. Mungkin, itu pun saya cakap mungkin tetapi kalau RM700 di dalam bandar ini sudah dianggap papa kedana dan daif. Oleh yang sedemikian, saya minta supaya Kementerian Wilayah menimbaangkan untuk berbincang untuk menaikkan takrifan kemiskinan bandar ini. Akhir sekali, dalam portal Kementerian Wilayah, rumah mampu milik DBKL atau pun rumah 1P ini dalam keinginan mereka telah menyasarkan bahawa 50,000 unit rumah mampu milik ini akan dibangunkan sebelum tahun 2020.

Statusnya menunjukkan projek yang sedang dibina hanyalah Projek *Park Tower* di Setapak Jaya Baru. Projek selebihnya bertulis bakal dilancarkan. Namun, pada bulan Oktober yang lalu Datuk Bandar telah mengeluarkan kenyataan bahawa 14,000 unit rumah mampu milik telah mendapat kelulusan untuk dibina di mana 2,920 unit di Pandan Mas. Oleh demikian saya mohon pencerahan yang lebih jelas kepada kementerian berapa banyakkah sebenarnya rumah mampu milik yang telah dilancarkan, bilangan unit yang ditawarkan serta kawasannya.

Saya juga pohon akhirnya supaya kementerian meletakkan perincian yang jelas dengan syarat yang jelas tentang kelayakan pendapatan bagi setiap projek bagi kemudahan rakyat membuat rujukan. Akhir sekali, saya ingin merujuk 070300 – *Invest Kuala Lumpur* ini. Saya hendak tahu setakat ini, sejauh manakah kejayaan *invest* Kuala Lumpur ini untuk membawa pelabur-pelabur untuk melabur dalam Wilayah Persekutuan terutamanya dalam Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Bintang.

#### 7.13 mlm.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk B.32, Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah Butiran 050000. Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur yang menerima peruntukan tahun 2015 sebanyak RM60 juta. Saya difahamkan bangunan Vivekananda Ashram di Jalan Tun Sambanthan Brickfields Kuala Lumpur yang berusia 110 tahun sedang berdepan dengan tindakan perubahan sebahagian bangunan asal bila pemegang amanahnya mengemukakan permohonan pembangunan semula ke atas tanah yang menyebabkan pembinaan sebuah blok pangsapuri 20 tingkat kepada DBKL. Orang ramai bimbang tindakan itu akan menyebabkan bangunan Vivekananda Ashram akan hancur sedangkan sudah mempunyai nilai warisan negara.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan sebuah jawatankuasa bertindak menyelamatkan Vivekananda Ashram telah ditubuhkan dan berjaya mengemukakan notis bantahan sebanyak 48,201 tandatangan kepada DBKL pada 11 November 2014. Saya menyeru kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur supaya memberhentikan kelulusan pembangunan tanah tersebut selaras dengan permintaan orang ramai dan saya menyeru kepada Kementerian Pelancongan dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mempertahankan bahawa tapak ini tidak boleh

diusahakan untuk membangunkan bangunan yang bertingkat oleh kerana menjaga tanah yang berwarisan ini yang lebih 110 tahun.

Tuan Pengerusi, kita seharusnya tahu sejarah ialah akar kebudayaan, “*History is a route of the culture*” dengan izin, dan warisan *heritage* ini haruslah dipertahankan. Walaupun jawatankuasa pembangunan Vivekananda Ashram memberi jaminan akan menggemarkan patung tembaga Swami Vivekananda, salah seorang ahli di Sabah dan agama di situ tetapi keaslian Ashram tidak ada lagi. Saya ingin membidas pemegang amanah ini sebagai tidak amanah bila kepentingan orang ramai cuba dikomersialkan.

Keadaan kesesakan kawasan Brickfields sudah pun berlaku. Jangan ditambah lagi dengan kesesakan baru. Pemegang amanah hendaklah mematuhi tujuan tanah itu diberikan hak milik iaitu untuk kegunaan orang ramai dan badan kebajikan semata-mata. Walaupun dikatakan Lembaga Penasihat telah menolak tawaran kerajaan untuk mewartakan tapak sebagai warisan negara pada tahun 2008 tetapi ia tidak boleh dijadikan alasan bahawa kes yang sudah menjadi isu negara diketepikan sahaja.

Adalah menjadi tanggungjawab Datuk Bandar Kuala Lumpur atau pun Yang Berhormat Menteri untuk menolak permohonan sedemikian jika pembangunan mendapat bantahan penuh daripada orang ramai.

Tuan Pengerusi, lagi satu isu ialah mengenai projek pasar raya yang telah terbengkalai 17 tahun. Saya ingin tahu adakah projek yang terbengkalai itu telah ditawarkan kepada satu syarikat bernama *Profit Consortium*. Jikanya ya adakah melalui tender terbuka atau tender rundingan? Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri oleh kerana ini kepentingan orang ramai yang projek ini telah terbengkalai selama 17 tahun. Sudah cukuplah, tindakan harus diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa projek ini akan diteruskan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Cheras.

#### **7.18 mlm.**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, sebelum saya pergi ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, saya ingin merujuk kepada Butiran 010400 – Perancangan dan Pembangunan. Di bawah Butiran ini saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah benar satu ketetapan telah pun dibuat oleh Jemaah Menteri bahawa satu badan baru dipanggil Lembaga Urus Air Kuala Lumpur dan Putrajaya atau pun Jabatan Bekalan Air akan ditubuhkan di bawah kawal selia Kementerian Wilayah Persekutuan.

Jika benar apakah justifikasinya untuk menubuhkan badan ini sedangkan sejak kewujudan Kuala Lumpur selepas ianya diisytiharkan sebagai satu Wilayah Persekutuan, bekalan air diuruskan oleh dahulunya Jabatan Bekalan Air Selangor dan sekarang SYABAS. Apakah sebabnya perlu satu badan yang baru ditubuhkan dan jika ada dalam perancangan, apakah anggaran kos yang melibatkan dan bilakah pelaksanaannya dan apakah tahap atau peringkat rancangannya pada masa kini?

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran DBKL saya ingin terlebih dahulu ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri ke atas usaha dan kesudiannya untuk menjawab persoalan-persoalan yang saya timbulkan di peringkat perbahasan dasar walaupun saya tidak hadir disebabkan bukan saya hendak ponteng tetapi tidak dimaklumkan tiba-tiba satu pertukaran giliran kementerian yang menyebabkan Kementerian Wilayah Persekutuan menjawab terlebih dahulu dari apa yang dijadualkan.

**■1920**

Tuan Pengerusi, saya tidak menerima baik jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri terhadap soalan-soalan yang saya timbulkan pada ketika itu mengenai skandal jual beli tanah milik Dewan Bandaraya. Ini kerana apa yang telah dilakukan pada tempoh khidmat oleh mantan Menteri Wilayah Persekutuan ialah perkara-perkara yang sangat hina kerana penjualan tanah yang dimiliki oleh DBKL di Kuala Lumpur khususnya beberapa lot tanah yang terletak di pusat bandar yang sangat bernilai dijual dengan harga yang murah dan merugikan rakyat.

Tuan Pengerusi, ini adalah satu contoh di mana Kerajaan Barisan Nasional mengkhianati rakyat dan mengutamakan kepentingan kroninya... [Disampuk] Ini masalahnya, suara kebenaran adalah lebih lantang daripada suara kepalsuan.

Tuan Pengerusi, bagi menjimatkan masa saya ingin merujuk kepada jualan tiga bidang tanah, tiga lot tanah yang sememangnya merupakan satu skandal, skandal tanah. Ini kerana ketiga-tiga lot tanah ini sepatutnya dijual pada satu nilai yang sangat tinggi tetapi apa yang telah berlaku ialah sebaliknya. Pertama ialah velodrom di Jalan Cheras. Velodrom ini tapaknya dijual kepada sebuah syarikat, Jakel Trading yang dimiliki oleh sebuah syarikat keluarga, *family business* yang melibatkan diri dalam perniagaan fesyen dan pakaian. Syarikat ini membayar RM146.6 juta untuk tanah itu, tetapi velodrom ini yang akan dirobohkan, akan dipindah dan dibina di Bandar Tun Razak di mana kos pembinaan berjumlah RM83 juta ini akan dibiayai oleh DBKL.

Walaupun Yang Berhormat Menteri kata, nilai tanah itu dinilai oleh Jabatan Penilaian dan tambah lagi 20% atas harga tanah semasa, merupakan *minimum guarantee profit*. Akan tetapi Tuan Pengerusi, kalau tanah ini dijual secara terbuka dan bukan secara rahsia, tanah ini akan mencatat harga yang sungguh tinggi, beberapa kali ganda sebab di Kuala Lumpur ini tanah semakin kurang, semakin istimewa dan semakin berharga. Kalau dijual secara terbuka, pembida-pembida akan membayar lebih tinggi. Misalnya tanah yang dijual, tanah yang sepatutnya dicadangkan untuk membina bangunan ibu pejabat yang baru di Lot 195 Jalan Pinang yang dijual dengan harga RM145 juta ataupun RM2,525 sekaki persegi. Ini adalah bukan harga tinggi, kerana tanah ini di sebelah KLCC, jika dijual secara tender terbuka, kemungkinan akan dijual dengan harga RM6,000 atau RM7,000 sekaki persegi.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** Mana ada!

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** ...Kerana mereka yang tidak tahu... Diamlah!... [Dewan riuh]

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Bintang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Sebab di pusat bandar ada lebih daripada, ada tanah-tanah yang lain dijual lebih daripada RM7,000.

**Seorang Ahli:** Tipulah.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Cheras.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Lagipun...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Bintang dan Yang Berhormat Titiwangsa bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat ada tiga minit lagi ya.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, oleh kerana tidak lama yang lalu sebidang tanah di Bukit Bintang, harga sekaki ialah RM8,000 iaitu di depan Pavilion. Ini Jalan Pinang pun dekat dengan Pavilion, ini RM8,000 satu kaki.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *[Menyampuk]*

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** You ada kah, saya mahu berhujah di Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak ada! Bohonglah.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Memang ini betul, *you* boleh *check* dengan harga yang dijual beberapa tahun yang lalu, ini RM8,000. Adakah bersetuju dengan saya bahawa nilai yang dijual di Jalan Pinang sekurang-kurangnya RM6,000 hingga RM8,000.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat ada dua minit lagi ya.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih. Betul, tuduhan saya berdasas. Tuan Pengerusi... *[Disampuk]* tanah Jalan Pinang ini juga dijual kepada syarikat kepunyaan keluarga yang sama, Mohamed Jakel dan Keluarga, walaupun nama syarikatnya ialah syarikat Perano Property Development Sdn. Bhd. yang berlainan daripada Jakel Trading yang membeli tanah velodrom. Lebih dahsyat lagi ialah tanah yang seluas 32 ekar di Batu 2 ½ Jalan Cheras, satu tanah yang cukup berharga dan di mana kini terletaknya dua kompleks bangunan DBKL, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kesihatan DBKL dan juga Tempat Sitaan dan Kenderaan DBKL dijual. Walaupun RM380 juta termasuk 20% *minimum guarantee profit* itu, tetapi jika ia dijual dengan harga pasaran secara tender terbuka, saya percaya ia akan mencatat satu harga rekod yang tinggi. Sekurang-kurangnya pun RM700 juta.

Lagi pun apa yang merugikan rakyat, memberi kerugian kepada DBKL seperti velodrom, Jabatan Kesihatan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan juga tempat sitaan ini akan dipindahkan ke tapak awam dan binaannya saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, bukankah akan

ditanggung oleh DBKL juga? Ini akan menelan kos yang sangat tinggi. Maka apakah keuntungan yang diperoleh oleh DBKL...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** ...Selain daripada merugikan rakyat. Tanah ini juga dijual kepada sebuah syarikat kepunyaan Cemara Land Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh keluarga Jakel lagi... *[Dewan riuh]* Nampaknya keluarga Jakel ini adalah *defector* Menteri Wilayah Persekutuan... *[Dewan riuh]* bukan Yang Berhormat itu. Ini adalah satu skandal yang sangat hina Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya habiskan Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Sangka buruk.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Sangka, mereka yang bersubahat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh tuduh orang macam itu.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** ...Akan menjadi begitulah. Tuan Pengerusi, saya ingin Yang Berhormat memberitahu saya jualan tanah ini sememangnya merugikan DBKL dan rakyat. Lagi tanah-tanah lain, antara tanah-tanah, banyak tanah yang saya sebut hari itu tidak pun satu jualan yang diadakan secara terbuka.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Oleh sebab baik pun *negotiated tender* atau *closed tender*, ini merupakan skandal rahsia. Saya harap Yang Berhormat tidak akan merahsiakan kebenaran, beritahu kita. Saya difahamkan tiga lot tanah yang saya sebutkan tadi yang telah dibeli oleh keluarga Jakel, mereka hanya dikenakan 10% sebagai cagaran dan diberikan satu tempoh yang agak panjang untuk menyelesaikan bakinya.

#### ■1930

Saya ingin tanya Yang Berhormat sebab saya bimbang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** ...Pembeli ini berkemungkinan sedang mencari pembeli baru untuk dijual semula dengan harga beberapa kali ganda.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Apakah syarat ini, apakah DBKL mempunyai syarat tidak dilakukan perkara ini, kejadian ini dan saya ingin tanya juga apakah jumlah bagi yang telah dijelaskan oleh syarikat Jakel Trading ini. Apakah kedudukan sekarang?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Kuala Kangsar.

#### 7.31 mlm.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 050000 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Saya ingin menyentuh tentang Bandaraya Kuala Lumpur sebagai satu konsep sebuah bandar raya metropolis bertaraf

dunia, yang mana sekiranya Bandaraya Kuala Lumpur ini menjadi bertaraf dunia ia bermaksud sentiasa hidup siang dan malam.

Jadi oleh itu kita lihat bahawa perkara ini perlu diambil perhatian oleh pihak kementerian yang mana kita mahukan supaya bandar raya ini hidup siang dan malam seperti mana bandar-bandar terulung di dunia ini seperti New York, London, Berlin dan lain-lain lagi dan konsep *inner city living*, dengan izin, iaitu kehidupan dalam bandar itu sendiri perlu kita wujudkan. Jadi kita mohon supaya pihak kementerian dan juga pihak DBKL menggalakkan penghidupan dalam bandar seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Titiwangsa, tetapi saya hendak tambahkan lagi, bahawa Yang Berhormat Titiwangsa menyentuh tentang *supporting services group* berada di bandar raya.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar, mencelah. Sedikit.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Karang tidak ada masa. Sedikit lagi, sedikit lagi. Tambahan kita mahukan supaya ada rumah-rumah mewah untuk ekspatriat di dalam bandar itu sendiri seperti mana di Hartamas. Sepatutnya Kuala Lumpur sudah mempunyai sebahagian penghidupan di Hartamas itu di dalam bandar Kuala Lumpur itu sendiri.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempergerusikan Jawatankuasa*]

Jadi itulah saya mohon supaya pihak kementerian mengambil akur tentang konsep penghidupan ataupun *inner city living* supaya menjadikan Kuala Lumpur ini salah sebuah bandar yang terulung di dunia setanding dengan bandar raya-bandar raya yang lain.

Perkara keduanya adalah tentang...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Mencelah Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Sila, sedikit sahaja.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tadi Yang Berhormat Kuala Kangsar membandingkan Kuala Lumpur dengan bandar London, New York City semua ini, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat, di London dan New York Mayornya dipilih oleh rakyat, tetapi Kuala Lumpur Mayornya dilantik. Ini pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Itu isu lain itu. Siapa sahaja boleh jadi Mayor, akan tetapi yang penting Kuala Lumpur itu perlu dihidupkan siang dan malam untuk kita lihat supaya dia sentiasa ada *happening* dan untuk tarikan.

Keduanya tentang pengangkutan awam. Saya lihat untuk menyelesaikan masalah pengangkutan awam khususnya LRT, RapidKL di mana kita lihat bahawa Mass Rapid System ini, ia merupakan kadang-kadang dua kos, tiga kos, empat kos macam bas panjang bukannya menjalar seperti kereta api seperti di negara-negara lain, kerana ini merupakan satu pendekatan yang boleh menyelesaikan masalah pengangkutan awam. Saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak DBKL yang mana kita lihat komuter cukup disiplin, cukup tertib apabila

menggunakan pengangkutan ataupun perkhidmatan LRT ini. Jadi tahniah. Cumanya kita mahu supaya ia jadi benar-benar pengangkutan awam yang boleh memuatkan ramai penumpang bukan sekadar menjadi bas panjang dua, tiga koc tetapi mempunyai koc yang panjang menjalar seperti kereta api dan seperti *underground tube* di London dan lain-lain bandar raya.

Akhir sekali 090500 – NKEA Greater KL/KV (EPP8: Pedestrian Walkway). Saya lihat RM1,000,000 ini apa hendak buat untuk *pedestrian walkway*. Saya rasa kalau RM1,000,000 ini mungkin tidak sampai dua kilometer untuk buat *pedestrian walkway*, apatah lagi kalau dia berbumbung atau *covered* saya ingat lebih pendek. Jadi saya mohon penjelasan tentang perkara *pedestrian walkway* yang cumanya RM1,000,000 yang telah diperuntukkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya ingat...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Wilayahlah.

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya. Saya hendak benarkan untuk Wilayah sahaja. Tiga minit.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Kawasan saya dekat dengan Wilayah. Sempadan sahaja, sempadan sahaja.

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tiga minit setiap orang.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tidak boleh. Hari ini sampai malam.

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak, esok kita ada kementerian. Esok hari Khamis, kita hendak sambung Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani malam ini.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Esok sambung lagilah.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Tuan Penggerusi.

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Segambut, sila. Yang Berhormat Segambut tiga minit.

### 7.36 mlm.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Isu pertama yang saya hendak bangkit ialah sama ada wajar untuk kementerian atau DBKL untuk mengambil tindakan yang segera terhadap penjaja kedai makan yang mengambil orang asing sebagai tukang masak. Oleh sebab akta-akta peraturan DBKL atau undang-undang Imigresen memang menghalang kedai makan di tepi jalan atau penjaja mengambil orang asing sebagai tukang masak.

Isu yang kedua mengenai projek *Intelligent Transport Information System* (ITIS). Untuk pengetahuan Dewan ini, ITIS ini telah gagal sejak permulaan, *fail at the inception* dan dia telah menelan kos sebanyak RM570 juta. Ini setakat tahun 2013. Gagal. Semua paparan elektronik tidak boleh *display*, gagal tapi kos RM570 juta telah ditelan. Sehingga sekarang tiada siapa-siapa pihak yang bertanggungjawab. Ini yang masalah.

Jadi saya hendak tanya, mengapa pihak DBKL atau kementerian tidak membuat laporan polis atau laporan SPRM suruh mereka menyiasat siapa pegawai penjawat awam yang meluluskan projek ini, kontraktor yang ambil projek ini tidak membuat kerja. Semua gagal. Lagi

satu yang paling *shocking* untuk bajet tahun depan, DBKL yang telah membekal satu salinan kepada saya yang di *classified* OSH sulit, tetapi saya boleh bangkit di Dewan ini, DBKL pada tahun akan datang dia menaikkan bajet sebanyak 250% tambahan untuk projek ITIS ini yang sudah gagal, yang tidak boleh berfungsi. Jadi saya hendak minta kementerian untuk menghentikan peruntukan tahun depan untuk projek ITIS ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Putatan mencelah sahaja.

### 7.38 mlm.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak rujuk kepada Butiran 010400 – Perancangan dan Pembangunan dan 050000 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, pertama kali saya ingin puji pihak DBKL, puji Yang Berhormat Menteri datang jawab sendiri, bila Yang Berhormat Menteri di kementerian yang lain mereka biar Yang Berhormat Timbalan Menteri mereka jawab, tetapi kita lihat Yang Berhormat Menteri datang dua kali jawab sendiri [*Tepuk*] Hendak puji juga Yang Berhormat Timbalan Menteri juga selalu tangani masalah di kawasan saya dan malah turun padang. Jadi saya hendak puji dua-dua Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini, boleh [*Tepuk*] [*Ketawa*]

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya sokong, saya sokong.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih. Di sini saya juga hendak puji pihak kementerian mengarahkan DBKL adakan dialog bajet. Pertama kali sejak saya jadi Ahli Parlimen...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Bajet OSA.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya lah itu OSA, tetapi saya hendak pujiilah kerana sekurang-kurangnya mereka ada *consultation* dengan pihak Ahli Parlimen Kuala Lumpur dan juga saya hendak puji juga kepada Yang Berhormat Menteri... [*Disampuk*] Dia minta pemaju yang ingin membangunkan projeknya di Taman Gia di kawasan saya itu, minta dia cari saya kerana ditolak oleh DBKL. Sebenarnya bagi saya, saya rasa kalau kita lihat Kuala Lumpur dari segi bajet, bajet DBKL pada tahun depan adalah RM2.46 bilion dan di Selangor pada tahun lepas hanya RM1.8 bilion. Maksudnya perbelanjaan dan bajet di Kuala Lumpur lebih besar daripada Kerajaan Negeri Selangor.

### ■1940

Jadi ini bermaksud Yang Berhormat Menteri adalah Menteri Besar, ini Timbalan Menteri Besar. Sepatutnya Pakatan Rakyat ini haruslah jadi Menteri Besar di Kuala Lumpur dan Timbalan Menteri Besar Kuala Lumpur. Akan tetapi tidak apa, saya hanya hendak ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Kalau ini Menteri Besar, Pakatan Rakyat Parlimen jadi exco kerajaan negeri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, betul, betul. Setuju Tuan Pengerusi. Kami sini semua ini, ada Lembah Pantai Exco, Seputeh Exco, Cheras Exco.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sudah kena buang itu hari, Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang lain-lain ini semua Exco, sepatutnya jadi exco.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Putrajaya jadi pembangkang di Kuala Lumpur. Okey Tuan Pengerusi, di sini saya hanya hendak- bila saya puji, saya hendak katakan sepatutnya kami berada di sini, Ahli Parlimen Pakatan Rakyat harus dianggap sebagai *partners*. Kita adalah *partners*, kita adalah teman bagi kita untuk menangani masalah di Kuala Lumpur dan juga jadikan *partners* bila DBKL buat apa-apa keputusan. Saya mengalu-alukan bila Menteri minta pemaju yang hendak buat *high density* di kawasan saya jumpa saya kerana kadang-kadang bila kami tahu tentang sesuatu projek yang ada *high density* dan tidak tahu mana jalan, bila hendak bantah sudah pun terlalu lewat. Macam contohnya ada Lot 9582 di Jalan Gembira itu, bila saya hendak hantar surat bantahan, sudah pun tamat untuk bantahannya.

Jadi saya hanya hendak cadangkan di sini kerana Menteri ada di sini, ramai pegawai kementerian ada di sini, janganlah menandatangani projek ini, jangan sangka okeylah *kick the ball to the MP, he says yes, so yes, if he says no, then no*. Saya rasa bukan cara menangani isu ini. Saya rasa kalau kita hendak jadi *world class*, tadi yang Ahli Parlimen Kuala Kangsar kata Kuala Lumpur sebagai *world class city*. Kita lihat mana-mana *world class city* pun, perancangan daripada segi trafik itu memanglah bagus. Saya hanya hendak cadangkan, saya tahu yang bagi kementerian dan DBKL, mereka kata pengangkutan trafik bukan di bawah kuasa mereka.

Jadi di bawah bidang kuasa mana? Mereka kata SPAD. SPAD di bawah mana? Di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi ini sangat kecoh. Saya rasa bila DBKL jual tanah atau hendak *approve* semua ini *high density* projek pembangunan, mereka haruslah ada satu perancangan trafik. Misalnya walaupun mungkin kerajaan tidak ada duit untuk buat lebih MRT/LRT *line* di Kuala Lumpur, sekurang-kurangnya ia ada perancangan, dia buat *road research*, dia beli rizab tanah dan rizab tanah itu tidak boleh disentuh kerana mungkin sepuluh tahun akan datang ada MRT melalui tempat ini. Akan tetapi banyak kerja seperti ini tidak dilakukan. Kalau tak boleh adakan LRT pun, mungkin ada pengangkutan bas. Jadi adalah harus bagi kementerian panggil Ahli Parlimen, mungkin minta SPAD bagi satu *briefing* atau taklimat kepada semua Ahli Parlimen supaya kita tahu walaupun ada projek yang *high density* diluluskan, tetapi pengangkutan telah pun ditandatangani.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi saya, saya rasa saya hendak merayuh pihak kementerian, bolehkah panggil SPAD, bolehkah panggil mungkin kita ada *traffic consultant*. Kita *relook at the whole traffic plan* di Kuala Lumpur dan dari situ kita lihat kita ada satu *guideline*. Bila DBKL *approve* apa-apa projek dan kita tahu apakah perancangan untuk meredakan kesesakan trafik dan bukan meluluskan projek secara *piecemeal*.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Seputeh, hendak mencelah sikit sahaja. Saya hendak tambah sikit kerana saya harap juga Menteri boleh memberi penjelasan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Seputeh, untuk kawasan-kawasan sempadan DBKL dan juga Selangor seperti kawasan saya di Serdang, macam Bulatan Lumba Kuda dekat The Mines adalah Lebuhraya Bukit Jalil dan menyebabkan trafik jam bukan sahaja untuk di kawasan sana sahaja, tetapi seluruh Lebuhraya Sungai Besi. Saya rasa ada banyak Ahli Parlimen yang di dalam Dewan yang mulia ini yang juga akan kena *traffic jam* oleh kerana kesesakan jalan raya di kawasan sana. Saya minta Yang Berhormat Seputeh sama ada boleh masukkan soalan ini ke dalam ucapan beliau. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, setuju Yang Berhormat Serdang. Ini dimasukkan dalam sebahagian daripada ucapan saya dan minta Yang Berhormat Menteri jawab. Di sini akhirnya saya hendak tanya tentang lesen perniagaan iaitu waktu beroperasi pasar raya yang saya bangkitkan kepada Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Tadi dia mungkin tidak begitu fasih tentang isu ini tetapi saya hendak tanya kepada pihak kementerian, adakah ini di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan. Ini kerana saya difahamkan oleh bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ini, mereka kata kalau Tesco ataupun yang pelaburan luar asing itu dalam pasar raya, jam beroperasi adalah dari 10 pagi hingga 10 malam. Itu sahaja tetapi kalau yang pelaburan itu adalah tempatan atau domestik, lesen itu adalah di bawah DBKL ataupun Kementerian Wilayah Persekutuan.

Saya bukan anti mana-mana syarikat. Saya memang tidak ada niat ini tetapi saya hanya rasa kita juga harus jaga penjaja kecil. Ini juga saya selalu tengok kenyataan Menteri itu kata hendak wujudkan lebih *hawkers center* untuk di sana sini. Bila penjaja kecil di pasar pagi kita ini mereka tidak ada *business* dan bila kita biarkan satu pasar raya macam NSK, kerana dia pasar raya pemborong, semua harganya lebih murah, beroperasi 24 jam, ini menjelaskan perniagaan mereka. Itu sebab saya hendak tanya adakah ini di bawah bidang kuasa DBKL ataupun Kementerian Wilayah Persekutuan.

Kalau ada, saya hendak minta pihak kementerian cuba lihat pada kepahitan penjaja di persekitaran di kawasan saya ini yang dijejaskan oleh pasar raya yang besar ini. Akan tetapi saya memang tidak anti NSK, mereka juga sangat mesra kepada saya, mereka juga ada buat kebijakan dan sebagainya. Akan tetapi saya rasa keadilan dan keprihatinan sebagai kerajaan haruslah diberi kepada mereka yang dalam golongan berpendapatan rendah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Yang Berhormat Putatan, boleh tiga minit? Ya, sila.

#### 7.46 mlm.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga memperjuangkan sahabat-sahabat saya daripada Wilayah Persekutuan termasuklah

Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya. Satu, butiran yang penting bagi saya yang saya lihat sebagai warga Wilayah, soal kompleks perniagaan seperti mana Yang Berhormat Seputeh sebutkan tadi yang mana saya tidak faham. Saya ada bangkitkan perkara ini semasa mantan Menteri dahulu yang mana terdapat hidupan liar di kawasan-kawasan bandar, Tuan Pengerusi. Jadi satu ketika, saya melihat satu pelancong yang rambutnya berwarna kuning mengambil gambar dengan binatang-binatang liar di Pavilion, di Legend Hotel. Juga kalau kita melihat di Lorong Taib, di Chow Kit, terdapatlah hidupan-hidupan liar. Lipas pun ada, *rodents* yang besar pun ada. Menteri dulu berjanji dengan saya akan membuat satu tindakan yang tegas untuk memusnahkan atau *eradicate* semua tikus-tikus yang konon menjadi tarikan kepada pelancong sekarang di Chow Kit. Juga penjual-penjual di gerai-gerai Yang Berhormat Menteri, spesies-spesies yang kita tidak pernah dengar, tidak pernah nampak wajah mirip yang bukan orang kita yang menjual di gerai-gerai, yang ada khemah-khemah semua itu...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi ini dia punya Ahli Parlimen Batu, apa ada kerja?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ini fasal tikus.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya rasa Ahli Parlimen ini langsung tidak melihat perkara ini.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Putatan, sikit-sikit.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini bukan kawasan Segambut, kawasan Batu. Ya, okey.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak cukup masa ini.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, terima kasih. Yang Berhormat Putatan, saya hendak tanya setuju tidak cadangan saya untuk DBKL memberi *reward* atau ganjaran RM2 atau RM1 untuk setiap ekor tikus yang ditangkap oleh orang awam. Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kalau RM1 pun saya rasa orang mahu sebab kerana kalau kita melihat orang-orang yang sedang memancing di tepi-tepi Sungai Klang, Sungai Gombak itu ada juga. Saya rasa kalau galakkan dia orang pancing tikus itu, mungkin. Saya cadangkan masukkan dalam ucapan saya dan Menteri akan masukkan dalam perancangan untuk memancing tikus atau memancing ikan.

Jadi satu lagi perkara butiran bagi Butiran 08000 – Baikpulih Sungai. Ini soal sungai, di Sungai Gombak dan Sungai Klang, kita melihat walaupun ada perancangan yang secara besar-besaran oleh pihak kementerian untuk memperbaiki wajah Kuala Lumpur ini sebagai satu *one of the best city in the world*.

■1950

Jadi saya ada pernah mendengar taklimat soal Yang Berhormat Bukit Bintang pun tak buat kerja. Dia punya kawasan parit kotor. Dia punya longkang-longkang semua hitam-hitam penuh dengan minyak. Ahli Parlimen Bukit Bintang tidak buat kerja, tidak membuat laporan kepada pihak yang berkenaan kerana inilah kerja-kerja..

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Eh, ini bukan kerja Ahli Parlimenlah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Asyik berpolitik, asyik berpolitik.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi, dia tak ada poin lagi, minta dia duduk... *[Dewan riuh]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tidak peduli dengan masalah rakyat, masalah peniaga di Bukit Bintang. Masalah Ahli-ahli Parlimen daripada Batu, Segambut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Putatan. Ya, cukuplah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi ini saya timbulkan masalah ini bagi pihak. Jadi soal sungai, apabila banjir di Kuala Lumpur, kita terbanyak masalah terapung-apung...

**Seorang Ahli:** Ada masuk.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Seputeh sudah masuk. Jadi masalah sampah terapung-apung, siapa yang buat ini Tuan Pengerusi? Salah siapa? Bukan orang tempatan. Semua orang yang pekerja-pekerja yang buang plastik, tempat *Tupperware*, makan. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menyeru pekerja-pekerja DBKL ini untuk melaksanakan pemantauan kebersihan sungai kita ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Satu lagi, *last*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat Putatan..

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tak, tak, ini penting, ini penting, ini penting. Ini Butiran 090600 – Sukan Borneo, sukan Borneo. Sukan Borneo...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab itu saya tak benarkan Yang Berhormat Putatan *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini saya tanya, kenapa pula masuk dalam kementerian ini. Ini soal sukan, bolehkah ini kalau dimasukkan dalam Belia dan Sukan ataupun dalam kementerian yang lain? Itu sahaja. Terima kasihlah Tuan Pengerusi *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Wangsa Maju. Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju, *last*.

## 7.51 mlm.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasihlah Tuan Pengerusi..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lepas Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Menteri jawab.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Okey, boleh...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Sikit sahaja, sikit sahaja.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Akan tetapi saya ingatkan sahabat dari Putatan, kita tidak ada kuasa sebagai Ahli Parlimen. Hanya Yang Berhormat Menteri ada kuasa,

DBKL ada kuasa. Patut kita jadi Menteri Besar Kuala Lumpur. Tak apa [Ketawa] Satu ancaman baru dari segi kesihatan bukan ancaman dari IS. Ini ancaman serius. Baru-baru ini ada banyak laporan berkaitan *remark* Yang Berhormat Putatan dan juga Yang Berhormat Segambut tentang penyakit *leptospirosis*. Saya bagi ejaan sebagai doktor cocok. *Leptospirosis* di Kuala Lumpur, Chow Kit dan Sentul. Baru-baru ini kawan baik saya masuk wad satu minggu. Terjejas paru-paru /liver dan jaundis. Sebab ini sudah faham, terusnya melalui kencing *rodent* atau tikus.

Saya nampak sendiri kadang-kadang saya pergi *lucky garden* kawasan Lembah Pantai, itu saiz tikus sampai saiz kucing [Ketawa] Betull! Kalau you tak percaya, ikut sayalah. Yang Berhormat Titiwangsa dan saya harap buat gotong-royong bukan sahaja bagi *rewards* RM1 atau RM2, bagi RM5 untuk tangkap tiap-tiap tikus dan perkataan ini serius Yang Berhormat Menteri Wilayah.

Saya harap Kementerian Kesihatan dan juga pihak DBKL ambil serius tentang ancaman baru ini dan juga *traffic jam*. Ini *traffic jam* sudah cerita lama tetapi makin lama makin teruk. Ada satu cerita tentang ini *bottle neck* di dekat Jalan Mahameru dekat di GH, KL atau *Putra World Trade Centre*. Itu *headquarters* UMNO sendiri. Saya harap DBKL ambil serius tentang perkara ini tetapi, tetapi bila saya runding dengan pihak DBKL, dekat kawasan itu ada satu penswastaan oleh kroni UMNO iaitu *Pekeliling Flats*.

Nanti *privately* Yang Berhormat Menteri Wilayah, saya boleh bagi nama itu. sebab ini pihak kroni tak mampu bina semula itu *Pekeliling Flats*, DBKL tak boleh bina satu *fly over* atau tambah *fly over*. Saya harap Yang Berhormat menteri Wilayah ambil serius perkara ini sebab bila *traffic jam*, pukul dua petang, pukul tiga petang, dari itu *traffic jam* sampai *Indonesian Embassy*. Di sini... [Disampuk] Ya betul, sampai Parlimen. So saya harap guna Kanun Tanah Negara, ambil balik itu tanah.

Nombor dua, ini tentang *restricted zone*. Dulu ada cadangan bina itu tiang dekat Pavilion tetap atau tak mampu atau tak berani melaksanakan ini *restricted zone* seperti London, Singapura dan lain-lain bandar. Saya mencadangkan di antara pukul 8 pagi sampai pukul 10 pagi dan petang, 5 petang sampai 7.30 petang, ada satu *restricted zone* atau *car pooling*. Komen yang *last* ialah tentang ini cadangan yang terbaik iaitu *tram cars*. *Tram cars* iaitu lebih efisien, kos yang rendah tetapi malangnya sekarang membina MRT, kos tinggi dan tak baik untuk reka bentuk bandar kita. Lain-lain bandar di dunia ini seperti Amsterdam, Melbourne, Rio de France sudah guna ini *tram cars* dan saya sendiri pun ada pakai *tram cars* di Amsterdam dan itu satu sistem yang sangat efisien. Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Minta penjelasan sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya ucap terima kasih. Mengenai *tram cars* ini Yang Berhormat Titiwangsa..

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Dia bagi laluan.

### **7.57 mlm.**

**Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]:** Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Krai. Sudah habis dah Yang Berhormat Kuala Krai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Krai, dah habis dah, Yang Berhormat Kuala Krai. Duduk dah habis, terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya lah, boleh cadangkan *insya-Allah [Ketawa]*

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Kawan-kawan saya, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Wilayah Persekutuan yang saya kasih, terima kasih kerana hari ini semua datang. Saya bersetuju dengan apa yang telah disebutkan oleh kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pengkhususannya yang telah sebut berkenaan dengan *let us be friends*, dengan izin dan mari kita bersama-sama untuk membangunkan Wilayah Persekutuan ini Kuala Lumpur khususnya menjadi satu bandar raya yang moden, bandar raya yang cantik, bandar raya yang mempunyai satu kaedah yang boleh kita banggakan.

Saya amat bersetuju. Itulah sebab tadi ada dibangkitkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan masalah bajet DBKL, kenapa kita cop OSA. Yang sebenarnya apa yang dilakukan oleh Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur kerana kita masih lagi belum putuskan. Jadi kita cop OSA kerana ia akan merujuk kepada saya umpamanya tadi Yang Berhormat kita telah sebut berkenaan dengan kadar cukai tanah. Dia hendak putuskan dengan saya, hendak naik atau tak naik.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya takkan naikkan cukai, okey? Kerana Yang Berhormat telah sebutkan saya jangan naik, saya tak naik. Ini yang saya akan lakukan. Ini yang saya akan buat. Jadi jangan marah pegawai-pegawai saya. Apa pegawai-pegawai saya buat ialah untuk kepentingan kita bersama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat khususnya dari Titiwangsa yang telah bangkitkan berkenaan dengan peniaga-peniaga asing. Penguatkuasaan tidak berkesan, Jalan Haji Hussein dan sebagainya. Saya hendak bagi tahu Yang Berhormat Titiwangsa, bukan tak ada penguatkuasaan. Ada penguatkuasaan. Masalah kita ialah bila kita beri lesen, tak beri lesen, DBKL di marah, saya di marah, Timbalan Menteri di marah. Bila beri lesen, lesen dipajak, lesen dijual. Bagaimana kita hendak selesaikan masalah? Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat di sini setuju dengan saya, saya tak perlu saya bagi lesen. Saya teringat, baru bagi lesen. Akan tetapi implikasi politik, Ahli-ahli Yang Berhormat tanggung.

Macam tadi Yang Berhormat Seputeh telah sebut, kenapa saya suruh apa yang hendak bangunkan kondominium di Taman Yarl. Yang sebenarnya dia hendak bangunkan kondominium. Dia minta *port ratio* yang tinggi...

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [Bangun]**

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Saya tak bagi *port ratio* yang tinggi. Akan tetapi saya kata *port ratio*, kerana itu tanah dia. Tanah di Kuala Lumpur seperti Yang Berhormat Cheras sebut tadi mahal, saya setuju. Mahal. Dengan harga yang mahal- jadi dia owner, kalau tak bagi pembangunan, saya salah. Bagi pembangunan pun saya salah. Jadi apa yang saya lakukan...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Jadi masalah.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Saya harap Yang Berhormat Bintulu diam. Ini bukan masalah Yang Berhormat Bintulu, ini masalah Wilayah Persekutuan.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Minta laluan.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Yang Berhormat Bintulu, jaga Bintululah. Jadi, saya hendak bagi tahu bahawa Seputeh...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bintulu tunggu jadi bandar raya.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Saya minta supaya pemaju bertemu dengan Yang Berhormat Seputeh dan beritahu dengan Ahli Parlimen apa yang dia lakukan kerana persepsi. Barangkali persepsi Ahli Yang Berhormat Seputeh ingat dia...

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Cheras duduk dulu. Duduk dulu.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** ...Bangunan itu tinggi dan akan membuat kesesakan lalu lintas dan sebagainya. Itulah sebab saya hantar dan inilah konsep yang saya akan amalkan. Bukan hanya untuk Yang Berhormat Seputeh tetapi tiap-tiap kawasan di Wilayah Persekutuan ini saya akan minta pemaju bertemu dengan Ahli-ahli Parlimen untuk bincang, boleh bangun atau tak boleh bangun kerana kita mempunyai kekangan-kekangan. Rakyat kita di Wilayah Persekutuan ini seperti disebut tadi berkenaan dengan dasar kemiskinan, berkenaan dengan perumahan yang tak cukup, macam-macam yang telah dibangunkan. Jadi mereka perlu kepada perumahan.

## ■2000

Jadi sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kita terpaksa menyediakan perumahan khususnya untuk rakyat kita. Sila, Yang Berhormat Bukit Bintang.

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Penggerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya amat setuju dengan Yang Berhormat Titiwangsa bahawa dia bawa isu oleh kerana lesen yang diberikan kepada penjaja asing ini tidak boleh dibenarkan sebab ada undang-undang DBKL, seharusnya lesen ini diberikan kepada orang tempatan sahaja. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Titiwangsa, memang ada ramai pendatang asing yang berniaga pakai penjaja dan harus ambil tindakan terhadap mereka. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Yang Berhormat Bukit Bintang, kita tidak pernah bagi lesen kepada orang asing, tidak pernah. Okey, tidak pernah. Apa jadi masalah di

pasar borong? Saya beritahu pasar borong, saya bagi contoh. Peniaga pasar borong dia sewakan kepada orang asing, tetapi peniaga yang dapat lesen itu dia tunggu situ, dia dapat gaji. *Extra from the- sorry, dengan izin, dengan rental RM3,000.*

Ini masalah yang barangkali Yang Berhormat tidak terperinci, saya perinci saya mendalamai. Selepas itu pegawai-pegawai saya hendak pergi sita, hendak pergi tangkap gambar, “*Eh, ini saya punya. Saya tauke, ini gambar saya. Ini lesen saya.*” Hendak buat macam mana? *What you want us to do?* Akhirnya apabila kita hendak tarik balik saya boleh kalau semua setuju di sini Ahli-ahli Yang Berhormat setuju tarik balik, saya setuju.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya setuju.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Titiwangsa...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Menteri, hari ini setuju, esok kena maki.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Menteri. Saya bersetuju dengan masalah yang DBKL hadapi. Maksud saya tadi saya bukanlah suruh kita tarik lesen ini. Apa yang saya hendak tekankan ialah penguatkuasaan. Sebagai contoh kalau DBKL setiap tahun kita *renew* dia punya lesen, jadi kita pastikan bahawa setiap peniaga ini kalau dia benar-benar tulen dia boleh buat penyata akaun dia sebelum kita dapat *renew* dia punya lesen.

Kalau dia tidak boleh keluarkan penyata akaun kalau dia tidak boleh buatkan dia punya *evident of doing business, then we should not renew.* Oleh sebab saya takut kalau kita tidak buat penguatkuasaan ini, dia akan jadi masalah yang besar. Saya bagi contoh Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri sebut pasal memang saya merasai di Chow Kit pun sama juga dan di Pasar Raja Bot pun sama. Akan tetapi saya nampak kalau kita boleh buat tindakan bersepada penguatkuasaan ini walaupun *politically* kita *lost to few people, doesn't matter*, tetapi kita hendak hapuskan pendatang-pendatang asing ini supaya jangan jadi tauke dalam negara kita.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya sokong, saya sokong.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Yang Berhormat Titiwangsa, masalah peniaga-peniaga kita ini Yang Berhormat Titiwangsa adalah *corporate player*. Yang Berhormat tahu akaun. Itulah sebab masalah penjaja-penjaja ini akaun pun tidak ada, bank akaun pun tidak ada, itulah kadang-kadang apabila dia tidak bayar *tax*, dengan izin, kepada Hasil Dalam Negeri dia tidak ada akaun. Bagaimana kita hendak mengimplementasikan jika kita ikut cara-cara sedemikian.

Akan tetapi walau macam mana pun untuk makluman Yang Berhormat Titiwangsa, saya bersetuju apa yang telah dicadangkan. Saya sendiri sekarang ini gerai-gerai yang saya pecahkan, tempat-tempat yang saya pecahkan, saya tidak kita politik Barisan Nasional ke, politik UMNO ke, politik DAP ke, politik keadilan walaupun di Lembah Pantai itu macam-macam yang saya hendak pecahkan. Kadang-kala dapat juga telefon saya tidak ambil hirau kalau dia

menyekat jalan dan sebagainya, tindakan akan diambil. *Insya-Allah* kita akan laksanakan, jangan bimbang.

Kita akan melaksanakan ini dengan bersungguh-sungguh. Yang Berhormat kata ialah berkenaan dengan penguatkuasaan. Perkataan penguatkuasaan ini amat baik. Akan tetapi Yang Berhormat sebelum saya faham, berapa penguat kuasa yang saya ada di DBKL, berapa?

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** ...1,000 lebih.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Ada 1000 lebih, betul. Yang Berhormat Wangsa Maju sebut 1,000 lebih. 1000 lebih itulah yang hendak jaga *parking*, 1,000 itulah yang hendak jaga *traffic jammed*, 1,000 lebih itu juga hendak jaga *park*, 1,000 itu juga hendak jaga penjaja, 1,000 lebih itulah yang hendak jaga ini hendak jaga itu. Cukup atau tidak cukup? Ini masalah. Akan tetapi tidak apa. Saya ambil cabaran ini dan saya akan buat rombakan dan pembaikan seperti yang telah disebut.

Tadi Yang Berhormat juga sebut berkenaan kawasan-kawasan lesen *cyber*. Sebenarnya saya telah *freeze*, saya telah bekukan lesen *cyber*. Lesen *cyber* tidak dikeluarkan lagi. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat sekarang ini tidak perlu *cyber cafe*, daripada *handphone* pun boleh juga main judi, boleh juga buat macam-macam. Boleh. Yang pentingnya bagaimana kita hendak memastikan bahawa kita memberi penerangan kepada rakyat supaya rakyat faham.

Masalah negara kita ini minta maaf saya sebut di sini kerana kebanyakan kita ini *we are not a thinking public*, ini masalah. *We are not thinking, we never use our* pemikiran untuk memikir mana yang baik mana yang buruk. Macam pembangkang cakapkan tadi, semua buruk. Macam kita buat semua tidak betul, pembangkang buat semua betul. Kadang-kadang pembangkang buat kita kata semua tidak betul. Ini masalah sebenarnya. Walau macam mana pun, macam-macam tindakan telah dibuat terhadap *cyber cafe*, kita akan pastikan bahawa tempat-tempat ini akan kita pantau dan sebagainya.

Saya amat tertarik apa Yang Berhormat Titiwangsa telah sebut berkenaan dengan *council housing*, khususnya untuk pekerja-pekerja. Untuk makluman Yang Berhormat, kadang-kadang apabila saya ada waktu, saya keluar malam. Saya pergi kawasan Lembah Pantai, saya pergi kawasan Seputeh, saya pergi kawasan-kawasan yang *elite* sedikit Bukit Bintang semua saya pergi. Apabila saya pergi ke tempat-tempat yang ada restoran-restoran yang mahal sedikit macam Publika, di Hartamas dan sebagainya budak-budak kita apabila keluar habis kerja, saya sendiri terlihat dengan mata saya satu kereta proton kecil lapan orang naik. Satu hari saya tanya, “*Kenapa adik?*” Anak polis, anak orang kita. Duduk di Kuang, sewa rumah. *They share the car because they cannot afford*. Saya sendiri balik beritahu pada Datuk Bandar, tolong lihat seperti apa Yang Berhormat Titiwangsa telah sebut untuk kita bangunkan *Council Home* untuk kita sewakan kepada mereka yang kadar barangkali RM30 ke RM50 itu akan kita lakukan. *Please give me a bit of time*, dengan izin. Saya akan lakukan.

Oleh sebab itu kawan saya Yang Berhormat Cheras telah sebut dengan saya, “*You are giving us a hard time*.” Yang Berhormat Cheras kata kepada saya. Oleh kerana saya dan timbalan saya kita turun, kita *engaged*. Kita tidak pernah dalam sejarah di mana DBKL beri satu

jamuan khusus untuk orang-orang India sambut Deepavali. Hari ini saya kena dalam website, saya diseret macam sami Buddha dan nama saya pun sudah jadi samianan. Ini masalah.

Saya lakukan oleh kerana saya tahu kerana negara kita ini menjadi sebuah negara seperti hari ini kekuatan kita ialah kerana dalam kepelbagaiannya *because of our diversity have gave us strength today. This is what we got to do. We got to be united in order for this country to move* dengan izin. Itu masalah yang kadang-kadang kita tidak ingat. Saya buat kita jemput semua Yang Berhormat dari Barisan Nasional pun jemput dan dari pembangkang pun jemput. Saya minta sediakan kerana kita beri ang pow setiap kawasan. Titiwangsa RM10,000, RM100 seorang, 100 orang. Di Lembah Pantai pun sama. Seputeh pun sama. Yang hadir hanya Yang Berhormat Kepong. Saya minta beri beg itu kepada Yang Berhormat Kepong suruh beri dekat kawasan dia. Beri. Tan Kee Kwong okey.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Boleh mencelah sedikit?

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Boleh.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Menteri, masalahnya apabila kita terima surat itu, kita terima lewat. Nombor dua, walaupun hujan ramai dari Wangsa Maju hadir tetapi komen dari pegawai bukan dari Timbalan Menteri bagi penjelasan *priority* untuk *supporter* Barisan Nasional sahaja. Itu tidak patut.

## ■2010

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Itu tidak suruh buat, yang itu kita tidak suruh buat. Kita minta supaya kita beri kepada rakyat biasa kerana...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini Menteri buat semua kena maki juga.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** ...Kita hendak beri kepada rakyat yang memerlukan. Kita tidak pilih. Jadi kalau itu kesilapan Yang Berhormat Wangsa Maju, nanti saya minta dan akan membuat satu analisa kerana setiap kali program yang kita lakukan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu buat sepuluh kali pun tidak guna itu.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** ...Kita akan buat analisa untuk melihat apakah ia memberi pulangan yang baik atau pulangan yang tidak baik. Ada orang suka cakap melalak tetapi kerja tidak buat. Jadi ini masalah.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Di Selangor itu dia beri kepada siapa?

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Titiwangsa sudah ya Yang Berhormat? Okey ya.

Untuk anakanda sayalah ataupun adinda saya Yang Berhormat Lembah Pantai...  
[Dewan riuh].

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Hoi, hoi, mana boleh.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Oh! Macam ini kah Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Menteri macam ini kah, tidak kena mengena dengan Yang Berhormat Bintulu. Ini macam Yang Berhormat Lembah Pantai sahaja.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Ya Allah ya Tuhanku! Hendak jawab yang pertama sekali berkenaan dengan ...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini memang kongkalikung punyalah.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** *[Ketawa]* Wang yang diminta. Saya tidak ingat yang saya pernah berjanji mengatakan ia RM2 juta atau RM1 juta kita hendak beri daripada kerajaan. Itu saya tidak ingat. Barangkali itu daripada ICU. Saya tidak ada kuasa untuk meluluskan tetapi kalau peruntukan daripada peruntukan kementerian saya, barangkali kita boleh berbincang tetapi tidak sebanyak seperti Yang Berhormat mintalah. Barangkali *a small amount we can give*. Akan tetapi itu kita boleh bincangkan berkenaan dengan itu.

Berkenaan dengan masalah Taman Rekreasi Kampung Kerinchi. Saya telah difahamkan bahawa Taman Rekreasi Kampung Kerinchi ini ada dua fasa. Fasa pertama baru dibangunkan dan fasa kedua sedang dilaksanakan. Jadi, sabar-sabar sedikit kerana kita perlu pada waktu dan bila kita hendak bangunkan ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadangkala kita juga mempunyai kekangan-kekangan seperti kontraktor yang tidak mengikut spesifikasi dan sebagainya. Akan tetapi, percayalah, apa yang akan kita lakukan ialah untuk memastikan bahawa apa yang telah kita janjikan oleh mantan Menteri Wilayah itu akan kita selesaikan.

Berkenaan dengan banjir di Kampung Pasir...

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengurus [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Pahat.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Yang Berhormat Batu Pahat, ini Wilayah punya affairs Yang Berhormat Batu Pahat.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Saya duduk di Wilayah, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Beritahu kepada Ahli Parlimenlah Yang Berhormat. Bolehkah?

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Untuk Ahli Parlimen sahaja, bukan warga ...

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Bukan, bukan. Beritahu kepada saya – okey Yang Berhormat. Sila, sila Yang Berhormat. Yang Berhormat pun kawan sayalah. Cakap, cakap.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Saya duduk di Kepong, Wilayah Persekutuan. Berkaitan dengan apa yang disebut tadi sebagai projek sosial dan rekreasi, saya fikir kalau dapat dilihat projek rekreasi di Kampung Melayu Kepong, ia ada, bukan tidak ada. Akan tetapi asal ada. Jadi, saya fikir itu sahajalah. Terima kasih banyak.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Sebenarnya, saya terima SMS – tidak tahu Yang Berhormat ada nombor telefon saya, saya tidak tahu. Kalau tidak ada ambillah nombor telefon saya, boleh *Whatsapps* saya ataupun teks kepada

saya, 012-3083000... [Dewan riuh] Yang Berhormat Lembah Pantai ada nombor telefon saya, no problem.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu telefon jawab kah tidak?

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Berkennaan dengan banjir di Kampung Pasir, untuk Yang Berhormat ...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Oh! Yang Berhormat Lembah Pantai sahaja ada.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** ...Lembah Pantai, Kampung Pasir merupakan kawasan yang memang permukaan muka buminya rendah. Apabila hujan lebat, saya setuju, keadaan iklim pun berbeza dan sebagainya. Akan tetapi ini bukan menjadi satu alasan. Sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Wilayah Persekutuan saya hendak beritahu, kita perlukan lebih kurang penukaran pembetung khususnya *drainage*, dengan izin, di seluruh Wilayah Persekutuan dan kita memerlukan duit dengan banyak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja, kalau saya hendak ambil alih untuk memperbaiki *drainage system* ini, lebih kurang 5,000 kilometer yang saya perlukan. 5,000 kilometer. Dari manakah saya hendak dapat duit untuk bangunkan ini semua? Ini kerana pembetung kita yang lama kecil, mudah tersumbat dan akan ada air yang naik. Akan tetapi, kita sedang merancang dan bagaimana kita hendak menyelesaikan. Salah satu yang saya sedang selesaikan ialah apabila pemaju-pemaju baru yang ada di kawasan-kawasan yang baru, saya minta kita buat syarat, prasyarat untuk mereka membangunkan pembetung yang besar supaya laluan air dapat dan kita harap kita dapat mengurangkan kos bagi pihak DBKL. Akan tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai, saya akan lihat... Okey, okey.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Oh! Ini beri cepat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengurus, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pun tidak faham ya suara-suara dari Sabah dan Sarawak ini.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau Yang Berhormat Bintulu bangun, dia tidak kasi.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Saya hendak tanya- terima kasih Yang Berhormat atas penerimaan yang baik dan cadangan pemberian. Kalaupun bukan di bawah wang ICU, saya setuju di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi daripada segi geran, saya harap dapat dilaksanakan dalam Belanjawan 2015. Maksudnya serta-merta. Saya terima apa sahaja jumlah itu, kalau lebih RM200,000 pun kita boleh *consider*.

Berkait dengan penukaran sistem pembetungan ...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Oh! Adinda minta memang siap cepatlah.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Lebih 5,000 kilometer, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mungkin *move the allocation*, sekarang ini RM300 juta untuk menara baru menggantikan Menara 2 DBKL, misalan. Keduanya, RM300 juta kerana kegagalan

projek ITIS. Jadi kalau ada... *[Disampuk] Sure, sure.* Kalau *iltija* politik, cadangan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Okey, esok dipertimbangkan.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Okey, terima kasih. Anakanda sayalah, panggil adinda dia marah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Anakanda lagi pula. *Haiyaa!... [Dewan riuh].*

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Berkenaan dengan pegawai kontrak Yang Berhormat Lembah Pantai telah bangkitkan, saya akan lihat. Inilah masalah kadangkala ada juga yang tidak faham.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Menyampuk] Yang Berhormat Menteri...*

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Ada juga pegawai-pegawai DBKL ini yang mirip kepada pembangkang. Dia cerita dengan Yang Berhormat. Kadangkala dia cerita kepada Yang Berhormat ini, sesetengah betul dan sesetengah tidak betul. Jadi saya minta kalau boleh Yang Berhormat *refer to me*, saya akan selesaikan masalah-masalah mereka kerana mereka tidak sedar bahawa saya sendiri- kita ada 10,636 penjawat awam di DBKL.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada pandangan saya, lebih daripada 60% di bawah paras kemiskinan kerana gaji mereka di bawah RM2,000. Selain daripada itu, ada 4,884 orang yang tidak ada rumah dan saya sedang selesaikan perumahan-perumahan mereka ini. Ini yang kekangan yang kadangkala kita hadapi.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini Menteri, hebatlah!

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Ya Allah ya Tuhan *[Ketawa]* Berkenaan dengan pegawai kaunselor, saya bersetuju. Kita akan bawa ke arah untuk memastikan bahawa kita akan cuba mendapatkan pegawai-pegawai kaunselor, kaunseling penghususannya untuk permasalahan-permasalahan yang sedang kita hadapi khususnya bagi warga Wilayah Persekutuan.

Berkenaan dengan laluan basikal dan jalan bertutup. Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Pantai, saya akan lihat semula kerana untuk makluman Yang Berhormat kita mempunyai masalah kerana di Lembah Pantai banyak sangat warung-warung haram di atas jalan dan sebagainya. Jadi, saya akan lihat semula bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini dan barangkali saya akan bertemu dengan ataupun minta pegawai saya bertemu dengan Ahli Yang Berhormat untuk berbincang bagaimana kita dapat menyelesaikan. Barangkali Yang Berhormat boleh membantu kita untuk menyelesaikan masalah ini. Okey, Yang Berhormat Lembah Pantai okey ya?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak tanya Yang Berhormat Bintulu okey kah atau tidak okey?

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Yang Berhormat Setiawangsa. Berkenaan dengan ...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengurus, saya cadangkan tutup mikrofon Yang Berhormat Bintulu. Dia ganggu ucapan Yang Berhormat Menteri. Kita hendak dengar ucapan dia.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya tahu lah *you* banyak sayang...

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Saya setuju.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Okeylah...

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Saya setuju Yang Berhormat Seputeh cakap [*Ketawa*] Saya setuju Yang Berhormat Seputeh. Saya setuju apa Yang Berhormat Seputeh cakap.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ...Yang Berhormat Menteri pun sudah gaduh kah?

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Ya lah sebab *you* kacau lauh.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** *You* kacau sama saya. Berkenaan dengan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Setiawangsa. Pertama, ialah berkenaan dengan *parking* di kawasan-kawasan PPR. Saya sedar bahawa ini amat ketara dan kita sedang melihat bagaimana kita hendak mengatasi masalah *parking* tersebut. Saya juga telah berbincang ada kawasan-kawasan PPR yang telah pun kami kenal pasti untuk dinaikkan taraf ataupun dibangunkan dengan *parking* bertingkat. Itu yang kita akan lakukan dan kita akan buat ini dengan secara berperingkat-peringkat.

## ■2020

Saya juga ingin bertanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya di kawasan CBD Kuala Lumpur. Adakah Yang Berhormat semua setuju bahawa saya sedang melihat untuk mengikut model yang dikenakan oleh *Council Melbourne* di mana pembangunan yang baru dibangunkan di Kuala Lumpur CBD area, kita tidak mahu mereka bangunkan *car park* kerana kita tidak mahu kereta masuk dalam CBD area.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tidak boleh, tidak boleh.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Ya, tidak boleh. Kalau tidak boleh saya tidak buat lah, kalau boleh saya buat... [*Disampuk*]

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Apa pasal Yang Berhormat Seputeh cakap tidak setuju, ikut saja.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tengok di Parlimen sini sudah tidak cukup *parking*. Sekarang ini DBKL dan kementerian harus ada satu perancangan yang rapi tentang macam mana meredakan kesesakan trafik.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Ya, ya, ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Baru boleh buat semua yang dicadangkan.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Maksud saya Yang Berhormat...

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Saya bukan buat sekarang. Kalau sekarang kita minta *imposed, by the time*, dengan izin, pembangunan dibangunkan dalam masa tiga tahun atau lima tahun. *By that time* kita sekarang bincang *the train ways*, kita tengah rancang, *public transport*, BRT daripada Klang sampai ke Kuala Lumpur kita tengah rancang untuk memberi *the public transport*, dengan izin, ada dia punya *connection*. Sekarang ini *just a lot of lose connection*. Tidak lama lagi depan Parlimen ini ada *MRT station*. Kita boleh pakai MRT datang ke Parlimen, apa salahnya. Kita minta yang jaga Parlimen ini hantar bagi untuk *pick* kita daripada *MRT station* dekat sini, *what the problem?* Ini Yang Berhormat Seputeh..

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tidak payah lah, jalan saja lah bersenam.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Itu yang saya harapkan lah. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat kita akan itu dalam peringkat perbincangan dan *I do not want to argue with you* Yang Berhormat, kita akan pastikan bahawa kita akan lihat bagaimana yang sebaik mungkin, okey.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Akan tetapi di kawasan saya tidak ada. Adakah jika kalau saya ada *monorail* kah, ada MRT baru kah dan juga *no wonder* lah ada *developer* yang puji DBKL kerana mereka kurangkan kos, sekarang tidak perlu bina banyak *parking*. Tidak boleh lah, lain kalilah...

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Tidak, *you must remember* Yang Berhormat, jangan Yang Berhormat tuduh kita. *If they put parking, I would charge them hire. If they don't put parking, yes I reduce them. That's why I need to do, they have the concession.* Kita ini bukan bodoh Yang Berhormat. Yang Berhormat ingat kita ini kerajaan tidak prihatin.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ooo... satu kali cakap, satu kali.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Apa yang kita lihat ialah untuk kebaikan. Jadi *don't worry* kita akan putuskan kemudian, *no need to argue because* lambat sudah ini.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ya, sudahlah, sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Berkennaan dengan masalah rumah ibadat, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rumah ibadat memang saya setuju dan sekarang ini memang saya minta bahawa semua pembangunan yang baru untuk dibangunkan dengan kawasan rumah ibadat. Bukan saja surau tetapi rumah ibadat yang bukan Islam *because* kita sedar bahawa bukan Islam perlu kepada ritual. Kalau orang Melayu dia mati pergi surau, mandi, kapan dan tanam. Akan tetapi kalau bangsa agama lain ia perlu kepada dia punya ritual. Ini yang sekarang ini pembangunan-pembangunan yang baru kita akan sediakan minta pemaju walaupun DBKL membangunkan pun, kita akan sediakan rumah-rumah untuk orang-orang yang bukan Islam untuk diguna pakai. Itu yang akan kita lakukan.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Penggerusi apa yang saya katakan mengenai rumah ibadat agama-agama lain itu, bukan untuk yang ke depan, bagus. Akan tetapi yang sekarang ini pun ada kekurangan. So, saya minta supaya Bandar raya atau pun Kementerian Wilayah melihat perkara tersebut.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Kita sedang melihat sebenarnya. Hanya masalah seperti yang saya sebutkan selalu ialah kekangan kepada kawasan-kawasan yang kita ada. Jadi kalau tempat tersebut mempunyai kawasan, kita akan bangunkan apa yang diperlukan, *insya-Allah*, okey. Berkenaan dengan kadar caj. Saya pun terkejut tadi Yang Berhormat sebut RM20, RM30. Akan tetapi ini kadar caj yang dikenakan oleh operator yang menyediakan tempat letak kereta. Ini kerana kos ia tinggi. Ia ada pemasangan CCTV, pondok pengawal, bayaran *auto pay*, *parking* khas untuk wanita, *parking* untuk OKU. Akan tetapi ini pun saya sedang hendak menyelaraskan kerana kita hendak pastikan bahawa biar kadarnya satu kadar dan ia ini dipantau oleh satu agensi di bawah DBKL atau pun agensi luaran- supaya rakyat tidak dibebankan dengan kos yang begitu tinggi. Itu yang sedang kita lihat.

Berkenaan dengan permasalahan yang telah dibangkitkan tempat pembakaran mayat, saya akan lihat seperti apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Wangsa Maju sekali dan juga Yang Berhormat daripada Setiawangsa, kita akan pantau dan kita akan lihat. Berkenaan dengan takrifan kemiskinan. Saya tidak tahu Yang Berhormat telah sebut sebanyak RM300. Akan tetapi tafsiran yang saya difahamkan barangkali saya silap, tapi yang saya difahamkan di Wilayah Persekutuan mengikut BR1M yang kita bagi ialah di bawah RM3,000 itu lah kadar yang telah diputuskan. Jadi kita akan bincang dengan pihak Kementerian Wanita dan Jabatan Kemajuan Masyarakat bahawa ikut tafsiran itu. Jangan beri kepada orang-orang yang - sebab apa kalau lebih daripada RM700 tidak boleh, ia mesti kurang daripada RM700,000 mesti diberi.

Berkenaan dengan permasalahan Yang Berhormat telah bangkitkan komputer kementerian, saya akan minta dipantau kerana memang betul kita ada rancangan untuk dibangunkan RUMAWIP di Wilayah Persekutuan dan setakat hari ini kita telah selesaikan lebih daripada 14,000 buah rumah yang akan dibangunkan di Kuala Lumpur. Di Putrajaya sebanyak 10,300 unit, di Labuan sebanyak 1,600 unit akan dibangunkan. Keseluruhan Wilayah Persekutuan kita akan bina lebih kurang dalam 80,000 unit. Hanya saya hendak beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Wilayah Persekutuan bahawa tidak pernah lagi orang bercerita berkenaan dengan rumah RM42,000.

Untuk makluman Yang Berhormat, bila saya beri kelulusan, ada kawasan-kawasan yang tertentu saya minta *developer* untuk menyediakan rumah RM42,000 satu. Rumah bawah RM200,000 kedua, rumah RM300,000 dan rumah bawah RM300,000. Ini yang kategori-kategori yang - kerana kita lihat demografi pendapatan masyarakat kita dan kita akan beri apa yang merekakehendaki. Itu yang kita akan pastikan dilaksanakan. Saya pun minta supaya rumah-rumah RM42,000 ini juga mempunyai kadar keluasan 750 kaki persegi paling kecil dan memberi keselesaan kepada penduduk. Oleh kerana ini telah kita lakukan. Jadi walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat, kita akan pastikan bahawa apa yang telah disebut akan kita perbaiki barangkali ada kekeliruan-kekeliruan bagaimana hendak *apply* dan sebagainya.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Menteri, boleh celah sikit. Tadi saya bagi komen cadangan tentang kesesakan kereta di kawasan jalan Mahameru dekat

*Putra World Trade Centre*, dan saya bagi cadangan yang terbaik tarik balik itu pihak penswastaan.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** *I am coming to that, I am coming to that, don't worry.*

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Okey, minta maaf. Saya nampak *you* hendak gulung.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Tidak, tidak, banyak lagi. Berkenaan dengan, *[Di sampuk]* Okey, berkenaan dengan *InvestKL*, ia mendapat pelabuhan-pelabuhan yang baik sebenarnya. Kita boleh bagi data-data, apa yang kita lakukan *InvestKL* ini bukan hanya buat untuk Kuala Lumpur, dia buat juga untuk *Kuala Lumpur Klang Valley* untuk Selangor sekali dan dia jemput banyak *investor*, dengan izin, yang datang untuk industri di negeri Selangor untuk membangunkan *office* atau pun pejabat rantau Asia di Kuala Lumpur, itu yang kita lakukan, okey. *Insya-Allah* saya akan dihantar kepada Yang Berhormat berkenaan dengan masalah *InvestKL*.

Yang Berhormat Bukit Bintang telah bangkitkan berkenaan dengan Vivekananda Ashram di Brickfield. Saya setakat ini belum bagi kelulusan lagi. Kita masih lihat dan saya baru terima surat daripada Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian minta pandangan kementerian bolehkah dia menimbaangkan untuk beri kerana itu bukan lagi *heritage site*. Jadi dia minta dengan izin, minta pandangan kita boleh berikan *heritage* atau tidak, kita akan jawab kepada kementerian dahulu. Kita tidak akan- memang *application* telah beri tetapi kelulusan belum lagi diberi. Kita akan memastikan bahawa apa yang telah disebut dan kita akan dengar apa yang rakyat telah bangkitkan.

Berkenaan dengan projek pasar rakyat, saya tahu lebih daripada 17 tahun. Memang kita sedang berbincang dengan satu syarikat yang dipanggil Profit Consortium kerana ada tiga syarikat telah menawarkan. Pada kami yang terbaik sekali ialah Profit Consortium Sdn. Bhd. yang diberi pulangan kepada DBKL yang amat tinggi.

#### ■2030

Kita masih lagi berbincang, belum lagi diputuskan, akan tetapi kita akan selesaikan. Saya beri *timeline* kepada Datuk Bandar yang sebenarnya untuk menyelesaikan pada Ogos yang lepas. Akan tetapi oleh masalah mahkamah dan sebagainya tidak dapat diselesaikan, tetapi *insya-Allah* atau *Gods willing*, dengan izin, sebelum akhir tahun ini saya akan selesaikan masalah pembangunan Plaza Rakyat. Kita juga akan bela pembeli-pembeli yang telah beli dalam kawasan tersebut, itu saya *guarantee* kepada Yang Berhormat. Jangan bimbang Yang Berhormat daripada Bukit Bintang.

Ini kawan saya Cheras, saya terima kasihlah di atas apa Yang Berhormat telah sebut, tetapi Yang Berhormat saya mintalah, janganlah Yang Berhormat tuduh bekas Menteri mengatakan dia beri ini oleh kerana kroni dan sebagainya. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, tanah velodrom, tanah Yang Berhormat telah bangkitkan, tanah Jalan Pinang dan juga tanah Jalan Cheras, kalau kita lihat kepada harga yang telah kita jual, sebenarnya dengan

izin, *it is a market value*. Kita tidak jual sewenang-wenangnya walaupun kita telah beri pada syarikat-syarikat yang telah Yang Berhormat sebutkan.

Akan tetapi saya percaya bahawa syarikat ini berdaya saing. Akan tetapi saya hendak bagi tahu untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa yang saya lakukan. Ini kerana seperti yang saya sebut Yang Berhormat, ada tanah-tanah yang telah saya tarik balik. Memang betul, mereka hanya bayar 10% dahulu, tetapi ia ada jangka waktu. Akan tetapi apabila jangka waktu itu sampai, kalau dia tidak bayar dan tidak bangun, saya janji pada Yang Berhormat saya akan tarik balik, okey? Itu saya janji, saya akan tarik balik.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Saya memang tahu peranan Yang Berhormat Menteri adalah untuk menyelamatkan imej Kerajaan Barisan Nasional yang semakin buruk... *[Dewan riuh]* Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, janganlah memihak dan mempertahankan satu sistem jualan tanah yang buruk dan cemar, bukan?

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Okey, okey Yang Berhormat. Nanti saya, boleh saya...

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Saya ingin tanya Yang Berhormat...

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Nanti Yang Berhormat. Saya ada beritahu Yang Berhormat, saya pun sedang lihat...

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Persoalan saya belum...

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Saya pun sedang lihat. Itulah sebab di Jalan Pinang kerana ada pemaju yang minta, ada enam pemaju. Jadi saya minta *restricted tender*. Dari *restricted tender* itu saya jual, itu dijual atas tangan saya. Saya jual *restricted tender* yang dapat RM2,525. Untuk makluman Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat kata itu murah, *before that transaction* untuk makluman Yang Berhormat, tanah yang dijual dalam kawasan itu hanya RM1,800 satu *square feet* paling tinggi dan baru-baru ini ada terdesak- *developer* terdesak, di sebelah Wisma Central, betul ada seorang beli RM3,000.

Kalau Yang Berhormat ambil kira berkenaan dengan harga yang Pavilion pergi beli sebelah Milenium tanah *church* Yang Berhormat telah sebutkan tersebut, adalah harga RM7,000 bukan RM8,000, RM7,000. Saya tahu berapa transaksi RM7,000 betul, kerana Pavilion perlukan tanah tersebut, oleh kerana dia takut kalau orang lain beli, bangunkan benda yang bukan-bukan depan Pavilion akan merosakkan perniagaan dia. *So it is a willing buyer and a willing seller*. Dalam keadaan harga RM7,000, dalam keadaan harga RM6,000. Akan tetapi untuk dapat RM7,000, RM6,000 Yang Berhormat di Kuala Lumpur, percayalah *it is very difficult*.

Lagi satu- nanti sekejap. Lagi satu, dia juga mempunyai masalah. *Plot ratio* kalau dia beli dengan harga yang tinggi, kalau tidak dapat *plot ratio* yang dikehendaki, bagaimana? Begitu juga dengan Plaza Rakyat, saya minta bahawa *plot ratio* yang lama dikurangkan, kata tidak boleh bagi *plot ratio* yang sepuluh- 1:10. *I said stick to 125*. Itu yang saya minta. Kita minta kerana kita tahu kekangan TIA dan sebagainya dalam kawasan tersebut. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** *Closed tender* atau *negotiated tender* pun, ini merupakan tender kroni... *[Dewan riuh]* Janganlah Yang Berhormat mempromosikan, janganlah

mempromosikan, janganlah mempromosikan budaya kronisme dan amalan pilih kasih di sini. Yang Berhormat, tiga lot tanah yang disebut – yang saya sebut itu dijual kepada satu keluarga dengan harga jumlahnya tiga tanah RM671.6 juta. Kalau dijual secara tender terbuka, dengan adanya *willing buyer*, harganya sekurang-kurangnya RM1.5 bilion.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Itu Yang Berhormat punya...

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Ini benar.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Tidak, tidak, tidak. Itu Yang Berhormat punya jangkaan. Yang Berhormat, saya sudah bagi tahu Yang Berhormat macam dalam kawasan Yang Berhormat lah, di Tangki Air Cheras. Saya terpaksa tarik balik. Dulu kita jual, kita jual. Dengan harga RM30 lebih juta- RM20 lebih juta. Sekarang ini saya ambil balik, saya jual dengan RM60 lebih juta, ambil balik. Oleh kerana itu pandangan Yang Berhormat, kadangkala Yang Berhormat hendak memburukkan kami di kerajaan yang sedang memerintah. Sebenarnya Yang Berhormat, apa yang kita lakukan adalah untuk kebaikan. Kita tidak melakukan untuk keburukan, yang kita laksanakan ini- dan saya akan ambil satu kaedah pandangan Yang Berhormat. Barangkali selepas ini kita akan tender tanah-tanah itu semua, kita boleh tender. *It is nothing wrong with us.* Kita tidak ada hendak menyorok, hendak sorok, hendak beri kroni, tidak kita tender.

Untuk makluman Yang Berhormat tanah-tanah yang ditarik balik tersebut, ‘**Fedison**’ saya tarik balik. Yang Berhormat tahu ‘**Fedison**’ dulu kalau hendak kata kroni jugalah apabila kita beri. Akan tetapi saya tarik balik oleh kerana dia sudah tidak ada daya saing, saya bincang dengan mereka dan saya tarik balik. Ini masalah kadang Yang Berhormat, persepsi Yang Berhormat yang kadangkala... *[Disampuk]* Tolonglah Yang Berhormat. Percayalah. Yang Berhormat Bintulu, *you jangan kacaulah.*

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Saya menghargai dengan penjelasan. Saya menghargai penjelasan Yang Berhormat. Akan tetapi dua persoalan pokok yang belum dijawab lagi. Pertama, mengapa tidak ada tender terbuka untuk menjual dan menawarkan tanah-tanah *prime land* ini? Kedua, mengapakah keluarga Jakel ini boleh menikmati keistimewaan yang paling baik untuk membeli tanah-tanah ini?

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Yang Berhormat, ini Yang Berhormat menuduh, tidak baik Yang Berhormat. Pertama, *the person you tuduh is not here. He cannot defend him selves*, dengan izin. Jangan kita buat macam itu. Barangkali ini polisi yang telah ditetapkan oleh DBKL dan mereka bersetuju untuk menerima cadangan daripada pemaju-pemaju yang berdaya saing. Barangkali dalam segi kewangan, pemantapan dalam segi- orang boleh buat *offer* Yang Berhormat, tetapi hendak buat *offer* dengan beratus-ratus juta dia ada duit atau tidak ada duit? Ini satu masalah. Jadi ini kriteria-kriteria yang kita pilih. Tidak percaya Yang Berhormat, *if* Yang Berhormat want, *next time I'll make sure that* apa yang kita buat, kita akan- kalau hendak tender, kita tender. Kadangkala tender juga mengambil masa. Ada benda-benda yang kita tender, ada benda-benda yang kita tender tetapi kita tender pun tidak dapat dilaksanakan.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Menteri boleh bagi tidak?

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Okey, untuk makluman Ahli Yang Berhormat...

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Sila, sila, sila.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih. Tadi atas komen-komen Yang Berhormat Cheras, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Secara terbuka, boleh tahu Dewan yang mulia ini, siapa ini Jakel, Syarikat Jakel? Siapa ini *shareholder*, siapa pengarah, siapa CEO? Kalau tidak boleh, bagi jawapan bertulis. Kita boleh semak. Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Yang Berhormat, Yang Berhormat daripada Wangsa Maju, kalau Yang Berhormat hendak cari ini, Yang Berhormat boleh. Kerajaan ini telus. Pergi ke *website Registered of Company* (ROC), semua boleh dapat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** *The form 49, the form 24, berapa paid up, jangan tanya sini kerana kononnya hendak menuduh bahawa kami DBKL, saya Menteri daripada BN ini tidak telus, jangan. Please, he is not here.*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Menteri boleh bagi sikit?

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Nantilah. Tidak mahu, tidak boleh, tidak boleh. Saya hendak sebut lagi Yang Berhormat Cheras. Berkenaan dengan penubuhan...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Ketawa] Hei, saya pun mahu tanya.*

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Badan kawal selia...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Selangor punya tanah ada tender kah tidak?

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Untuk makluman...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ada tender kah tidak?

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Tidak apalah, itu Selangor pun tidak tender. Tidak apa, kita tidak mahu sebut... *[Disampuk]* dia punya cara, dia punya cara.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Dia kata kita tidak telus. Kita mahu tahu, Selangor ada telus kah tidak?

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Cheras, memang betul saya ada minta Badan Bekalan Air Wilayah Persekutuan. Oleh kerana hari ini, Wilayah Persekutuan kita tidak ada dengan izin, *control over the water*. Malahan kita gunakan banyak air daripada negeri Selangor dan sebagainya. Akan tetapi kita tidak ada kontrol.

Jadi itu yang saya minta dan ia tidak akan ada kos terhadap penubuhan. Hanya kita akan tubuhkan Jabatan Air Wilayah Persekutuan, belum lagi diluluskan. Saya juga sedang lihat berkenaan dengan permasalahan elektrik. Ini kerana kebanyakan masalah yang dalam Wilayah

Persekutuan ini, pembangunan sedang bangun dengan pesat. Air akan ada masalah, elektrik akan ada masalah, trafik akan ada masalah dan sebagainya. Jadi ini sedang saya lihat. Ini belum lagi diputuskan dan saya masih menunggu pihak Kementerian KeTTHA untuk memberi kelulusan dan sebagainya.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Apakah benar penubuhan satu badan untuk mengawal selia bekalan air di Kuala Lumpur dan Putrajaya ini adalah merupakan satu keputusan berasaskan pertimbangan politik kerana Selangor merupakan punca bekalan air untuk Kuala Lumpur dan Putrajaya, dan Selangor ini sekarang ada di bawah...

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** No, no, no.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** ...Ada di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat...

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Ini Yang Berhormat Cheras, inilah Yang Berhormat Cheras ini, sangkaan jahatlah...

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** ...Selama-lamanya. Maka...

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Jangan buruk, macam Barisan Nasional selalu jahat... *[Dewan riuh]*

#### ■2040

Yang Berhormat, selama 57 tahun... *[Dewan riuh]*

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Yang Berhormat...

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Nanti sekejap.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** This is a logical version, come on. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** No, no, no. Selama 57 tahun kita telah capai kemerdekaan, Yang Berhormat sendiri juga telah mendapat nikmat daripada kerajaan, jangan denial!

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu Yang Berhormat Cheras selalu temberang punya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu teramat kemaslah.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Ya, Because of Barisan Nasional.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Apakah sebabnya?

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Tidak ada, tidak ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu takkan standard selama JASA.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Dia sebabnya kerana saya nak buat....

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Kos tambahan, *treatment plan* dan sebagainya. *Treatment* baru.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Tidak ada kos. *Treatment plan* yang kita sedang lihat kerana kita pun tahu permasalahan yang sedang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Selangor. Ini kawan Selangor, tetapi Yang Berhormat tolonglah jangan ada persepsi yang buruk terhadap apa yang kita telah lakukan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Memang hari-hari otak buruk punya, itu kongkalikung.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Saya hendak sebut berkenaan dengan Yang Berhormat Kuala Kangsar. Ahli Yang Berhormat Kuala Kangsar telah membangkitkan berkenaan dengan Kuala Lumpur menjadi metropolis. Sebenarnya saya hendak lakukan Kuala Lumpur *that KL never sleep*, itu yang saya hendak lakukan. *[Disampuk]* Ini yang akan kita laksanakan. Kita juga akan melihat berkenaan dengan *pedestrian walk* dan RM1 juta dan sebagainya.

Ini adalah sebenarnya *pedestrian walk* untuk makluman Ahli Yang Berhormat, yang kita bangunkan di Kuala Lumpur adalah merupakan CSR daripada sebuah syarikat GLC kerajaan yang kita tidak keluarkan duit, RM1 juta ini adalah untuk kos-kos konsultan dan sebagainya, barangkali. Itu kita akan *check* dan saya akan beritahu kepada Yang Berhormat kemudian kerana saya tidak ada dia punya detail.

Berkenaan Yang Berhormat Segambut berkenaan dengan penjaja dan gerai makan, tadi saya telah sebut. **ITIS** saya akan lihat apa Yang Berhormat telah sebut, kerana saya tidak ada dia punya detail. Saya tahu dan keadaan sekarang dia tengah *upgrade* untuk memastikan bahawa **ITIS** ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Saya akan beri Yang Berhormat secara bertulis kerana kalau saya beritahu hari ini, esok Yang Berhormat ada pula sebelah sana macam kawan saya Yang Berhormat Cheras hendak bawa saya ke Jawatankuasa Khaslah, saya tipu. *So I don't want to do that, okay.* Saya akan beri secara bertulis. Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, Menteri.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Ini pun adinda saya Yang Berhormat Seputeh.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Oh, kalau Yang Berhormat Seputeh minta adinda, adinda. Yang Berhormat Bintulu minta kosong punya.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Okey Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Menteri ya. Isu menghalang pekerja asing sebagai tukang masak.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Mencelah]*

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Ya. Kita tidak akan beri. Kita akan pantau semua lesen itu kita akan pantau, tidak pernah bagi pun. Tukang masak Yang Berhormat Segambut, saya pun suka makan char kuey teow tetapi char kuey teow ini di '*char*' oleh orang Nepal, macam mana?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu Yang Berhormat Segambut hari-hari buat itu macam kerja Yang Berhormat Segambut.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Ini masalah. Saya pun tidak suka. *Don't worry, we will make sure...*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Apa itu di '*char*'?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Menteri, isu lagi bayar RM2 untuk tangkap tikus, cadangan ini.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Saya hendak datang, saya baru hendak cakap berkenaan apabila disebut Yang Berhormat Seputeh baru sekali dan Yang Berhormat

Wangsa Maju. Sebenarnya ada program yang kita telah keluarkan iaitu Program 1Tikus RM1 yang kita telah beri. Untuk Ahli Yang Berhormat, Wilayah Persekutuan, kita ada 7 juta ekor tikus.  
*[Disampuk] [Ketawa]*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Menteri, Menteri...

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Nanti sekejap. Akan tetapi saya hendak beritahu kenapa ini wujud? Oleh sebab kita warga Kuala Lumpur ini warga yang kotor. Cuba Yang Berhormat pergi tengok apa yang berlaku umpamanya - saya pun baru-baru ini saya hantar pegawai saya. Saya kata pergi tengok *Sukhumvit Road*. Malam-malam dia ada jualan warung, siang bersih. Dia punya *hawker* dengan izin, benda jatuh dia kutip, dia simpan, dia tidak buat sampah. Akan tetapi warga kita ini kotor. Jadi kita kena didik warga kita bagaimana dia boleh jadi bersih. Itu yang penting. Jangan lihat sayalah, jangan pandang saya.

Okey jadi kita memang ada program untuk bagi duit dan kita hendak pastikan apa Yang Berhormat daripada Wangsa Maju telah sebut tadi betul. Bukan Yang Berhormat Wangsa Maju sahaja, Saya punya Timbalan Menteri pun yang sebenarnya...

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Menteri, ada celah sedikit. Saya ada peluang melihat pasar malam yang buat di Taipei, Taiwan. Ia buat setiap malam, tetapi saya tidak nampak tikus besar. Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Ya sebab itu saya kata, kerana untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, ia masalah rakyat itu sendiri. Masalah rakyat itu sendiri yang penjual, pembeli yang guna, tidak ada disiplin. Ini masalah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Menteri, itu bukan masalah rakyat, masalah pendatang-pendatang yang menjual.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Undang-undang penguatkuasaan.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Yalah, yang bawa pendatang pun siapa? Rakyat Malaysia juga. Itu masalahnya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Seputeh.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Ia kena cari *the root cause*. Apa puncanya yang sebenar. Masalah kita, kita hendak menyalahkan DBKL, hendak menyalahkan Barisan Nasional, hendak menyalahkan kerajaan tetapi punca kita tidak mahu cari. Wakil rakyat Kuala Lumpur kebanyakannya pembangkang.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya sudah cakap, Itu semua Yang Berhormat Seputeh punya kerja.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini tidak buat kerja, ini tidak buat kerja!

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yang Berhormat Menteri, 57 tahun memerintah tidak boleh disiplinkan rakyat kah? Penguatkuasaan macam mana?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Hanya Barisan Nasional, yang memerintahnya Barisan Nasional. Bagilah pembangkang jaga. Jaga tidak bagi.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Okey.

[Dewan riuh]

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Penguatkuasaan lemah, 57 tahun memerintah tidak boleh disiplinkan rakyat.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Untuk makluman...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** ...*Something wrong with the government, not even to discipline the rakyat.*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kuasa mahu tapi tidak mahu jaga. Apa Yang Berhormat Bintulu.

[Dewan riuh]

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Serdang, kawan saya daripada Serdang...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Kerajaan yang salah. *Something wrong with the kerajaan punya sistem.*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Apa ini, memalukan.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Saya hendak beritahu Serdang, bahawa kita sedang melihat...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** ...57 tahun tidak boleh mendisiplinkan rakyat, *something wrong with the kerajaan.*

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** ...Bagaimana hendak mengatasi masalah *bottleneck, bottleneck* di seluruh Wilayah Persekutuan. Salah satu tempat yang kita sedang lihat juga ialah di lumba kuda di *roundabout* lumba kuda di Serdang. Kita juga sedang lihat di Jalan Kuchai Lama. Sekarang ini kita sedang bangunkan di depan dekat dengan Jalan Duta yang ada terowong yang kecil itu, kita akan *expand* terus di bawah ini. Ini *bottleneck* yang kita akan pastikan bahawa tidak ada *bottleneck* pada masa akan datang.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Menteri, fasal tikus.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak payahlah.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya hendak tanya angka tujuh juta ekor tikus diperoleh daripada mana? Daripada benci DBKL atau daripada mana?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Daripada Segambut.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Bukan. Ini Yang Berhormat untuk makluman Yang Berhormat, banyak yang telah ditulis berkenaan Kuala Lumpur. Di *Jakarta Post*, Jakarta kerana kita dapat banyak promosi mencari pelancong terlalu baik kalau kita buat perbezaan antara Malaysia dan Indonesia. Indonesia tulis, *The Jakarta Post*, 'Kuala Lumpur Kota Tikus'.

Dalam artikel itu dia yang sebut ada tujuh juta ekor tikus di Wilayah Persekutuan. Itu yang ia telah sebut. Jadi kita ambil *figure* ini, tidak ada benci. Akan tetapi saya setuju dengan apa Yang Berhormat Wangsa Maju sebut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Jadi...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Menteri...

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Saya juga telah lihat tikus lebih besar daripada kucing. *I agree with you Sir.*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Menteri sedikit. Menteri sedikit Menteri. Penjelasan Menteri.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Tidak ada daftar. Nantikan kalau ada tikus kita banci pula, kata tikus pula jadi pengundi. Bangladesh jadi pengundi, tikus jadi pengundi. Ini masalah. *[Tepuk] [Dewan riuh]*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Pandai pun, tahu pun. Menteri celah sedikit Menteri.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Okey saya hendak jawab Yang Berhormat Putatan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Menteri celah sedikit.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Tidak payahlah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** UMNO ini tikus pun dia mampu.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ya, hendak menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional gagal untuk mendisiplinkan rakyat, 57 memerintah tidak mampu lagi untuk menguatkuasakan undang-undang agar rakyat berdisiplin dan pengawasan itu ketat. 57 tahun kita patut mampu untuk mendisiplinkan rakyat. Jadi janganlah *excuse* tikus besar macam kucing, atau kucing macam tikus.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Yang Berhormat Putatan, berkenaan dengan masalah sukan, saya ambil maklum dan saya akan bincang dengan pihak KBS untuk bagaimana hendak mengatasi masalah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Yang cakap pun tidak berdisiplin.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Berkенаan dengan Kompleks Hidupan Liar, saya akan minta pemantauan dapat dilaksanakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, betul, masalah kekangan *traffic jam* di depan Pekeliling itu akan kita cuba selesaikan walaupun ada permasalahan dengan pemaju berkenaan dengan pemaju asing di sekeliling flat tersebut kita akan cuba untuk menyelesaikan dengan sebaik mungkin. Itu...

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Menteri minta pandangan. Ini pelan yang naik taraf Jalan Mahameru sudah bincang sudah lebih 10 tahun. Oleh sebab sebagai doktor perubatan apabila kena *traffic jammed*, saya BP pun sudah naik. Saya harap dan kurang produktiviti.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Untuk makluman Yang Berhormat, perancangan memang kita adakan, tetapi kita kena juga tunggu kewangan yang ada dan sebagainya. Macam sekarang untuk makluman Yang Berhormat DUKE 2, dia akan keluar dari kawasan IJN Hospital masuk ke Jalan DUKE. Itu akan buat dengan izin, *traffic disposal*.

Saya bersetuju memang ada *flyover* yang akan dibangunkan antara *roundabout* Yang Berhormat telah sebutkan. Saya akan lihat semula dan kita akan cuba majukan sebaik mungkin. Tadi Yang Berhormat telah bangkitkan berkenaan dengan permasalahan...

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Menteri, ada kawan saya hendak bincang tentang perkara ini yang selesai perkara ini hanya RM300 juta. Bukan satu angka yang besar. [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Yang Berhormat, ini Yang Berhormat pun salah. Tidak perlu RM300 juta. Saya tahu berapa angkanya salah, RM300 juta itu salah, tetapi apa yang kita hendak bangunkan ialah untuk membuat perancangan untuk Kuala Lumpur. Kita hendak pastikan apabila *flyover* itu dibangunkan ia boleh masuk dalam pembangunan Pekeliling, ia juga boleh masuk dalam pembangunan di sebelah kiri dan kanan untuk menyuraikan trafik. Jadi terpaksa kita tunggu, faham, fahamlah. Bukan kita tidak hendak buat. [*Dewan riuh*]

■2050

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Wangsa Maju tidak faham.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor [Putrajaya]:** Sekali lagi saya ucap terima kasihlah kepada semua. [*Dewan riuh*]

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tentang trafik, dialog dengan SPAD?

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor [Putrajaya]:** Dialog memanglah, itu kita akan- Yang Berhormat daripada Seputeh, adindaku Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Adinda sepuluh kali sudah, cinta sampai malam-malamlah.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor [Putrajaya]:** Kita akan laksanakan. Apa yang saya hendak sebut kita ambil maklum apa Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Wilayah Persekutuan sebutkan dan kita akan berbincang. Ini kerana kalau saya kata saya boleh buat dialog dengan SPAD, kalau SPAD tidak hendak buat macam mana. Jadi biar kita bertemu dengan SPAD dahulu, kita berbincang dengan SPAD, kita berbincang dengan Kementerian Pengangkutan dan kita akan bincang dengan Yang Berhormat. Okey, *don't worry*.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ucap terima kasih Yang Berhormat Sepang. [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor [Putrajaya]:** Sekali lagi saya hendak ucapkan terima kasih kepada semua. Terima kasih ke atas pandangan-pandangan yang telah diberi, kita akan cuba memberi satu keselesaan yang baik kepada warga Kuala Lumpur. Sekian.

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh saya usulkan kepada Tuan Penggerusi halau mereka keluar. [*Dewan riuh*] Yang Berhormat Bintulu tidak ada kena-mengena dengan Kuala Lumpur, dia bising sahaja.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Fasal apa? *[Dewan riuh]*

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Sokong, sokong, sokong. Rehatkan dia.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Halau dia.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Ini kongkalikung bising sangat. Rehatkan dia, Yang Berhormat Bintulu.

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey. Saya perhatikan ramai di kalangan kita tidak ikut peraturan, tetapi sengaja saya biarkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM427,375,600 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM427,375,600 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM709,989,100 untuk Maksud P.32 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM709,989,100 untuk Maksud P.32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]*

**Maksud B.21 [Jadual] –**

**Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan 2015] –**

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Rompin.

#### 8.53 mlm.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Bagilah, Yang Berhormat Seputeh ini ada pertaniankah Seputeh ini.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ada nelayankah di Seputeh ini, perahu satu pun tidak ada.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ada padi kah di Seputeh ini? Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Penggerusi. Menyentuh perkara 010100 bahagian pengurusan, selepas itu Perikanan - 040000, dari segi One-off - 150000, 00203 dan satu, dua perkara yang lain.

Tuan Pengerusi, saya hendak mengucapkan sokongan kepada permintaan dalam untuk kementerian ini. Mengenai dengan satu saya hendak sentuh peruntukan untuk membangunkan usahawan di bawah Bank Pertanian. Saya melihat bahawa - Berapa minit, 10 minit?.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, 10 minit.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih. Bahawa amat sesuai sekali dalam usaha mentransformasikan ekonomi negara kita. Amat tepat kita menumpukan kepada luar bandar dan pertanian. Kerana apa, semenjak merdeka kita tumpu kepada pembangunan negara dan perindustrian. Macam nampak satu pandangan yang kadang-kadang tidak betul, kita meninggalkan kawasan luar bandar dan pertanian ini. Saya hendak mengucapkan syabas kepada kementerian dan Menteri sendiri, nampak sudah ada usaha-usaha membina kembali ekonomi luar bandar terutama pertanian.

Untuk itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, saya hendak minta pandangan kepada Menteri, adakah wujud satu usaha untuk bina satu *business model* yang baru seperti kita ada *business model* untuk di bandar, kita perlu juga satu *business model* yang baru di luar bandar. Sebagai contoh kalau kita hendak beri sokongan dan bantuan, sudah semestinya kita berdasarkan kepada pengalaman.

Untuk itu saya hendak minta supaya saya hendak bawa satu contoh. Saya difahamkan kita ada bagi orang pawah kambing, tetapi yang masalah yang bagi pawah kambing ini untuk bela kambing tetapi makanan terpaksa dibeli di pasaran. Akan tetapi yang bahagian untuk memberikan untuk membina, menanam makanan seperti rumput untuk kambing itu bahagian yang lain. Tidak ada satu holistik, satu *totally holistic approach*. Adakah Yang Berhormat Menteri satu pimpinan baru di kementerian untuk melihat kembali bagaimana hendak memodenkan industri pertanian supaya mengambil pendekatan-pendekatan yang baru.

Saya ucapan syabas kepada Yang Berhormat Menteri juga melihat kembali dari segi nilai *the supply chain*, syabas dan tahniah mungkin Yang Berhormat Menteri bagi pandangan usaha-usaha baru dan Yang Berhormat Menteri sebagai kepimpinan baru di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, membawa pembaharuan dan perubahan dalam mentransformasikan ekonomi negara untuk membina industri pertanian baru di kawasan luar bandar.

Perkara yang kedua Tuan Pengerusi ialah kawasan padi ini untuk kawasan sayalah. Saya hendak terima kasih kepada kementerian telah memutuskan Rompin sebagai satu jelapang padi yang baru. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh untuk warga Rompinlah tentang kedudukan baru. Saya difahamkan RM100 juta telah diluluskan untuk empat jelapang padi. Bagaimana perancangan kementerian untuk masa akan datang untuk hendak menggunakan peruntukan ini? Warga Rompin menanti-nanti apa dia usaha pelaksanaan untuk jelapang padi di Rompin.

Satu lagi di kesempatan yang saya hendak ambil ini, saya tertarik juga bahawa *alhamdulillah* yang kita warga bandar dan pinggir bandar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bimbang dengan kenaikan harga makanan ini, diadakan Kedai Rakyat 1Malaysia. Saya

di hujung-hujung telinga saya dengar ada ura-ura Yang Berhormat Menteri sendiri hendak buat juga kedai rakyat ala Kedai Rakyat 1Malaysia tetapi barang-barang yang basah, ikannya, sayur-sayurnya.

Adakah benar hajat Yang Berhormat Menteri untuk membina satu rangkaian macam ala Kedai Rakyat 1Malaysia tetapi ini untuk barang-barang basah, sayur, ikan dan lain-lain. Kalau ini dapat menjadi satu kenyataan, *alhamdulillah* saya rasa seluruh warga Malaysia amat rasa terhutang budi kerana ini bukan sahaja memastikan harga barang makan basah di bandar dan pinggir bandar dapat dikawal pada harga yang berpatutan, tetapi pada masa yang sama memberi satu pasaran pada mereka yang bertani di luar bandar. Saya ingat kalau ini diusahakan, satu usaha yang amat baik dan patut satu kalung bunga diberi kepada kementerian dan Menteri sendiri.

Ketiganya, ini isu di kawasan luar bandar di kawasan perikanan. Keluhan mereka ini ancaman dari laut dalam ini, bahawa mereka ini kadang-kadang sampai ke pantai bukan sahaja bersaing dengan bot-bot kecil, tetapi sehinggaikan ikan banyak orang mengatakan kawasan-kawasan saya di Rompin, saya keluar baru ini, di kawasan-kawasan dahulu 20 tahun yang ada ikan tidak ada ikan sudah kerana ancaman laut-laut dalam ini yang menggunakan pukat harimau. Adakah Yang Berhormat Menteri ada satu usaha baru hendak mengawal, menghadapi cabaran dan ancaman kepada nelayan-nelayan kecil yang hidup di atas perahu-perahu yang kecil ini.

Saya juga minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri bahawa mereka yang bot kecil ini, sekarang ini satu minat untuk bot kecil seperti di Rompin, bahawa bot yang sama ini kadang-kadang lebih banyak pendapatannya dia bawa pelancong untuk memancing. Macam di Rompin, satu hari dapat RM700 untuk mereka keluar untuk memancing ikan. Saya jemputlah yang belah sana yang memancing ikan, bukan memancing undi saya di Rompin pula.

Akan tetapi masalahnya Yang Berhormat Menteri bot yang dileSENKEN di bawah perikanan, dia tidak boleh bawa pelancong. Hendak melancong kena lesen lain pula. Apakah salah disatukan lesen ini. Bot yang sama ini boleh lesen untuk keluar sebagai satu bot nelayan untuk menangkap ikan dan pada masa yang sama dia ada pelanggan yang datang hujung minggu hendak keluar ke laut untuk memancing, jadi mereka juga boleh. Ini tidak boleh, dia mesti lesen tertentu. Lain pula dia keluar kementerian yang lain, saya pun tidak tahu kementerian mana. Mungkin Yang Berhormat Menteri kalau boleh dibuat, maknanya dia ada dua sumber pendapatan.

## ■2100

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Boleh mencelah Yang Berhormat Rompin?

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ya? Masa tidak ada, biar saya habis...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sedikit sahaja.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Biar saya habis dahulu saya jemput Yang Berhormat, saya takut tidak habis.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Itu yang kedua. Tidak tahu sudah putus sudah kepala saya, pemikiran saya. Sekejap, sekejap. Okey Yang Berhormat Kuala Krai lah sementara fikir.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Rompin. Saya hendak bertanya adakah cadangan Yang Berhormat Rompin ini serius Tuan Pengerusi ya kerana ianya memberikan gambaran Menteri bahawa industri perikanan ini nampaknya tidak *lucrative*, dengan izin. Ertinya ada aspek-aspek lain ke laut ini yang lebih menguntungkan daripada perikanan. Ini setelah ada program untuk menampung pendapatan nelayan-nelayan dengan pembayaran bulanan. Jadi cadangan Yang Berhormat Rompin ini saya rasa bagus tetapi ia memberikan satu tampanan kepada industri perikanan.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Tidak boleh tanya saya tanya Menteri ini.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tidaklah, saya pandang Tuan Pengerusi.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jadi adakah serius cadangan ini? Kalau serius kita rasa kita boleh bincang panjang ini. Terima kasih.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Boleh. Saya nampak apa jua usaha kerajaan baik kementerian mana Yang Berhormat Menteri sudah tentu serius. Ini sebab saya nampak bahawa kita melihat kembali industri-industri yang dahulu yang ada nilai tambah yang tinggi oleh kerana peredaran masa menjadi masalah. Sebagai contoh yang mempunyai bot nelayan di Rompin orang lain, awak-awaknya orang lain, ikan yang dapat pada orang lain. Bermakna kita mesti lihat kalau ini sebagai satu industri yang betul-betul, yang holistik. *[Disampuk]* Tidak, betul, ini saya dengar baca dalam akhbar. Ini yang Yang Berhormat Menteri selalu cakap dan patut kita beri sokongan.

Yang Berhormat Kuala Krai beri sokongan bahawa kita hendak melihat kembali industri-industri luar bandar satu beri nafas baru. Kalau kita perlu melihat struktur *business* itu sendiri kembali mengapa tidak. Itu saya beralih ke Bank Pertanian ini. Bank Pertanian ini kita minta janganlah Bank Pertanian ini bagi kepada pinjaman korporat besar kerana kita bimbang bank bila dioffer as a bank dia takut rugi, takut *back debt*. Oleh kerana itu bagi yang besar. Sebenarnya kita tubuh Bank Pertanian bukan hendak bagi tauke-tauke besar lebih besar, lebih kaya. Kita hendak membina, bagi yang luar bandar yang kecil mendapat sumber pendapatan sebagai akses kredit itu lebih kepada mereka supaya mereka mendapat satu pulangan hidup yang berjaya.

Oleh sebab itu saya nampak Yang Berhormat Menteri kena tengok kembali peranan Bank Pertanian ini. Supaya benar-benar dapat mengusahakan memberikan peranan dalam usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerajaan kita hendak mentransformasikan kembali ekonomi luar bandar terutamanya industri pertanian. Itu saya yang terakhir tadi terima kasih. Tolong minta tengok kembali apa pandangan Yang Berhormat Menteri tentang isu— kerana mewujudkan satu ekosistem *business model* yang baru, yang *supply chain* saya tidak sentuh

lagi. Yang Berhormat sudah sentuh banyak, *access to creditnya*, pasarannya, pengangkutannya. Saya hendak beri sokongan kepada Yang Berhormat Menteri ini satu usaha yang amat baik dalam kita hendak kembalikan beri nafas baru kembali kepada industri pertanian di luar bandar. Saya menyokong dan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Alor Star.

#### 9.03 mlm.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Terima kasih Tuan Pengerusi untuk memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Jawatankuasa Bajet malam ini. Saya akan memberi tumpuan perbahasan saya kepada khususnya sektor beras. *[Disampuk]* Kenapa? Ada masalah dengan itu? Saya tidak boleh gunakah? Ada masalahkah? *Please don't be small minded. Alright, let's go on the issue.* Kita bahas atas isu. Kalau ada isu, kita bahas. *[Disampuk]* Eh! Apa ini tengok Tuan Pengerusi, tidak elok untuk satu Ahli Parlimen dalam Dewan untuk mengambil kesempatan sebegini untuk hendak memperkecilkan Ahli-ahli Parlimen dengan menggunakan ayat-ayat yang tidak betul.

Tuan Pengerusi, tanpa membazirkan masa, setiap tahun beratus juta ringgit duit rakyat digunakan oleh kerajaan untuk skim-skim subsidi dalam pertanian sektor beras ataupun padi. Idea subsidi ini adalah untuk membantu petani-petani, pesawah padi untuk memperbaiki ataupun menambahbaikkan kehidupan mereka, menambahbaikkan hasil pertanian mereka dan juga untuk membantu menjamin *food security*, dengan izin. Setiap tahun satu peratusan besar daripada bajet Kementerian Pertanian diperuntukkan untuk pembayaran subsidi-subsidi. Kalau tidak salah saya setiap tahun RM2.2 bilion diperuntukkan.

Menurut satu jawapan daripada Menteri Pertanian, ada tujuh jenis skim subsidi ataupun skim insentif yang diperuntukkan dalam sektor pertanian. Pertama ialah Skim Insentif Benih Padi Sah (IBPS) di mana setiap tahun, ini adalah di mana setiap dalam bajet tahun 2015 sebanyak RM85 juta diperuntukkan. Kedua Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) aman sebanyak RM465 juta diperuntukkan. Ketiga adalah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) – RM563 juta, Skim Subsidi Harga Padi – RM480, Insentif Peningkatan Hasil – RM80 juta, Subsidi Hasil, Subsidi Harga Beras – RM588 juta diperuntukkan. Dalam bajet tahun 2015 kerajaan telah pun bercadang untuk menambahkan lagi satu skim subsidi iaitu untuk baja dan racun padi di Bukit Kurma di Sabah dan Sarawak dan diperuntukkan di sana RM70 juta. So setiap tahun satu aman yang cukup besar diperuntukkan.

Persoalannya adalah berapa efektif, adakah subsidi-subsidi ini efektif dalam membantu petani-petani dan juga rakyat secara amnya? Ambil contoh subsidi untuk harga beras. Seperti yang saya katakan tadi setiap tahun lebih daripada RM500 juta dibayar kepada Bernas untuk mengeluarkan beras ST15 bagi golongan yang berpendapatan rendah. Menurut satu jawapan yang diberikan oleh kementerian kepada Ahli Parlimen Bandar Kuching dalam tahun 2012

sebanyak RM488 juta dan dalam tahun 2013 sebanyak RM528 juta dibayar kepada Bernas untuk mengeluarkan beras ST15.

Jadi isu yang seperti yang saya katakan tadi adakah skim ini berjaya untuk dalam sasarannya iaitu *target* menyampaikan beras ini kepada golongan yang berpendapatan rendah? Kita tahu dan saya percaya Yang Berhormat Menteri dalam dua minggu lepas ini khususnya dalam surat khabar *Harian Metro* ada siri-siri laporan yang mengeluarkan tentang isu keborosan ataupun kebocoran atau ketirisan subsidi beras ST15.

Pada 23 Oktober 2014 tajuk surat khabar *Metro* adalah Subsidi Beras RM12 juta Bocor Setiap Bulan. Dengan izin saya ingin membaca daripada surat khabar petikan di mana dinyatakan di sini, “*Pemborong berkenaan membungkus beras padi menggunakan 10 beg 10 kilogram jenama lain dan melabelkannya sebagai beras super tempatan 5% kerana harga runcitnya yang lebih tinggi iaitu di antara RM24 dan RM26. Ini bermakna setiap bulan kerajaan kehilangan wang subsidi beras berjumlah RM12 juta atau bersamaan RM144 juta setahun.*” Di bawah di sana juga ada satu artikel di mana *headlinenya* adalah “*Tipu Kandungan Hancur Pada Label*”. Reporter telah pun mengambil sampel yang diberi oleh reporter dan dihantar untuk ujian.

## ■2110

Dinyatakan di sini juga hasil kajian mendapati bahawa beras ST15 yang sepatutnya mempunyai 15%, beras hancur mempunyai hampir 37% hancur. Maksudnya, pengguna-pengguna rakyat Malaysia *has been shortchange, seriously shortchange. Instead, the poor* dengan izin orang yang miskin dan golongan yang berpendapatan rendah yang sepatutnya memakan beras ST15 hancur memakan beras yang cukup tidak berkualiti.

Yang Berhormat Menteri, saya ada soalan yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Dalam isu ini juga hanya dua hari lalu dalam akhbar *Sinar* dilaporkan bukan sahaja ada ketirisan dan penipuan di mana beg ST15 dilabel sebagai ST5 dan sebagainya. Ada juga masalah kekurangan beras ST15 di kedai-kedai yang dipertanggungjawabkan untuk menjual beras ini.

Di dalam *Sinar Harian*, dinyatakan di *Alor Star* di mana reporter pergi meninjau, buat survey. Di sana banyak kedai-kedai runcit sudah dua bulan tidak ada bekalan ST15. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, *actually* apakah masalah utamanya? Oleh sebab semalam saya mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian menjawab sebahagian besar daripada ST15 ini dibeli oleh warganegara asing. Ini bukan satu masalah yang baru. Ini ialah satu masalah yang cukup lama.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri sendiri dalam bulan Januari ada mengeluarkan kenyataan bahawa disebabkan subsidi ini digunakan oleh restoran-restoran dan warganegara asing, dibeli oleh mereka. Namun, Yang Berhormat Menteri berkata bahawa daripada April ST15 ini akan dijual hanya di kedai-kedai seperti kedai FELDA, Kedai Rakyat 1Malaysia dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Alor Star, cukup masa.

**Tuan Gooi hsiao-Leung [Alor Star]:** Tuan Pengerusi, saya ingin sedikit masa untuk...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ramai lagi yang hendak berucap. Ya, terima kasih.

**Tuan Gooi hsiao-Leung [Alor Star]:** Tuan Pengerusi, izinkan saya lima minit lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak boleh.

**Tuan Gooi hsiao-Leung [Alor Star]:** Ada banyak isu Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Star, terima kasih Yang Berhormat Alor Star. Saya jemput Yang Berhormat Parit Sulong.

#### 9.13 mlm

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Saya sudah tinggi malam ini. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ada tiga perkara yang saya hendak sentuh. Minta maaf ya Yang Berhormat Putatan. Jadinya, yang pertamanya ialah Butiran 0701000 iaitu FAMA. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada FAMA kerana mewujudkan satu jenama yang sangat menarik iaitu ia ada satu jenama yang dipanggil 1Malaysia Best. Jadinya, sudah semestinya usaha ini dapat digunakan untuk menaik tarafkan produk berasaskan pertanian di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Dalam waktu yang sama juga Tuan Pengerusi, saya hendak mengucapkan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah datang dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri juga ada dalam Dewan kerana memberi sokongan kepada pengusaha-pengusaha pasar tani dekat kawasan saya dengan tertubuhnya pasar tani wanita yang pertama di Malaysia di kawasan Parlimen Parit Sulong.

Jadinya, susulan pada itu soalan saya kepada pihak kementerian adalah ini berkaitan dengan 1Malaysia Best iaitu bagaimakah cara pemilihan syarikat-syarikat yang diiktiraf untuk disenaraikan di dalam 1Malaysia Best ini? Oleh sebab dia punya fungsinya lebih kepada membawa mereka ini ataupun menjenamakan produk-produk industri asas tani ini untuk pergi lebih jauh. Bukan sahaja di peringkat tempatan tetapi juga ke peringkat antarabangsa.

Keduanya, berapakah jumlah yang mendapat pengiktirafan daripada 1Malaysia Best ini yang dipilih oleh FAMA ini? Dalam waktu yang sama bolehkah kalau kementerian melalui Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan berapakah dengan izin *value sales* daripada syarikat-syarikat yang telah diiktiraf di bawah 1Malaysia Best ini. Daripada jumlah ini, saya mohon untuk mendapatkan maklumat mengenai berapa ramai kah ada pada syarikat-syarikat ini adalah dari kawasan Parlimen Parit Sulong yang telah mendaftar di dalam 1Malaysia Best.

Seterusnya, soalan saya mengenai di bawah butiran ini adalah apakah bantuan dan juga susulan kepada syarikat-syarikat yang telah berdaftar ini yang telah berjaya masuk, daftar? Selepas itu apa? Apakah jenis bantuan yang diberikan oleh pihak kementerian dalam usaha supaya syarikat ini bukan sahaja menjadi satu syarikat yang pendapatannya *stagnant* atau *revenue* dia *stagnant* dengan izin tetapi kita mahukan syarikat ini jauh dari segi peningkatan

pendapatan dia. Jadinya, apakah usaha-usaha di pihak kementerian dalam usaha untuk membantu mereka?

Seterusnya ke tajuk Butiran 04000 iaitu Pembangunan Mempelbagaikan Pertanian. Saya mencari tajuk di bawah industri asas tani tetapi saya tidak berjumpa tetapi saya rasa ini boleh juga. Jadinya ini mengenai hasil-hasil industri asas tani di bawah kementerian itu sendiri.

Saya tengok banyak pengusaha industri asas tani ini terutamanya di kawasan luar bandar, saya tidak mahu memandang lebih jauh, saya bercakap dengan merujuk kepada pengusaha asas tani di kawasan Parlimen Parit Sulong itu sendiri. Saya menerima banyak rungutan, sungutan daripada mereka dalam usaha untuk mereka mendapatkan sijil halal kepada apa yang mereka buat terutamanya apabila mereka hendak mendapatkan sijil halal dalam usaha mereka untuk memperkembangkan lagi hasil-hasil barang industri asas tani ini.

Jadinya, soalan saya kepada pihak kementerian ini adalah apakah cara dan bagaimanakah pihak kementerian ada cara kah dalam usaha untuk pihak kementerian untuk membantu pengusaha-pengusaha asas tani ini untuk mendapatkan kemudahan persijilan halal ini? Saya bercakap apabila merujuk ke kawasan Parlimen saya. Kebanyakan daripada mereka ialah pengusaha-pengusaha asas tani bumiputera dan saya kira tidak sepatutnya mendapatkan pengiktirafan sijil halal ini menjadi satu kesukaran.

Oleh sebab itulah saya ingin bertanya kepada pihak kementerian dalam waktu yang sama, adakah mungkin kementerian mahu bekerjasama dengan pihak JAKIM secara terus untuk mendapatkan satu proses bagi memudahkan mereka mendapatkan pensijilan halal itu sendiri. Ataupun soalan saya yang seterusnya mengenai kaitan ataupun tajuk yang sama ini, adakah pihak kementerian berusaha untuk meletakkan atau mengambil HDC itu untuk diletakkan terus di bawah kementerian kerana halal ini berkait rapat terutamanya dengan industri-industri pemakanan dan ianya terletak di bawah Kementerian Pertanian itu sendiri.

Seterusnya Tuan Pengerusi, soalan saya seterusnya ialah mengenai Butiran 00203 iaitu Bank Pertanian Malaysia. Saya tidak ada apa-apa masalah mengenai ini tetapi yang ada di cawangan Batu Pahat itu terletak di kawasan Parlimen Batu Pahat. Di Daerah Batu Pahat itu kita mempunyai empat kawasan Parlimen sedangkan satu DUN, keseluruhan DUN di kawasan Parlimen Parit Sulong itu penduduknya adalah terdiri daripada petani-petani dan mereka itu menjalankan aktiviti pertanian dan juga pengusaha-pengusaha industri asas tani.

Sekarang ini untuk makluman Yang Berhormat Menteri, tempat saya tidak mempunyai kemudahan perbankan. Jadinya, soalan saya kepada pihak kementerian adakah boleh cawangan Bank Pertanian ini walaupun ianya mini boleh diletakkan atau pun dicadangkan untuk diletakkan di kawasan DUN Sri Medan di mana keseluruhan penduduknya adalah di dalam lebih kurang 80% lebih adalah di dalam industri pertanian. Terima kasih banyak-banyak Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

**9.19 mlm**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat jawatankuasa di bawah Kepala B.21 Butiran 010400 – Industri Padi dan Beras.

**■2120**

Kalau dibandingkan dengan anggaran perbelanjaan tahun 2014, anggaran perbelanjaan mengurus untuk Kementerian Pertanian dan Industri Tani telah berkurangan sedikit iaitu daripada RM4.36 bilion kepada RM4.28 bilion pada tahun 2015. Manakala perbelanjaan pembangunan pula ditambahkan dari RM1.66 bilion kepada RM1.78 bilion pada tahun 2015. Ini merupakan satu trend yang baik dan perlu dikekalkan. Pertanian merupakan sektor utama pembekal makanan. Saya berpendapat Tahap Sara Diri (SSL) beras negara tidak patut dikekalkan pada 70%.

Kementerian harus mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk meningkatkan SSL lebih daripada 70%. Untuk itu, saya merasakan peruntukan harus ditambah untuk melaksanakan segala usaha dan tindakan yang diambil untuk meningkatkan produktiviti beras negara. Ini juga akan mengurangkan kadar kebergantungan negara kita kepada beras yang diimport. Pada hari ini, 2.16 bilion tan metrik beras dikeluarkan oleh negara kita setiap tahun. Apakah rancangan-rancangan kerajaan untuk meningkatkan produktiviti padi pada jangka pendek dan juga pada jangka panjang?

Tuan Pengerusi, Butiran 060000 – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Saya difahamkan peningkatan suhu sebanyak 1 darjah Celsius melebihi suhu optimum 35 darjah Celsius akan merendahkan penghasilan padi sekitar 9% hingga 10%. Ini pasti akan mengganggu bekalan makanan negara pada masa hadapan. Apakah kajian-kajian dan penyelidikan yang telah dibuat dan akan dibuat oleh MARDI untuk menangani fenomena ini yang bakal mengurangkan output beras negara?

Tuan Pengerusi, Butiran 040700 – Pembangunan Akuakultur. Program pembangunan nelayan adalah penting untuk menjamin masa hadapan industri perikanan negara kita. Jika perkara ini diabaikan oleh kerajaan, maka ramai di kalangan nelayan atau anak-anak mereka akan hilang minat dan akan meninggalkan sektor ini untuk mencari sara hidup yang lebih selesa daripada sektor yang lain. Ini bukan sahaja akan menggugat sektor perikanan negara malah sumber makanan juga akan terus terjejas.

Apakah program-program pembangunan perikanan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia? Kerajaan telah memperuntukkan RM40 juta pada tahun 2015 untuk program mempelbagaikan ekonomi nelayan tradisi melalui aktiviti akuakultur. Saya ingin mengetahui secara terperinci apakah projek-projek yang telah dirancang dan dilaksanakan di bawah program ini. Berapa ramai nelayan yang akan mendapat manfaat daripadanya.

Tuan Pengerusi, Butiran 020200. Ini berkaitan dengan durian. Durian mempunyai pasaran yang luas di negara China. Sejauh manakah usaha-usaha yang telah diambil oleh petani-petani kita dengan sokongan kerajaan untuk memproses durian kepada durian sejuk beku

untuk dieksport ke negara China? Berapakah kuantiti durian yang dieksport ke negara China tiap-tiap tahun? Apakah jangkaan dan potensi eksport durian ke China pada tahun 2015? Saya juga ingin mengetahui langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mempromosi durian ke negara-negara lain, bukan sahaja memberi fokus kepada pasaran China semata-mata. Pada masa ini, berapa peratusan kah daripada durian yang dihasilkan digunakan untuk kegunaan domestik dan yang dieksport ke negara-negara lain.

Sektor pertanian merupakan penyumbang ketiga terbesar ekonomi negara. Walau bagaimanapun, golongan belia tidak menaruh minat yang cukup dalam sektor pertanian kerana pelbagai sebab dan alasan. Baru-baru ini, Kementerian Belia dan Sukan telah melancarkan program NAM untuk membantu golongan belia India bagi menceburi sektor pertanian iaitu dalam penanaman cili. Apakah pula pandangan Kementerian Pertanian dan Industri Tani mengenai prospek program ini bagi jangka pendek dan jangka panjang. Berapakah harga pasaran cili pada ketika ini? Sejauh manakah permintaan luar negara untuk cili itu boleh dianggap sebagai potensi tinggi dan menggalakkan penanaman cili dalam negara kita. Apakah halangan-halangan ataupun rintangan-rintangan yang dihadapi oleh petani-petani yang mengusahakan cili di negara kita?

Saya juga maklum bahawa Kementerian Pertanian telah mengambil usaha untuk membantu belia-belia seperti program Pembangunan Usahawan Muda di bawah Unit Agropreneur Muda. Saya cuma hendak mengetahui bagaimanakah program NAM di bawah Kementerian Belia dan Sukan berbeza dengan program Pembangunan Usahawan Muda yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Tani. Sejauh manakah komitmen dan kerjasama Kementerian Pertanian terhadap program NAM ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada lima minit lagi, boleh habis lima minit?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Boleh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya sekadar...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya tidak panggil lagi, okey Yang Berhormat Jerlun, sila, sila.

## 9.25 mln.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih atas ruang untuk berucap sedikit, berbahas di Kepala B.21 dan P.21 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. 010400 – Industri Padi dan Beras. Sebenarnya sebelum ini di dalam sidang Dewan yang lalu, saya telah pun membahaskan tentang tajuk Perwujudan Semula Lembaga Padi dan Beras Negara kerana kita tahu bahawa industri padi ini memerlukan kawal selia bukan hanya di peringkat hujung proses industri, ia patut bermula daripada pembajakan tanah, benih, kemudian pelaksanaan *Good Agriculture Practices (GAP)* termasuk baja dan juga racun. Kemudian kita bercakap soal *harvesting* ataupun menuai. Kemudian pemprosesan di mana tadi Yang Berhormat Alor Star bercakap soal pemasaran, tentang kualiti beras dan juga tentang logistik.

Berkaitan juga dengan tanah jerlus di mana kementerian telah pun memberikan bantuan di Kedah. Namun, saya kira ketika ini rata-ratanya daripada segi rantai industri ini sendiri, tidak ada sebuah badan kawal selia yang menyeluruh yang dapat membantu kementerian untuk memastikan industri padi dan beras ini terus maju ke hadapan. Jadi, sekadar untuk bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah status ataupun perancangan kerajaan tentang perwujudan lembaga ataupun badan kawal selia industri padi ini.

Kedua, berkaitan dengan Butiran 010500 – Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) yang mendapat peruntukan RM54 juta. Kita tahu hala tuju ketika ini banyak agensi di bawah kementerian menganjurkan pelbagai latihan kepada penuntut-penuntut yang kebanyakannya mungkin kita katakan *dropouts* yang tidak mampu untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti, kolej dan sebagainya tetapi mereka ini diberikan peluang untuk belajar di Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan ini dan diberikan sijil latihan kemahiran dan ada kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia. Akan tetapi untuk jangka panjang, apakah hala tuju kementerian berkaitan dengan kolej pertanian di Sintok, Kedah yang dahulu kita mendengar laporan dan juga pengumuman tentang perwujudan universiti Agropolitan ataupun Agopolitan *university*. Jadi, adakah kementerian melihat bahawa NATC ini boleh dinaiktarafkan sehingga ke peringkat universiti.

Seterusnya yang ketiga Butiran 030000 – Perkhidmatan Veterinar. Hanya sekadar soalan terus, Skim Transformasi Usahawan Ternakan (TRUST) di mana kerajaan telah pun membelanjakan lebih RM176 juta dari tahun 2002 sehingga tahun 2013. Jadi sejauh manakah kementerian melihat perkhidmatan veterinar ataupun hal-hal berkaitan dengan ruminan ternakan ini dapat menjamin bekalan daging dan sebagainya untuk negara pada masa hadapan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.**

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Akhir sekali ini, FAMA tidak payah sebutlah. Agro Bazar kita dah buat, kita hendak buat seterusnya di Singapura, China dan semualah. Cuma seperti Yang Berhormat Parit Sulong sebutkan tadi, saya juga turut menyokong sekiranya kerajaan mengkaji semula peranan *Halal Industry Development Corporation* (HDC) Yang sepatutnya diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana rata-rata produk-produk pertanian, tidak kira barang tanaman dan juga ternakan sepatutnya melalui proses halal *development* ini dan diletakkan di bawah satu bumbung di mana kita sebagai *producer*, pengeluar, sudah tentulah kita juga patut dan mampu mengeluarkan sijil halal dan sebagainya. Jadi kita minta supaya Kerajaan Pusat keseluruhannya dapat mengkaji supaya HDC ini dapat diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk memberi keberkesanan secara jangka panjang dan secara langsung untuk produk-produk halal dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**9.30 mln.**

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 040100, Butiran 040300 dan Butiran 100000. Memandangkan harga minyak...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu, kita sambung esok ya.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Okey.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih.

**[Majlis mesyuarat bersidang semula]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 20 November 2014.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam]**